

## BAB SATU

### KAJIANINI

#### Latar Belakang

Penglibatan ibu bapa yang semakin berkurangan dalam aktiviti dan program sekolah memberikan kesan terhadap pencapaian murid(Jowett & Baginsky, 1991; West, Noden, Edge, & David, 1997). Kekangan yang dihadapi oleh ibu bapa untuk melibatkan diri menyebabkan masalah murid meruncing dan berkembangnya gejala-gejala yang tidak sihat seperti masalah disiplin, ponteng, delinkuen dan sebagainya.Justeru, kecemerlangan murid tidak dapat dicapai seandainya penglibatan ibu bapa murid dalam program dan aktiviti sekolah tidak dapat ditingkatkan(Henderson & Mapp, 2000).

Penglibatan ibu bapa bukan hanya di sekolah malahan ibu bapa perlu melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak di rumah(Shaverand & Walls,1998; Epstein, Sanders, Simon, Salinas, Janson, & Van Voorhis, 2002; Jordan, Snow & Porche, 2000), Anak-anak tidak memberikan tumpuan terhadap apa yang dipelajari jika ibu bapa kurang terlibat dalam pendidikan anak-anak di rumah(Shaverand & Walls, 1998) dan ini menyebabkan pencapaian akademik murid kurang cermelang(Lawson, 2003; Hoover-Dempsey & Sandler, 1995). Anak-anak perlukan penglibatan ibu bapa bagi meningkatkan motivasi diri dan kesungguhan untuk memenuhi harapan mereka. Kajian lalu yang menitikberatkan tentang faktor latar belakang keluarga, etnik, sosio-ekonomi keluarga(Hill, & Craft, 2003; Jeynes, 2005; Smith, 2002; Hill & Tyson, 2009; Bornstein, Hahs, Suwalsky & Haynes, 2003; Hill & Tylor, 2004) juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif antara penglibatan ibu bapa dengan pencapaian

akademik murid(Jeynes, 2002; Griffith, 1996). Perkaitan ini didapati konsisten tidak mengira demografi sampel (contohnya; umur, etnik, jantina, atau status sosio-ekonomi (SES) atau ukuran pencapaian (contohnya; ujian pencapaian, purata mata gred, gred). Penglibatan ibu bapa adalah peramalan yang mustahak kepada pencapaian kanak-kanak di sekolah.

Walau bagaimanapun menurut Lareau (2000) kekangan masa menyebabkan ibu bapa kurang peka terhadap peranan mereka terhadap pendidikan anak-anak dan membiarkan mereka belajar tanpa seliaan. Sebilangan ibu bapa meletakkan harapan yang tinggi terhadap anak-anak dan mengharapkan cita-cita mereka tercapai(Chavkin & Williams, 1993; Clark, 1994; Eccles & Harold, 1993; Hoover-Dempsey & Sandler, 1995; Lareau, 2000) tanpa mereka melibatkan diri secara langsung dengan pendidikan anak mereka.

Keterlibatan ibu bapa di rumah mahupun di sekolah, secara berterusan didapati berkait rapat dengan pencapaian akademik anak-anak(Christenson, Rounds, & Gorney, 1992; Fehrman, Keith, & Reimers, 1987; Izzo, Weissberg, Kasprow, & Fendrich, 1999; Keith, & Lichtman, 1994; Keith, Keith, Troutman, Bickley, Trivette, & Singh, 1993; Miedel & Reynolds, 1999; Shaverand & Walls, 1998; Stevenson & Baker, 1987). Dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa kebanyakan berlaku di tahap awal persekolahan anak-anak. Ibu bapa lebih cenderung memberi perhatian pada tahap awal persekolahan kerana anak-anak belum mampu berdikari(Jeynes, 2005; Fletcher & Silberbeg, 2006; Englund, Luckner, Whaley, & Egeland, 2004). Penglibatan ibu bapa berkurangan apabila anak-anak mereka memasuki sekolah menengah. Ibu bapa beranggapan bahawa anak-anak mereka mampu menguruskan pelajaran sendirian dan hanya perlukan perhatian yang paling minimum daripada ibu bapa(Van Voorhis, 2003; Unger, Leod, & Tressell, 2000)

Tumpuan kajian terdahulu juga lebih berfokus kepada penglibatan ibu bapa di sekolah padahal, penglibatan ibu bapa sepatutnya berterusan di rumah(Bhanot & Jovahonic, 2005; Cooper, Robinson, & Patall, 2006; Garg, Kauppi, Lewko, & Urajnik, 2002; DePlanty, Coulter-Kern, & Duchane, 2007; Van Voorhis, 2003). Dapatkan kajian menjelaskan bahawa terdapat perkaitan yang positif antara penglibatan ibu bapa di rumah dengan pencapaian akademik murid(Deslandes & Bertrand, 2005; Garg et al., 2002; Goldscheider, Thornton & Yang, 2001). Namun, tumpuan kajian tentang penglibatan ibu bapa masih lagi tertumpu kepada murid di tahap awal persekolahan(Arnold, Zeljo & Doctoroff, 2008)

Konsep penglibatan ibu bapa dalam kajian-kajian tentang penglibatan ibu bapa sering menekankan perkara seperti komunikasi antara ibu bapa-guru(Deslanders, Royer, Turcotte, & Bertrand, 1997); komunikasi ibu bapa-anak berkaitan isu di sekolah(Keith & Lichtman, 1994); jumlah jam penglibatan sukarela ibu bapa di sekolah, penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sekolah seperti konferen(Izzo et al., 1999; Meidel & Reynolds, 1999; Baker & Stevenson, 1986), kehadiran di perjumpaan ibu bapa yang direncanakan oleh sekolah(Shaverand & Walls, 1998); penglibatan ibu bapa dengan anak-anak dalam aktiviti berkaitan sekolah yang dilaksanakan di rumah, seperti membantu membuat kerja sekolah(Shumow & Miller, 2001; Singh et al., 1989; Sui-Chu & Willms, 1996); dan pengharapan ibu bapa terhadap pencapaian pendidikan anak-anak mereka.

### Pernyataan Masalah

Semua ibu bapa inginkan anak-anak mereka berjaya dalam pelajaran. Walau bagaimanapun, kebanyakan mereka tidak tahu bagaimana caranya membantu anak-anak mereka meningkatkan prestasi dalam pelajaran(Epstein, 2008; Christenson, 2004; Christenson & Sheridan, 2001).

Tidak banyak diketahui tentang mengapa ibu bapa kurang melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak mereka ketika di sekolah menengah(James, 2008; Christenson, 2004; Christenson & Sheridan, 2001) berbanding dengan penglibatan di tahap awal persekolahan(prasekolah) dan sekolah rendah(Arnold, Zeljo & Doctoroff, 2008). Namun, kajian lalu jelas menunjukkan ibu bapa lebih banyak melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah rendah dan penglibatan mereka semakin berkurangan ketika di sekolah menengah.

Pelbagai alasan telah diberikan oleh ibu bapa untuk kurang terlibat dalam pelajaran anak-anak di sekolah menengah. Antaranya ialah kerana kurikulum dan silibus semakin mencabar, anak-anak di sekolah menengah mampu berdikari dan ibu bapa ingin memberi tumpuan lebih kepada anak-anak yang masih kecil(Coleman, 1988). Namun, alasan yang diberikan oleh ibu bapa masih dipertikaikan. Ini berikutan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak tidak semestinya penyertaan secara langsung. Ianya boleh juga berlaku secara tidak langsung dan penglibatan itu sendiri tidak hanya terhad di sekolah sahaja sebaliknya boleh juga berlaku di rumah(Deslandes & Bertrand, 2005; Garg et al., 2002; Goldscheider, Thornton & Yang, 2001).

Menurut Muller(1993) persepsi dan ekspektasi ibu bapa yang keterlaluan untuk melihat anak-anak berjaya memberi kesan berbeza-beza kepada pencapaian anak-anak. Anak-anak cenderung membuat penyesuaian ke atas harapan mereka ke arah yang lebih baik khasnya dalam pelajaran apabila mereka menyedari ibu bapa mereka

sedia terlibat dalam persekolahan mereka. Ibu bapa seharusnya lebih bersikap realistik dalam meletakkan harapan supaya ekspektasi ibu bapa dan anak seiring dan dapat membantu anak-anak mencapai impian mereka juga. Menurut Beckert, Strom & Strom (2007), Kalil, Ziol-Guest & Coley,(2005) anak-anak juga mempunyai ekspektasi tersendiri berkaitan dengan penglibatan ibu bapa mereka ketika di sekolah menengah. Dalam usia meniti remaja, anak-anak sebenarnya memerlukan sokongan daripada keluarga dan keterlibatan ibu bapa dalam pendidikan memberikan kesan kepada perkembangan diri anak-anak. Justeru, ibu bapa seharusnya lebih peka terhadap keperluan anak-anak pada tahap remaja dan penglibatan ibu bapa pada tahap ini amat diperlukan oleh anak-anak

Persepsi anak-anak terhadap ibu bapa juga penting memandangkan anak-anak mempunyai pandangan yang berbeza. Kajian-kajian lalu (Shek, 2000; Kalil, et al., 2005; Seefeldt, Denton, Galper, & Younoszai, 1998; Beckert, Strom, & Strom, 2007; Drevets, Benton, & Bradley, 1996; Neiderhiser, Pike, Hetherington, & Reiss, 1998) berkaitan persepsi murid menjelaskan bahawa murid-murid mempunyai tanggapan mereka sendiri terhadap apa yang mereka terima dan lihat sama ada di sekolah mahupun di rumah. Namun, kajian lalu berkaitan penglibatan hanya cuba melihat persepsi dari sudut pandangan guru dan ibu bapa sedangkan persepsi dan pandangan daripada anak-anak tidak diambil kira. Justeru, kajian dilakukan perlu mengambil kira persepsi anak-anak bagi melihat penilaian anak-anak terhadap penglibatan ibu bapa mereka dalam pendidikan ketika di sekolah menengah.

Apa yang jelas, penglibatan ibu bapa memberi kesan positif terhadap pencapaian murid (James, 2003; Hoover-Dempsey & Sandler, 1997; Hoover-Dempsey Walker, Sandler, Whetsel, Green, & Wilkins, 2007; Lee, 1999; Desimone, 1999; Fan & Chen, 2001; Fan, 2001) malahan terdapat kajian yang menunjukkan penglibatan ibu bapa mampu membendung masalah disiplin murid. Persoalannya, kenapa ibu bapa

masih kurang melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah sekiranya mereka tahu akan kebaikan penglibatan? (Shumow, & Miller, 2001; Smith, 2002; Englund, et al., 2004; Lee & Bowen, 2006; DePlanty, et al., 2007).

Di Malaysia, keadaan yang serupa berlaku. Ibu bapa didapati kurang melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak mereka ketika di sekolah menengah (Mohd Fami, Mohamed Sharif & Roslee, 2008; Mazana Ismail, 2001; Azizi Yahya, Nordin Yahya & Mohd Sofie Bahari ,2004). Alasan kepada kurangnya penglibatan ibu bapa ini mesti dikenal pasti dan bagaimanakah caranya bagi mempertingkatkan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah.

Permasalahan ini dapat dilihat daripada kajian-kajian lalu yang tidak memberikan tumpuan terhadap penglibatan ibu bapa di tahap sekolah menengah. Ketiadaan dan kurangnya kajian-kajian berkaitan dengan penglibatan ini memberikan ruang kepada pengkaji untuk menyelidik akan perkara ini. Pemilihan isu berkaitan penglibatan ibu bapa di sekolah menengah ini adalah kerana anak-anak ketika itu berada di tahap remaja. Pada peringkat ini, remaja masih perlukan sokongan ibu bapa walaupun ibu bapa beranggapan anak-anak sudah mampu mengurus diri.

Kajian lalu juga lebih tertumpu kepada demografik keluarga dan hubungannya dengan penglibatan ibu bapa(deCarvalho, 2001; Fan & Chen, 2001; Smith, 2002, Barnard, 2006). Kurang tumpuan diberikan kepada konteks keluarga yang meliputi interaksi dan komunikasi, kesenggangan, amalan keibubapaan, keterbukaan dan penerimaan dalam keluarga itu sendiri. Faktor-faktor ini amat penting dan kelompongan terhadap kajian lalu menyebabkan permasalahan ini diberikan tumpuan. Ini berikutnya penerapan nilai dalam konteks keluarga dilihat boleh menjadi peramalan kepada penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah. Selain itu, kebanyakan kajian-kajian lepas lebih menumpukan penglibatan ibu bapa dari sudut pandangan ibu bapa dan guru. Kajian lalu tidak cuba melihat penglibatan ibu bapa dari

sudut pandangan anak-anak sebagai penilai kepada penglibatan ibu bapa mereka sendiri. Kajian ini akan memberikan tumpuan kepada penilaian anak-anak terhadap penglibatan ibu bapa mereka ketika di sekolah menengah. Adakah anak-anak memerlukan ibu bapa mereka melibatkan diri dan sejauh mana mereka bersetuju ibu bapa mereka terlibat sama dalam pelajaran mereka. Anak-anak menjadi tumpuan untuk mendapatkan data dan data itu nanti akan ditrangulasikan dengan dapatan sebelum ini yang membabitkan ibu bapa dan guru yang menjadi penilai akan penglibatan ibu bapa sama ada di rumah mahupun di sekolah. Kelompangan yang ketara dalam dapatan dan kajian lalu juga membolehkan pengkaji cuba menjadikan kajian ini sebagai kesinambungan kepada dapatan kajian lepas.

### **Tujuan Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan mengkaji penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah. Fokus kajian tertumpu kepada sejauh mana pentingnya penglibatan ibu bapa ketika di sekolah menengah dan hubungannya dengan pencapaian akademik murid. Kajian ini juga cuba menyingkap sama ada penglibatan ibu bapa menjadi mediator kepada pencapaian akademik atau pun konteks keluarga lebih penting dalam memberi sumbangan kepada kejayaan anak-anak dalam pelajaran. Kepentingan penglibatan juga dilihat daripada sejauh mana penglibatan ibu bapa sama ada di rumah mahupun di sekolah mempunyai hubungan yang positif dengan komponen konteks keluarga. Selain daripada itu, ekspektasi dan persepsi murid terhadap penglibatan ibu bapa mereka juga dikaji bagi melihat sejauh mana keperluan penglibatan dan persepsi murid terhadap penglibatan ibu bapa mereka dalam pendidikan ketika di sekolah menengah.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk;

1. Menentukan sama ada wujud perhubungan di antara komponen-komponen dalam konteks keluarga dengan penglibatan ibu bapa ketika di sekolah menengah.
2. Menentukan sama ada terdapat perhubungan di antara demografik keluarga dengan penglibatan ibu bapa ketika di sekolah menengah.
3. Mengenalpasti sejauh mana komponen-komponen dalam konteks keluarga menjadi peramal kepada penglibatan ibu bapa.
4. Mengenal pasti sejauh mana penglibatan ibu bapa di rumah mahupun di sekolah mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik murid.
5. Mengenalpasti ekspektasi murid terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan ketika di sekolah menengah.
6. Mengenalpasti persepsi murid terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan ketika di sekolah menengah.
7. Menentukan kepentingan penglibatan ibu bapa sebagai mediator terhadap pencapaian akademik dengan konteks keluarga.

### **Soalan Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi menjawab soalan-soalan berikut;

1. Sejauh manakah terdapat perhubungan di antara penglibatan ibu bapa, penglibatan ibu bapa di rumah, dan penglibatan ibu bapa di sekolah dengan komponen-komponen konteks keluarga;
  - a) Interaksi & komunikasi
  - b) Amalan keibubapaan
  - c) Kesenggangan
  - d) Keterbukaan
  - e) Penerimaandalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah.
2. Terdapatkah perhubungan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak berdasarkan;
  - a) Jantina
  - b) Bangsa
  - c) Bilangan adik beradik
  - d) Status penjagaan
  - e) Lokasi tempat tinggal
  - f) Tahap pendidikan ibu
  - g) Tahap pendidikan bapa
  - h) Pekerjaan ibu
  - i) Pekerjaan bapa
3. Sejauh manakah komponen-komponen dalam konteks keluarga meramalkan;
  - a) Penglibatan ibu bapa
  - b) Penglibatan ibu bapa di rumah
  - c) Penglibatan ibu bapa di sekolah

4. Sejauh manakah terdapat perhubungan di antara pencapaian akademik murid dengan komponen-komponen?
  - a) Penglibatan ibu bapa di rumah
    - i) Tugasan
    - ii) Kemudahan pembelajaran
    - iii) Pemantauan
  - b) Penglibatan ibu bapa di sekolah
    - i) Perjumpaan ibu bapa-sekolah
    - ii) Hari Terbuka & Hari Kecemerlangan
    - iii) Aktiviti & Program sekolah
5. Apakah ekspektasi murid sekolah menengah terhadap penglibatan ibu bapa?
  - a) Apakah hubungan antara pencapaian akademik anak-anak dengan ekspektasi anak-anak terhadap penglibatan ibu bapa?
  - b) Apakah terdapat hubungan antara jantina dengan ekspektasi anak-anak terhadap penglibatan ibu bapa?
6. Apakah persepsi murid sekolah menengah terhadap penglibatan ibu bapa?
  - a) Ibu bapa perlu mengambil tahu dan menyemak tugasan sekolah
  - b) Ibu bapa perlu menyediakan kemudahan pembelajaran untuk anak-anak.
  - c) Ibu bapa perlu memantau pergerakan dan aktiviti harian anak-anak.
  - d) Ibu bapa perlu menghadiri perjumpaan dengan pihak sekolah.
  - e) Ibu bapa hadir pada Hari Terbuka & Hari Kecemerlangan.
  - f) Ibu bapa turut menyertai aktiviti dan program sekolah.
7. Sejauh manakah penglibatan ibu bapa dan konteks keluarga saling berhubungan dengan pencapaian akademik murid?

### **Limitasi Kajian**

Kajian yang dijalankan ini berupa kajian tinjauan dan menggunakan soal selidik sepenuhnya. Sampel kajian terdiri daripada murid-murid sekolah menengah. Beberapa batasan kajian dikenal pasti dalam kajian ini. Pertamanya, kajian tinjauan memerlukan bilangan sampel yang ramai. Justeru itu, pengkaji berhadapan dengan peningkatan kos cetakan soal selidik dalam mendapatkan data. Kos berulang seperti pengangkutan dan cetakan semula soal selidik menyebabkan pengkaji berhadapan dengan masalah kewangan. Jumlah sampel yang ditentukan pada awalnya juga terpaksa ditambah memandangkan kemungkinan data rosak akan berlaku. Lantas, pengkaji terlebih dahulu mengambil kira kekangan ini bertujuan bagi mengelakkan daripada berlakunya ulang tadbir pungutan data.

Keduanya, kekangan masa dan birokrasi ketika kajian dijalankan. Beberapa prosedur kajian terlebih dahulu dipenuhi sebelum kebenaran menjalankan kajian diperolehi. Birokrasi menyebabkan perancangan masa pengkaji sentiasa berubah-ubah memandangkan pengkaji bergantung sepenuhnya kepada data yang melibatkan murid-murid sekolah. Persetujuan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia terlebih dahulu diperolehi dan seterusnya kebenaran diperturunkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri. Kekangan masa berlaku apabila pengkaji terpaksa menunggu surat kebenaran dari satu jabatan ke satu jabatan yang mengambil masa yang agak panjang. Pengkaji juga berhadapan dengan karenah pentadbir sekolah yang menetapkan masa-masa tertentu sahaja bagi tujuan pemungutan data di sekolah mereka dan kadangkala menyebabkan jadual pemungutan data terpaksa diubah mengikut jadual perjalanan waktu persekolahan.

Ketiga, pengkaji juga berhadapan dengan kekangan masa dalam mendapatkan data kerana fokus sampel kajian adalah murid-murid tingkatan empat di dalam negeri Selangor. Kekangan berlaku memandangkan semua pelajar tingkatan empat belajar di

sesi pagi. Penyelidik hanya dibenarkan hadir ke sekolah dalam masa yang ditetapkan oleh pentadbir. Memandangkan jadual pemungutan data telah ditetapkan, pengkaji seringkali berhadapan dengan kesukaran untuk menepati jadual memandangkan masalah kedudukan tempat tinggal pengkaji yang agak jauh di samping kesesakan lalu lintas yang terpaksa diharungi setiap hari. Justeru, pengkaji sekali lagi perlu berurusan dengan pihak pentadbir sekolah bagi mendapatkan jadual baru supaya data dapat dipungut semula. Kekangan masa ini menyebabkan pengkaji berhadapan dengan jadual pungutan data yang tidak menentu dan dalam masa yang sama menyebabkan pemanjangan masa dan penjadualan semula tarikh pungutan data.

Kepelbagaiankekangan yang terpaksa dihadapi oleh pengkaji sedikit pun tidak melemahkan dan memberi kesan kepada kajian ini. Pengkaji secara berhemah mengatasinya dan berusaha untuk mengurangkan *bias* dapatan. Kekangan yang dialami diharapkan tidak menjaskan dapatan dan seterusnya dapat digunakan oleh pengkaji lain bagi menjalankan kajian lanjutan.

### **Delimitasi Kajian**

Fokus kajian ini kepada penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah. Penglibatan yang diberikan tumpuan adalah penglibatan di rumah dan di sekolah sama ada berbentuk akademik maupun bukan akademik. Selain daripada itu tumpuan juga diberikan kepada faktor-faktor yang menyebabkan penglibatan ibu bapa dan hubungannya kepada pencapaian akademik murid.

Responden dipilih dalam kalangan murid tingkatan empat sahaja kerana mereka telah matang untuk berfikir dan mampu menjawab soal selidik dengan baik. Tambahan pula, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia menetapkan bahawa kajian hanya boleh ditadbir kepada murid-murid yang tidak terlibat dalam peperiksaan awam.

Dalam kajian ini penglibatan ibu bapa dalam pelajaran anak-anak dilihat daripada perspektif murid sekolah menengah. Soal selidik hanya diedarkan kepada murid-murid sekolah menengah dan kajian ini langsung tidak melibatkan ibu bapa dalam memberikan respon kepada soal selidik.

Bilangan sampel yang dipilih juga hanya terdiri daripada 24 buah daripada 233 buah sekolah menengah yang terdapat di negeri Selangor. Jumlah ini hanya mewakili 10.3% sahaja daripada populasi sekolah yang ada dalam negeri Selangor. Justeru, sekolah yang terpilih secara persampelan rawak sahaja yang akan dijadikan sampel. Daripada jumlah sekolah yang terpilih, hanya murid tingkatan empat sahaja yang akan menjadi responden. Kajian ini dijalankan menggunakan soal selidik sepenuhnya dan instrumen dibina bagi mengukur aspek-aspek yang dinyatakan dalam tujuan kajian dan kerangka konsep kajian. Pencapaian akademik yang digunakan dalam kajian ini adalah keputusan Penilaian Menengah Rendah(PMR).

### **Definisi Operasional**

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah yang diguna pakai bagi menerangkan maksud yang sesuai kepada kajian ini. Berikut dijelaskan definisi istilah dan konsep penting yang diguna pakai dalam kajian ini.

### **Penglibatan Ibu bapa**

Penglibatan ibu bapa dalam pelajaran anak-anak merujuk kepada peranan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah maupun di rumah. Penglibatan mengambil kira sama ada hadir ke sekolah, berkomunikasi dengan guru-guru atau membantu

tugasan sekolah anak-anak di rumah(Christenson, et al., 1992; Epstein, 2001). Terminologi penglibatan ibu bapa(bu, bapa atau penjaga) akan digunakan secara meluas dalam kajian ini. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan di sekolah ini diambil kira dalam pelbagai bentuk penyertaan. Ibu bapa boleh memberi sokongan terhadap persekolahan anak-anak dengan menghadirkan diri dalam majlis dan program di sekolah. Ibu bapa boleh melibatkan diri dengan membantu anak-anak mereka dalam memperbaiki tugasan sekolah termasuklah menyusun jadual dan menyediakan tempat belajar yang sesuai, menunjukkan sikap keperihatinan, memantau kerja rumah dan membimbing anak-anak dalam pelajaran di rumah. Penglibatan ibu bapa dalam kajian ini hanya mengambil kira pandangan daripada anak-anak sahaja. Penglibatan ibu bapa ini juga akan dilihat dalam kedua-dua komponen iaitu penglibatan di rumah mahupun di sekolah.

### **Demografik Keluarga**

Demografik keluarga merujuk kepada latar belakang kepada seseorang murid. Ianya melibatkan maklumat asas keluarga. Menurut Jupp(2006) demografik biasanya meliputi ekonomi, sosial, budaya dan dimensi psikologi. Demografik kontemporari kebanyakannya digunakan bagi melihat perkaitan antara keluarga dengan individu yang dikaji. Demografik keluarga dalam kajian ini ditumpukan kepada asas yang diperlukan bagi mewujudkan penglibatan terhadap pendidikan anak-anak seperti jantina, bangsa, tahap pendidikan, pekerjaan, status keluarga, lokasi tempat tinggal dan bilangan tanggungan dalam sesebuah keluarga.

## **Konteks Keluarga**

Konteks keluarga merujuk kepada situasi atau keadaan sesebuah keluarga. Ianya boleh meliputi emosi, komunikasi, amalan keibubapaan, dan sebagainya. Menurut Bronstein et al.,(2003), amalan keibubapaan yang positif mampu meningkatkan pencapaian akademik pelajar dan sekaligus dapat mengurangkan masalah psikologi dan delinkuen. Kajian lalu juga turut membuktikan bahawa kanak-kanak yang datang dari persekitaran keluarga yang harmoni lebih mudah mengadaptasikan persekitaran, mempunyai nilai budaya sosial yang tinggi dan menekankan nilai keagamaan(Wood, Chapin & Hannah, 1988). Namun, kajian ini mendefinisikan konteks keluarga sebagai situasi dan keadaan dalam keluarga yang menjadi penyumbang kepada penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah. Konteks keluarga dalam kajian ini menjurus kepada amalan keibubapaan, interaksi dan komunikasi, kesenggangan, keterbukaan dan penerimaan yang berlaku dalam keluarga dan seterusnya membolehkan ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak. Berikut dijelaskan beberapa terminologi yang akan selalu ditemui dalam kajian ini iaitu;

### ***Interaksi dan komunikasi***

Merujuk kepada interaksi dan komunikasi dalam keluarga terutama antara anak-anak dengan ibu bapa yang melibatkan perihal pendidikan. Interaksi dan komunikasi ini boleh berlaku serentak sama ada sehala atau dua hala yang membabitkan pendidikan anak-anak dan penglibatan ibu bapa.

### ***Amalan Keibubapaan***

Merujuk kepada tingkah laku dan amalan yang sering dilakukan oleh ibu bapa kepada anak dan ianya boleh dijadikan ikutan. Amalan ini berterusan dalam keluarga dan dapat dijadikan teladan kepada pendidikan anak-anak.

### ***Kesenggangan***

Merujuk kepada masa lapang yang ada dalam keluarga dan masa yang diperuntukkan oleh ibu bapa untuk bersama anak-anak dan keluarga. Ianya juga merujuk kepada bagaimana ibu bapa meluangkan masa bersama anak-anak terutama dalam menitikberatkan pendidikan anak-anak.

### ***Keterbukaan***

Sikap ibu bapa dalam menerima dan memberi maklum balas terhadap pendidikan anak-anak. Kesediaan ibu bapa memberi ruang kepada anak-anak untuk berkongsi idea dan pendapat serta saling menerima pandangan.

### ***Penerimaan***

Kesediaan ibu bapa untuk menerima keadaan anak-anak terutama dalam hal yang melibatkan pencapaian akademik. Penerimaan juga melibatkan kesediaan ibu bapa untuk melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak tidak mengira tahap kejayaan anak-anak. Selain itu, penerimaan juga merujuk kepada penerimaan ibu bapa akan keupayaan anak-anak dan kesediaan membantu mempertingkatkan pencapaian anak-anak.

### **Pencapaian Akademik**

Akademik adalah merujuk kepada pendidikan formal. Perkataan pencapaian pula bermaksud tingkat kecekapan yang dicapai dalam bidang akademik. Kerlinger(1973) pula menyatakan pencapaian akademik merujuk kepada skor atau gred-gred yang diperolehi atau dicapai oleh murid dalam suatu ujian atau peperiksaan umum. Dalam kajian ini, pencapaian akademik yang dimaksudkan oleh pengkaji adalah keupayaan dan kemampuan murid untuk mendapatkan gred-gred yang baik bagi setiap mata pelajaran yang diuji Secara operasinya penentuan pencapaian akademik dalam kajian ini bermaksud pencapaian murid dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang telah diduduki oleh mereka.

### **Persepsi**

Atkinson, Atkinson, & Hilgard(1983) mendefinisikan persepsi sebagai proses menyusun dan mentafsir pola-pola rangsangan daripada persekitaran. Persepsi adalah proses mentafsir maklumat yang disedari melalui organ-organ penerima untuk menghasilkan dan membentuk imej tentang persekitaran(Roediger, Rushton, Capaldi, & Paris,1984). Persepsi bersifat subjektif. Seseorang mentafsir apa yang dialami dengan berdasarkan kepada keperluan(Ruch, 1984). Persepsi mengalami proses unik. Sukar untuk mengetahui bagaimana proses itu berlangsung(Mitchell, 1978). Kesimpulannya persepsi adalah suatu proses di mana seseorang mentafsir, menduga dan meramalkan sesuatu rangsangan atau peristiwa yang disedari. Persepsi dapat dikenal pasti dan diukur melalui respons seseorang terhadap rangsangan berkenaan baik secara langsung mahupun tidak langsung. Secara operasi, persepsi dalam kajian ini adalah persepsi pelajar terhadap penglibatan ibu bapa ketika di sekolah menengah. Melalui

soal selidik yang ditadbir, murid-murid akan memberikan persepsi terhadap penglibatan ibu bapa mereka.

### **Ekspektasi**

Ekspektasi bermaksud mengharapkan sesuatu yang dijangkakan pada masa hadapan akan berlaku dan muncul. Ekspektasi dalam kajian ini merujuk kepada harapan yang anak-anak inginkan berkaitan dengan penglibatan ibu bapa mereka(Cooper dan Good, 1983). Ekspektasi dalam kajian ini juga merujuk ekspektasi anak-anak tahap menengah terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan mereka. Adakah anak-anak tahap menengah mengharapkan ibu bapa mereka melibatkan diri dalam pendidikan mereka.

### **Kesimpulan**

Secara ringkas Bab 1 telah membincangkan tentang latar belakang permasalahan berkaitan dengan tajuk kajian iaitu “Hubungan Penglibatan Ibu-bapa dan konteks keluarga dengan pencapaian akademik murid. Bab ini juga turut membincangkan objektif kajian dan soalan kajian yang ingin dijawab selain membincangkan skop atau delimitasi kajian yang menjelaskan bahawa kajian ini melihat hubungan penglibatan ibu-bapa dan konteks keluarga mengikut perspektif murid sekolah menengah tanpa melibatkan ibu-bapa sebagai responden. Penggunaan istilah dan konsep-konsep yang digunakan dalam kajian ini juga diperjelaskan secara terperinci dalam definisi operational supaya maksud perkara yang dikaji mudah difahami. Bab 2 akan membincangkan tinjauan yang dijalankan berdasarkan kajian lepas

## BAB DUA

### SOROTAN KAJIAN

#### Pendahuluan

Dalam bab kedua ini dibincangkan tentang sorotan kajian lalu yang telah digunakan bagi mendasari kajian ini. Melalui sorotan kajian lalu, pengkaji telah cuba melahirkan satu idea dan kajian terkini berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah digunakan untuk menguatkan lagi kajian ini. Sorotan kajian lalu digunakan bagi menjelaskan dan menjawab soalan-soalan kajian yang telah dibuat iaitu, a) Sejauh manakah terdapat perhubungan di antara penglibatan ibu bapa, penglibatan ibu bapa di rumah, dan penglibatan ibu bapa di sekolah dengan komponen-komponen konteks keluarga dalam pendidikan ketika anak-anak berada di sekolah menengah?; b) Terdapatkah hubungan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak berdasarkan; jantina, bangsa, bilangan adik beradik, status penjagaan, lokasi tempat tinggal, tahap pendidikan ibu, tahap pendidikan bapa, pekerjaan ibu, pekerjaan bapa, dalam pendidikan ketika anak-anak berada di sekolah menengah?; c) Sejauh manakah komponen-komponen dalam konteks keluarga meramalkan penglibatan ibu bapa, penglibatan ibu bapa di rumah mahupun penglibatan ibu bapa di sekolah; d) Sejauh manakah terdapat perhubungan di antara pencapaian akademik murid dengan komponen-komponen penglibatan ibu bapa di rumah dan di sekolah dalam pendidikan ketika anak-anak berada di sekolah menengah?; e) Apakah ekspektasi murid terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan ketika di sekolah menengah? Terdapatkah hubungan antara pencapaian

akademik dengan ekspektasi murid terhadap penglibatan ibu bapa?; f) Apakah persepsi murid terhadap penglibatan ibu bapa ketika di sekolah menengah?; g) Sejauh manakah pencapaian akademik murid dengan konteks keluarga saling berhubungan dengan penglibatan ibu bapa?

### **Kerangka Konsep Penglibatan Ibu Bapa**

Kerangka konsep penglibatan ibu bapa telah dibentuk berdasarkan kepada pemahaman penyelidik terhadap sorotan kajian lepas yang telah dibuat. Pembinaan kerangka konsep bertujuan bagi memudahkan pengkaji membuat kajian dan dengan berpandukan kepada kerangka konsep yang dibina, pengkaji dapat mengkaji apa yang sepatutnya dikaji berdasarkan apa yang dirancang dan bertepatan dengan objektif dan soalan kajian yang telah diutarakan. Dengan adanya kerangka konsep juga, pengkaji akan sentiasa berada dilandasan yang dirancang berpandukan garis panduan yang telah dibuat agar kajian tidak tersasar daripada matlamat asal.

Menurut Punch(2000), kerangka konsep adalah status konsep mengenai sesuatu perkara yang ingin dikaji dan perhubungan di antara perkara-perkara yang dikaji. Kerangka konsep yang jelas akan memudahkan penjelasan mengenai apa yang sedang dikaji dan seterusnya menjawab persoalan kajian yang telah dibuat. Melalui kerangka konsep, dapat dijelaskan bahawa kajian yang ingin dikaji berkaitan dengan satu idea besar yang cuba digambarkan melalui satu pemetaan yang ringkas tetapi mudah difahami. Menurut Maxwell(2005), kerangka konsep adalah satu sistem konsep, tanggapan, ekspektasi, kepercayaan dan teori-teori yang mendokong dan memaklumkan berkaitan kajian yang sedang dijalankan. Ianya adalah kekunci kepada kajian yang ingin dibuat. Maxwell(2005) mengenalpastikan kerangka konsep sebagai gambaran visual yang dapat menerangkan perkara-perkara utama yang ingin dikaji

dan perhubungan antara pembolehubah dan persoalan kajian adalah sebahagian daripada kerangka konsep.

Kerangka konsep ini dibentuk berdasarkan sorotan kajian lepas. Kelompongan yang wujud dalam kajian lepas dijadikan asas kepada pembentukan kerangka konsep ini. Berdasarkan kepada kerangka konsep yang telah dibina, penglibatan ibu bapa dilihat berdasarkan kepada sejauh mana pembolehubah konteks keluarga mempunyai hubungan dengan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Bagi menjelaskan berkaitan dengan konteks keluarga, pecahan kepada pembolehubah ini dibuat berdasarkan kepada konstruk; a) Interaksi & Komunikasi; b) Amalan Keibubapaan; c) Kesenggangan; d) Keterbukaan, dan e) Penerimaan. Konteks keluarga ini nanti akan dianalisis sama ada mempunyai perkaitan dan hubungan dengan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah dan dalam masa yang sama berhubungkait dengan pencapaian akademik murid.


Selain itu, ingin juga dilihat adakah pembolehubah demografik keluarga mempengaruhi penglibatan ibu bapa dalam pendidikan ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Bagi pembolehubah demografik keluarga, terdapat beberapa pecahan yang akan diuji iaitu a) Bilangan adik beradik; b) Status penjagaan; c) Lokasi tempat tinggal; d) Tahap pendidikan ibu; e) Tahap pendidikan bapa; f) Pekerjaan ibu dan; g) Pekerjaan bapa. Demografik keluarga masih diberikan tumpuan memandangkan kajian ini berkaitan dengan keluarga dan latar belakang keluarga perlu diambil kira dalam meninjau penglibatan ibu bapa. Pembentukan kerangka konsep ini bersesuaian mengambil kira demografik keluarga kerana latar belakang yang berbeza memberi pengaruh yang berbeza kepada dapatan. Justeru, pendekatan penyelidik dalam mengambil kira demografik keluarga dalam kerangka konsep ini bertujuan melihat

sejauh mana latar belakang ibu bapa berhubungan dengan penglibatan ibu bapa terutama ketika anak-anak berada di sekolah menengah.

Kerangka konsep kajian ini juga mengenangkan persepsi murid terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Murid-murid diberikan autoriti sepenuhnya dalam memberi nilai terhadap penglibatan ibu bapa masing-masing. Persepsi anak-anak terhadap ibu bapa yang berbeza-beza menjadi kunci mengapa ianya dijadikan sebahagian daripada komponen yang perlu ada dalam kerangka konsep ini. Persepsi anak-anak ini juga dijadikan fokus kajian ini bertujuan melihat apakah persepsi anak-anak terhadap penglibatan ibu bapa terutama ketika anak-anak berada di sekolah menengah.

Kajian ini juga memberi tumpuan kepada ekspektasi murid terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan. Ini bertujuan meninjau sejauh mana anak-anak mengharapkan ibu bapa terlibat sama dalam pendidikan terutama ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Ekspektasi anak-anak ditinjau daripada penglibatan ibu bapa di rumah dan di sekolah. Nilaian anak-anak ini nanti akan dapat menggambarkan ekspektasi anak-anak terhadap keperluan ibu bapa terlibat sama dalam pendidikan anak-anak. Justeru, komponen ekspektasi menjadikan kerangka konsep ini lebih lengkap dalam meninjau penglibatan ibu bapa daripada kaca mata anak-anak.

Kerangka konsep ini juga dibina bagi mengkaji hubungan antara konteks keluarga, penglibatan dan pencapaian akademik. Kajian ini cuba menyingkap sejauh mana konteks keluarga dan penglibatan ibu bapa mampu meningkatkan pencapaian akademik murid atau tanpa penglibatan ibu bapa, penyediaan konteks keluarga sudah mempunyai kekuatan tersendiri untuk meningkatkan pencapaian akademik murid. Perhubungan ini dapat diperhatikan melalui jalinan anak panah yang saling berhubung.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Hubungan Konteks Keluarga Dengan Penglibatan Ibu Bapa Dan Pencapaian Akademik Anak-anak Di Sekolah Menengah.

### Kerangka Teori

Kerangka teori amat penting dalam mendasari sesuatu kajian. Bermula dengan pernyataan masalah, kerangka teori telah dibentuk bagi merujuk kepada sesuatu paradigma atau perspektif yang akan menjelaskan perkaitan kajian(Punch, 2000). Flindes dan Mills(1993) menyatakan bahawa teori telah didefinisikan dalam pelbagai cara oleh ahli falsafah dan para sarjana dalam pelbagai disiplin akademik. Kerlinger & Howard(2000) mendefinisikan teori sebagai "*a set of interrelated construct, definitions and propositions that presents a systematic view of phenomenon by specifying relations among variables, with the purpose of explaining and predicting phenomenon*". Penjelasan tentang teori adalah sesuatu cara yang unik bagi menampakkan realiti, pernyataan mendalam oleh seseorang berkaitan aspek semulajadi, segar dan dari persepsi yang berbeza tentang aspek di dunia ini. Kerlinger & Howard(2000) menyatakan, bagi memahami sesuatu teori dan hubungannya dengan kajian memerlukan satu proses dan daya usaha. Memahami teori adalah merasai keajaiban yang orang lain tidak nampak sebelumnya dan dijadikan supaya orang lain dapat memahaminya kemudian. Namun, apa yang penting dalam membicarakan tentang teori adalah komponen yang terkandung di dalamnya iaitu hubungan antara konsep-konsep, konstruk-konstruk dan pendapat kepada suatu teori.

Penyelidikan dalam sains sosial biasanya akan melibatkan pelbagai disiplin ilmu(sains politik, ekonomi, antropologi, sosiologi dan psikologi). Kesemua disiplin ini memberi ruang yang luas bagi menguji fenomena. Penyelidik yang baru berkecimpung dalam dunia penyelidikan selalunya membataskan pertimbangan teori kepada teori-teori yang sering menyukarkan mereka. Ini menyebabkan penyelidik gagal mendedahkan banyaknya teori-teori dalam pelbagai disiplin yang berkemungkinan memberikan hasil yang diperlukan(Anfara & Mertz, 2006)

Dengan asas pengetahuan mengenai teori dan pemahaman tentang perbezaan cara menggunakan teori dalam penyelidikan, penyelidik akan hanya menggunakan teori yang bersesuaian dan mempunyai kaitan dengan kajian sahaja. Berasaskan daripada teori yang dijadikan pegangan, penyelidik akan cuba menguji kebenaran teori melalui tujuan kajian, objektif kajian, dan soalan kajian yang telah dibina.

### **Teori Ekologi Pembangunan Manusia**

Teori Sistem Ekologi telah dibentuk oleh Bronfenbrenner(1979) dan ianya juga dikenali sebagai Teori Sistem Bioekologi. Teori ini seterusnya dimurnikan lagi oleh Bronfenbrenner(1979, 1986, 1992). Menurut teori ini, sistem bioekologi merupakan kombinasi kecenderungan biologi kanak-kanak dan desakan persekitaran yang hadir bersama dalam membentuk perkembangan kanak-kanak. Teori ini menekankan kondisi persekitaran adalah perlu bagi perkembangan manusia sejagat. Pertamanya, orang dewasa perlu menyayangi anak-anak tanpa sebarang syarat. Keduanya, orang dewasa perlu menggalakan anak-anak dan meluangkan masa menjalankan aktiviti bersama dengan anak-anak di dalam ataupun diluar persekitaran rumah. Dalam usaha memahami teori Bronfenbrenner(1979, 1986, 1992) bulatan paling kecil yang berada di tengah-tengah kesemua bulatan adalah anak-anak. Bronfenbrenner(1979, 1986, 1992) merujuk keadaan ini seperti persekitaran sarang apabila individu(anak-anak) mengawal pelbagai sistem berada di pusat sarang, dikelilingi oleh lapisan-lapisan yang mengandungi individu-individu dan kumpulan individu pada setiap lapisan. Anak-anak diumpamakan seperti bahagian telur di dalam sarang dan sarang adalah persekitaran yang saling berperanan antara satu sama lain.

Ibu bapa, guru-guru dan sesiapa sahaja yang mempunyai hubungan rapat dan meluangkan masa bersama anak-anak adalah gelombang pertama. Ianya dipanggil

*Mikrosistem*. Orang yang berada dalam *Mikrosistem* mempunyai ruang atau hubungan yang memberi kesan terhadap anak-anak. Bronfenbrenner(1986) menggunakan terma *bi-directional* bagi menjelaskan pengaruh interaksi-interaksi yang diambil kira antara ibu dan anak-anak, anak-anak dan bapa, anak-anak dan guru, memahami bahawa pengaruh-pengaruh berlaku serentak(*bi-directional*). Pengaruh *bi-directional* mengambil tempat apabila individu-individu dan kumpulan individu berinteraksi dan kesan langsung kepada orang lain yang berada pada masa yang sama dalam lapisan yang sama.

Bronfenbrenner(1992) menegaskan bahawa untuk memahami perkembangan anak-anak pada tahap ini, kita perlu memahami bahawa semua hubungan adalah *bi-directional*. Oleh itu, orang dewasa memberi kesan ke atas perangai kanak-kanak tetapi perkaitan biologi kanak-kanak dan sosial mempengaruhi karektor(fizikal, personaliti dan kebolehan) juga memberi kesan kepada tingkahlaku apabila dewasa.

Teori Ekologi Manusia telah mengandaikan bahawa individu perlu berinteraksi dengan pelbagai persekitaran. Teori ini telah mengemukakan lima aspek persekitaran yang mampu mempengaruhi perkembangan individu iaitu *Mikrosistem*, *Mesosistem*, *Ekosistem*, *Makrosistem* dan *Kronosistem* (Bronfenbrenner, 1979)

Secara ringkasnya, *Mikrosistem* merujuk kepada keluarga yang merupakan persekitaran paling hampir dengan individu. Ketika bayi, hanya ibu bapa dan adik beradik wujud dalam *Mikrosistem* atau pengaruh di pusat asuhan bagi bayi-bayi tersebut. Apabila anak-anak membesar dan bersekolah, *Mikrosistem* mereka berkembang melibatkan pusat penjagaan mereka dan sekolah kerana anak-anak meluangkan hari-hari membesar mereka di sana. Aspek penting pada *Mikrosistem* adalah hubungan terus dan interaksi dengan anak-anak. Tiada sistem dipertimbangkan sebagai *Mikrosistem* dalam teori ini sekiranya tidak berlaku hubungan terus dengan anak-anak untuk jangka masa yang panjang. Manakala hubungan di antara keluarga dengan sistem lain yang lebih luas dikenali sebagai *Mesosistem*. Lapisan ini

mengandungi sambungan di antara latar hubungan anak-anak dan persekitaran, meliputi hubungan-hubungan di antara Mikrosistem seperti rumah, sekolah, jiran dan pusat jagaan kanak-kanak yang membantu perkembangan anak-anak.

*Ekosistem* pula merupakan lapisan ketiga yang mengelilingi *Mesosistem*. Ianya merujuk kepada latar sosial yang memberi kesan kepada anak-anak. Contohnya tempat kerja ibu bapa, keluarga luas atau agensi perkhidmatan dalam komuniti; sekali lagi menggunakan anak sebagai fokus. Dapat dinyatakan bahawa *Ekosistem* tidak merentangi laluan terhadap anak-anak secara langsung. *Ekosistem* mempunyai kesan yang besar kepada anak-anak. Bilangan ahli keluarga yang ramai, keluarga asas dan keluarga kembangan memberi kesan kepada perkembangan anak-anak. Perkhidmatan kesihatan dan program masyarakat juga memberi kesan kepada perkembangan anak-anak memandangkan keluarga yang memerlukan perkhidmatan ini akan berhadapan dengan keperluan asas.

*Makrosistem* pula merupakan pola nilai, norma dan institusi budaya yang kukuh dan diterima oleh masyarakat. Lapisan yang terakhir merangkumi keseluruhan lapisan yang meliputi *Mikrosistem*, *Mesosistem*, dan *Ekosistem*. Lapisan ini dipanggil Makrosistem. Lapisan ini mengandungi perkara-perkara yang mempengaruhi dan kadang-kadang memberi sokongan kepada anak-anak dalam masa yang sama persekitaran seperti budaya, norma-norma dan undang-undang. Jika ibu bapa bekerja di syarikat yang tidak mempunyai jadual kerja yang fleksibel, ibu bapa akan menghadapi masalah untuk memberi perhatian kepada anak-anak. Begitu juga sekiranya ibu bapa dipanggil ke sekolah untuk bertemu dengan guru dan pentadbir, ibu bapa tidak dapat meluangkan masa yang berkualiti tersebut kerana jadual kerja yang tidak membenarkan mereka berbuat demikian.

*Kronosistem* pula merujuk kepada pola peristiwa dan transisi masa yang berlaku dalam persekitaran di sepanjang hayat(Bronfenbrenner, 1979). *Kronosistem*

melibatkan perubahan yang berkaitan dengan persekitaran kanak-kanak yang mana ianya menghasilkan situasi baru yang memberi kesan terhadap perkembangan. Perubahan-perubahan ini melibatkan luaran atau muncul daripada organisma dalam masa yang sama, sejak kanak-kanak dilahirkan, perubahan dan kebanyakan dihasilkan dari pengalaman-pengalaman dalam latar mereka. Perubahan-perubahan ini boleh terjadi pada setiap masa atau hari. Di dalam dunia anak-anak, ianya adalah peristiwa seperti kematian ahli keluarga, persaraan guru atau perubahan dalam struktur keluarga dan boleh mengubah kondisi kehidupan anak-anak. Teori ini percaya kondisi baru boleh memberi kesan kepada perkembangan anak-anak. Kanak-kanak boleh memperkembangkan pengalaman berdasarkan perubahan dalaman. Sejak kanak-kanak terpilih, diubah suai dan dihasilkan dalam latar mereka dan pengalaman-pengalaman, kanak-kanak adalah hasil dan menghasilkan perkembangan mereka sendiri.

Teori Ekologi Pembangunan Manusia juga mengandaikan bahawa semua bahagian dalam persekitaran adalah saling berkait dan mempengaruhi antara satu sama lain. Seiring dengan itu, kajian berkaitan hubungan institusi keluarga dengan pencapaian akademik pelajar terutama menyentuh tentang kehidupan bekeluarga secara tidak langsung akan menyentuh perhubungan perkahwinan dan tingkah laku keibubapaan.

Perubahan yang berlaku dalam persekitaran anak-anak membawa kepada penyesuaian tingkah laku yang mungkin bersifat positif atau negatif dan ianya dipengaruhi oleh pelbagai faktor dan faktor paling signifikan adalah keluarga(Bronstein et. al, 1993; Acock & Demo, 1994). Perubahan yang drastik berlaku kepada remaja bukan kerana faktor dalaman tetapi kerana pengaruh persekitaran yang terdapat dalam masyarakat seperti struktur keluarga, keadaan sekolah, jangkaan rakan sebaya dan faktor persekitaran yang lain. Perkembangan kanak-kanak mudah dipengaruhi

persekitaran di mana kanak-kanak itu berada. Keluarga merupakan persekitaran pertama dan utama bagi setiap kanak-kanak. Elemen dan proses interaksi dan transaksi yang wujud dalam persekitaran keluarga boleh mempengaruhi kualiti perkembangan kanak-kanak(Rozumah, Siti Nor, Rojanah, Abdullah, & Hanina Halimatussadiah, 2003). Cara dan gaya keibubapaan juga lazimnya turut berubah dengan ibu bapa lebih banyak memberi penjelasan tentang sesuatu perkara. Ibu bapa berperanan sebagai penggalak kepada kanak-kanak dan sering terlibat dalam pendidikan anak-anak di peringkat pertengahan akan mendapati anak-anak lebih berjaya daripada segi akademik, daya kreativiti dan keupayaan kognitif.

Golongan remaja ini lahir dan terbentuk mengikut acuan dalam sesebuah keluarga(Franco & Levitt, 1998). Oleh itu, persekitaran keluarga merupakan bahagian yang sangat penting dalam kehidupan remaja. Institusi keluarga menyediakan dan memberikan kanak-kanak pengalaman awal dalam kehidupan sosial dan pengalaman ini mempunyai kesan dalam perkembangan selanjutnya. Model di dalam keluarga iaitu tingkah laku ibu bapa menjadi objek pemerhatian dan ikutan. Proses peniruan begini adalah lazim di dalam keluarga yang sering disebut sebagai *Vicarious learning*. Suasana dan persekitaran keluarga yang sihat dari segi jasmani dan rohaninya akan memberi kesan yang sihat kepada perkembangan psikologi remaja dan memberi kesan kepada perkembangan intelek anak-anak (Fariza Md Sham, 1998 ).


Tahap keterampilan keluarga juga dilihat mempunyai kaitan yang signifikan dengan pencapaian pelajar. Sokongan keluarga yang tinggi membantu merangsang perkembangan diri kanak-kanak ke arah yang positif(Franco & Levitt, 1998). Ibu bapa yang berketerampilan akan menerapkan nilai keluarga yang baik terhadap anak-anak supaya mereka turut berusaha ke arah tersebut. Kajian menunjukkan sikap ibu bapa dalam mendidik anak mempunyai perkatian signifikan dengan pengawalan kendirii(*self regulation*) anak, kawalan dalaman, tahap kawalan tingkah laku diri dan patuh kepada

peraturan(Fagen & Cowen, 1996, Seda, 2007). Ibu bapa yang mempamerkan sikap mesra, mengambil berat dan terlibat dalam pendidikan anak-anak akan mempunyai anak yang bagus dari segi imej diri, kecekapan sosial, motivasi tinggi dan mempunyai pencapaian yang baik dalam pelajaran(Fagen & Cowen, 1996). Remaja tidak menghadapi tekanan perasaan ketika tibanya peperiksaan kerana ibu bapa sentiasa berada disisi mereka dan remaja gembira dengan pujian daripada ibu bapa mereka ketika memperolehi keputusan yang cemerlang(Fariza Md. Sham, 1998 ).

Pemilihan teori yang bersesuaian perlu diambil kira memandangkan kajian ini mengutarakan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan. Secara tidak langsung, isu kekeluargaan menjadi tunjang kajian dan pemilihan Teori Ekologi Pembangunan Manusia(Bronfenbrenner, 1979; 1986; 1992) adalah paling bersesuaian memandangkan teori ini mempunyai beberapa peringkat perkembangan. Peringkat-peringkat dalam model memperlihatkan perkembangan manusia banyak bergantung dan berhubung kait dengan persekitaran membesar. Teori ini juga mengambil kira kualiti hubungan di antara persekitaran penting dalam mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Tumpuan Teori Ekologi Pembangunan Manusia ini juga menyingkap aspek-aspek kekeluargaan sehinggaalah kepada sosial kerana ekologi tersebut memberi kesan kepada perkembangan manusia. Justeru, pemilihan teori ini amat bersesuaian dengan kajian memandangkan konteks keluarga yang ingin dikaji bertepatan dengan apa yang terdapat dalam teori. Keupayaan ibu bapa menyediakan konteks keluarga yang sesuai untuk anak-anak memberi impak terhadap perkembangan anak-anak dan seterusnya mampu membentuk anak-anak yang berjaya bukan sahaja dalam pelajaran malahan dalam kehidupan mereka.

Prinsip utama teori yang mengengahkan emosi, fizikal, intelektual dan keperluan sosial anak-anak juga bertepatan dengan kajian ini. Anak-anak memerlukan persekitaran yang sesuai untuk berkembang. Orang dewasa seharusnya menyediakan

persekitaran tersebut kepada kanak-kanak bagi memastikan perkembangan anak-anak berjalan lancar sebagaimana yang dikehendaki. Teori menekankan dua kondisi persekitaran yang diperlukan dalam perkembangan manusia iaitu; a) Orang dewasa perlu memberikan kasih sayang dan perhatian kepada anak-anak tidak kira dalam apa situasi sekalipun, b) Orang dewasa perlu memberi galakan kepada anak-anak dan meluangkan masa melakukan aktiviti bersama di dalam maupun di luar persekitaran tempat tinggal. Jelas, di dalam teori menyatakan bahawa sekiranya kedua-dua keperluan di atas tidak berlaku, ekologi akan terencat dan seterusnya merosakkan perkembangan anak-anak. Teori ini juga menekankan kepada sokongan orang dewasa terhadap anak-anak sehingga mereka mampu berdikari. Sejak anak-anak dilahirkan, dibentuk dan dilatih mengikut kesesuaian persekitaran, maka sudah pasti akan terdapat perbezaan keinginan, persepsi dan ekspektasi sepanjang perkembangan mereka tersebut. Justeru, penyelidik memilih Teori Ekologi Pembangunan Manusia (Bronfenbrenner, 1979; 1986; 1992) kerana ianya bertepatan dengan pemasalahan kajian yang telah dinyatakan.




Rajah 2: : Model Ekologi Pembangunan Manusia(Bronfenbrenner, 1979)

Rentetan daripada pemilihan Teori Ekologi Pembangunan Manusia(Bronfenbrenner, 1979), penyelidik juga mengambil pendekatan memilih beberapa teori yang juga membicarakan perkara yang hampir sama dan saling menyokong teori yang diguna pakai dalam kajian ini. Ini berikutnya, kekuatan sesuatu kajian perlu disokong oleh teori yang berkembang mengikut masa dan zaman. Namun, asasnya teori ekologi masih mendasari persoalan pokok terhadap kajian ini. Teori Sistem Keluarga yang diketengahkan dalam kajian ini didapati saling menyokong berlandaskan teori utama dan komponen yang diketengahkan oleh Teori Sistem Keluarga(Brown, 1999) mendokongi apa yang terkandung dalam teori ekologi. Justeru, penyelidik berpendapat adalah lebih berkesan mengadaptasi kedua-dua teori yang membicarakan perkara yang saling menyokong. Ini bertujuan supaya apa yang dikaji nanti dapat merujuk kepada kekuatan teori yang dijadikan asas kepada kajian ini. Berikut diketengahkan Teori Sistem Keluarga bagi melihat sejauh mana komponen dalam teori utama saling berkaitan dan saling menyokong antara satu sama lain.

### **Teori Sistem Keluarga**

Menurut Teori Sistem Keluarga, terdapat enam konsep yang berhubung dengan struktur keluarga dan ianya meliputi Sistem Nilai, Batasan, Kuasa dan Keakrabban, Kebebasan Menyatakan Perasaan, Kegembiran, Guruan dan Kemesraan serta Kemahiran Mengurus dan Berunding(Brown, 1999).



Rajah 3: Menunjukkan Enam Konsep Yang Berhubung Dengan Struktur Keluarga

### **Sistem Nilai**

Keluarga yang sihat sentiasa menitikberatkan keselesaan dalam keluarga dan ahli keluarga melihat akan nilai kesepuhyaan dan sentiasa mencari sesuatu yang terbaik dalam kehidupan bekeluarga. Nilai yang diamalkan dalam keluarga diterima oleh semua ahli. Namun, keluarga yang tidak sihat mempunyai sistem nilai yang agak ketat atau tidak mempraktikkan nilai langsung, memperlihatkan keburukan dan tidak menerima pandangan-pandanang yang bercanggah atau berbeza daripada orang lain.

### **Batasan**

Keluarga yang sihat sentiasa berbicara secara bebas tanpa risau dihina atau dihukum oleh ahli keluarga yang lain. Tiada batasan antara ahli keluarga dan boleh menyuarakan pendapat dan mempunyai ruang untuk berbincang. Namun, keluarga yang tidak sihat tidak menunjukkan peranan yang jelas, mempunyai perhubungan yang minima antara ahli keluarga, terasing dan mempunyai ekspektasi peranan yang terlalu rigid.

### **Kuasa dan Keakraban**

Bagi tujuan merapatkan hubungan dan keakraban dalam keluarga, keluarga yang sihat sentiasa mengamalkan sikap mengambil berat atau cuba memahami kehendak ahli keluarga. Walaupun ibu bapa mempunyai kuasa menentukan keputusan, namun keakraban dalam keluarga memberi ruang untuk anak-anak menyatakan pandangan. Bagi keluarga yang tidak sihat, mereka tidak mempedulikan kehendak dan perasaan ahli keluarga yang lain. Kebiasaannya keputusan dibuat oleh pihak yang berkuasa tanpa mengambil kira pandangan ahli keluarga.

### ***Kebebasan Menyatakan Perasaan***

Perbincangan menjadi keutamaan dalam keluarga yang sihat. Keluarga sentiasa menerima kekurangan dan kelebihan ahli-ahlinya, tidak pilih kasih dan mencurigai antara satu sama lain. Mereka tidak teragak-agak untuk melahirkan perasaan. Keluarga yang tidak sihat sentiasa merasa tertekan dan menyembunyikan perasaan, mengelak perbezaan dan percanggahan pendapat dan risau tidak diterima sekiranya melahirkan pendapat.

### ***Kegembiraan, Gurauan dan Kemesraan***

Gurauan dalam keluarga sentiasa berlaku dalam usaha merapatkan hubungan, berkongsi pengalaman, bebas bergaul dan sentiasa mewujudkan suasana selesa dalam berkongsi keseronokan dan membiarkan ahli keluarga berasa disenangi. Bertentangan dengan keluarga yang tidak sihat yang mempunyai sedikit perkongsian memori kegembiraan, merasa tidak dipedulikan, gurauan tidak diperlukan bagi mendapatkan keselesaan.

### ***Kemahiran Mengurus dan Berunding***

Keluarga sihat sentiasa membuka ruang perbincangan dan perundingan, semangat saling percaya mempercayai, kurang tekanan dan masalah diselesaikan dengan mudah. Keluarga yang tidak sihat sukar menyelesaikan masalah secara konsisten, kerap bertengkar dan berselisih pendapat kerana ruang perbincangan dan perundingan tidak diutamakan.

Penyelidik juga mengenangkan Model Keteguhan Keluarga oleh DeFrain & Asay(2007) dalam kajian ini. Menurut model, penghargaan dan perasaan kasih,

komitmen, komunikasi pasif, kesenggangan bersama, kerohanian dan amalan, dan pengurusan krisis dan tekanan menjadi persoalan pokok model. Keenam-enam kualiti yang dinyatakan dalam model bertepatan dengan apa yang dikaji oleh penyelidik. Kandungan model yang menyentuh tentang kekuatan sesebuah keluarga dan peranan ahli dalam keluarga bagi membentuk persekitaran keluarga yang kondusif amat bersesuaian dengan kajian ini yang juga mengambil kira kualiti dalam konteks keluarga. Keenam-enam kualiti yang dititikberatkan dalam model memberi pengaruh yang amat kuat dalam sesebuah keluarga dan seterusnya konteks keluarga yang dikaji memenuhi keperluan yang saling menyokong antara Teori Ekologi Pembangunan Manusia (Bronfenbrenner, 1979) dan Teori Sistem Keluarga(Brown, 1999). Justeru, kajian ini nanti akan menyentuh antara model dan teori yang diguna pakai dan bagaimana konteks keluarga yang menjadi fokus kajian ini.

### **Model Keteguhan Keluarga**

Model Keteguhan Keluarga mencadangkan enam kualiti yang menerangkan keutuhan sesebuah keluarga(DeFrain & Asay, 2007 ).

### ***Penghargaan dan Perasaan Kasih***

Orang yang hidup dalam keluarga yang kukuh sangat mengambil tahu antara satu sama lain dan saling ianya menjadi asas ataupun kebiasaan dalam keluarga. Mereka tidak bimbang untuk melahirkan rasa kasih, saling menghargai akan kewujudan ahli keluarga dan menerima kehadiran ahli keluarga sebagai sesuatu yang penting.

### ***Komitmen***

Ahli keluarga yang kukuh sentiasa mengambil tahu antara satu sama lain dalam semua perkara termasuklah hal-hal berkaitan kesihatan, berkorban masa dan tenaga dalam aktiviti keluarga dan sentiasa bertanggugjawab dalam melakukan kerja tanpa tidak menghabiskan masa diluar melebihi daripada kepentingan berinteraksi dalam keluarga.

### ***Komunikasi Positif***

Keluarga yang berjaya seringkali berkomunikasi secara positif dan sentiasa berbincang dan mengenalpasti masalah yang dihadapi. Ahli dalam keluarga sentiasa meluangkan masa untuk mendengar masalah dan bermuafakat dan saling berinteraksi dengan penuh minat dalam apa jua perbincangan yang melibatkan ahli keluarga.

### ***Kesenggangan Bersama***

Kebanyakan keluarga yang kukuh sentiasa menggunakan masa senggang untuk dinikmati bersama dan aktiviti kekeluargaan penting dalam mengeratkan silaturrahim. Ahli keluarga sentiasa berkongsi keseronokan dan kegembiraan dan menjadikan masa bersama ahli keluarga adalah saat paling gembira.

### ***Kerohanian dan Amalan***

Aktiviti kerohanian dan amalan dalam keluarga menjadikan ahli keluarga merasa dikasihi, dihormati dan dihargai oleh ahli keluarga yang lain. Amalan keibubapaan yang sihat menyebabkan anak-anak merasa selamat dan saling berkongsi kasih, sayang, rasa simpati dan mengamalkan sikap bertolak ansur dalam kehidupan.

### **Pengurusan Krisis dan Tekanan**

Keluarga yang utuh tidak dapat lari daripada tekanan dan krisis tetapi kemampuan menguruskan krisis dan tekanan menjadikan keluarga ini tidak porak peranda. Keupayaan menguruskan krisis dan tekanan sehari-hari serta kehidupan yang sukar dapat dilakukan secara efektif dan kreatif. Mereka tahu bagaimana mencegah sesuatu yang buruk sebelum ia berlaku dan bagaimana menghadapi cabaran yang datang.

Bagi mengukuhkan lagi kajian ini, adalah tidak lengkap seandainya penyelidik tidak mengenegahkan Model Proses Penglibatan Ibu bapa(Hoover-Dempsey & Sandler, 1995) memandangkan fokus kajian ini berhubung kait dengan penglibatan ibu bapa. Model ini yang mempunyai lima tahap diguna pakai bertujuan untuk meninjau sejauh mana penglibatan ibu bapa dalam kesemua peringkat penglibatan ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Model Proses Penglibatan Ibu bapa ini nanti akan merujuk kepada bagaimana pendekatan ibu bapa untuk terlibat sama dalam pendidikan anak-anak terutama selepas anak-anak berada di peringkat menengah. Justeru, tahap satu dan dua diberikan tumpuan dalam kajian ini memandangkan rata-rata kajian lalu menggunakan Model Proses Penglibatan Ibu bapa ini pada tahap awal persekolahan dan sekolah rendah. Lantas, kajian ini cuba menggunakan model yang sama dalam latar penglibatan ibu bapa yang berbeza. Maka, model ini dijadikan sandaran bagi melihat sejauh mana penglibatan ibu bapa dalam pendidikan ketika anak-anak di sekolah menengah berkesan dalam menjana kecemerlangan akademik murid.

### **Model Proses Penglibatan Ibu Bapa**

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah dilihat semakin berkurangan memandangkan ibu bapa merasakan anak-anak mereka sudah mampu berdikari dan menguruskan pelajaran mereka bersendirian(Lawson, 2003;

Hoover-Dempsey & Sandler, 1995). Ibu bapa seharusnya perlu mempertingkatkan penglibatan mereka dalam pendidikan anak-anak pada tahap sekolah menengah memandangkan anak-anak mereka bakal menduduki peperiksaan yang lebih penting dalam mendapatkan keputusan yang terbaik dan seterusnya menjamin masa depan yang lebih cerah. Walaupun keperluan fisiologi, keselamatan dan kasih sayang telah pun dipenuhi oleh ibu bapa, namun anak-anak masih memerlukan penghargaan kendiri daripada ibu bapa dan dengan sokongan dan perhatian yang diberikan oleh ibu bapa dan keluarga akan dapat memperkembangkan potensi diri yang ada pada anak-anak untuk terus berjaya dan mencapai kecemerlangan dalam pelajaran.

Berdasarkan fokus kepada penglibatan ibu bapa , Model Proses Penglibatan Ibu Bapa(Hoover-Dempsey & Sandler,1995) melakarkan tentang kepentingan pembentukan tahap penglibatan ibu bapa. Melalui model yang ditunjukkan, anggapan bahawa proses penglibatan ibu bapa adalah berterusan iaitu tindakan dan keputusan yang dibuat oleh ibu bapa untuk melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak akan menggerakkan penglibatan ibu bapa di tahap kedua model dan ini akan berterusan di tahap-tahap yang lain. Secara realitinya, proses penglibatan pastinya berlaku secara berulang-ulang dan lebih kompleks dan elemen-elemen itu ketikanya hampir serentak dan model mencadangkan penglibatan itu berpanjangan(Hoover-Dempsey & Sandler,1997). Tambahan lagi, pembolehubah-pembolehubah lain yang terdapat dalam konstruk keseluruhan model juga seperti saling mempengaruhi asas keputusan penglibatan ibu-bapa(keinginan untuk mengawal atau menggabungkan keberkesanan hubungan pembolehubah terhadap kehendak untuk melibatkan diri di sekolah.

<b>Tahap 5</b>	Hasil kepada anak-anak/murid		
Pengetahuan dan Kemahiran Keupayaan diri untuk melakukan yang terbaik di sekolah			
<b>Tahap 4</b>	Pembolehubah Pengantara		
Penggunaan strategi penglibatan ibu bapa yang sesuai dengan perkembangan		Penglibatan ibu bapa sepadan di antara tindakan dan ekspektasi sekolah	
<b>Tahap 3</b>	Mekanisma penglibatan ibu bapa mempengaruhi pencapaian anak		
	Model	Pengukuran	Arahan
<b>Tahap 2</b>	Bentuk dan pilihan penglibatan ibu bapa di pengaruhi oleh		
Pengkhususan daripada pengetahuan dan kemahiran ibu bapa	Campur aduk kehendak daripada keseluruhan masa dan tenaga (keluarga, pekerjaan)	Keperluan penglibatan dan jemputan khusus daripada anak dan sekolah	
<b>Tahap 1</b>	Penentuan penglibatan asas ibu bapa dipengaruhi oleh		
Pembentukan peranan keibubapaan	Keupayaan dan kesedaran ibu bapa untuk membantu anak-anak berjaya di sekolah	Keperluan penglibatan dan jemputan umum daripada anak dan sekolah	

Rajah 4: Model Proses Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan.Sumber: Daripada “Parental Involvement in Children’s Education: Why Does It Make a Difference?” oleh K.V. Hoover-Dempsey dan H.M Sandler, 1995, *Teachers College Record*, 97, 310 – 331.

Menurut kepada perbincangan terhadap keseluruhan model(Hoover-Dempsey & Sandler, 1997), ibu bapa mulai melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak kerana mereka harus menyuburkan pembentukan peranan keibubapaan. Ini termasuklah penglibatan dalam pendidikan kerana mereka mempunyai keupayaan secara positif, merasa untuk membantu anak-anak berjaya di sekolah, galakan dan peluang untuk melibatkan diri daripada anak dan sekolah anak-anak mereka. Model ini mencadangkan ibu bapa membuat keputusan yang paling asas bagi melibatkan diri dan memilih aktiviti yang sesuai untuk terlibat. Pilihan spesifik ini dibentuk daripada tiga bentuk major dan ianya beroperasi di tahap kedua proses iaitu; a) persepsi ibu bapa terhadap kemahiran, minat dan keupayaan mereka, b) engalaman ibu bapa daripada kehendak lain terhadap masa dan tenaga, c) pengalaman ibu bapa daripada jemputan spesifik untuk melibatkan diri daripada anak-anak, guru-guru dan sekolah.

Model ini juga mencadangkan agar penglibatan ibu bapa kemudiannya mempengaruhi pencapaian pelajaran anak-anak melalui mekanisma yang dicadangkan pada tahap ketiga(model, peneguhan dan arahan) sebagai pengantara termasuk bentuk yang terdapat di tahap keempat(penggunaan strategi penglibatan ibu bapa yang sesuai dengan perkembangan dan penglibatan ibu bapa sepadan antara tindakan dan ekspektasi sekolah). Proses penglibatan didapati berakhir dalam model ini dengan pengaruh ketara terhadap pencapaian pendidikan anak-anak dengan pengetahuan anak-anak, kemahiran dan keupayaan peribadi untuk merasa lebih berjaya di sekolah.

### **Konteks Keluarga**

Konteks keluarga seringkali menjadi isu utama kepada perbincangan berkaitan dengan berfungsinya sesebuah keluarga atau tidak sebagai satu entiti kepada masyarakat. Ibu

bapa sebagai nadi utama dalam menyediakan persekitaran yang sihat kepada sesebuah keluarga perlu memainkan peranan mereka dalam membentuk konteks keluarga yang sihat kepada anak-anak. Anak-anak terbentuk mengikut acuan dalam sesebuah keluarga. Ibu bapa sebagai model utama di dalam sesebuah keluarga lazimnya menjadi ikutan kepada anak-anak dalam membentuk jati diri masing-masing. *Vicarious learning* atau proses pembelajaran secara ikutan ini biasanya memberi kesan yang sihat sekiranya anak-anak berada dalam konteks keluarga yang sihat dan begitu juga sebaliknya. Ibu bapa adalah orang yang paling rapat kepada anak-anak dan seharusnya tingkah laku dan amalan yang dipamerkan kepada anak-anak boleh dijadikan contoh untuk diikuti.

Fariza Md. Sham (1998) dalam kajiannya berkaitan dengan corak tingkah laku keibubapaan dan perkembangan psikologi remaja mendapati bahawa sokongan ibu bapa mempunyai hubungan yang positif dengan perkembangan psikologi remaja muslim. Beliau mendapati 90% responden yang terlibat dalam kajian tersebut bersetuju dan merasa gembira apabila ibu bapa sentiasa memberikan galakan di samping menerima idea dan pandangan anak-anak ketika berbincang dalam sesuatu perkara. Selain daripada itu, ibu bapa yang peka akan perasaan dan memahami kehendak anak-anak remaja juga dilihat memberi kesan psikologi kepada anak-anak untuk menjadi insan yang berjaya. Di samping itu, anak-anak juga dilihat tidak menghadapi tekanan terutama ketika ingin menduduki peperiksaan kerana ibu bapa bukan sahaja berada di sisi mereka malahan memberikan motivasi dan sokongan moral untuk anak-anak lebih berusaha dan yakin. Dapatan daripada kajian oleh Fariza Md. Sham(1998) juga mendapati anak-anak bersetuju sekiranya ibu bapa menunjukkan tingkah laku mulia dan dapat diikuti oleh anak-anak. Selain daripada itu, anak-anak juga gembira sekiranya ibu bapa meluangkan masa untuk berbual-bual

berkenaan dengan pelajaran dan masa depan anak-anak. Mereka akan merasa lebih dihargai dan gembira jika mendapat pujian daripada ibu bapa terutama jika memperoleh pencapaian yang cemerlang.

Tinjauan dapatan berkaitan dengan kawalan daripada ibu bapa terhadap anak-anak mendapati bahawa anak-anak mahukan kebebasan dan ruang untuk mereka membesar dalam dunia remaja(Smetana, 2008). Anak-anak mahukan mereka dihargai dan cuba membesar dalam situasi yang mereka inginkan tanpa terlalu dikongkong oleh ibu bapa(Holloway, Mirny, Bempechat, & Li, 2008). Namun, sebagai ibu bapa, kawalan yang diperlukan lebih tertumpu kepada sikap mengambil berat dan peka terhadap perkembangan anak-anak. Ibu bapa cuba membantu anak-anak ketika di awal remaja untuk bertingkah laku dan berakhhlak sebagaimana yang boleh diterima oleh masyarakat (Mohd Amin, 1998). Anak-anak yang sering dikawal ketat oleh ibu bapa dilihat seringkali memberontak dan tidak dapat berkompromi dengan keluarga sendiri terutama yang melibatkan pendidikan mereka. Anak-anak akan merasa kurang selesa sekiranya terlalu dikawal ketika meniti saat remaja. Kajian oleh Lam dan Muhammad (1991) mendapati ibu bapa adalah nadi dalam keluarga dan memainkan peranan penting dalam perkembangan remaja. Ibu bapa bertanggungjawab dalam mendidik dan mencorak anak-anak dalam usia remaja dengan menyediakan konteks keluarga yang sihat.

Cara mana ibu bapa mendidik dan kaedah asuhan ibu bapa dalam keluarga juga didapati memberi pengaruh terhadap kecemerlangan akademik murid(Chomiak, 2006; Blöndal & Adalbjarnordottir, 2009; Brown & Lyenger, 2008). Kaedah asuhan yang diperaktikkan dalam keluarga dapat membantu anak-anak dalam meningkatkan prestasi akademik. Kesedaran dan kepekaan ibu bapa terhadap kemampuan anak-anak serta teknik yang diperaktikkan oleh ibu bapa ketika membantu anak-anak dalam tugas-

sekolah dapat menghasilkan anak-anak yang berprestasi tinggi(Kleiner, 2005; Joe & Davis, 2009). Budaya di rumah seperti pengawasan ibu bapa, kesenggangan bersama ketika beriadah dan membaca, pemantauan menonton dan kesenggangan bersama dalam mendapatkan bahan rujukan tambahan didapati memberi impak kepada motivasi dan peningkatan prestasi anak-anak(Clark, 2005; Cia & Barham, 2009). Kajian beliau mendapati apa yang diperlakukan oleh ibu bapa dan budaya yang diwujudkan di rumah akan mempermudahkan pencapaian akademik murid.

Kesenggangan bersama anak-anak juga didapati memberi kesan emosi kepada anak-anak bilamana ibu bapa meluangkan masa bersama anak-anak memberi impak dalam meningkatkan motivasi anak-anak untuk lebih berjaya(Bell, 2004; Hossain & Anziano, 2008). Tingkat emosi anak-anak juga lebih ketara bagi anak-anak yang tinggal bersama keluarga masing-masing berbanding anak-anak yang tidak tinggal bersama keluarga. Sokongan emosi ibu bapa dengan cara meluangkan masa bersama anak-anak didapati lebih baik walaupun adanya motivasi. Bell(2004) mendapati tanpa sokongan emosi daripada ibu bapa, anak-anak kurang berjaya memandangkan faktor dalaman anak-anak perlu diberikan perhatian oleh ibu bapa terlebih dahulu di samping memberikan motivasi . Jangka masa ibu bapa meluangkan masa bersama anak-anak juga didapati memberi kesan terhadap pencapaian akademik murid(Jones, 2004). Aktiviti-aktiviti berkomunikasi bersama anak-anak sama ada dalam bentuk perbincangan berkaitan tingkah laku atau pelajaran anak-anak di sekolah memberi kesan kepada kes-kes rujukan disiplin murid. Didapati apabila ibu bapa mempraktikkan aktiviti komunikasi di rumah bersama anak-anak, berlaku penurunan kes-kes disiplin murid dan secara tidak langsung prestasi akademik murid semakin meningkat.

Kajian Yeung dan Glauber(2002) juga mendapati ibu bapa yang berpendapatan rendah berhadapan dengan cabaran memantau anak-anak mereka di samping

meluangkan masa bersama dalam aktiviti yang sesuai dengan perkembangan mereka. Kekangan masa dan keperluan mencari rezeki untuk keluarga menyebabkan waktu lapang bersama anak-anak tiada. Justeru, sokongan kepada interaks dan penyediaan persekitaran yang sesuai untuk anak-anak terabai walaupun ibu bapa tahu masa yang produktif sama ada membaca bersama, belajar, aktiviti kokurikulum boleh menyumbang kepada perkembangan anak-anak. Masa anak-anak bersama ibu bapa, adik beradik, rakan, saudara mara adalah sebahagian daripada gandingan sosial yang dapat meningkatkan prestasi anak-anak.

### **Penglibatan Ibu Bapa**

Kajian-kajian terdahulu(Clark, 1994b; Comer & Haynes, 1991; Steinberg, Lamborn, Dornbush, & Darling, 1992; Grolnick & Slowiaczek, 1994; Henderson & Mapp, 2000; Grolnick, Benjer, kurowski, & Apostoleris, 1997) telah pun menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang kuat antara penglibatan ibu bapa dengan kejayaan anak-anak di sekolah. Kajian-kajian di barat selama lebih daripada 30 tahun telah mendapati terdapat hubungan di antara penglibatan ibu bapa dan peningkatan pencapaian akademik murid, meningkatkan keupayaan kendiri, tingkahlaku, dan kehadiran yang baik di sekolah(Forehand, Biggar & Kotchick,1998). Kajian juga menunjukkan bahawa apa yang ibu bapa telah lakukan untuk memberi sokongan kepada anak-anak tidak kira daripada mana keluarga itu datang( status sosio-ekonomi, tahap pendidikan ibu bapa, latar belakang etnik) dalam pelbagai pencapaian(Epstein, 2001; Christenson, 2004; Christenson, Round, & Gorney, 1992; Lee, 1999, Lee & Bowen, 2006; Tan & Goldberg, 2009) Kebanyakan kajian utama berkaitan dengan penglibatan ibu bapa tertumpu kepada tahap awal persekolahan dan sekolah rendah yang terdiri daripada

kalangan murid di bandar, pendapatan rendah dan latar belakang keluarga(Brooks-Gunn & Duncan, 1997; De Civita, Pagani, Vitaro, & Tremblay, 2004; Lee & Bowen, 2006).

Kajian-kajian yang telah dijalankan terhadap penglibatan ibu bapa juga menunjukkan bahawa a) ekspektasi ibu bapa mengarah kepada kerja keras anak-anak untuk berjaya di sekolah(Clark, 1994a; Rutchick, Smyth, Lapoo, & Dusek, 2009); b)ekspektasi ibubapa terhadap anak-anak berkaitan dengan kebolehan membaca dan belajar matematik dan respon secara verbal daripada anak-anak berhubung dengan pencapaian akademik yang lebih baik(Hess & Halloway, 1984), c) Pengetahuan ibu bapa tentang kerja-kerja sekolah semasa anak-anak dan aktiviti-aktiviti sekolah memberi kesan kepada ekspektasi secara realistik terhadap pencapaian anak-anak(Kellaghan, Sloane, Alvarez, & Bloom, 1993); d) ekspektasi ibu bapa pada anak-anak di pasca sekolah menengah berhubung secara positif dengan pencapaian akademik(Clark, 1994a; MacNeille, 2003).

Kesedaran ibu bapa terhadap kemampuan anak-anak serta teknik yang dipraktikkan oleh ibu bapa ketika membantu anak-anak mereka membuat kerja rumah akan menghasilkan anak-anak yang berprestasi tinggi(Hoover-Dempsey et al, 2001; McWayne, Hampton, Fantuzo, cohen, & Sekino, 2004; Kleiner, 2005) Ibu bapa dilihat mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemantauan mereka ketika membantu anak-anak dan kesedaran ibu bapa terhadap kemahiran anak-anak bukan sahaja membantu anak-anak dalam pembelajaran malahan menjadikan ibu bapa lebih peka akan kehendak anak-anak(Chomiak, 2006). Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti dan kesanggupan ibu bapa meluangkan masa bersama anak-anak di rumah serta mengambil tahu dalam pelajaran anak-anak akan membawa kepada peningkatan

pencapaian akademik(Desimone, 1999; McNeal, 1999; Feuerstein, 2000; Fan, 2001; Fan & Chen, 2001)

Kajian yang dijalankan mendapati tiga bentuk major yang dipercayai menjadi penentu berkenaan dengan asas penglibatan ibu bapa(Epstein, 2001). Pertamanya, tafsiran pembentukan peranan ibu bapa yang mentakrifkan kepercayaan ibu bapa tentang apa yang sepatutnya dilakukan kepada pendidikan anak-anak mereka dan kepelbagaian asas yang kukuh dan adanya aktiviti yang ditafsirkan oleh ibu bapa sebagai penting, mustahak dan yang membenarkan tindakan mereka bagi pihak anak-anak. Keduanya, keupayaan ibu bapa merasa bertanggungjawab dan perlunya mereka membantu anak-anak mereka untuk berjaya di sekolah berfokuskan kepada sejauh mana kepercayaan ibu bapa terhadap penglibatan mereka dapat menerapkan pengaruh yang positif terhadap pencapaian pelajaran anak-anak. Ketiganya, kehendak, jemputan umum dan peluang untuk melibatkan diri merujuk kepada persepsi ibu bapa tentang anak-anak dan sekolah perlukan penglibatan mereka.

Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran di rumah(membaca untuk anak-anak, galakan membaca, menetapkan tempat dan masa untuk membuat kerja sekolah) sekaligus menyokong apa yang sekolah lakukan dan ianya secara signifikan berhubung dengan pencapaian akademik murid(Thorkildsen & Stein, 1998; Harris & Goodall, 2008). Pelajar yang mana ibu bapanya selalu menyertai dan menghadiri aktiviti yang dilaksanakan di sekolah seperti bengkel, perjumpaan ibu bapa menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding dengan ibu bapa yang tidak melibatkan diri(Shaverand & Walls, 1998). Grolnick et al.(1997) juga mendapati bahawa ibu bapa yang memainkan peranan mereka sebagai guru di rumah dan berpendirian positif terhadap anak-anak akan lebih suka melibatkan diri dalam aktiviti kognitif anak-anak. Sikap negatif yang ditunjukkan oleh ibu bapa dari awal akan meninggalkan

kesan negatif kepada anak-anak terhadap pelajaran(Hickman, Greenwood, & Miller, 1995).

Kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa ibu bapa yang melibatkan diri dalam aktiviti di rumah mempunyai komunikasi positif dengan sekolah dan mempunyai berpandangan positif terhadap sekolah(Hannon, 1999; Bojuwoye & Narain, 2008). Pengkaji juga merumuskan bahawa perhubungan antara sekolah dan rumah dan tahap penerimaan pelajar terhadap penglibatan ibu bapa mereka memberi impak terhadap pencapaian akademik(Christenson, Round & Gorney, 1992; Hannon, 1999; Hill & Tyson, 2009). Beliau menyatakan bahawa masa yang paling berkesan dan sesuai untuk dihabiskan bersama anak-anak bermula ketika mereka masih kecil. Green, Walker, hoover-Dempsey, & Sandler(2007) dan McBride, Dyer, Liu, Brown, & Hong(2009) juga mendapati bahawa penglibatan ibu bapa di rumah perlu dikekalkan bukan sahaja di awal persekolahan tetapi semasa di pertengahan persekolahan ketika anak-anak memerlukan kekuatan untuk berdikari dan dalam masa yang sama kesukaran yang dihadapi oleh mereka di sekolah dapat ditangani.

Sikap mengambil berat oleh ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak dapat dilihat juga daripada penglibatan ibu bapa dalam kerja rumah anak-anak mereka. Dalam kajian yang telah dijalankan di Maryland, Amerika Syarikat, 85% daripada ibu bapa yang menjadi responden menyatakan bahawa mereka menghabiskan selama suku jam bagi membantu anak-anak dalam pelajaran. Namun, bantuan dan sokongan daripada ibu bapa dalam pelajaran anak-anak mestilah dilakukan secara konsisten (Epstein, 1989; 2008). Berhubung dengan kerja rumah yang dibawa pulang oleh anak-anak, ibu bapa disarankan agar menganggap kerja rumah tersebut sebagai langkah untuk mereka berkomunikasi dengan anak-anak dan dalam masa yang sama boleh

meningkatkan konsep kendiri anak dan ianya secara tidak langsung mempunyai kaitan positif dengan pencapaian akademik(Cooper et al., 2006)

Penglibatan ibu bapa di rumah dapat dilihat daripada kesungguhan ibu bapa dalam memberi perhatian kepada pelajaran anak-anak. Ibu bapa yang peka kepada tanggungjawab memberi kemudahan yang sesuai untuk pelajaran anak-anak didapati memberi kesan kepada kesungguhan anak-anak untuk belajar(Desimone, 1999; McNeal, 1999; Feuerstein, 2000; Fan, 2001; Fan & Chen, 2001). Anak-anak diberikan peluang meningkatkan potensi diri melalui galakan dan dorongan daripada ibu bapa ketika di rumah. Kajian Thorkildsen & Stein(1998) mendapati bahawa ibu bapa yang meluangkan masa bersama anak-anak untuk membuat tugasan sekolah akan lebih berjaya dan mempunyai keinginan untuk melakukan yang terbaik. Ibu bapa menjadi pembimbing kepada anak-anak dalam pelajaran ketika di rumah.

Penglibatan ibu bapa tidak hanya tertumpu kepada komunikasi antara ibu bapa melalui telefon atau surat-menjurat sebaliknya kehadiran ibu bapa ke sekolah, perjumpaan ibu bapa-guru, bantuan mengajar tugasan sekolah, pengayaan pelajaran di rumah dan penyertaan ibu bapa dalam membuat keputusan dan perancangan aktiviti sekolah juga diperlukan. Kajian lalu jelas menunjukkan bahawa semakin kerap ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak semakin bermanfaat dan memberi kesan kepada pencapaian akademik anak-anak. Kajian juga menunjukkan penglibatan ibu pada awal pendidikan anak-anak memberi kesan yang sangat besar kepada anak-anak. Ini akan berterusan jika ibu bapa secara konsisten mengekalkan penglibatan mereka dalam pelajaran anak-anak.

Kesan penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak tidak dapat disangkal lagi. Cuma bentuk dan cara penglibatan ibu bapa yang berbeza-beza menunjukkan pencapaian yang pelbagai. Namun, kebanyakan ibu bapa lebih banyak

memberi tumpuan mereka untuk terlibat dalam pendidikan anak-anak pada tahap prasekolah dan ketika di sekolah rendah. Oleh sebab itulah kebanyakan kajian lalu dijalankan berdasarkan penglibatan ibu bapa dan keluarga ketika anak-anak berada di awal persekolahan mereka(Barnard, 2006; Heymann, & Earle, 2000; Kohl, Lengua & McMohan, 2000; Miedel & Reynolds, 1999).

Amat kurang kajian yang dijalankan berkaitan penglibatan ibu bapa ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Pelbagai alasan telah diberikan oleh ibu bapa untuk kurang terlibat dalam pelajaran anak-anak di sekolah menengah termasuklah; a)kurikulum yang mencabar; b)anak-anak sudah boleh berdikari; c)faktor keluarga seperti tumpuan lebih diberikan kepada anak-anak yang masih kecil(Coleman, 1988). Jelasnya, penglibatan ibu bapa memberi kesan kepada anak-anak dalam meningkatkan pencapaian akademik tidak kira pada tahap persekolahan mana anak-anak berada (Chavkin, 1993; Eccles & Harold, 1993; Epstein, 1989; 2001; 2008; Hess & Haloway, 1984; Hobbs, Dokecki, Hoover-Dempsey, Moroney, Shayne, & Weeks, 1984; U.S. Department of Education, 1994 ). Dengan melibatkan diri dalam pelajaran anak-anak, secara tidak langsung membantu mengeratkan lagi hubungan ibu bapa dengan pihak sekolah.

### **Demografik Keluarga**

Peranan faktor status sosio-ekonomi kerap dikatakan mempengaruhi pencapaian akademik(Barnard, 2006; McWayne et al., 2004 ). Daripada kajian-kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa wujud dua pendapat yang berbeza mengenai kepentingan status sosio-ekonomi(Brooks-Gunn, & Duncan, 1997; De Civita, Pagani, Vitaro, & Tremblay, 2004). Kajian pertama mendapati bahawa ibu bapa dari status

sosio-ekonomi pertengahan lebih melibatkan diri dan menyokong sistem pendidikan anak berbanding dengan ibu bapa daripada sosio-ekonomi rendah(deCarvalho, 2001; Smith, 2002) manakala terdapat juga kajian yang mendapati bahawa status sosio-ekonomi tidak mempengaruhi secara signifikan terhadap penglibatan ibu bapa dengan pendidikan anak-anak(Barnard, 2006; Fan & Chen, 2001; Feuerstein, 2000; Jeunes, 2003; McWayne, et al., 2004). Namun, terdapat korelasi antara minat ibu bapa dan kelas sosial dalam memberikan sokongan kepada pendidikan anak-anak. Melalui kajian lalu juga mendapati pelajar dari keluarga yang berstatus sosio-ekonomi rendah kurang berjaya dalam akademik dan tidak mempunyai aspirasi pendidikan tinggi berbanding dengan pelajar dari status sosio-ekonomi yang tinggi(Heymann & Earle, 2000; Hill & Taylor, 2004; Lee & Bowen, 2006).

Status sosio-ekonomi juga didapati mempunyai kesan yang berbeza terhadap jantina anak dan etnik(Ma, 2009). Kajian Rogers, Theule, Ryan, Adams, & Keating(2009) dan Tam(2009) mendapati penglibatan ibu bapa juga berbeza-beza mengikut jantina anak. Anak lelaki didapati kurang mendapat perhatian dan ibu bapa kurang terlibat manakala ibu bapa sering terlibat dengan anak perempuan. Kajian ini selari dengan dapatan kajian oleh Engin-Demir(2009) menyatakan anak lelaki sering bermasalah dan tercicir daripada pelajaran kerana kurangnya penglibatan ibu bapa terhadap pelajaran mereka. Ini menjelaskan bahawa penglibatan ibu bapa berkaitan dengan jantina anak. Kajian Lee, Kushner, & Cho(2007) menunjukkan bahawa jantina anak berhubung secara signifikan dengan penglibatan ibu bapa dan juga pencapaian akademik anak-anak.

Dapatan kajian Jeunes(2005) mendapati penglibatan ibu bapa dan status sosio-ekonomi mengesahkan dapatan-dapatan kajian terdahulu dan mempunyai bentuk yang sama(Griffith, 1997; Hess & Holloway, 1984). Dapatan juga menyenaraikan mengapa

penglibatan ibu bapa dan status sosio-ekonomi mempunyai perkaitan yang rapat(Brooks-Gunn & Duncan, 1997). Pertamanya, ibu dan bapa yang mempunyai pendidikan yang tinggi dan pekerjaan yang baik biasanya mempunyai ketinggian keazaman dan kepimpinan peribadi(Abrams & Gibbs, 2002; Lareau, 2000; O'Connor, 2001). Ianya adalah satu ciri semulajadi yang membawa kepada hubungan mereka dengan anak-anak dan keinginan mereka melihat anak-anak berjaya(Jeynes, 2002a, 2002b; Hampden-Thompson, 2009)

Walau bagaimanapun, sesetengah pengkaji tidak bersetuju dengan faktor status sosio-ekonomi diberikan keutamaan dalam menentukan kejayaan akademik. Mereka lebih mengutamakan faktor sikap ibu bapa dalam menentukan kejayaan anak-anak dalam pelajaran(West, Noden, Edge & David,1998). Pengkaji-pengkaji juga bersetuju bahawa keluarga dan suasana persekitaran di rumah merupakan kunci yang boleh menentukan kejayaan anak-anak dan anak-anak yang berjaya dalam bidang akademik biasanya datang dari tahap status sosio-ekonomi yang tinggi dan ibu bapa yang berpendidikan tinggi kerana mereka berjaya menyediakan prasarana belajar yang lebih kondusif kepada anak-anak(Barnard, 2006; McWayne et al., 2004). Dalam kajiannya terhadap 73 000 orang remaja di Sweeden mendapati ibu bapa dari status sosio-ekonomi yang tinggi mempengaruhi anak-anak dalam menjalani langkah yang ditunjukkan oleh ibu bapa. Ini adalah kerana pengaruh positif oleh ibu bapa yang berpelajaran tinggi dalam berinteraksi secara berkesan dengan anak-anak membantu anak-anak lebih berjaya(Dornbusch & Ritter, 1991).

Penglibatan ibu bapa berdasarkan bangsa juga menunjukkan perbezaan yang ketara. Ibu bapa dalam kalangan bangsa yang berbeza menunjukkan minat yang berbeza dalam penglibatan terhadap pendidikan anak-anak. Menurut Denessen, Bakker & Gierveld, (2007) penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka

berbeza mengikut bangsa disebabkan keperluan melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi. Rata-rata ibu bapa kurang melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak mereka disebabkan beberapa masalah seperti kurang mahir dalam berkomunikasi dengan pihak sekolah. Ini menyebabkan mereka meletakkan keseluruhan tanggungjawab mendidik anak-anak kepada pihak sekolah selain kurang minat terhadap keperluan untuk melibatkan diri dalam hal pelajaran anak-anak. Walau bagaimanapun, agak menarik apabila dilihat bahawa kekurangan penglibatan ibu bapa terhadap pelajaran anak-anak mereka tidak pula mengurangkan aspirasi ibu bapa berkenaan terhadap pendidikan anak-anak mereka (Denessen et al., 2001; Goldenberg, Gallimore, Reese, & Gernier, 2001; Lopez et al., 2001). Kajian Keith, Keith, Quirk, Sperduto, Santillo & Killings(1998) mendapati ibu bapa Asia mempunyai aspirasi yang lebih tinggi berbanding dengan etnik lain. Namun, dilaporkan juga ibu bapa Asia didapati mempunyai tahap komunikasi yang rendah terhadap aktiviti-aktiviti sekolah berbanding Afrika Amerika dan kulit putih. Dapatan kajian Ho Sui-Chu dan Willms(1996) menunjukkan ibu bapa bangsa Afrika Amerika dan Hispanik menunjukkan penglibatan yang tinggi ketika di rumah berbanding bangsa kulit putih.

Kajian NCES(1994) menyokong dapatan terdahulu bahawa ibu bapa Asia-Amerika kurang berminat dalam berkomunikasi dengan guru anak-anak mereka manakala ibu bapa Afrika Amerika lebih suka melawat anak-anak mereka di kelas. Namun, ibu bapa Asia Amerika lebih terlibat dalam aktiviti akademik anak-anak dan mempunyai aspirasi akademik yang tinggi terhadap kejayaan anak-anak. Walau bagaimanapun, dapatan ini tidak menunjukkan perbezaan yang nyata terhadap akademik anak-anak mereka. Fan(2001) dalam kajiannya mendapati kesan positif aspirasi pendidikan ibu bapa terhadap pencapaian akademik anak-anak adalah

konsisten dengan kumpulan etnik ( kulit putih, Asia Amerika, Afrika Amerika dan Hispanik). Kajian Desimone (1999) juga mendapati hubungan penglibatan ibu bapa di rumah lebih penting berbanding penglibatan ibu bapa di sekolah.

Ibu bapa yang mempunyai status pekerjaan yang baik juga dikatakan mempengaruhi pencapaian anak-anak dalam pelajaran(Heymann & Earle, 2000; Hill & Taylor, 2004). Anak-anak daripada keluarga yang mempunyai latar belakang pekerjaan yang kurang baik didapati tidak mempunyai prestasi yang baik dan ibu bapa mereka kurang melibatkan diri dalam pelajaran anak-anak(McLloyd, 1990). Ini berikutnya masa lebih banyak digunakan untuk bekerja bagi menyara keluarga. Sekiranya ibu bapa sering terlibat dengan aktiviti sekolah, pendapatan mereka akan berkurangan dan akan menjadikan ekonomi keluarga. Dapatan kajian lalu(Abrams & Gibbs, 2002) menunjukkan bahawa ibu bapa yang mempunyai status pekerjaan yang lebih baik lebih peka terhadap pelajaran anak-anak dan lebih terlibat dalam pendidikan. Ibu bapa juga memberikan komitmen yang tinggi terhadap pendidikan anak-anak dan sanggup melabur banyak wang demi pendidikan anak-anak(Lareau, 2000; O'Connor, 2001).

Status keluarga juga didapati menjadi penyebab kepada penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak. Anak-anak yang datang dari keluarga yang sempurna (mempunyai ibu dan bapa) lebih cemerlang kerana ibu dan bapa mereka memberikan tumpuan yang lebih kepada pendidikan anak-anak. Anak-anak yang datang daripada keluarga yang berpecah-belah di dapati bukan sahaja mempunyai masalah emosi tetapi juga mempunyai daya usaha yang kurang(Gonzales, Cauce, Friedman, & Mason, 1996; Wenz-Gross, Superstein, Untch, & Widaman, 1997) juga anak-anak yang datangnya dari keluarga yang tidak aman (ibu bapa sering bergaduh) mempunyai pencapaian akademik yang kurang baik(Smith, 1990). Ibu bapa juga didapati tidak

memberi kerjasama dan kurang terlibat dengan pelajaran anak-anak sama ada di sekolah maupun di rumah(Gonzales, et al, 1996; Wenz-Gross, et al., 1997). Penglibatan ibu atau bapa dalam pendidikan juga didapati mempunyai perbezaan yang ketara.

Saiz keluarga juga didapati antara penyebab mengapa ibu bapa kurang terlibat dalam pendidikan anak-anak(Downey, 1995). Anak-anak yang datang daripada keluarga yang ramai didapati kurang mendapat kerjasama daripada ibu bapa apabila diperlukan. Kajian mendapati bilangan adik beradik yang ramai menyebabkan ibu bapa tidak dapat melibatkan diri secara aktif terhadap pelajaran anak-anak memandangkan keperluan penjagaan anak-anak lebih ditumpukan kepada anak yang lebih kecil. Anak-anak lebih dewasa dipantau secara minima memandangkan keperluan anak yang lebih kecil yang memerlukan lebih tumpuan. Anak-anak yang datangnya daripada keluarga yang ramai didapati juga lebih pandai berdikari dan lebih bertanggungjawab. Ibu bapa kepada anak-anak yang mempunyai bilangan adik beradik yang ramai juga didapati lebih menumpukan perhatian kepada ekonomi keluarga daripada melibatkan diri secara aktif dalam pendidikan anak-anak sama ada di rumah atau pun di sekolah. Ini bertentangan dengan keluarga yang mempunyai saiz yang kecil. Anak-anak lebih diberikan tumpuan dan ibu bapa lebih kerap melibatkan diri dalam aktiviti dan program yang dianjurkan oleh pihak sekolah

Pendapatan keluarga yang menjadi keperluan asas juga didapati menjadi penyebab mengapa ibu bapa kurang terlibat dengan pendidikan anak-anak. Keluarga yang mempunyai pendapatan yang tinggi menunjukkan penyertaan ibu bapa yang memberangsangkan dalam pelajaran anak-anak. Ini berikutan daripada kemampuan ibu bapa menyediakan prasarana yang sesuai kepada anak-anak seperti tempat belajar dan keperluan peralatan belajar untuk anak-anak. Ibu bapa juga didapati

mudah bekerjasama dengan sekolah dan lebih terlibat dalam aktiviti dan program yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Kajian lalu juga mendapati ibu bapa yang mempunyai pendapatan rendah kurang terlibat dalam pendidikan anak-anak dan kurang memberikan galakan kepada anak-anak untuk memperoleh keputusan yang baik. Ibu bapa yang mempunyai pendapatan yang rendah juga didapati lebih menumpukan kepada pekerjaan bagi menyara keluarga dan kurang prihatin terhadap keperluan pelajaran anak-anak.

Komunikasi dalam kalangan keluarga dan adik beradik juga didapati memberi kesan kepada penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak di rumah. Komunikasi yang jelas antara ibu bapa dan anak didapati memberikan peluang untuk ibu bapa berinteraksi dengan baik untuk terlibat sama dalam pelajaran anak-anak(Davidson & Cardemil, 2009). Ibu bapa yang mengamalkan komunikasi dua hala memberi ruang kepada anak-anak untuk bermesra dan bertukar-tukar pandangan mengenai pengetahuan dan sekaligus memberi ruang untuk anak-anak bertanyakan pendapat dan pandangan ibu bapa dalam pelajaran mereka. Kajian terdahulu mendapati bahawa keluarga yang mengamalkan komunikasi sihat di dalam rumah bukan sahaja dapat mengeratkan ikatan kekeluargaan malahan membantu anak-anak meningkatkan perkembangan diri dan emosi anak-anak(Cia, deOlivera Pamplin, & De albuquerque, 2008).

Persekutuan yang sihat yang dibentuk di rumah juga didapati membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Ibu bapa yang menyediakan persekitaran yang kondusif kepada anak-anak seperti membekalkan bahan-bahan mainan, alat tulis dan buku kepada anak-anak secara tidak langsung dapat mempertajamkan intelek dan membantu memperoleh pencapaian yang baik.Ini secara tidak langsung berkaitan dengan status sosio-ekonomi keluarga yang mana ibu bapa yang berkemampuan

dapat menyediakan kemudahan pembelajaran yang baik kepada anak-anak sebaliknya keluarga yang berstatus sosio-ekonomi rendah kurang memberikan perhatian terhadap kepentingan pelajaran kepada anak-anak. Ibu bapa dari status sosio-ekonomi tinggi juga didapati mempengaruhi anak-anak mereka untuk menjelaki langkah mereka untuk berjaya dalam pelajaran dan pekerjaan.

Peranan ibu bapa tidak dapat dinafikan dalam sesebuah keluarga. Ibu bapa yang berpendidikan lebih sedar akan peranan dan lebih bersedia untuk menghulurkan kerjasama dalam mengasuh dan mendidik anak-anak. Bapa yang berpelajaran tinggi lebih bersikap liberal, terbuka serta sama-sama berganding bahu mengajar dan mengambil berat terhadap pelajaran dan diri anak-anak. Ibu bapa yang berpelajaran tinggi juga didapati berinteraksi dengan cara yang lebih positif dan berkesan dengan anak-anak.

Ibu bapa yang mempunyai aspirasi yang tinggi akan lebih bersedia untuk memberikan sokongan moral kepada anak-anak untuk berjaya dalam pelajaran. Ibu bapa yang mempunyai persepsi yang negatif terhadap anak-anak dan tidak menaruh harapan yang tinggi untuk menyebabkan anak-anak gagal dalam pelajaran. Sokongan padu daripada ibu bapa dan menetapkan aspirasi yang tinggi dengan menerapkan aktiviti bercorak pendidikan untuk menggalakkan perkembangan kognitif anak akan mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak.

Tahap pendidikan ibu bapa juga menunjukkan kesan yang ketara kepada bagaimana ibu bapa membantu anak-anak dalam pelajaran mendapati pencapaian akademik anak-anak berhubung secara positif dalam mengukuhkan matlamat akademik. Tahap pendidikan ibu bapa itu sendiri mempengaruhi persepsi anak-anak dan sekaligus juga mempengaruhi perkembangan anak-anak, matlamat anak-anak dan pencapaian akademik mereka.

Tahap pendidikan ibu bapa juga memberi kesan kepada tingkah laku anak-anak dalam mempelajari gerak-geri ibu bapa di rumah. Melalui tingkah laku pencerminan, anak-anak akan meniru gerak-geri ibu bapa dan seterusnya bertingkah laku sebagaimana yang diperhatikan. Sekiranya ibu bapa menunjukkan sikap yang positif terhadap pendidikan, secara tidak langsung akan mempengaruhi anak-anak untuk meniru. Dalam kajiannya menunjukkan tahap pendidikan ibu bapa dapat mengawal kehidupan anak-anak dan dalam masa yang sama dapat menyediakan persekitaran yang stabil, sokongan emosi dan sumber kewangan yang baik. Ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi menjadi penentu utama mengapa anak-anak dapat berkembang dengan baik dan menyumbang kepada pencapaian akademik.

Penglibatan ibu bapa juga dilihat berhubung dengan tahap pendidikan ibu bapa. Tahap pendidikan ibu bapa yang lebih tinggi menunjukkan perbezaan sikap dalam mewujudkan suasana dan persekitaran yang terdidik kepada anak-anak. Tahap pencapaian anak juga menunjukkan tahap pendidikan ibu bapa. Ibu bapa yang berpendidikan akan mempunyai lebih pengetahuan tentang persekolahan anak-anak dan lebih melibatkan diri dalam proses memberi pengajaran dan mempunyai ekspektasi yang tinggi terhadap anak-anak(Baker & Stevenson, 1986). Tahap pendidikan ibu bapa yang berbeza juga menunjukkan perbezaan penglibatan dalam pendidikan dan dengan pendidikan yang lebih baik, ibu bapa meletakkan nilai yang lebih tinggi tentang kepentingan pendidikan(Muller, 1993).

### **Ekspektasi Murid**

Semua ibu bapa mempunyai impian yang sama terhadap anak-anak. Kebiasaannya, harapan ibu bapa terhadap anak-anak adalah untuk melihat kejayaan anak-anak dalam

hidup. Pada ketikanya, ibu bapa memindahkan impian mereka kepada anak-anak dalam bentuk harapan dan ibu bapa percaya dengan berbuat demikian, salah satu cara memberikan rasa yakin, kebolehan kendiri dan kualiti peribadi anak-anak dapat dinilai. Namun, harapan yang terlalu banyak boleh menyebabkan pertembungan antara harapan anak-anak yang perlu dipenuhi dengan harapan ibu bapa yang harus dituruti.

Ibu bapa perlu bersikap realistik dan mereka harus tahu akan keupayaan anak-anak. Kenal pasti keistimewaan yang ada pada anak-anak dan apa kemahiran yang mereka ada sebelum meletakkan harapan.(Grolnick, et al., 1997; Rutchick, et al., 2009). Kekuatan yang ada pada anak-anak dapat dikembangkan dengan mewujudkan persekitaran yang sihat dalam membina keyakinan bagi kejayaan jangka panjang. Ibu bapa harus juga mempertimbangkan keinginan mereka terhadap anak-anak dan bagaimana mereka bertingkah laku terhadap harapan mereka supaya akhirnya nanti dapat membantu anak-anak mencapai impian mereka juga. Semua ibu bapa mahukan anak-anak mereka membesar dengan gembira, sihat dan sempurna. Dengan menetapkan harapan yang tinggi adalah salah satu cara yang dirasakan dapat memenuhi impian mereka. Namun, sekiranya anak-anak sering dipaksa untuk memenuhi harapan ibu bapa tanpa mereka bersedia, keputusannya akan bertentangan dengan apa yang ibu bapa inginkan.

Kajian lalu mendapat terdapat perhubungan antara ekspektasi dan pencapaian(Chen & Lan, 1998). Telah diketahui bahawa ekspektasi ibu bapa mempunyai kesan yang sangat kuat terhadap pencapaian akademik anak-anak. Jelas bahawa anak-anak yang mempunyai pencapaian yang tinggi biasanya datang daripada keluarga yang juga mempunyai ekspektasi yang tinggi terhadap mereka menyatakan bahawa terdapat korelasi yang kuat antara ekspektasi ibu bapa dan pencapaian akademik anak-anak. Kebanyakan kajian empiris mendapat hubungan yang positif di

antara ekspektasi diikuti dengan pencapaian akademik. mendapati ekspektasi dan pencapaian akademik merentasi sosial, ekonomi dan latar belakang etnik.

Ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi didapati mempunyai ekspektasi yang tinggi juga terhadap anak-anak mereka(Grolnick, et al.,1997). Ibu bapa mengharapkan anak-anak mereka akan menjalani langkah mereka yang berjaya dalam hidup dan mempunyai pekerjaan yang baik. Justeru itu, ibu bapa mahukan anak-anak mereka mendapat pendidikan yang terbaik dan berjaya dalam pelajaran. Ibu bapa sanggup menyediakan kemudahan belajar yang baik bagi memenuhi keperluan pembelajaran anak-anak(Grolnick,et. al, 1997).

Kajian lalu juga mendapati ibu bapa dan golongan berada(berpendapatan tinggi) juga mempunyai ekspektasi yang tinggi terhadap pencapaian akademik anak-anak(Hill & Craft, 2003). Ibubapa sanggup membelanjakan wang yang banyak bagi memberikan pendidikan kepada anak-anak. Mereka juga memberikan komitmen yang tinggi dalam pelajaran anak-anak dan mampu menghantar anak-anak ke kelas tambahan bagi meningkatkan pengetahuan anak-anak mereka. Kajian Hill & Craft (2003) menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang positif antara tingkat pendapatan ibu bapa dengan ekspektasi ibu bapa terhadap pencapaian akademik anak-anak. Ini berikutkan keupayaan ibu bapa menyediakan prasarana untuk anak-anak belajar sama ada di rumah maupun di sekolah.

Ekspektasi ibu bapa terhadap anak-anak juga dapat dilihat melalui penglibatan ibu bapa dalam persekolahan anak-anak. Ibu bapa dilihat memberikan komitmen yang sangat tinggi pada awal persekolahan anak-anak(Grolnick, et al.,1997). Ibu bapa terlibat secara aktif dalam program dan aktiviti sekolah. Ekspektasi yang tinggi terhadap anak-anak pada tahap ini bertujuan memberikan sokongan terhadap anak-anak dalam pelajaran. Ekspektasi terhadap pencapaian akademik anak-anak semakin

ketara apabila anak-anak berada di sekolah menengah. Namun, ekspektasi sahaja tidak mencukupi sekiranya ibu bapa tidak cuba memberikan tumpuan terhadap kehendak dan ekspektasi anak-anak terhadap keperluan penglibatan ibu bapa dalam pelajaran mereka.

Kajian lalu Baker Dan Stevenson(1986), dan Ganzach(2000) kebanyakan memberikan tumpuan kepada ekspektasi ibu bapa terhadap anak-anak. Ekspektasi anak-anak terhadap ibu bapa tidak diambil kira. Hampir keseluruhan kajian memberikan tumpuan terhadap ekspektasi ibu bapa terhadap pencapaian akademik anak-anak. Hampir tiada kajian lalu yang cuba mencungkil ekspektasi anak-anak terhadap penglibatan ibu bapa dalam pelajaran dan perlunya ibu bapa mengambil bahagian dalam pelajaran anak-anak terutama ketika anak-anak berada di tahap sekolah menengah. Sekiranya benar kajian lalu menyatakan dapatan tentang wujudnya hubungan yang positif terhadap penglibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik murid, mengapakah ibu bapa kurang melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak di tahap sekolah menengah. Kajian ini cuba melihat dari perspektif berbeza iaitu ekspektasi anak-anak terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak dan seterusnya hubungannya dengan pencapaian akademik anak-anak.

### **Persepsi Murid**

Kajian kajian berkaitan dengan persepsi telah banyak dijalankan. Namun, rata-rata kajian lebih menumpukan kepada persepsi guru terhadap murid, persepsi murid terhadap guru dan mata pelajaran dan persepsi ibu bapa terhadap anak-anak(Bakker& Denessen, 2007). Kajian-kajian lalu juga telah mendapati persepsi ibu bapa terhadap anak-anak selalunya selari dengan ekspektasi mereka.

Walaupun kita berkemungkinan tidak bersetuju tentang peranan yang perlu dimainkan oleh ibu bapa di sekolah, namun semua kita bersetuju bahawa ibu bapa perlu terlibat dan memainkan peranan di sekolah(DeMoss, Vaugh, & Langenbach, 1996). Ibu bapa beranggapan bahawa tanggungjawab mereka dalam membesarakan anak-anak dan kepentingan mendapatkan ilmu diserahkan kepada sekolah semata-mata menjelaskan bahawa penglibatan ibu bapa perlu dalam semua peringkat dan kecemerlangan tidak dapat dicapai sekiranya sekolah dibiarkan bergerak secara bersendirian.

Persepsi ibu bapa tentang penglibatan dalam pendidikan anak-anak seharusnya berterusan sejak anak-anak memulakan sesi persekolahan(DeMoss et al., 1996). Ibu bapa perlu juga melibatkan diri dengan pentadbiran sekolah dan Persatuan Ibu Bapa-Guru dalam mewujudkan persekitaran rumah yang menggalakkan pembelajaran, membekalkan pengetahuan dan kemahiran bagi membantu anak-anak di sekolah (Henderson, 1996). Persepsi yang sebegini secara tidak langsung mewujudkan hubungan yang sihat antara sekolah dan ibu bapa.

Hubungan di antara pencapaian akademik dan penglibatan telah menunjukkan bahawa cara mana ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak tidak penting tetapi bagaimana ibu bapa mengambil bahagian dan ianya perlu dilakukan secara berterusan dan konsisten(Henderson, 1996; Phillipson & Phillipson, 2007). Ibu bapa perlu mempunyai persepsi bahawa penglibatan yang berterusan terhadap pendidikan anak-anak dan kerjasama antara ibu bapa dengan pendidik akan menyebabkan kemahiran akademik murid akan meningkat dan masalah tingkahlaku akan berkurangan. Ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam memperkembangkan sosio-emosi murid(Eccles & Harold, 1993). Penglibatan ibu bapa di sekolah juga secara

tidak langsung meningkatkan motivasi, harga diri, kehadiran dan kurangnya keciciran dalam kalangan murid(Hoover-Dempsey & Sandler,1995).

Ibu bapa mulai kurang melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak ketika anak-anak berada di tahap sekolah menengah. Beberapa kajian telah dijalankan bagi mengkaji mengapa ini berlaku. Anak-anak dilihat lebih berdikari dan autonomi memandangkan ibu bapa beranggapan anak-anak mereka sudah mampu menguruskan pelajaran mereka sendiri(Cooper, Lindsay & Nye, 2000). Kekangan penglibatan ibu bapa di sekolah dikatakan berpunca daripada masa, rasa kurang keyakinan, salah faham, masalah penjagaan anak, keadaan mengugut, ketiadaan pengangkutan, sibus yang semakin sukar dan merasa tidak dijemput adalah sebahagian daripada mengapa ibu bapa tidak melibatkan diri, namun, kekangan ini tidak sepenuhnya menerangkan pengurangan penglibatan di sekolah menengah atau mengapa mungkin ianya semakin berkurangan atau sebaliknya.

Memandangkan banyak kekangan kepada penglibatan ibu bapa, De Moss, et al.(1996) cuba meneliti persepsi ibu bapa terhadap pentadbiran dan guru anak-anak mereka. Kajian telah dijalankan ke atas ibu bapa terpilih terhadap penglibatan mereka ketika anak-anak berada di sekolah rendah berterusan sehingga di sekolah menengah. Daripada kajian yang diperoleh menjelaskan bahawa kurangnya penglibatan ibu bapa ketika anak-anak berada di sekolah menengah adalah disebabkan kerana terpaksa memenuhi tuntutan lain seperti bekerja lebih masa untuk menyara keluarga, tidak disukai oleh anak-anak untuk ibu bapa terlibat dan keperluan untuk meneruskan kehidupan(DeMoss, et al., 1996)

Anak-anak mempunyai persepsi yang tersendiri terhadap penglibatan ibu bapa mereka dalam pendidikan(Regner, Loose & Dumas, 2009). Abd-El-Fattah(2006) dalam kajiannya terhadap persepsi anak-anak berkaitan penglibatan ibu bapa mereka dalam

pelajaran mendapati penglibatan di rumah mahupun di sekolah memberi kesan tidak langsung kepada pencapaian akademik murid. Ketika di sekolah rendah, anak-anak dikatakan terlalu mengharapkan ibu bapa memberikan perhatian terhadap mereka dan apabila anak-anak berada di tahap menengah, mereka lebih suka menguruskan pelajaran mereka sendiri dan tidak suka sekiranya ibubapa melibatkan diri secara serius. Inilah kajian yang cuba ditinjau oleh penyelidik berkaitan dengan persepsi anak-anak terhadap penglibatan ibu bapa mereka dalam pendidikan ketika anak-anak berada di sekolah menengah.

### **Kajian Lalu Berlatar Belakang Malaysia**

Terdapat juga kajian-kajian lalu berkaitan dengan penglibatan ibu bapa di Malaysia. Namun, rata-rata kajian lalu berbeza dengan kajian ini memandangkan fokus kajian ini melihat penglibatan ibu bapa dari perspektif murid atau anak-anak. Terdapat beberapa kajian yang menyentuh faktor konteks keluarga dengan pencapaian akademik dari aspek cara gaya asuhan keluarga (Nur Mazana Ismail, 2001; Norlizah Che Hassan, 2008; Aziyah Abu Bakar, 2008; Asmah Suboh, Nurulhuda Azizi & Mascilla Hamzah, 2011; Zarina Arshat, 2001; Latif Anwar, 1998; dan Azizi Yahya, Nordin Yahya & Mohd Sofie Bahari ,2004), status sosio ekonomi (SSE) keluarga dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar ( Mohd Zainal Mat, 2004; Abu Bakar Mohamad, 1993; dan Ting Len Siong, 2003), dan tahap pendidikan ibu bapa dan sumber bacaan di rumah mempunyai perhubungan dengan pencapaian akademik anak-anak (Rohani Abdullah, Siti Nor Yaacob dan Rozumah Baharudin,1994; Zahyah Hanafi, 2008). Jelas hubungan antara faktor konteks keluarga dan pencapaian akademik adalah signifikan kecuali kajian yang dijalankan oleh Latif Anwar (1998) yang mendapati bahawa tiada

perkaitan yang signifikan antara pencapaian akademik dengan faktor nilai, keluarga dan diri dengan pencapaian akademik. Dapatan ini bertentangan dengan kajian lalu yang menunjukkan terdapat perkaitan signifikan yang nyata dengan pengaruh keluarga, nilai dan amalan yang dipraktikkan dalam keluarga.

### **Kesimpulan**

Sorotan kajian menunjukkan fenomena penglibatan ibu bapa dalam pelajaran anak-anak mereka adalah hal yang mendapat perhatian masyarakat luar mahupun di dalam Negara kita. Daripada sorotan kajian, diperhatikan faktor konteks keluarga selain penglibatan ibu bapa sama ada di rumah mahupun di sekolah berperanan dalam pencapaian akademik anak-anak. Namun, tidak ada kajian yang melihat fenomena penglibatan ibu bapa daripada perspektif anak-anak dan bagaimana anak-anak menilai peranan penglibatan ibu bapa dalam akademik mereka. Memandangkan isu penglibatan ibu bapa sangat berkaitan dengan pencapaian akademik murid, maka wajar peranan penglibatan tersebut dilihat secara lebih menyeluruh daripada pelbagai perspektif. Selanjutnya, Bab 3 membincangkan metodologi penyelidikan bagi kajian ini

## BAB TIGA

### METODOLOGI KAJIAN

#### Pendahuluan

Penyelidikan merupakan satu aktiviti akademik yang mempunyai tahap dan prosedur untuk dilaksanakan(Neuman, 2000). Hal ini kerana sesuatu kajian yang dijalankan merupakan aktiviti yang menjurus kepada pengumpulan maklumat primer dan sekunder yang bertujuan untuk menerangkan(*description*), mengklasifikasikan(*classification*), menjelaskan(*explanation*) dan pemberian(*confirmation*) mengenai sesuatu masalah yang dijadikan tajuk kajian.

Metodologi kajian yang dipilih akan menjelaskan secara berperingkat-peringkat bagi menjawab soalan-soalan kajian yang telah dibuat iaitu, a) Sejauh manakah terdapat perhubungan di antara penglibatan ibu bapa, penglibatan ibu bapa di rumah, dan penglibatan ibu bapa di sekolah dengan komponen-komponen konteks keluarga dalam pendidikan ketika anak-anak berada di sekolah menengah?; b) Terdapatkah hubungan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak berdasarkan; jantina, bangsa, bilangan adik beradik, status penjagaan, lokasi tempat tinggal, tahap pendidikan ibu, tahap pendidikan bapa, pekerjaan ibu, pekerjaan bapa, dalam pendidikan ketika anak-anak berada di sekolah menengah?; c) Sejauh manakah komponen-komponen dalam konteks keluarga meramalkan penglibatan ibu bapa, penglibatan ibu bapa di rumah mahupun penglibatan ibu bapa di sekolah; d) Sejauh manakah terdapat perhubungan di antara pencapaian akademik murid dengan

komponen-komponen penglibatan ibu bapa di rumah dan di sekolah dalam pendidikan ketika anak-anak berada di sekolah menengah?; e) Apakah ekspektasi murid terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan ketika di sekolah menengah? Terdapatkah hubungan antara pencapaian akademik dengan ekspektasi murid terhadap penglibatan ibu bapa?; f) Apakah persepsi murid terhadap penglibatan ibu bapa ketika di sekolah menengah?; g) Sejauh manakah pencapaian akademik murid dengan konteks keluarga saling berhubungan dengan penglibatan ibu bapa? Sehubungan dengan itu, bab ini akan membincangkan tentang aspek-aspek metodologi yang digunakan bagi mendapatkan data-data kajian. Aspek-aspek metodologi yang akan dibincangkan meliputi aspek reka bentuk kajian, prosedur kajian, alat kajian, pembinaan instrumen, pemilihan sampel dan analisis data kajian.

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini dijalankan melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik sepenuhnya bagi mengumpul data. Kajian bertujuan bagi mengenal pasti penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar. Reka bentuk kerja(*working design*) yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada kaedah tinjauan yang dikemukakan oleh Wiersma(1991). Reka bentuk ini dipilih berdasarkan kepada saiz populasi yang besar dan pengkaji memilih penganalisaan secara deskriptif dan inferensi. Kajian deskriptif amat berperanan dalam menghuraikan dan menjelaskan sesuatu perkara atau keadaan pada satu-satu masa dan data yang diperolehi daripada kajian deskriptif boleh

membantu mengenal pasti dan seterusnya menambahbaikan sesuatu dapatan(Chua, 2006).

Item-item soal selidik dibina berdasarkan konstruk-konstruk utama dalam kajian ini. Fokus yang ingin dikaji adalah penglibatan ibu bapa ketika di sekolah menengah dan kaitannya dengan pencapaian akademik murid. Kajian ini melibatkan beberapa tahap iaitu;

- 1) Pembolehubah bebas adalah konteks keluarga dan demografik keluarga manakala pembolehubah bersandar adalah penglibatan ibu bapa;
- 2) Penglibatan ibu bapa di rumah dan di sekolah sebagai pembolehubah bebas manakala pencapaian akademik sebagai pembolehubah bersandar dan;
- 3) Konteks keluarga dan demografik keluarga sebagai pembolehubah bebas dan pencapaian akademik sebagai pembolehubah bersandar. Persepsi dan ekspektasi pula dikaji dalam fasa yang keempat.
- 4) Persepsi dan ekspektasi pula dikaji dalam fasa yang keempat.

Chua(2006) menyatakan bahawa kajian tinjauan merupakan satu kaedah penyelidikan yang sering digunakan dan popular dalam pelbagai bidang penyelidikan terutamanya dalam bidang sains sosial. Ini berikut terdapat iri-ciri istimewa yang terdapat dalam reka bentuk ini seperti; a) Penggunaannya yang menyeluruh dan boleh digunakan untuk mengutarakan pelbagai jenis soalan seperti isu dan masalah dari pelbagai perspektif terutama dalam menghuraikan sikap, pandangan, kepercayaan, perasaan, tingkah laku dan sebagainya. b) Cara pengendalian yang mudah yang mana ia dilakukan dengan mentadbir soal selidik atau temu bual atau kedua-duanya sekalli. c) Data dapat dipungut dengan cepat dan dapat dianalisa dengan mudah

dalam masa yang singkat. d) Saiz sampel yang besar yang tidak dapat dilaksanakan dalam kajian berbentuk eksperimental. e) Maklumat terus dapat dipungut daripada responden dalam waktu yang sama tanpa menunggu lama. f) Keupayaan dapatan digeneralisasikan kepada populasi adalah tepat dan berkesan.

Fink(1995) menyatakan bahawa kajian tinjauan merupakan satu langkah atau teknik dalam mengumpulkan data bertujuan bagi menghuraikan, membandingkan ataupun menjelaskan pengetahuan, sikap, amalan dan juga tingkahlaku. Pengetahuan yang cukup berkaitan dengan dalam melaksanakan reka bentuk kajian tinjauan mampu menjelaskan dan menyumbangkan kepada peningkatan teori-teori akademik dan kesarjanaan(Hoinville, 1978). Selain daripada itu, kajian tinjauan juga diperlukan dalam memberikan penyelesaian kepada sesuatu masalah, penghasilan data, pengemaskinian aliran dan menguji hipotesis yang telah dibina oleh penyelidik. Selain daripada itu, kajian tinjauan juga dapat menilai dengan tepat ciri-ciri populasi kajian(Kerlinger, 2000; Fowler, 1990)


Berdasarkan kelebihan pada ciri-ciri kajian tinjauan, penyelidik mendapat adalah amat sesuai reka bentuk kajian ini digunakan dalam penyelidikan ini bagi mendapatkan data-data kerana sifatnya yang saintifik, logik dan khusus(Burns, 1990; Wilson & McLean, 1994). Selain daripada itu, data dapat dikumpulkan dengan segera daripada subjek yang ramai dan dalam masa yang sama dapat dianalisa dengan cepat.

### **Reka Bentuk Kerja(*Working Design*)**

Reka bentuk kerja amat penting dalam sesuatu kajian. Memandangkan pengkaji memilih kaedah tinjauan sebagai kaedah pemungutan data, reka bentuk kerja Wiersma(1991) telah diguna pakai dalam kajian ini. Jadual 1 menunjukkan komponen reka bentuk kerja yang menjadi panduan kepada pengkaji. Reka bentuk kerja ini telah membahagikan keseluruhan kajian kepada empat peringkat utama bagi memandu pengkaji menjalankan kajian secara teratur dan berkesan.

Pada peringkat persediaan, pengkaji terlebih dahulu mengenal pasti masalah kajian berdasarkan sorotan kajian-kajian lalu berkaitan dengan apa yang ingin dikaji. Penyelidik seterusnya mengkaji bahan yang berkaitan dengan penyelidikan dan cuba mencari kelompongan yang wujud antara kajian-kajian lalu. Jangkamasa kajian yang ditetapkan akan menentukan prosedur kajian yang telah dipilih dan seterusnya penyelidik telah cuba membentuk alat kajian yang bersesuaian supaya kajian yang dibuat mempunyai tahap kualiti yang diharapkan.

Sementara pada peringkat kajian rintis, pengkaji telah membuat imbas muka terhadap permasalahan kajian yang diibuat pada peringkat pertama. Seterusnya, pengkaji telah membina soalan kajian bertepatan dengan permasalahan kajian dan mentadbir kajian rintis kepada sampel. Sebelum kajian rintis dijalankan, pengkaji terlebih dahulu menentukan pembolehubah yang bersesuaian dengan kajian dan membina konstruk- konstruk yang bertepatan dengan apa yang ingin dikaji



Rajah 5: Menunjukkan komponen reka bentuk kerja(*working design*) kajian yang dijalankan oleh pengkaji berpanduan reka bentuk Wiersma(1991;82)

Soal selidik yang telah dibuat seterusnya ditadbir kepada sampel untuk mendapatkan maklum balas awal. Pada peringkat ini juga soal selidik ditadbirkan sebagai asas bagi melihat kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang telah dibina. Kesahan dan kebolehpercayaan alat ukuran hanya akan dapat ditentukan setelah kajian rintis dijalankan. Analisis dibuat berdasarkan data kajian rintis yang telah diperolehi. Sekiranya instrumen yang dibina tidak memenuhi tahap ukuran kebolehpercayaan dan kesahan, rombakan akan dilakukan bagi memastikan instrumen yang digunakan dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur. Rombakan ini hanya akan dibuat terhadap konstruk-konstruk yang tidak mencapai tahap *cronbach alpha* yang diharapkan. Akhirnya, hanya instrumen yang telah mantap ditadbir kepada sampel yang sebenar.

Pada peringkat ketiga, pengumpulan data telah dilaksanakan ke atas sampel kajian yang ditentukan berdasarkan populasi. Seterusnya, data mentah yang diperolehi telah dianalisis menggunakan program SPSS(PASW)

Di peringkat akhir, penganalisaan telah dibuat berdasarkan data yang diperolehi. Data-data mentah seterusnya dianalisis dan diinterpretasikan dalam bentuk huraian dapatan. Berikutnya, dapatan daripada analisis telah digunakan untuk menterjemah dan menjawab semula soalan kajian yang telah dibuat pada peringkat persediaan. Dapatan juga dijadikan sebagai bahan penulisan bagi kajian ini.

### **Prosedur Kajian**

Dalam menjalankan kajian ini, terdapat beberapa prosedur yang perlu dipatuhi. Memandangkan penyelidikan yang dibuat melibatkan sekolah, surat kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan(EPRD), Kementerian Pelajaran Malaysia perlu diperolehi terlebih dahulu. Selain itu, pengkaji

perlu juga mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak Jabatan Pelajaran Negeri(JPN) bagi negeri yang dipilih dan kemudian pengkaji mendapatkan pula kebenaran pihak pengetua melalui perjumpaan secara terus dengan pihak sekolah.

### **Pembinaan Instrumen Kajian**

Pembinaan instrumen kajian amat penting dalam sesuatu kajian. Memandangkan kajian ini menggunakan kaedah tinjauan, pengedaran soal selidik adalah alat kajian yang terbaik digunakan. Kajian ini melibatkan beberapa tahap iaitu;

1. Konteks keluarga dan demografik keluarga sebagai pembolehubah bebas manakala pembolehubah bersandar adalah penglibatan ibu bapa(di rumah dan di sekolah)
2. Penglibatan ibu bapa di rumah dan di sekolah sebagai pembolehubah bebas manakala pencapaian akademik sebagai pembolehubah bersandar dan;
3. Konteks keluarga dan demografik keluarga sebagai pembolehubah bebas dan pencapaian akademik sebagai pembolehubah bersandar.
4. Persepsi dan ekspektasi pula dikaji secara deskriptif berdasarkan jawapan daripada soalan terbuka.

Dalam kajian ini, instrumen digubal berdasarkan objektif dan soalan kajian yang telah ditetapkan dan dibahagi kepada beberapa bahagian atau konstruk seperti Konstruk Konteks Keluarga, Demografik Keluarga,Penglibatan Ibu Bapa, Persepsi dan Expektasi Murid. Pembacaan kritis dibuat terhadap bahan-bahan tentang penglibatan ibu bapa dalam pelajaran anak-anak (Fariza Md. Sham,1998; Smetana 2008; Holloway, Mirny, Bempechat, & Li, 2008; Mohd Amin, 1998; Lam dan Muhammad, 1991; Chomiak, 2006; Blondal & Adalbjarnordottir, 2009; Brown & Lyenger, 2008; Kleiner,

2005; Joe & Davis, 2009; Clark, 2005; Cia & Barham, 2009; Bell, 2004; Hossain & Anziano, 2008). Selain mendapatkan pandangan dan maklumbalas pakar yang banyak membantu pembinaan soalan-soalan kajian.

Alat kajian yang digunakan mengandungi item-item berbentuk pernyataan dan pilihan jawapan yang diberikan dalam bentuk skala Likert(1-5) iaitu (1) Sangat Setuju, (2) Setuju, (3) Tidak Pasti, (4) Tidak Setuju dan (5) Sangat Tidak Setuju.. Pemilihan skala Likert dibuat kerana ianya lebih mudah diurus dan dijawab oleh responden. Selain itu, kebolehpercayaan data yang diperolehi lebih tinggi dan mudah digeneralisasikan kepada populasi(Chua. 2006)

Dalam kajian ini soal selidik yang dibina mengandungi tujuh bahagian utama. Bahagian-bahagian itu adalah A) Maklumat Umum(demografik), B) Konteks Keluarga, C) Penglibatan Ibu bapa di rumah, D) Penglibatan Ibu bapa di Sekolah, E) Ekspektasi murid, F) Persepsi Pelajar dan G) Maklumat Prestasi Pelajar.

**Bahagian A** mengandungi maklumat demografik seperti jantina, bangsa, bilangan adik beradik, status penjagaan, lokasi tempat tinggal, tahap pendidikan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa dan pendapatan ibu bapa. Bahagian ini bertujuan bagi mendapatkan maklumat asas berkaitan dengan latar belakang responden. Pada masa yang sama, maklumat latar belakang berguna untuk membuat interpretasi analisis data berkaitan dengan hubungan demografi dengan penglibatan ibu bapa sama ada di rumah mahupun di sekolah. Sebanyak enam soalan berkaitan dengan murid dan empat soalan berkaitan dengan maklumat ibu bapa murid. Item-item yang dibina bagi bahagian ini adalah item pilihan tunggal.

**Bahagian B** melibatkan komponen-komponen dalam konteks keluarga seperti interaksi & komunikasi(IK), amalan keibubapaan(AK), kesenggangan(KES), keterbukaan(KTR) dan penerimaan(PEN). Bahagian ini penting kerana ianya menjadi

konstruk utama kajian. Sebanyak empat item dibina bagi konstruk Interaksi & Komunikasi manakala tujuh item dalam Amalan Keibubapaan. Item Keterbukaan pula mengandungi lima item, Kesenggangan, sebanyak 10 item dan tiga item bagi konstruk Penerimaan. Kesemua item dibina berdasarkan item jenis Likert yang disusun mengikut persetujuan daripada “Sangat Selalu”, “Selalu”, “Tidak Pasti”, “Jarang” dan “Tidak Pernah”.

**Bahagian C** pula mengandungi item-item yang mengukur penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di rumah. Beberapa sub konstruk telah dibina bagi menerangkan keadaan penglibatan ibu bapa di rumah seperti Tugasan Sekolah(TS), Kemudahan Pembelajaran(KP) dan Pemantauan(PEM). Sebanyak enam item telah dibina bagi konstruk Tugasan Sekolah, lima item bagi Kemudahan Pembelajaran dan empat item bagi konstruk Pemantauan. Sebanyak 15 item kesemuanya bagi konstruk ini. Kesemua item yang dibina bertujuan bagi melihat sejauh mana ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak ketika di rumah. Skala Likert masih digunakan bagi menjawab soalan-soalan dalam bahagian ini. Item dalam bahagian ini juga disusun mengikut persetujuan daripada “Sangat Selalu”, “Selalu”, “Tidak Pasti”, “Jarang” dan “Tidak Pernah”.

**Bahagian D** mengandungi sub konstruk yang mengukur penglibatan ibu bapa di sekolah. Sub konstruk yang dibina terdiri daripada Perjumpaan Ibu bapa-Sekolah(PIS), Hari Terbuka/Kecemerlangan(HT/K) dan Aktiviti/Program(APS). Perjumpaan Ibu bapa Sekolah mengandungi enam item yang mengukur konstruk tersebut. Tiga item dibina bagi Hari Terbuka & Hari Kecemerlangan dan enam item dibina bagi konstruk Aktiviti dan Program Sekolah. Kesemua item cuba mengukur akan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah. Keseluruhan item bagi konstruk ini adalah 15 dan ianya diukur dengan menggunakan skala Likert. Dalam

bahagian ini, persetujuan juga disusun mengikut daripada “Sangat Selalu”, “ Selalu”, “Tidak Pasti”, “Jarang” dan “Tidak Pernah”.

Jadual 1:

Agihan Bahagian Dalam Instrumen Kajian.

Perkara/ Bahagian	Konstruk	Pecahan Konstruk	Bilangan Item
A	Maklumat Umum (Demografik)	Murid Ibu Bapa	6 4
B	Konteks Keluarga	Interaksi / Komunikasi Amalan Keibubapaan Kesenggangan Keterbukaan Penerimaan	4 7 10 5 3
C	Penglibatan Ibu bapa Di Rumah	Tugasan Sekolah Kemudahan Pembelajaran Pemantauan	6 5 4
D	Penglibatan Ibu bapa Di Sekolah	Perjumpaan Ibu bapa Hari Terbuka/Kecemerlangan Aktiviti/Program	6 3 6
E	Ekspektasi Pelajar	Skala Dikotomi Soalan Terbuka	1 1
F	Persepsi Pelajar	Skala Likert Soalan Terbuka	6 6
G	Maklumat Prestasi Pelajar		7

Di dalam **Bahagian E**, satu soalan jenis item pilihan tunggal dan satu soalan terbuka telah diberikan bagi melihat ekspektasi murid terhadap penglibatan ibu bapa mereka ketika di sekolah menengah. Soalan item tunggal berbentuk dikotomi yang

memerlukan responden memilih sama ada "Ya" atau "Tidak". Responden hanya perlu memilih salah satu jawapan dan seterusnya perlu memberikan alasan kepada jawapan tersebut. Soalan terbuka ini digunakan bertujuan bagi mendapatkan data berkaitan dengan ekspektasi murid dan data akan dikodkan terlebih dahulu sebelum dianalisis secara deskriptif.

**Bahagian F** merupakan bahagian yang mengukur persepsi murid. Dalam bahagian ini, dibina soalan berskala Likert dan soalan terbuka bagi mendapatkan data berkaitan dengan persepsi murid terhadap penglibatan ibu bapa ketika di sekolah menengah. Dalam bahagian ini, enam soalan berskala Likert dan enam soalan terbuka diberikan. Murid perlu memberikan persetujuan terlebih dahulu dalam item skala Likert sama ada "Tidak Setuju", "Kurang Setuju", "Agak Setuju", "Setuju" dan "Sangat Setuju". Setelah memberikan persetujuan tersebut, murid perlu pula memberikan alasan ke atas respon mereka. Analisis data juga dibuat secara deskriptif.

**Bahagian G** adalah bahagian terakhir untuk mendapatkan maklumat prestasi murid. Maklumat ini diperlukan bagi melihat prestasi murid dalam peperiksaan terkini. Memandangkan kajian ini melibatkan murid tingkatan empat, maka prestasi murid akan diambil kira berdasarkan kepada prestasi semasa PMR. Prestasi akademik diambil daripada peperiksaan Penilaian Menengah Rendah. Bahagian ini telah dikodkan kepada 7 subjek utama dan gred yang diperolehi diberikan nilai bagi memudahkan pengkaji membuat penganalisaan.

**Jadual 2:****Gred, Pangkat, Markah dan Nilai Bagi Pemarkahan**

Gred	Pangkat	Markah	Nilai
A	Cemerlang	80 - 100	6
B	Kepujian	70 - 79	5
C	Baik	50 - 69	4
D	Mencapai Tahap Penguasaan	40 - 49	3
E	Tidak Mencapai Tahap Penguasaan	00 - 39	2
F	Tidak Hadir	-	1

**Kajian Rintis**

Kajian rintis soal selidik dijalankan adalah bertujuan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan item-item ujian yang telah dibina. Kajian rintis ini telah dilaksanakan dan ditadbir kepada murid-murid di empat buah sekolah di Daerah Gombak. Kajian rintis ini melibatkan 350 orang pelajar dan dilaksanakan pada awal bulan April, 2009 bagi mengenal pasti beberapa perkara iaitu;

- a) Mengetahui sejauh mana kesesuaian keseluruhan item-item dalam instrumen sama ada mudah difahami atau tidak. Pelajar diminta membulatkan istilah-istilah dan menggariskan struktur ayat yang difikirkan sukar untuk difahami.
- b) Mengetahui sejauh mana responden memahami setiap pernyataan dan soalan yang dikemukakan. Ini dilakukan dengan membenarkan pelajar-pelajar bertanya sendiri kepada penyelidik.
- c) Mengetahui sama ada pernyataan-pernyataan dalam soal selidik bertepatan dan bersesuaian dengan responden dan apa yang ingin dikaji.
- d) Bagi menentukan kebolehpercayaan alat kajian(Chua, 2006)

Kajian rintis ini ditadbirkan terlebih dahulu kepada responden bagi melihat sejauh mana alat ukuran yang digunakan bersesuaian dan mengukur apa yang sepatutnya diukur. Justeru, kebolehpercayaan dan kesahan alat ukuran akan menentukan hasil dapatan yang tepat dan dapat digeneralisasikan kepada populasi sebenar.

Kajian rintis ditadbirkan kepada murid-murid dari sekolah yang tidak menjadi sampel dalam kajian ini. Terdapat 4 buah sekolah telah terpilih yang terdiri daripada dua buah sekolah di dalam kategori bandar dan dua buah sekolah di luar bandar. Sampel yang agak besar diambil bertujuan mendapatkan hasil kajian yang lebih jitu. Data bukan sahaja digunakan bagi menganalisis kebolehpercayaan instrumen malahan telah digunakan untuk analisis faktor serta ujian pelbagai regresi. Ini bertujuan bagi melihat hubungan dan kekuatan item-item dalam menguji konstruk yang telah dibina. Mengikut Van Belle(2008), bagi menguji kesensitifan sesuatu item, *rules of thumb* perlu diambil kira yang mana bilangan item dalam sesuatu instrumen akan didarab dengan lima. Ini bermakna bilangan sampel yang diperlukan bagi kajian rintis adalah lima kali ganda daripada bilangan item yang terdapat dalam instrumen. Hal ini bertujuan bagi melihat item berkorelasi secara sensitif dan dapat mengesan kekuatan item yang telah dibina.

### **Kesahan Instrumen Kajian**

Kesahan merujuk kepada keupayaan alat ujian dalam sesuatu pengukuran yang dilakukan mampu mengukur nilai sebenar konsep dalam hipotesis. Kerlinger dan Lee(2000) menyatakan bahawa kesahan merujuk kepada kesesuaian, ketepatan, kebermaknaan dan kebergunaan sesuatu data yang telah diperolehi oleh seseorang penyelidik dan ianya adalah satu proses mengumpul dan menganalisis bukti bagi

menyokong inferensi. Chua(2006) mendefinisikan kesahan sebagai nilai korelasi di antara pengukuran dan nilai sebenar sesuatu variabel. Jika pengukuran yang dibuat tepat pada nilai sebenar sesuatu variabel, nilai korelasinya adalah tinggi dan penyelidikan yang dijalankan mempunyai kesahan yang tinggi juga.

Kesahan adalah kebenaran atau ketepatan pengukuran yang dijalankan dan instrumen yang digunakan dalam kajian dapat mengukur apa yang ingin diukur (Oppenheim, 1997; Sabitha Marican, 2005). Kesahan sesuatu instrumen perlu berlandaskan sejauh mana instrumen tersebut dapat mengukur gagasan atau sesuatu pembolehubah yang hendak diukur. Ini merujuk kepada sejauh manakah jawapan yang diberikan oleh responden merupakan kebenaran dan mengukur apa yang diharapkan oleh penyelidik(Fowler, 1990; Khalid Johari, 2004 ). Menurut Abu Bakar Nordin(1998), instrumen yang mempunyai kesahan yang tinggi menunjukkan keadaan sebenar pada perkara yang sedang diuji. Ini ditentukan apabila ukuran tersebut menunjukkan bacaan kepada apa yang ingin diukur.

Kesahan sesuatu alat ukuran adalah penting di dalam sesuatu penyelidikan. Kesahan sesuatu alat ujian dapat menggambarkan sejauh mana penyelidikan tersebut dilaksanakan dengan betul dan sejauh mana alat ukuran yang digunakan tersebut telah mengukur apa yang harus diukur apabila ditadbir dengan seragam dan tepat (Anastasi, 1982 )

Dalam kajian ini, penyelidik telah mendapatkan khidmat pakar dalam menentukan kesahan konstruk dan kesahan kandungan instrumen. Seramai enam orang pakar telah dipilih yang terdiri daripada kalangan akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing. Empat orang pakar kalangan pensyarah dan dua orang guru bahasa telah menyemak dan mengesahkan kesesuaian instrumen dan daripada beberapa pembetulan yang dibuat, penyelidik telah mengaplikasikan

instrumen tersebut kepada sampel melalui kajian rintis. Ini bertujuan bagi mendapatkan kebolehpercayaan instrumen yang akan digunakan dalam kajian lapangan nanti.

### **Kebolehpercayaan Instrumen Kajian**

Kebanyakan ahli psikologi mendefinisikan kebolehpercayaan sebagai ketekalan (*consistency*) dan kestabilan(*stability*) alat ujian yang digunakan terhadap apa saja yang diukur dan hubungan skor yang didapati dalam pelbagai keadaan pengujian oleh individu yang berbeza tetapi menggunakan alat ukuran yang sama(Sabitha Marican, 2005; Khalid Johari, 2004; Fraenkel & Wallen, 2006). Dengan kata lain, kebolehpercayaan merupakan satu faktor yang boleh menunjukkan keberkesanan sesuatu skala atau ujian psikologi. Penggunaan kebolehpercayaan bertujuan menentukan sama ada sesuatu sifat di dalam skala diukur secara konsisten setiap kali skala itu digunakan.

Kerlinger dan Lee(2000) menjelaskan kebolehpercayaan sebagai ketepatan dan kejituhan sesuatu instrumen pengukuran yang digunakan. Abu Bakar Nordin(1995) menyatakan kemantapan sesuatu instrumen yang telah dibina oleh penyelidik adalah bergantung kepada keupayaan instrumen tersebut memberi nilai-nilai yang konsisten pada setiap kali dibuat pengukuran. Kebolehpercayaan diuji melalui *Cronbach's Coefficient Alpha* (Cronbach, 1984) bagi menguji ketekalan dalaman. Item yang baik apabila diukur dengan kaedah *Cronbach Alpha* mempunyai nilai koefisien kebolehpercayaan yang tinggi.

Penentuan nilai kebolehpercayaan adalah amat penting dalam menentukan ketekalan dalaman item yang telah dibina dalam instrumen kajian. Kebiasaannya, nilai alpha berpandukan *Cronbach Coefficient* digunakan sebagai rujukan. Cramer(1998);

Cramer(2003) menyatakan bahawa nilai *Cronbach Alpha* adalah kaedah paling sesuai bagi mengukur kebolehpercayaan yang sering digunakan dalam soal selidik yang ditadbir.

Menurut Mohd Majid Konting(1990), nilai indeks kebolehpercayaan item yang baik harus mempunyai nilai *alpha* 0.60. Namun, menurut Bryman(2004) .80 adalah tahap kebolehpercayaan yang terbaik bagi sesuatu alat ujian. Dalam kajian ini, nilai *Cronbach Alpha* .70 dan ke atas diterima sebagai nilai tekal dan kesemua konstruk dikira mempunyai nilai kebolehpercayaan pada tahap tersebut. Data kajian rintis diproses dengan menggunakan program SPSS(PASW) bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan *alpha*. Indeks kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* soal selidik yang digunakan adalah seperti pada jadual di bawah.

Jadual 3:

Klasifikasi Indek Kebolehpercayaan Cronbach

Indikator	Nilai Alpha
Sangat Tinggi	0.90 - 1.00
Tinggi	0.70 - 0.89
Sederhana	0.30 - 0.69
Rendah	0.00 - 0.30

Nilai *alpha* ini diklasifikasikan berdasarkan indeks kebolehpercayaan Cronbach (1984). Namun, penyelidik terdahulu mencadangkan nilai *alpha* yang melebihi 0.80 adalah bersesuaian bagi merujuk kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima sebagai satu kekuatan kepada instrumen yang telah bina(Bryman & Cramer, 1990; Aiken & West, 1991; Mohd Majid Konting, 2003)

Analisa item dalam kajian ini menunjukkan bahawa nilai kebolehpercayaan instrumen kajian menggunakan pekali *Cronbach Alpha* terletak di antara .887 hingga .892. Ini menunjukkan nilai kebolehpercayaan bagi item-item yang terdapat dalam instrumen kajian adalah tinggi. Begitu juga kebolehpercayaan keseluruhan item pada nilai Alpha .890. Didapati juga kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian ini mampu untuk mengukur konsep yang diperlukan. Secara tidak langsung item-item yang dibina boleh diguna pakai dan mampu mengukur konstruk yang telah dibina.

Bagi melihat ketekalan ujian yang dijalankan, penyelidik telah menggunakan nilai pekali korelasi berdasarkan rumusan yang telah dibuat oleh Cronbach(1984). Dengan menggunakan teknik analisis item iaitu korelasi item keseluruhan dengan menggunakan formula *Pearson Correlation Coefficient*, data dianalisis menggunakan program SPSS(PASW) versi 18. Melalui kaedah ini, skor bagi setiap item dikorelasikan dengan jumlah skor keseluruhan bagi sesuatu subskala.

### **Dapatan Kajian Rintis**

Kajian rintis telah dijalankan oleh penyelidik kepada sampel-sampel terpilih. Dapatan kajian rintis telah dijadikan panduan bagi kajian lapangan yang sebenar.

### **Kebolehpercayaan item**

Dapatan kajian rintis menunjukkan bahawa kebolehpercayaan bagi item yang telah dibina agak tinggi bagi konstruk Konteks Keluarga. Nilai *Cronbach Alpha* tersebar pada nilai *alpha* .851 hingga .857. Begitu juga bagi konstruk Penglibatan Ibu Bapa di rumah yang tersebar pada nilai *alpha* .887 hingga .889. Analisa item ini menunjukkan

bahawa nilai kebolehpercayaan instrumen kajian menggunakan pekali *Cronbach Alpha* bagi item-item yang terdapat di dalam dua konstruk ini adalah tinggi.

Bagi konstruk Penglibatan Ibu Bapa di sekolah, nilai *Cronbach Alpha* berada pada nilai *alpha* .674 hingga .690. Kebolehpercayaan bagi konstruk ini berada pada tahap sederhana dan item-item yang dibina mengukur konstruk pada tahap sederhana. Pengkaji perlu mengubahsuai item bagi mendapatkan nilai *alpha* yang lebih baik. Pengkaji telah membuat rombakan item mengikut kesesuaian agar ianya mampu mengukur konstruk yang dibina.

Begitu juga kebolehpercayaan keseluruhan item bagi konstruk Persepsi Murid. Nilai *Cronbach Alpha* didapati berada pada nilai .753 iaitu pada tahap tinggi. Keseluruhannya, didapati kebolehpercayaan instrumen kajian mampu untuk mengukur konsep yang telah dibina walaupun terdapat sedikit pengubahsuaian dan rombakan pada item-item telah dilakukan. Secara tidak langsung item-item ini boleh diguna pakai untuk kajian lapangan yang sebenar dan mampu mengukur apa yang sepatutnya diukur.

Jadual 4:

## Indeks Kebolehpercayaan Soal Selidik


Bil	Dimensi / Aspek	Bilangan Item	Nilai Alpha Cronbach
1	<b>Maklumat umum</b>	6	
2	<b>Konteks Keluarga</b>		
	Interaksi/ Komunikasi	4	.857
	Amalan Keibubapaan	7	.850
	Kesenggangan	10	.854
	Keterbukaan	5	.851
	Penerimaan	3	.856
3	<b>Penglibatan Ibu bapa Di Rumah</b>		
	Tugasan Sekolah(TS)	6	.847
	Kemudahan Pembelajaran(KP)	5	.860
	Pemantauan(PEM)	4	.859
4	<b>Penglibatan Ibu bapa Di Sekolah</b>		
	Perjumpaan Ibu bapa-Sekolah(PIS)	6	.690
	Hari Terbuka/ Kecemerlangan(HT/K)	3	.690
	Aktiviti / Program (AP)	6	.674
5	<b>Ekspektasi Pelajar</b>	1	
6	<b>Persepsi Pelajar</b>	6	.753
7	Maklumat Prestasi Pelajar	7	
	Keseluruhan	69	.907

**Analisis Faktor**

Analisi faktor telah dijalankan oleh pengkaji bagi memantapkan lagi instrumen yang dibina. Item-item yang telah dibina oleh pengkaji berkemungkinan tidak mengukur konstruk dengan tepat dan mungkin juga item-item tersebut bertindih antara satu sama lain. Melalui analisis faktor, terdapat item-item yang diubah suai atau perlu diletakkan ke dalam konstruk yang lain. Justeru, analisis faktor telah membantu pengkaji

menyusun, memindah, menyingkir dan menambah item berdasarkan keputusan analisis.

Analisis faktor yang dijalankan berdasarkan data kajian rintis ( $N=350$ ). Dapatkan menunjukkan terdapat tiga belas faktor yang nilai *eigen*nya lebih besar daripada 1.0 dan kesemua faktor tersebut menyumbang sebanyak 55.77 peratus perubahan varians bagi data kajian. Hanya faktor yang memberikan sumbangan yang besar telah diekstrak sebagai faktor kepada variabel bersandar kajian. Faktor yang mempunyai nilai *eigen* yang kurang daripada 1.0 telah disingkirkan keluar daripada senarai faktor. Keputusan analisis faktor juga menunjukkan hanya dua faktor yang paling atas sahaja memberi sumbangan yang melebihi 5 peratus iaitu komponen 1(20.99 peratus) dan komponen 2(6.67 peratus). Faktor utama yang telah diekstrak dapat diperhatikan melalui graf *scree plot* yang menunjukkan dengan jelas dua faktor utama yang telah memberi sumbangan kepada perubahan varians keseluruhan dalam variabel bersandar.



Graf 1 : Scree plot menunjukkan bilangan faktor yang menyumbang kepada perubahan variabel keseluruhan.

Jadual 5:

Penglabelan Semula Konstruk Mengikut Analisis Faktor.

Komponen	Konstruk	Bilangan Item
Faktor 1	Amalan Keibubapaan	6
Faktor 2	Kesenggangan	7
Faktor 3	Keterbukaan	6
Faktor 4	Interaksi & Komunikasi	6
Faktor 5	Penerimaan	8
Faktor 6	Kemudahan Pembelajaran	5
Faktor 7	Tugasan	5
Faktor 8	Pemantauan	5
Faktor 9	Perjumpaan Ibu bapa Sekolah	5
Faktor 10	Aktiviti & Program Sekolah	5
Faktor 11	Hari Terbuka & Hari Kecemerlangan	5

Konstruk-konstruk yang telah distrukturkan semula mengikut analisis faktor ini akan diaplikasikan dalam kajian sebenar bagi mendapatkan data yang lebih jitu dan tepat berkaitan kajian.

### **Kajian Lapangan**

Penyelidikan telah dijalankan di negeri Selangor. Pengkaji hanya melibatkan populasi dalam kalangan murid tingkatan empat di sepuluh daerah yang terdapat di dalam negeri Selangor. Sebanyak 24 buah sekolah telah di pilih secara persampelan rawak

(rujuk lampiran senarai sekolah). Kajian (ini juga nanti akan digeneralisasikan di dalam negeri Selangor sahaja memandangkan populasi yang diambil kira hanya melibatkan negeri tersebut.

### **Sampel dan Persampelan**

Persampelan merupakan satu proses dalam memilih sebilangan subjek daripada satu populasi untuk dijadikan sebagai responden dalam sesuatu kajian(Fraenkel & Wallen, 2006; Kerlinger & Lee, 2000;). Ianya adalah satu aspek yang penting dalam penyelidikan dan sekiranya pemilihan sampel yang tidak tepat, secara tidak langsung akan menjadikan kesahan dan kebolehpercayaan penyelidikan. Dengan merancang persampelan, dapat memudahkan penyelidik dalam mengumpul data dan seterusnya dapat mengurangkan ralat pengukuran.

Persampelan kajian juga penting dalam menentukan fokus sampel yang diinginkan. Prosedur persampelan dalam penyelidikan ini dilakukan dengan menetapkan kerangka persampelan terlebih dahulu dan seterusnya diikuti dengan memilih sampel kajian daripada kerangka persampelan tersebut. Ujian statistik dilakukan ke atas sampel selepas kedua-dua langkah di atas telah disempurnakan. Nilai ujian statistik yang diperolehi daripada sampel yang telah dianalisis seterusnya akan digeneralisasikan kepada seluruh populasi.

Memandangkan kajian ini adalah kajian tinjauan, sampel yang besar diperlukan. Sebelum penyelidik menentukan jenis persampelan kajian, penyelidik perlu menentukan saiz sampel terlebih dahulu selain mengambil kira faktor yang mempengaruhi saiz sampel, pertimbangan antara ketepatan, kos, jenis ujian statistik, ciri variabel dan saiz populasi. Kaedah persampelan dalam kajian ini adalah jenis persampelan rawak mudah. Pemilihan sampel dibuat secara rawak bagi memberi

peluang kepada subjek dalam populasi untuk dipilih sebagai responden kajian(Mohd Majid Konting, 2000; Chua, 2006). Persampelan rawak berlapis digunakan bagi melihat penglibatan ibu bapa dari segi etnik, jantina, bilangan adik beradik, bidang pekerjaan ibu bapa, dan lokasi tempat tinggal.,.

Berdasarkan kepada pengiraan Krejcie dan Morgan(1970) telah menyenaraikan saiz sampel yang berpadanan dengan saiz populasi. Ini berikutnya adalah mustahil bagi seseorang penyelidik untuk menggunakan kesemua sampel dalam populasi memadai dengan saiz sampel yang sesuai bagi digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi. Pengiraan saiz sampel ditentukan dengan mengambil kira aras kesignifikanan dan ralat persampelan (Cohen, Manion dan Morrison, 2001). Pengkaji perlu menentukan saiz sampel dengan mengambil kira aras kesignifikanan sama ada pada  $p <.05$  (aras kebolehpercayaan = 95%) atau pada  $p <.01$  (aras kebolehpercayaan = 99%). Ini berikutnya bahawa memilih satu sampel yang sesuai yang mewakili sesuatu populasi adalah lebih baik daripada memilih satu sampel yang besar tetapi bias(Cohen, 1992). Ini akan menjaskan dapatan yang diperolehi oleh pengkaji. Cohen, Manion dan Morrison(2001) juga menentukan saiz sampel dengan mengambil kira ralat Jenis I ( $p <.05$ ) dan ralat Jenis II ( $p <.01$ ).

Jadual 6 menunjukkan populasi dan sampel yang terdapat dalam negeri Selangor. Jumlah pelajar tingkatan empat secara keseluruhannya adalah 58 571 orang. Jumlah keseluruhan murid yang terdapat dalam negeri Selangor adalah 347 467 orang. Jumlah murid tingkatan empat ini adalah meliputi 16.86% daripada populasi keseluruhan. Bilangan murid yang agak ramai ini tidak digunakan sepenuhnya oleh pengkaji memandangkan ianya memerlukan masa, tenaga dan kewangan yang besar. Hanya seramai 1000 orang responden telah digunakan bagi kajian ini yang merangkumi lebih kurang 1.7% sahaja daripada populasi.

Bilangan murid tingkatan empat daripada sepuluh buah daerah dalam negeri Selangor digunakan sebagai responden dalam kajian ini. Seramai 2 946 murid tingkatan empat dari Daerah Kuala Langat akan dijadikan sebagai populasi kajian. Ianya meliputi 15.97% daripada keseluruhan pelajar. Daerah Kelang pula menyumbang 16.73% iaitu seramai 10 129 orang sampel daripada 60 546 orang murid secara keseluruhannya. Kuala Selangor pula menyumbang 3 334 orang responden daripada 18 365 orang murid. Ianya meliputi 18.15% daripada keseluruhan murid. Daerah Hulu Langat pula mempunyai 65 157 orang murid secara keseluruhan manakala murid tingkatan empat hanya 10 194 orang. Ianya meliputi 15.65% daripada jumlah populasi.

Daerah Hulu Selangor pula mempunyai 15 615 orang murid secara keseluruhannya dan hanya 2 380 orang murid tingkatan empat yang akan dijadikan sebagai responden dalam kajian ini. Ianya hanya meliputi 5.24% daripada keseluruhan murid yang terdapat dalam daerah tersebut. Sabak Bernam pula menyumbang sampel seramai 18.13% daripada 11 695 orang murid keseluruhan. Namun, hanya 2 120 orang sampel kajian yang akan terpilih secara rawak dalam kajian ini. Seramai 47 630 murid terdapat dalam Daerah Gombak secara keseluruhannya. Namun, hanya seramai 9572 orang sahaja murid tingkatan empat yang menyumbang 20.10% kepada sampel kajian.

Jadual 6:

Populasi Dan Sampel Kajian Mengikut Daerah Dalam Negeri Selangor.

Daerah	Bilangan Pelajar Dalam Populasi	Bilangan Pelajar Tingkatan 4
Kuala Langat	18 450	2 946
Kelang	60 546	10 129
Kuala Selangor	18 365	3 334
Hulu Langat	65 157	10 194
Hulu Selangor	15 615	2 380
Sabak Bernam	11 695	2 120
Gombak	47 630	9 572
Petaling Utama	37 746	9 786
Sepang	9 965	1 795
Petaling Perdana	62 298	6 315
Jumlah	347 467	58 571

Daerah Petaling pula telah dibahagikan kepada dua iaitu Petaling Utama dan Petaling Perdana. Seramai 62 298 orang murid keseluruhan dalam daerah Petaling Perdana tetapi hanya 6 315 orang murid tingkatan empat akan dipilih secara rawak dalam kajian ini. Ianya meliputi 10.14% sahaja daripada keseluruhan murid. Petaling Utama pula mempunyai 37 746 orang murid secara keseluruhan dan hanya 9 786 orang murid tingkatan empat yang akan dipilih dalam kajian ini. Ianya merangkumi 25.92% daripada keseluruhan murid. Daerah Sepang pula mempunyai seramai 9 965

orang murid keseluruhan dan hanya 18.01% akan dipilih secara rawak dalam kajian ini.

Berdasarkan kepada populasi, jelas menunjukkan saiznya agak besar dan memerlukan responden yang besar juga. Namun, sekiranya ralat jenis I( $p<.05$ ) dikawal maka bilangan sampel yang akan terlibat hanyalah 384 orang(Krejcie & Morgan, 1970). Bilangan maksimum sampel yang diperlukan adalah 100 000. Walaupun bilangan populasi melebihi bilangan tersebut, bilangan maksimum sampel kekal pada jumlah 384 orang pada saiz sampel yang berpadanan dengan saiz populasi dibuat berdasarkan kawalan ke atas ralat. Sekiranya pengkaji ingin mengawal ralat Jenis II( $p<.01$ ), populasi yang melebihi 100 000, saiz sampel yang berpadanan adalah 9 706 orang.

Jadual 7 menunjukkan bilangan sekolah mengikut daerah yang terdapat dalam negeri Selangor. Dalam Daerah Kuala Langat, terdapat 14 buah sekolah menengah bantuan kerajaan. Daripada keseluruhan sekolah yang terdapat dalam daerah ini, tiada sekolah dikategorikan sebagai sekolah bandar manakala kesemua sekolah dikategorikan sebagai sekolah luar bandar. Ini bermakna 100% sekolah adalah sekolah luar bandar.

Daerah Klang pula mempunyai 35 buah sekolah yang terdiri daripada 25(71.43%) buah sekolah dalam kategori bandar manakala hanya 10(28.57%) buah sekolah dalam kategori luar bandar. Daerah Kuala Selangor mempunyai 16 buah sekolah dan 100% adalah sekolah yang terletak dalam kategori luar bandar. Sebanyak 23(63.89%) buah sekolah dalam kategori bandar dan 13(36.11%) buah sekolah luar bandar daripada keseluruhan 36 buah sekolah yang terletak dalam Daerah Hulu Langat manakala 100% sekolah yang terletak dalam Daerah Hulu Selangor

dikategorikan sebagai sekolah luar bandar. Ianya meliputi 14 buah sekolah dalam daerah tersebut.

Jadual 7:

Bilangan Sekolah Menengah Mengikut Daerah Dalam Negeri Selangor.

Bil	Daerah	Bilangan Sekolah	Bandar	Luar Bandar
1	Kuala Langat	14	0	14
2	Klang	35	25	10
3	Kuala Selangor	16	0	16
4	Hulu Langat	36	24	12
5	Hulu Selangor	14	0	14
6	Sabak Bernam	10	0	10
7	Gombak	32	25	7
8	Petaling Utama	26	26	0
9	Sepang	9	3	6
10	Petaling Perdana	41	41	0
	Jumlah	233	144	89

Daripada 10 buah sekolah menengah yang terdapat dalam Daerah Sabak Bernam, 100% dikategorikan sebagai sekolah luar bandar. Gombak pula mempunyai 32 buah sekolah bantuan kerajaan. Daripada jumlah itu hanya 25(78.13%) dikategorikan sebagai sekolah bandar manakala 7(21.87%) buah sekolah lagi dikategorikan sebagai sekolah luar bandar. Keseluruhan sekolah yang terdapat dalam

Daerah Petaling adalah dikategorikan sebagai sekolah bandar. Ianya meliputi 26 buah sekolah bagi Petaling Utama manakala 41 buah sekolah menengah bagi Petaling Perdana. Bagi Daerah Sepang, hanya 3(33.33%) buah sekolah dikategorikan sebagai sekolah dalam bandar manakala 6(66.67%) buah sekolah lagi terletak di luar bandar. Keseluruhan sekolah yang terdapat dalam Daerah Sepang adalah 9 buah. Keseluruhan sekolah di dalam negeri Selangor adalah 233 buah dan 143(61.80% ) buah sekolah terletak dalam kategori bandar manakala 89(38.20% ) buah sekolah lagi dikategorikan sebagai luar bandar.

Seramai 1000 orang murid terlibat dalam kajian ini. Setiap sekolah akan menyumbang sampel seramai 60 orang. Pengkaji menetapkan seramai 60 orang sampel diambil daripada setiap sekolah memandangkan bilangan tersebut adalah bilangan murid paling minima bagi dua buah kelas. Namun, bilangan ini melebihi bilangan sepatutnya yang diambil kerana pengkaji bimbang sekiranya terdapat ralat pada data ataupun data yang tidak lengkap diperolehi daripada responden. Justeru, bilangan 1000 responden adalah mencukupi sekiranya berlaku ralat data dalam kajian ini dan ianya masih mencukupi bilangan minima sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Krejcie dan Morgan(1970). Pengkaji cuba mengurangkan kekangan data rosak yang diperolehi dalam kajian ini bagi memudahkan penganalisaan.

### **Normaliti Data**

Salah satu syarat asas bagi statistik inferensi adalah data yang bertaburan secara normal. Bagi mengenal pasti sama ada data yang dikumpul bertaburan normal ataupun tidak, terdapat beberapa langkah yang boleh dilakukan. Setelah mendapatkan data, pengkaji terlebih dahulu menjalankan ujian normaliti. Ini bertujuan bagi melihat data yang diperolehi daripada sampel bertaburan normal ataupun tidak. Pada awalnya data yang diperolehi tidak bertaburan normal. Setelah dilakukan pembersihan data (membuangkan nilai eksrim dan ralat data), didapati data kajian ini adalah bertaburan normal. Justeru, pengkaji berpendapat ujian parametrik adalah bertepatan dengan data. Justeru, ujian kenormalan ini ditunjukkan bagi mewakili data-data yang akan digunakan dalam ujian parametrik nanti.


Jadual 8

Statistik Skewness dan Kurtosis Bagi Bentuk Taburan Data Konteks Keluarga

#### **Deskriptif**

		Statistic	Std. Error
KONTEKS KELUARGA	Mean	105.73	.418
	95% Confidence Interval for Mean	Lower Bound 104.91	
		Upper Bound 106.55	
	5% Trimmed Mean	105.76	
	Median	106.00	
	Variance	152.453	
	Std. Deviation	12.347	
	Minimum	78	
	Maximum	134	
	Range	56	
	Interquartile Range	19	
	Skewness	-.084	.083
	Kurtosis	-.679	.165

Jadual 8 menunjukkan *Skewness* dan *Kurtosis* bagi bentuk taburan data. Konteks keluarga menunjukkan data adalah bertaburan normal. Ini dikenal pasti melalui nilai skewness dan kurtosis yang terletak antara  $\pm 2$ . Nilai negatif skewness juga menunjukkan graf pencong negatif manakala kurtosis menunjukkan tinggi atau rendah bentuk taburan. Nilai kurtosis yang negatif juga menunjukkan bentuk lengkungan taburan yang rendah.



Graf 2 : Frekuensi Taburan Data Konteks Keluarga

Graf menunjukkan bahawa data kajian adalah bertaburan normal kerana bentuk taburan yang tinggi di bahagian tengah dan rendah bagi kedua-dua belah kiri dan kanan. Bentuk yang sebegini menggambarkan bahawa data konteks keluarga memenuhi data bertaburan normal dan sesuai untuk diuji menggunakan ujian parametrik.


### Jadual 9

Statistik Skewness dan Kurtosis Bagi Bentuk Taburan Data Penglibatan Ibu Bapa Di Rumah

#### Deskriptif

		Statistic	Std. Error
PENGLIBATAN IBU BAPA	Mean	45.03	.334
DI RUMAH	95% Confidence Interval for Mean	Lower Bound 44.37	
		Upper Bound 45.69	
	5% Trimmed Mean	45.01	
	Median	45.00	
	Variance	101.959	
	Std. Deviation	10.097	
	Minimum	22	
	Maximum	72	
	Range	50	
	Interquartile Range	14	
	Skewness	-.027	.081
	Kurtosis	-.487	.162

Jadual 9 menunjukkan bentuk taburan data. Penglibatan ibu bapa di rumah menunjukkan data adalah bertaburan normal. Ini dikenal pasti melalui nilai skewness dan kurtosis yang terletak antara  $\pm 2$ . Nilai negatif skewness juga menunjukkan graf pencong negatif manakala kurtosis menunjukkan tinggi atau rendah bentuk taburan. Nilai kurtosis yang negatif juga menunjukkan bentuk lengkungan taburan yang rendah



Graf 3 : Frekuensi Taburan Data Penglibatan Ibu Bapa Di Rumah

Graf bar dan garisan di atas menunjukkan bahawa data bagi penglibatan ibu bapa di rumah adalah bertaburan normal. Ini digambarkan melalui bentuk histogram yang tinggi di bahagian tengah dan rendah di kedua-dua belah kiri dan kanan. Ujian parametrik sesuai digunakan bagi data ini memandangkan ia memenuhi ciri-ciri ujian tersebut.


### Jadual 10

Statistik Skewness dan Kurtosis Bagi Bentuk Taburan Data Penglibatan Ibu Bapa Di Sekolah

#### Deskriptif

		Statistic	Std. Error
PENGLIBATAN IBU BAPA	Mean	33.44	.201
DI SEKOLAH	95% Confidence Interval for Mean	Lower Bound 33.05	
		Upper Bound 33.84	
	5% Trimmed Mean	33.39	
	Median	33.00	
	Variance	34.729	
	Std. Deviation	5.893	
	Minimum	22	
	Maximum	46	
	Range	24	
	Interquartile Range	9	
	Skewness	.169	.084
	Kurtosis	-.829	.167

Jadual 10 menunjukkan bentuk taburan data. Penglibatan ibu bapa di sekolah menunjukkan data adalah bertaburan normal. Ini dikenal pasti melalui nilai skewness dan kurtosis yang terletak antara  $\pm 2$ . Nilai positif skewness juga menunjukkan graf pencong positif manakala kurtosis menunjukkan tinggi atau rendah bentuk taburan. Nilai kurtosis yang negatif juga menunjukkan bentuk lengkungan taburan yang rendah.



Graf 4 : Frekuensi Taburan Data Penglibatan Ibu Bapa Di Sekolah

Histogram dalam graf menunjukkan frekuensi taburan data bagi penglibatan ibu bapa di sekolah. Bentuk histogram yang tinggi di bahagian tengah dan rendah di bahagian kiri dan kanan menunjukkan data kajian yang bertaburan normal. Graf garisan menjelaskan lagi bentuk taburan normal bagi data ini. Justeru, ujian parametrik sesuai digunakan bagi data ini.

### Kaedah Merekod Data

Data yang diperolehi dalam penyelidikan ini telah dianalisis sepenuhnya dengan menggunakan program SPSS(PASW). Namun, sebelum melakukan analisis data kuantitatif yang diperolehi daripada responden kajian, pengkaji perlu terlebih dahulu menentukan cara penyediaan data dan skala yang telah digunakan dalam penyelidikan.

Memandangkan kajian ini menggunakan reka bentuk kajian korelasi, maka terdapat beberapa siri ujian yang sesuai digunakan bagi melihat perhubungan antara pembolehubah. Pemilihan ujian ini penting bagi memastikan kajian yang dijalankan boleh dipercayai. Selain daripada itu, kajian yang dijalankan juga dapat menjawab soalan-soalan kajian yang telah dikemukakan dan dapat menyumbang kepada pertambahan pengetahuan.

Reka bentuk kajian korelasi memberikan peluang kepada penyelidik untuk meramalkan skor dan seterusnya menjelaskan perhubungan di antara pembolehubah (Fraenkel & Wallen, 2000; Creswell, 2008). Dalam reka bentuk kajian korelasi, penyelidik menggunakan ujian statistik korelasi bagi menerangkan dan mengukur tahap hubungan(perkaitan) antara dua atau lebih pembolehubah atau skor-skor bagi sesuatu perkara yang sama. Dalam reka bentuk ini, penyelidik tidak berusaha untuk mengawal atau memanipulasi pembolehubah sebagaimana yang dilakukan dalam reka bentuk eksperimen. Sebaliknya reka bentuk kajian ini lebih kepada melihat hubungan antara pembolehubah(Chua, 2009)

Dalam penyelidikan kuantitatif, data yang telah dikumpulkan melalui soal selidik perlu dianalisis dengan ujian statistik yang sesuai(Creswell, 2008). Penyelidik telah menetapkan jenis skala pengukuran yang akan digunakan dalam penyelidikan ini dan setiap jenis skala pengukuran mempunyai ciri-ciri yang berbeza-beza dan ianya sekaligus menentukan ujian statistik yang berbeza. Ujian statistik ini dibina berdasarkan syarat-syarat atau andaian yang sesuai dengan skala pengukuran yang digunakan (Chua, 2009; Fraenkel & Wallen, 2000; Sabitha Marican, 2005; Khalid Johari, 2004 ).

Penetapan jenis skala pengukuran dalam item-item kajian perlu dilakukan semasa membina instrumen kajian. Ini bertujuan bagi memudahkan pemilihan jenis ujian statistik yang sesuai bagi menganalisis data kajian. Perkaitan yang rapat antara

skala pengukuran dan jenis ujian statistik menyebabkan penyelidik lebih berhati-hati dalam menentukan ujian statistik yang manakah akan digunakan dalam kajian.

Dalam kajian ini, penyelidik hanya mempunyai dua jenis skala pengukuran iaitu Skala Nominal dan Skala Ordinal. Kedua-dua data bagi skala Nominal dan Ordinal ini biasanya digunakan dalam analisis Ujian Bukan Parametrik. Namun, dalam kes-kes tertentu, data daripada Skala Ordinal akan ditransformasikan kepada data Skala Selang bagi menyesuaikan jenis ujian yang akan dijalankan. Proses transformasi ini dilakukan bergantung kepada syarat-syarat yang diperlukan dan dalam penganalisaan data. Justeru, hanya ujian-ujian yang sesuai dengan skala ini sahaja digunakan bagi menganalisis data yang diperlukan.

### **Skala Nominal**

Penyelidik menggunakan skala jenis nominal dalam kajian ini bagi data-data yang melibatkan demografi seperti jantina, bangsa, status penjagaan, lokasi tempat tinggal, tahap pendidikan ibu dan bapa dan pekerjaan ibu dan bapa. Skala jenis ini digunakan bertujuan untuk mengumpul data berkaitan dengan pembolehubah yang mempunyai kategori bebas dan tidak bersandar antara satu sama lain. Data jenis ini digunakan oleh penyelidik untuk dianalisis secara deskriptif dengan cara mengira frekuensi dan peratusan bagi setiap kategori. Ianya bertujuan untuk membuat perbandingan secara kuantiti sahaja. Namun, pengkaji juga menggunakan data ini untuk dianalisis secara inferensi. Justeru, ujian statistik yang sesuai digunakan oleh penyelidik bagi menganalisis data adalah Ujian Khi Kuasa Dua(*Chi Square*). Ujian jenis ini boleh digunakan bagi melihat perbezaan frekuensi antara data demografi terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah.

### **Skala Ordinal**

Dalam kajian ini, skala Ordinal digunakan bagi memperolehi data berkaitan dengan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah. Berdasarkan instrumen yang dibina, Skala Likert telah digunakan bagi mendapatkan data. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif terlebih dahulu melalui pengiraan frekuensi dan peratusan bagi setiap kategori. Namun, bagi melihat sumbangan faktor peramal terhadap penglibatan ibu bapa, Ujian Regresi Pelbagai(*Multiple Regression*) telah digunakan. Bagi melihat perhubungan antara konteks keluarga, penglibatan ibu bapa dan pencapaian akademik, Ujian Korelasi Separa(*Partial Correlation*) telah digunakan bagi menganalisis data. Analisis data secara inferensi juga dilakukan bagi melihat persepsi dan ekspektasi pelajar terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah. Namun, dalam kajian ini, skala ordinal telah digunakan bagi menganalisis data berkaitan perhubungan antara konteks keluarga dengan penglibatan ibu bapa, sama ada di rumah dan di sekolah. Ini dilakukan kerana kedua dua data adalah berskala ordinal dan Ujian Regresi Pelbagai adalah paling sesuai digunakan. Selain itu, data skala Ordinal ini juga telah ditransformasikan kepada data skala selang bagi tujuan memenuhi syarat ujian regresi.

### **Kaedah Menganalisis Data**

Prosedur penganalisaan data mempunyai beberapa peringkat penting. Marshall dan Rossman(1999) telah menyenaraikan beberapa peringkat penganalisaan data seperti menguruskan data, membentuk kategori, tema dan bentuk, pengkodan data, kesahan data dan seterusnya membuat laporan.

Memandangkan kajian ini menggunakan kaedah tinjauan, penyelidik menggunakan sepenuhnya program SPSS(PASW) versi 18 bagi menganalisis data yang telah diperolehi. Cuma bahagian kedua yang melibatkan persepsi dan ekspektasi murid terhadap penglibatan ibu bapa memerlukan penyelidik menganalisis secara deskriptif dan membuat pengkodan kepada jawapan soalan terbuka.

### **Analisis Data Kuantitatif**

Penyelidikan kuantitatif dikaitkan dengan data nombor(Chua, 2006; Sabitha Marican, 2005). Melalui penyelidikan kuantitatif, data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan ujian statistik. Penyelidikan kuantitatif boleh dilakukan melalui penganalisaan secara deskriptif ataupun inferensi. Penganalisaan secara deskriptif dilakukan ke atas data yang diperolehi dengan melaporkan menggunakan statistik asas seperti frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan taburan skor yang diperolehi. Penganalisaan secara inferensi boleh dilakukan dengan menggunakan data yang telah dikumpul daripada sampel dan diuji menggunakan ujian statistik yang bersesuaian. Namun, pengkaji terlebih dahulu perlu mengambil kira ujian yang bersesuaian dengan data kerana ujian yang tidak bersesuai dengan data akan menghasilkan dapatan yang sia-sia. Berikut adalah berapa ujian bagi penganalisaan inferensi yang telah dilaksanakan bagi menganalisis data bagi tujuan menjawab soalan kajian yang telah dibuat.

#### **Ujian Khi Kuasa Dua ( *Chi-Square* )**

Ujian ini dipilih bagi menganalisis data jadual kontigensi sehala. Dalam kajian ini, terdapat dua atau lebih daripada dua kategori data nominal. Ujian Khi Kuasa Dua

untuk satu sampel akan memperoleh keputusan analisis yang signifikan sekiranya frekuensi dalam kategori-kategori sesuatu pembolehubah bersandar berbeza dengan frekuensi yang dijangkakan. Kajian ini telah menekankan kepada ujian Khi Kuasa Dua untuk kebebasan(*Chi-square test for independent atau test for homogeneity*) untuk menganalisis perhubungan antara dua atau lebih kategori dalam sesuatu pembolehubah.

### **Ujian Regresi Pelbagai (*Multiple Regression*)**

Ujian ini telah digunakan dalam kajian ini bagi mengenal pasti perubahan dalam dua atau lebih pembolehubah bebas yang akan menyumbang kepada perubahan dalam pembolehubah bersandar. Dalam kajian ini, prosedur *stepwise* telah digunakan bagi melihat semua pembolehubah yang menyumbang kepada model regresi dan pembolehubah yang tidak menyumbang kepada model akan disingkirkan.

### **Ujian Analisis Faktor( *Factor Analysis* )**

Ujian ini dijalankan bagi mengenal pasti serta menyusun sebilangan besar item-item soal selidik yang telah dibina ke dalam kosntruksi-konstruk berdasarkan pembolehubah yang terdapat dalam kajian. Selain itu, analisis faktor dapat mengenal pasti korelasi antara faktor(item-item) dan melihat semua faktor berkorelasi antara satu sama lain, kekuatan korelasi antara item-item, dan melihat nilai *communality* bagi setiap faktor dan *proporsi varians* bagi setiap faktor.

### **Ujian Korelasi Separa ( *Partial Correlation* )**

Ujian ini dijalankan bagi mengenal pasti perhubungan linear antara dua variabel kajian dengan mengawal perhubungan linear dengan kedua-dua variabel itu. Korelasi separa digunakan bagi mengenal pasti perhubungan antara penglibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik dan konteks keluarga dengan pencapaian akademik. Dalam kajian ini, penglibatan ibu bapa akan menjadi variabel kawalan bertujuan bagi melihat sama ada variabel penglibatan memberi kesan atau tidak terhadap pencapaian akademik pelajar.

### **Analisis Data Kualitatif**

Penyelidikan kualitatif digunakan untuk penghuraian data dalam bentuk teks dan bertujuan bagi memahami secara mendalam sesuatu fenomena kajian. Ini berikutan tingkah laku dan emosi, ciri-ciri dan situasi persekitaran sukar difahami dalam bentuk numerika. Dalam kajian ini, pengkaji menjalankan kaedah kualitatif hanya pada soalan terbuka bertujuan bagi menganalisis data secara bertulis berdasarkan respon murid terhadap penglibatan ibu bapa mereka dalam pendidikan ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Menurut Ratcliff(2005), kaedah analisis data kualitatif yang sering digunakan oleh penyelidik termasuklah kaedah tipologi, taksonomi, kaedah perbandingan tetap, kaedah induksi analitik, kaedah analisis matrik, kaedah statistik kuasi, kaedah analisis peristiwa, kaedah analisis metaforikal, kaedah analisis hermeneutikal dan kaedah analisis perbincangan. Namun, kajian ini hanya menitikberatkan kaedah perbandingan tetap yang mana data-data yang diperolehi daripada jawapan murid akan dikodkan dan dengan membandingkan kod-kod tersebut, pengkaji akan mengenal pasti perbezaan antara petunjuk-petunjuk teks dan kemudiannya menghuraikan data mengikut kategori dan fokus utama kajian.

### **Kesimpulan**

Dalam bab ketiga telah dinyatakan secara jelas metodologi yang telah digunakan dalam menganalisa data. Bermula daripada pernyataan reka bentuk kajian dan reka bentuk kerja yang telah dilakukan oleh pengkaji sebelum, semasa dan selepas memungut data, dijelaskan dengan terperinci akan keperluan data dalam kajian ini. Penjelasan berkaitan pembinaan instrumen, sampel dan persampelan sehingga ke kepada penganalisaan data, pengkaji telah menyatakan satu persatu keperluan yang akan dilaksanakan dalam kajian ini. Kajian rintis yang telah dilaksanakan menjadi titik tolak kepada pengubalan instrumen yang lebih tekal dan mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Ini sekali gus memudahkan pengkaji dalam mendapatkan data yang baik dalam kajian lapangan. Pengkaji telah menggunakan kaedah statistik yang bersesuaian dengan kajian untuk menjawab kesemua soalan kajian.

## BAB EMPAT

### ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

#### Pendahuluan

Penyelidikan merupakan satu aktiviti akademik yang mempunyai tahap dan prosedur untuk dijalankan(Neuman, 2000). Dalam bab ini, akan diuraikan dapatan yang diperolehi hasil daripada analisis data melalui soal selidik yang telah diedarkan. Data telah dianalsis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan PASW(*Predictive Analytics Software*). Analisis dapatan daripada kajian ini akan diperjelaskan satu persatu berdasarkan soalan kajian bertujuan bagi memudahkan pemahaman dan sekaligus menjawab persoalan kajian yang telah dibuat.

Ujian-ujian statistik yang dipilih akan menjelaskan secara berperingkat-peringkat bagi menjawab soalan-soalan kajian yang telah dibuat iaitu, a) Sejauh manakah terdapat perhubungan di antara penglibatan ibu bapa, penglibatan ibu bapa di rumah, dan penglibatan ibu bapa di sekolah dengan komponen-komponen konteks keluarga dalam pendidikan ketika anak-anak berada di sekolah menengah?; b) Terdapatkah hubungan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak berdasarkan; jantina, bangsa, bilangan adik beradik, status penjagaan, lokasi tempat tinggal, tahap pendidikan ibu, tahap pendidikan bapa, pekerjaan ibu, pekerjaan bapa, dalam pendidikan ketika anak-anak berada di sekolah menengah?; c) Sejauh manakah komponen-komponen dalam konteks keluarga meramalkan penglibatan ibu bapa, penglibatan ibu bapa di rumah mahupun penglibatan ibu bapa di sekolah; d) Sejauh

manakah terdapat perhubungan di antara pencapaian akademik murid dengan komponen-komponen penglibatan ibu bapa di rumah dan di sekolah dalam pendidikan ketika anak-anak berada di sekolah menengah?; e) Apakah ekspektasi murid terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan ketika di sekolah menengah? Terdapatkah hubungan antara pencapaian akademik dengan ekspektasi murid terhadap penglibatan ibu bapa?; f) Apakah persepsi murid terhadap penglibatan ibu bapa ketika di sekolah menengah?; g) Sejauh manakah pencapaian akademik murid dengan konteks keluarga saling berhubungan dengan penglibatan ibu bapa?

### **Analisis Deskriptif Demografi**

Jadual 11 menunjukkan bilangan sampel kajian mengikut jantina. Bilangan sampel kajian lebih banyak terdiri daripada perempuan iaitu berjumlah 529 orang(55.7%) manakala bilangan sampel lelaki hanyalah berjumlah 421orang(44.3%). Keseluruhan sampel kajian berjumlah 950 orang. Kesemua sampel menerima soal selidik secara rawak tanpa mengambil kira bilangan mengikut jantina. Bilangan sampel ini mewakili populasi yang terdapat dalam negeri Selangor.

Jadual 11:

Bilangan Sampel Kajian Mengikut Jantina

	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
Lelaki	421	44.3	44.3
Perempuan	529	55.7	100.0
Jumlah( N )	950	100.0	

Jadual 12:

Bilangan Sampel Kajian Mengikut Bangsa.

	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
Melayu	696	73.3	73.3
Cina	148	15.6	88.8
India	98	10.3	99.2
Lain-lain	8	0.8	100.0
Jumlah( N )	950	100.0	

Jadual 12 menunjukkan bilangan sampel kajian mengikut bangsa. Di dapati bangsa Melayu paling ramai menjadi sampel kajian. Seramai 696 orang(73.3 %) adalah sampel dalam kalangan Melayu manakala bilangan sampel dalam kalangan bangsa Cina seramai 148 orang(15.6%). Bilangan sampel dalam kalangan orang India hanyalah 98 orang(10.3%) manakala Lain-lain bangsa seramai 8 orang(0.8%). Sampel kajian dipilih secara rawak dengan mengedarkan soal selidik terus ke sekolah-sekolah yang tersenarai dalam cabutan. Justeru itu bilangan sampel mengikut bangsa tidak ditentukan terlebih dahulu memandangkan ianya akan menyukarkan kajian. Keseluruhan sampel kajian adalah seramai 950 orang.

Jadual 13:

Bilangan Sampel Kajian Mengikut Status Penjagaan

	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
Tinggal Dengan Ibu bapa	849	89.4	89.4
Tinggal Dengan Ibu	63	6.6	96.0
Tinggal Dengan Bapa	14	1.5	97.5
Tinggal Dengan Penjaga	24	2.5	100.0
Jumlah( N )	950	100.0	

Jadual 13 menunjukkan bilangan sampel kajian mengikut status penjagaan. Didapati bilangan sampel kajian yang tinggal dengan ibu dan bapa adalah 89.4% iaitu berjumlah 849 orang. Hanya 6.6% iaitu seramai 63 orang tinggal dengan ibu manakala seramai 14 orang pula tinggal dengan bapa dan ianya menyumbang sebanyak 1.5% kepada sampel kajian. Seramai 24 orang sampel kajian pula tinggal dengan penjaga dan menyumbang sebanyak 2.5% kepada sampel kajian. Jumlah keseluruhan sampel kajian adalah 950 orang.

Jadual 14:

Bilangan Sampel Kajian Mengikut Bilangan Adik Beradik.

	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
1-2 Orang	145	15.3	15.3
3-4 Orang	471	49.6	64.8
5-6 Orang	239	25.2	90.0
7-8 Orang	72	7.6	97.6
Lebih daripada 8 orang	23	2.4	100.0
Jumlah( N )	950	100.0	

Jadual 14 di atas menunjukkan bilangan sampel kajian mengikut bilangan adik beradik. Di dapati seramai 145 orang sampel mempunyai bilangan adik beradik dalam lingkungan 1-2 orang dan ianya menyumbang 15.3% kepada jumlah keseluruhan. Kebanyakan sampel kajian mempunyai bilangan adik beradik dalam lingkungan 3 – 4 orang iaitu seramai 471 orang. Ini sekaligus menyumbang nilai peratusan yang paling tinggi iaitu 49.6% daripada peratusan keseluruhan. Seramai 239 orang sampel kajian mempunyai bilangan adik beradik dalam lingkungan 5-6 orang dan sekaligus menyumbang sebanyak 25.2% daripada peratusan keseluruhan. Terdapat 72 orang

sampel mempunyai bilangan adik beradik dalam lingkungan 7-8 orang dan ianya menyumbang sebanyak 7.6%. Manakala, seramai 23 orang sampel mempunyai bilangan adik beradik melebihi 8 orang iaitu 2.4% daripada peratusan keseluruhan. Keseluruhan sampel kajian berjumlah 950 orang.

Jadual 15:

Bilangan Sampel Kajian Mengikut Lokasi Tempat Tinggal

	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
Bandar	470	49.5	49.5
Luar Bandar	480	50.5	100.0
<u>Jumlah( N )</u>	<u>950</u>	<u>100.0</u>	

Jadual 15 menunjukkan bilangan sampel kajian mengikut lokasi tempat tinggal. Lokasi tempat tinggal ditentukan oleh pengkaji mengikut prosedur persampelan secara rawak. Terdapat 12 buah sekolah dalam kategori bandar dan 12 buah sekolah lagi dalam kategori luar bandar. Persampelan ini dibuat berdasarkan kedudukan yang telah ditentukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Didapati seramai 470 orang sampel diperoleh daripada sampel dalam kategori bandar. Ianya menyumbang sebanyak 49.5% manakala seramai 480 orang sampel diperoleh daripada kategori luar bandar dan ianya menyumbang sebanyak 50.5%. Jumlah keseluruhan sampel kajian masih lagi seramai 950 orang. Jadual juga menunjukkan bilangan sampel dalam kategori bandar dan luar bandar agak seimbang.

Jadual 16 menunjukkan sampel kajian mengikut tahap pendidikan ibu. Didapati seramai 46 orang(4.8%) mempunyai ibu yang berpendidikan sehingga ijazah lanjutan(Sarjana/Ph.D). Seramai 180 orang(18.9%) ibu mempunyai Diploma/Ijazah

Pertama sebagaimana yang telah dinyatakan dalam soal selidik. Seramai 353 orang pula mempunyai tahap pendidikan sehingga tamat sekolah menengah atas. Ianya adalah jumlah paling tinggi dan menyumbang sebanyak 37.2% daripada peratusan keseluruhan.

Jadual 16:

Bilangan Sampel Kajian Mengikut Tahap Pendidikan Ibu.

	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
Tamat Sekolah Rendah	137	14.4	14.4
Tamat Sekolah Menengah Rendah	234	24.6	39.1
Tamat Sekolah Menengah Atas	353	37.2	76.2
Diploma / Ijazah Pertama	180	18.9	95.2
Ijazah Lanjutan ( Sarjana / Ph.D)	46	4.8	100.0
Jumlah( N )	950	100.0	

Data dalam Jadual 16 menunjukkan seramai 234 orang sampel mempunyai tahap pendidikan sehingga tamat sekolah menengah rendah. Jumlah tersebut menyumbang sebanyak 24.6% daripada peratusan keseluruhan, Seramai 137 orang pula mempunyai tahap pendidikan sekurang-kurangnya tamat sekolah rendah dan ianya menyumbang sebanyak 14.4% kepada peratusan keseluruhan. Jumlah sampel keseluruhan seramai 950 orang.

Jadual 17:

Bilangan Sampel Kajian Mengikut Tahap Pendidikan Bapa.

	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
Tamat Sekolah Rendah	110	11.6	11.6
Tamat Sekolah Menengah Rendah	214	22.5	34.1
Tamat Sekolah Menengah Atas	318	33.5	67.6
Diploma / Ijazah Pertama	212	22.3	89.9
Ijazah Lanjutan ( Sarjana / Ph.D)	96	10.1	100.0
Jumlah(N)	950	100.0	

Jadual 17 menunjukkan sampel kajian mengikut tahap pendidikan ibu. Didapati seramai 96 orang(10.1%) mempunyai bapa yang berpendidikan sehingga Ijazah Lanjutan(Sarjana/Ph.D). Seramai 212 orang bapa didapati mempunyai Diploma/Ijazah Pertama dan ianya menyumbang sebanyak 22.3%. Jumlah seramai 318 orang pula mempunyai tahap pendidikan sehingga tamat sekolah menengah atas. Ianya adalah jumlah paling tinggi dan menyumbang sebanyak 33.5% daripada peratusan keseluruhan.

Data dalam jadual juga menunjukkan seramai 214 orang sampel mempunyai tahap pendidikan sehingga tamat sekolah menengah rendah. Jumlah tersebut menyumbang sebanyak 22.5% daripada peratusan keseluruhan, Seramai 110 orang pula mempunyai tahap pendidikan sekurang-kurangnya tamat sekolah rendah dan ianya menyumbang sebanyak 11.6 % kepada peratusan keseluruhan. Jumlah sampel keseluruhan seramai 950 orang.

Jadual 18:

Bilangan Sampel Kajian Mengikut Pekerjaan Ibu.

	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
Bekerja Sendiri	164	17.3	17.3
Kakitangan Kerajaan	160	16.8	34.1
Kakitangan Swasta	156	16.4	50.5
Tidak Bekerja	470	49.5	100.0
Jumlah	950	100.0	

Jadual 18 menunjukkan bilangan sampel kajian mengikut pekerjaan ibu. Keseluruhan sampel kajian adalah seramai 950 orang. Seramai 470 orang sampel menyatakan bahawa ibu mereka tidak bekerja. Jumlah ini meliputi sebanyak 49.5% daripada peratusan keseluruhan. Seramai 156 orang sampel pula menyatakan bahawa ibu mereka adalah kakitangan swasta dan jumlah ini menyumbang sebanyak 16.4% daripada peratusan keseluruhan. Seramai 160 orang sampel dinyatakan bekerja sebagai kakitangan kerajaan dan jumlah ini meliputi 16.8% manakala seramai 164 orang sampel menyatakan ibu mereka bekerja sendiri dan ianya menyumbang sebanyak 17.3% daripada peratusan keseluruhan.

Jadual 19:

Bilangan Sampel Kajian Mengikut Pekerjaan Bapa.

	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
Bekerja Sendiri	320	33.7	33.7
Kakitangan Kerajaan	232	24.4	58.1
Kakitangan Swasta	341	35.9	94.0
Tidak Bekerja	57	6.0	100.0
Jumlah	950	100.0	

Jadual 19 menunjukkan bilangan sampel kajian mengikut pekerjaan bapa. Keseluruhan sampel kajian adalah seramai 950 orang. Seramai 320 orang sampel menyatakan bahawa bapa mereka bekerja sendiri. Jumlah ini meliputi sebanyak 33.7% daripada peratusan keseluruhan. Seramai 232 orang sampel pula menyatakan bahawa bapa mereka adalah kakitangan kerajaan dan jumlah ini menyumbang sebanyak 24.4% daripada peratusan keseluruhan. Seramai 341 orang sampel menyatakan bapa mereka bekerja sebagai kakitangan swasta dan jumlah ini meliputi 35.9% manakala seramai 57 orang sampel menyatakan bapa mereka tidak bekerja dan ianya menyumbang sebanyak 6.0% daripada peratusan keseluruhan.

Bagi memudahkan penguraian dapatan kajian, pengkaji mengambil pendekatan menghuraikannya setiap dapatan yang diperolehi dan memperjelaskan mengikut soalan kajian yang telah dibentuk lebih awal. Justeru, perbincangan berkaitan dapatan kajian inferensi lebih sesuai diperincikan mengikut soalan kajian supaya ianya tidak tersasar dan memudahkan khalayak memahami isi kandungan dapatan kajian ini.

### Soalan Kajian Pertama

#### **Sejauh Manakah Terdapat Hubungan Antara Penglibatan Ibu bapa Dengan Komponen Konteks Keluarga Dalam Pendidikan Anak-anak Di Sekolah Menengah?**

Soalan kajian pertama dinyatakan bagi mengkaji perhubungan antara pembolehubah bersandar penglibatan ibu bapa, penglibatan ibu bapa di rumah dan penglibatan ibu bapa di sekolah dengan pembolehubah bebas iaitu komponen-komponen dalam konteks keluarga yang terdiri daripada interaksi & komunikasi, amalan keibubapaan, kesenggangan, keterbukaan dan penerimaan. Bagi menjawab soalan kajian ini, pengkaji terlebih dahulu telah memastikan kesemua data sama ada pembolehubah bersandar(penglibatan) mahupun pembolehubah bebas(komponen dalam konteks keluarga) mempunyai data yang normal. Ini berikutan data yang normal diperlukan bagi menguji korelasi antara kedua-dua pembolehubah dengan menggunakan pekali korelasi *Pearson Product Moment*. Pengkaji juga perlu memastikan nilai ekstrim dalam data disingkirkan bagi memperoleh ketepatan analisis.. Data yang digunakan ini juga perlu bertaburan normal bagi memudahkan pengkaji menjalankan ujian berikutnya. Dalam analisis korelasi ini, data yang pada awalnya merupakan data skala ordinal telah digantikan dengan data skala selang bagi menjawab a) persamaan yang mewakili perhubungan antara variabel-variabel dan, b) melihat kekuatan perhubungan antara variabel-variabel yang diuji.

#### **Interaksi & Komunikasi**

Jadual 20 menunjukkan analisis perhubungan antara penglibatan ibu bapa dengan Interaksi & komunikasi dalam konteks keluarga. Keputusan analisis menunjukkan bahawa wujud perhubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan

interaksi & komunikasi( $r=.27$ ) pada aras signifikan  $p<.05$ . Perhubungan yang ditunjukkan juga positif namun kekuatan korelasi adalah sangat lemah.

Jadual 20:

Korelasi Antara Penglibatan Ibu bapa, Penglibatan Ibu bapa Di Rumah, dan Penglibatan Ibu bapa Di Sekolah Dengan Interaksi & Komunikasi.

		Interaksi & Komunikasi
Penglibatan Ibu bapa di rumah	Korelasi Pearson Sig. (2-hujung) N	.315** .000 861
Penglibatan Ibu bapa di sekolah	Korelasi Pearson Sig. (2-hujung) N	.066 .059 810
Penglibatan Ibu bapa keseluruhan	Korelasi Pearson Sig. (2-hujung) N	.267 .059 862

\*\*. Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 l (2-hujung).

Keputusan dalam analisis perhubungan antara penglibatan ibu bapa di rumah dengan interaksi & komunikasi dalam komponen konteks keluarga juga memperlihatkan perhubungan yang signifikan dan positif pada aras  $p<.05$  antara kedua-dua variabel. Namun, kekuatan korelasi perhubungan yang ditunjukkan antara penglibatan ibu bapa di rumah dengan interaksi & komunikasi masih sangat lemah ( $r=.32$ ).

Dapatkan analisis perhubungan antara penglibatan ibu bapa di sekolah dengan interaksi & komunikasi dalam komponen konteks keluarga pula memperlihatkan perhubungan yang berbeza. Walaupun perhubungan antara kedua-dua pembolehubah adalah positif tetapi kekuatan korelasi masih sangat lemah( $r=.07$ ) dan perhubungan

antara penglibatan ibu bapa di sekolah dengan interaksi & komunikasi adalah tidak signifikan pada aras  $p > .05$ .

### **Amalan Keibubapaan**

Dalam Jadual 21 ditunjukkan analisis korelasi antara penglibatan ibu bapa dengan amalan keibubapaan. Keputusan analisis menunjukkan kekuatan korelasi kedua-dua variabel adalah sederhana( $r=.51$ ). Perhubungan yang ditunjukkan juga adalah perhubungan yang positif dan signifikan pada aras  $p < .05$ .

Analisis perhubungan antara penglibatan ibu bapa di rumah dengan amalan keibubapaan dalam komponen konteks keluarga juga ditunjukkan dalam Jadual 18. Dapatan menunjukkan wujud perhubungan yang signifikan dan positif antara kedua-dua variabel pada aras  $p < .05$ . Kekuatan korelasi antara penglibatan ibu bapa di rumah dengan amalan keibubapaan adalah sederhana( $r=.56$ ).

Keputusan analisis perhubungan antara penglibatan ibu bapa di sekolah dengan amalan keibubapaan dalam komponen konteks keluarga juga memperlihatkan perhubungan yang tidak signifikan tetapi positif pada aras  $p > .05$ . Kekuatan perhubungan antara kedua-dua variabel adalah sangat lemah( $r = .18$ )

Jadual 21:

Korelasi Antara Penglibatan Ibu bapa, Penglibatan Ibu bapa Di Rumah, dan Penglibatan Ibu bapa Di Sekolah Dengan Amalan Keibubapaan.

		Amalan Keibubapaan
Penglibatan Ibu bapa di rumah	Korelasi Pearson Sig. (2-hujung) N	.557** .000 746
Penglibatan Ibu bapa di sekolah	Korelasi Pearson Sig. (2-hujung) N	.184 .059 687
Penglibatan Ibu bapa keseluruhan	Korelasi Pearson Sig. (2-hujung) N	.510** .000 746

\*\*. Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-hujung).

### Kesenggangan

Jadual 22 menunjukkan analisis korelasi antara penglibatan ibu dengan kesenggangan dalam konteks keluarga. Keputusan analisis menunjukkan perhubungan yang lemah ( $r=.44$ ) antara kedua-dua variabel. Namun, perhubungan antara penglibatan ibu bapa dengan kesenggangan masih lagi signifikan dan positif pada aras  $p<.05$ .

Analisis korelasi antara penglibatan ibu bapa di rumah dengan kesenggangan dalam komponen konteks keluarga juga ditunjukkan dalam Jadual 19. Dapat dilihat menunjukkan terdapat perhubungan yang positif dan signifikan antara kedua-dua variabel pada aras signifikan  $p<.05$ . Perhubungan antara penglibatan ibu bapa di rumah dengan kesenggangan juga memperlihatkan kekuatan korelasi yang lemah ( $r=.43$ ).

Jadual 22:

Korelasi Antara Penglibatan Ibu bapa, Penglibatan Ibu bapa Di Rumah, dan Penglibatan Ibu bapa Di Sekolah Dengan Kesenggangan.

		Kesenggangan
Penglibatan Ibu bapa di rumah	Korelasi Pearson Sig. (2-hujung) N	.429** .000 840
Penglibatan Ibu bapa di sekolah	Korelasi Pearson Sig. (2-hujung) N	.197 .059 791
Penglibatan Ibu bapa keseluruhan	Korelasi Pearson Sig. (2-hujung) N	.443** .000 841

\*\*. Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 | (2-hujung).

Kekuatan korelasi antara penglibatan ibu bapa di sekolah dengan kesenggangan juga dapat dirujuk dalam Jadual 19. Keputusan analisis data menunjukkan terdapat perhubungan yang sangat lemah( $r=.20$ ) antara kedua-dua variabel. Perhubungan antara penglibatan ibu bapa di sekolah dengan kesenggangan juga memperlihatkan perhubungan yang tidak signifikan tetapi positif pada aras  $p > .05$ .

### **Keterbukaan**

Dalam Jadual 23 ditunjukkan korelasi antara penglibatan ibu bapa dengan keterbukaan dalam konteks keluarga. Keputusan analisis menunjukkan bahawa terdapat perhubungan yang signifikan dan positif antara kedua-dua variabel. Kekuatan perhubungan yang lemah( $r=.39$ ) pada aras signifikan  $p < .05$  juga ditunjukkan oleh variabel penglibatan ibu bapa dengan keterbukaan.

Jadual 23:

Korelasi Antara Penglibatan Ibu bapa, Penglibatan Ibu bapa di Rumah, dan Penglibatan Ibu bapa Di Sekolah Dengan Keterbukaan.

		Keterbukaan
Penglibatan Ibu bapa di rumah	Korelasi Pearson Sig. (2-hujung) N	.384** .000 865
Penglibatan Ibu bapa di sekolah	Korelasi Pearson Sig. (2-hujung) N	.167 .059 809
Penglibatan Ibu bapa keseluruhan	Korelasi Pearson Sig. (2-hujung) N	.391** .000 864

\*\*. Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 | (2-hujung).

Analisis korelasi antara penglibatan ibu bapa di rumah dengan keterbukaan dalam komponen konteks keluarga juga menunjukkan perhubungan yang positif. Dapatkan menjelaskan bahawa kekuatan korelasi antara penglibatan ibu bapa di rumah dengan keterbukaan adalah lemah( $r=.38$ ) tetapi masih signifikan pada aras  $p<.05$ .

Dapatkan dalam Jadual 23 juga menunjukkan perhubungan antara penglibatan ibu bapa di sekolah dengan keterbukaan dalam komponen konteks keluarga. Keputusan ujian korelasi memperlihatkan terdapat hubungan yang tidak signifikan tetapi positif antara penglibatan ibu bapa di sekolah dengan keterbukaan. Namun, kekuatan korelasi antara kedua-dua variabel adalah sangat lemah( $r=.17$ ) pada aras signifikan  $p>.05$ .

### Penerimaan

Dapatkan dalam Jadual 24 menunjukkan korelasi antara penglibatan ibu bapa dengan penerimaan dalam konteks keluarga. Keputusan analisis menunjukkan perhubungan antara kedua-dua variabel pada kekuatan korelasi yang lemah( $r=.37$ ). Walau

bagaimanapun, perhubungan antara penglibatan ibu bapa dengan penerimaan dalam konteks keluarga masih lagi signifikan dan positif pada aras  $p < .05$ .

Jadual 24:

Korelasi Antara Penglibatan Ibu bapa, Penglibatan Ibu bapa Di Rumah, dan Penglibatan Ibu bapa Di Sekolah Dengan Penerimaan.

		Penerimaan
Penglibatan Ibu bapa di rumah	Korelasi Pearson Sig. (2-hujung) N	.271** .000 896
Penglibatan Ibu bapa di sekolah	Korelasi Pearson Sig. (2-hujung) N	.267 .059 842
Penglibatan Ibu bapa keseluruhan	Korelasi Pearson Sig. (2-hujung) N	.372** .000 897

\*\*. Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 I (2-hujung).

Keputusan analisis korelasi bagi penglibatan ibu bapa di rumah dengan penerimaan dalam konteks keluarga juga ditunjukkan dalam Jadual 24. Dapatkan menunjukkan bahawa perhubungan antara penglibatan ibu bapa di rumah dengan penerimaan pada korelasi yang sangat lemah( $r=.27$ ). Namun, perhubungan antara kedua-dua variabel adalah signifikan dan positif pada aras  $p < .05$ .

Korelasi bagi penglibatan ibu bapa di sekolah dengan penerimaan dalam konteks keluarga menunjukkan korelasi yang sangat lemah( $r=.27$ ). Dapatkan juga memperlihatkan perhubungan antara penglibatana ibu bapa di sekolah dengan penerimaan adalah tidak signifikan pada aras  $p < .05$ .

### **Analisis Keseluruhan Penglibatan**

Jadual 25 menunjukkan keseluruhan keputusan ujian korelasi antara penglibatan ibu bapa dengan konteks keluarga. Dapatan memperlihatkan keseluruhan perhubungan antara kedua-dua variabel pada kekuatan korelasi yang sederhana( $r=.63$ ). Keputusan ujian antara penglibatan ibu bapa dengan konteks keluarga juga menunjukkan korelasi yang signifikan dan positif pada aras  $p<.05$ .

Jadual 25:

Korelasi Antara Penglibatan Ibu bapa, Penglibatan Ibu bapa Di Rumah, dan Penglibatan Ibu bapa Di Sekolah Dengan Konteks Keluarga.

		Konteks Keluarga
Penglibatan Ibu bapa di rumah	Korelasi Pearson Sig. (2-hujung) N	.633** .000 855
Penglibatan Ibu bapa di sekolah	Korelasi Pearson Sig. (2-hujung) N	.256 .059 791
Penglibatan Ibu bapa keseluruhan	Korelasi Pearson Sig. (2-hujung) N	.627** .000 847

\*\*. Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 | (2-hujung).

Keputusan ujian korelasi dalam Jadual 25 juga menunjukkan perhubungan antara penglibatan ibu bapa di rumah dengan konteks keluarga. Dapatan menunjukkan perhubungan yang signifikan dan positif antara kedua-dua variabel pada aras signifikan  $p < .05$ . Penglibatan ibu bapa di rumah dengan konteks keluarga juga menunjukkan kekuatan korelasi yang sederhana( $r=.61$ ) antara kedua-dua variabel.

Dapatan ujian korelasi bagi penglibatan ibu bapa di sekolah dengan konteks keluarga juga menunjukkan perhubungan yang tidak signifikan pada aras  $p>.05$ .

Kekuatan perhubungan yang ditunjukkan oleh penglibatan ibu bapa di sekolah dengan konteks keluarga adalah sangat lemah( $r=.26$ ) tetapi masih berhubung secara positif.

### **Soalan Kajian Kedua**

#### **Terdapatkah Hubungan Penglibatan Ibu bapa Dalam Pendidikan Anak Berdasarkan Demografi Keluarga?**

Bagi menjawab soalan kajian ini, pengkaji terlebih dahulu perlu memastikan kesemua data bagi penglibatan ibu bapa ditransformasikan kepada data nominal. Ini dilakukan dengan cara menentukan nilai tinggi, sederhana dan rendah bagi data tersebut sebelum dijalankan ujian Khi Kuasa Dua terhadap demografik keluarga dan data penglibatan. Hal yang demikian, pengkaji terlebih dahulu menukar skala penglibatan ibu bapa yang sebelum ini berskala selang kepada skala ordinal bagi memudahkan penganalisaan data. Ini bertujuan supaya data yang dianalisis adalah bertepatan dan boleh digeneralisasikan kepada populasi nanti.

#### **Jantina**

Data jantina adalah dari kumpulan data skala nominal. Justeru itu, pengkaji hanya perlu memastikan data penglibatan juga ditukar kepada skala peringkat iaitu tinggi dan rendah bagi menyesuaikan dengan data nominal. Penganalisaan hanya dilakukan setelah kedua-dua data adalah mematuhi keperluan untuk dianalisis menggunakan ujian Khi Kuasa Dua.

Jadual 26:

Analisis Khi Kuasa Antara Penglibatan Ibu bapa Di Rumah, Penglibatan Ibu bapa Di Sekolah Dan Penglibatan Ibu bapa dengan Jantina.

	Jantina		Ujian	Khi Kuasa	Dua Aras Signifikan
	Lelaki	Perempuan			
Penglibatan Ibu bapa di rumah	55.6%	51.4%	1.633 <sup>a</sup>	1	.201
Penglibatan Ibu bapa di sekolah	59.4%	57.5%	.354 <sup>a</sup>	1	.552
Penglibatan ibu bapa keseluruhan	53.9%	52.7%	.131 <sup>a</sup>	1	.718
N	421	529			

Keputusan analisis Khi Kuasa Dua dalam kajian ini(N=950) antara penglibatan ibu bapa di rumah dengan jantina menunjukkan bahawa jantina anak tidak berhubung secara signifikan dengan penglibatan ibu bapa di rumah ketika anak-anak berada di sekolah menengah( $\chi^2=1.633$ ,  $df=1$ ,  $p>.05$ ). Ini menunjukkan bahawa jantina anak tidak berhubung kait dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa ketika di sekolah menengah. Jantina yang berbeza tidak membezakan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah.

Jadual 26 juga menunjukkan keputusan ujian Khi Kuasa Dua bagi penglibatan ibu bapa di sekolah dengan jantina( $\chi^2=.354$ ,  $df=1$ ,  $p>.05$ ). Perhubungan yang ditunjukkan adalah tidak signifikan. Ini menjelaskan bahawa jantina anak tidak berhubung kait dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa di sekolah ketika anak berada di sekolah menengah. Jantina anak yang berbeza tidak membezakan penglibatan ibu bapa di sekolah ketika anak-anak berada di sekolah menengah..

Keputusan ujian Khi Kuasa Dua antara penglibatan ibu bapa dengan jantina juga menunjukkan perhubungan yang tidak signifikan( $\chi^2 = .131$ ,  $df = 1$ ,  $p > .05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa jantina anak tidak berhubung kait dengan penglibatan ibu bapa keseluruhannya ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Ini menjelaskan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak tidak berhubung kait dengan jantina anak-anak.

### **Bangsa**

Data bangsa juga adalah data dalam skala nominal. Justeru itu, pengkaji hanya perlu menukar skala selang data penglibatan ibu bapa kepada skala ordinal. Ini bertujuan bagi menganalisis kedua-dua data tersebut menggunakan ujian Khi Kuasa Dua.

Keputusan ujian Khi Kuasa Dua dalam kajian ini( $N=950$ ) terhadap penglibatan ibu bapa di rumah dengan bangsa menunjukkan bahawa bangsa berhubung kait secara signifikan dengan penglibatan ibu bapa di rumah ( $\chi^2 = 72.223$ ,  $df = 1$ ,  $p < .05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa bangsa berkait dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di rumah. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di rumah berbeza-beza mengikut bangsa ketika anak-anak berada di sekolah menengah.

Jadual 27:

Keputusan Analisis Khi Kuasa Dua Antara Penglibatan Ibu bapa Di rumah, Penglibatan Ibu bapa Di Sekolah dan Penglibatan Ibu bapa Dengan Bangsa.

	Bangsa				Ujian Khi Kuasa Dua	df	Sig. (2 hujung)
	M	C	I	LL			
Penglibatan Ibu bapa di rumah	52.9%	31.8%	88.8%	50.0%	77.223 <sup>a</sup>	3	.000
Penglibatan Ibu bapa di sekolah	57.0%	54.1%	73.5%	62.5%	10.887 <sup>a</sup>	3	.012
Penglibatan Ibu bapa	53.6%	33.1%	82.7%	37.5%	58.985 <sup>a</sup>	3	.000
N ( 950 )	696	148	98	8			

Dalam Jadual 27 juga ditunjukkan keputusan analisis Khi Kuasa Dua terhadap penglibatan ibu bapa di sekolah dengan bangsa. Dapatkan menunjukkan bahawa bangsa berhubung kait secara signifikan dengan penglibatan ibu bapa di sekolah ( $\chi^2 = 10.887$ ,  $df = 1$ ,  $p < .05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa bangsa berkait dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa di sekolah. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah adalah berbeza-beza mengikut bangsa ketika anak-anak berada di sekolah menengah.

Dapatkan ujian Khi Kuasa Dua dalam Jadual 27 juga menunjukkan keputusan antara penglibatan ibu bapa keseluruhan dengan bangsa. Keputusan menunjukkan bangsa berhubung secara signifikan dengan penglibatan ibu bapa ( $\chi^2 = 58.985$ ,  $df = 1$ ,  $p < .05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa bangsa yang berbeza-beza berkait dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak keseluruhannya adalah berbeza-beza mengikut bangsa.

### Bilangan Adik beradik

Data bagi bilangan adik beradik adalah dalam kelompok data ordinal. Justeru itu data penglibatan ibu bapa perlu ditukarkan juga kepada data ordinal. Pengkaji hanya perlu menukar ujian daripada Khi Kuasa Dua kepada ujian korelasi *Spearman-rho*. Pertukaran ujian ini bertujuan bagi menyesuaikan data yang ada dan ianya tidak menjelaskan dapatan analisis.

Jadual 28:

Keputusan Ujian Korelasi *Spearman* Antara Penglibatan Ibu bapa, Penglibatan Ibu bapa Di Rumah, dan Penglibatan Ibu bapa Di Sekolah Dengan Bilangan Adik-beradik.

		Bilangan Adik-beradik
Penglibatan Ibu bapa di rumah	Korelasi Koeffisyen Sig. (2-hujung) N	-.073** .024 950
Penglibatan Ibu bapa di sekolah	Korelasi Koeffisyen Sig. (2-hujung) N	-.050 .094 950
Penglibatan Ibu bapa keseluruhan	Korelasi Koeffisyen Sig. (2-hujung) N	-.088** .008 950

\*. Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05 (2-hujung).

Dalam Jadual 28, ditunjukkan analisis ujian korelasi *Spearman* antara penglibatan ibu bapa dengan bilangan adik beradik. Keputusan menunjukkan bahawa perhubungan antara kedua-dua variabel adalah signifikan( $r = -.09, p < .05$ ). Dapatan analisis juga menunjukkan perhubungan antara penglibatan ibu bapa dengan bilangan adik beradik dalam demografik keluarga berhubung secara negatif pada kekuatan korelasi yang sangat lemah. Berdasarkan pada keputusan analisis, pengkaji

melaporkan bahawa dalam populasi, bilangan adik beradik berhubung kait dengan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah.

Keputusan analisis ujian korelasi *Spearman* dalam Jadual 28 juga menunjukkan perhubungan antara penglibatan ibu bapa di rumah dan bilangan adik beradik. Dapatan analisis memperlihatkan perhubungan antara kedua-dua variabel adalah signifikan( $r = -.07, p<.05$ ). Walau bagaimanapun, kekuatan korelasi sangat lemah dan perhubungan yang negetif ditunjukkan antara penglibatan ibu bapa di rumah dengan bilangan adik beradik. Berdasarkan keputusan analisis, pengkaji melaporkan bahawa bilangan adik-beradik berhubung kait dengan penglibatan ibu bapa di rumah ketika di sekolah menengah.

Dapatan analisis ujian *Spearman* antara penglibatan ibu bapa di sekolah dengan bilangan adik beradik juga ditunjukkan dalam Jadual 28. Keputusan menunjukkan bahawa perhubungan antara kedua-dua variabel adalah tidak signifikan ( $r = -.05, p>.05$ ). Kekuatan korelasi antara kedua-dua variabel juga sangat lemah dan negetif. Pengkaji melaporkan bahawa tidak terdapat perhubungan antara bilangan adik beradik dengan penglibatan ibu bapa di sekolah ketika anak-anak berada di sekolah menengah.

### **Status penjagaan**

Keputusan ujian Khi Kuasa Dua dalam kajian ini( $N = 950$ ) terhadap penglibatan ibu bapa di rumah dengan status penjagaan menunjukkan bahawa status penjagaan tidak berhubung kait secara signifikan dengan penglibatan ibu bapa di rumah( $\chi^2 = .797, d = 3, p>.05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa status penjagaan tidak berkait dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di rumah.

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di rumah ketika anak-anak berada di sekolah menengah tidak berbeza-beza mengikut status penjagaan.

Dalam Jadual 29 juga ditunjukkan keputusan analisis Khi Kuasa Dua terhadap penglibatan ibu bapa di sekolah dengan status penjagaan. Dapatkan menunjukkan bahawa status penjagaan tidak berhubung kait secara signifikan dengan status penjagaan ( $\chi^2=5.998$ ,  $df=3$ ,  $p>.05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa status penjagaan tidak berkait dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa di sekolah ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah dilaporkan tidak berbeza-beza mengikut status penjagaan.

Dapatkan ujian Khi Kuasa Dua dalam Jadual 29 juga menunjukkan keputusan antara penglibatan ibu bapa keseluruhan dengan status penjagaan. Keputusan menunjukkan penglibatan ibu bapa tidak berhubung secara signifikan dengan status penjagaan ( $\chi^2=3.701$ ,  $df=1$ ,  $p>.05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa status penjagaan yang berbeza-beza tidak berhubung dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak keseluruhannya dilaporkan tidak berbeza-beza mengikut status penjagaan.

Jadual 29:

Analisis Ujian Khi Kuasa Dua Antara Penglibatan Ibu bapa Di Rumah, Penglibatan Ibu bapa Di Sekolah dan Penglibatan Ibu bapa Dengan Status Penjagaan.

	Status Penjagaan				Ujian	Khi	Kuasa	Dua
	Tinggal Dengan Ibu bapa	Tinggal Dengan Ibu	Tinggal Dengan Bapa	Tinggal Dengan Penjaga				
Penglibatan Ibu bapa Di rumah	52.8%	57.1%	57.1%	58.3%	797	3	.850	
Penglibatan Ibu bapa Di sekolah	58.9%	60.3%	28.6%	50.0%	5.998	3	.112	
Penglibatan Ibu bapa keseluruhan	53.6%	55.6%	28.6%	50.0%	3.701	3	.296	
N	849	63	14	24				

### Lokasi tempat tinggal

Analisis Khi Kuasa Dua dalam kajian ini(N=950) terhadap penglibatan ibu bapa di rumah dengan lokasi tempat tinggal menunjukkan bahawa lokasi tempat tinggal tidak berhubung kait secara signifikan dengan penglibatan ibu bapa di rumah( $\chi^2 = 1.923$ ,  $df = 1$ ,  $p > .05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa lokasi tempat tinggal tidak berkait dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di rumah. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di rumah ketika anak-anak berada di sekolah menengah dilaporkan tidak berbeza-beza mengikut lokasi tempat tinggal.

Jadual 30:

Analisis Ujian Khi Kuasa Dua Antara Penglibatan Ibu bapa Di Rumah, Penglibatan Ibu bapa Di Sekolah dan Penglibatan Ibu bapa Dengan Lokasi Tempat Tinggal.

	Lokasi Tempat Tinggal		Ujian Khi Kuasa Dua		
	Bandar	Luar Bandar	Nilai	df	Aras Signifikan
Penglibatan Ibu bapa di rumah	55.5%	51.0%	1.923 <sup>a</sup>	1	.165
Penglibatan Ibu bapa di sekolah	58.5%	58.1%	.015 <sup>a</sup>	1	.905
Penglibatan ibu bapa	56.2%	50.4%	3.158 <sup>a</sup>	1	.076
N	470	480			

Dalam Jadual 30 juga ditunjukkan keputusan analisis Khi Kuasa Dua terhadap penglibatan ibu bapa di sekolah dengan lokasi tempat tinggal. Dapatkan menunjukkan bahawa lokasi tempat tinggal tidak berhubung kait secara signifikan dengan penglibatan ibu bapa di sekolah ( $\chi^2 = .015$ ,  $df = 1$ ,  $p > .05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa lokasi tempat tinggal tidak berkait dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa di sekolah ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah dilaporkan tidak berbeza-beza mengikut lokasi tempat tinggal.

Dapatkan ujian Khi Kuasa Dua dalam Jadual 30 juga menunjukkan keputusan antara penglibatan ibu bapa keseluruhan dengan lokasi tempat tinggal. Keputusan menunjukkan penglibatan ibu bapa tidak berhubung secara signifikan dengan lokasi tempat tinggal ( $\chi^2 = 3.158$ ,  $df = 1$ ,  $p < .05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa lokasi tempat tinggal berbeza-beza tidak berkait dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa

dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak keseluruhannya dilaporkan tidak berbeza-beza mengikut lokasi tempat tinggal.

### **Tahap pendidikan ibu**

Keputusan analisis Khi Kuasa Dua kajian ini(N=950) antara penglibatan ibu bapa dengan tahap pendidikan ibu menunjukkan bahawa tahap pendidikan ibu berhubung secara signifikan dengan penglibatan ibu bapa di rumah( $\chi^2=25.777$ ,  $df =4$ ,  $p<.05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan ibu berhubung dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa di rumah ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Penglibatan ibu bapa di rumah dilaporkan berbeza-beza mengikut tahap pendidikan ibu.

Jadual 31:

Analisis Ujian Khi Kuasa Dua Antara Penglibatan Ibu bapa Dengan Tahap Pendidikan Ibu Dan Bapa.

	Tahap Pendidikan Ibu					Ujian Khi Kuasa Dua		
	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah Rendah	Sekolah Menengah Atas	Diploma/Ijazah Pertama	Ijazah Lanjutan (Sarjana/PhD)	Nilai	df	Aras Signifikan
Penglibatan Ibu bapa di rumah	38.0%	50.0%	54.2%	63.3%	68.9%	25.650 <sup>a</sup>	4	.000
Penglibatan Ibu bapa di sekolah	55.5%	56.8%	57.6%	61.7%	66.7%	2.857 <sup>a</sup>	4	.582
Penglibatan Ibu bapa keseluruhan	40.9%	48.3%	54.2%	63.3%	68.9%	22.650 <sup>a</sup>	4	.000
N	137	234	354	180	45			
	Tahap Pendidikan Bapa					Ujian Khi Kuasa Dua		
	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah Rendah	Sekolah Menengah Atas	Diploma/Ijazah Pertama	Ijazah Lanjutan (Sarjana/PhD)	Nilai	df	Aras Signifikan
Penglibatan Ibu bapa di rumah	38.2%	43.0%	55.0%	60.8%	70.8%	36.327 <sup>a</sup>	4	.000
Penglibatan Ibu bapa di sekolah	54.5%	53.7%	57.9%	64.2%	61.5%	5.874 <sup>a</sup>	4	.209
Penglibatan Ibu bapa keseluruhan	38.2%	43.9%	54.1%	62.3%	68.8%	33.782 <sup>a</sup>	4	.000
N	110	214	318	212	96			

Dalam Jadual 31 juga ditunjukkan keputusan analisis Khi Kuasa Dua terhadap penglibatan ibu bapa di sekolah dengan tahap pendidikan ibu. Dapatan menunjukkan bahawa tahap pendidikan ibu tidak berhubung kait secara signifikan dengan penglibatan ibu bapa di sekolah ( $\chi^2=2.857$ ,  $df =4$ ,  $p>.05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan ibu tidak berhubung dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa di sekolah. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah dilaporkan tidak berbeza-beza mengikut tahap pendidikan ibu.

Dapatan ujian Khi Kuasa Dua dalam Jadual 31 juga menunjukkan keputusan antara penglibatan ibu bapa keseluruhan dengan tahap pendidikan ibu. Keputusan menunjukkan penglibatan ibu bapa berhubung secara signifikan dengan tahap pendidikan ibu ( $\chi^2=22.650$ ,  $df=4$ ,  $p<.05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan ibu yang berbeza-beza berhubung dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak keseluruhannya dilaporkan berbeza-beza mengikut tahap pendidikan ibu.

### **Tahap pendidikan bapa**

Keputusan analisis Khi Kuasa Dua kajian ini ( $N = 950$ ) antara penglibatan ibu bapa dengan tahap pendidikan bapa menunjukkan bahawa tahap pendidikan ibu berhubung secara signifikan dengan penglibatan ibu bapa di rumah ( $\chi^2=36.327$ ,  $df =4$ ,  $p<.05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan bapa berhubung dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa di rumah ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Penglibatan ibu bapa di rumah dilaporkan berbeza-beza mengikut tahap pendidikan bapa.

Dalam Jadual 31 juga ditunjukkan keputusan analisis Khi Kuasa Dua terhadap penglibatan ibu bapa di sekolah dengan tahap pendidikan bapa. Dapatkan menunjukkan bahawa tahap pendidikan bapa tidak berhubung kait secara signifikan dengan penglibatan ibu bapa di sekolah( $\chi^2=5.874$ ,  $df=4$ ,  $p>.05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan bapa tidak berkait dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa di sekolah ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah dilaporkan tidak berbeza-beza mengikut tahap pendidikan bapa

Dapatkan ujian Khi Kuasa Dua dalam Jadual 31 juga menunjukkan keputusan antara penglibatan ibu bapa keseluruhan dengan tahap pendidikan bapa Keputusan menunjukkan penglibatan ibu bapa berhubung secara signifikan dengan tahap pendidikan bapa( $\chi^2= 33.782$ ,  $df =4$ ,  $p<.05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan bapa yang berbeza-beza berhubung dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak keseluruhannya dilaporkan berbeza-beza mengikut tahap pendidikan bapa.

### **Pekerjaan ibu**

Keputusan ujian Khi Kuasa Dua dalam kajian ini( $N=950$ ) terhadap penglibatan ibu bapa di rumah dengan pekerjaan ibu menunjukkan bahawa pekerjaan ibu berhubung kait secara signifikan dengan penglibatan ibu bapa di rumah( $\chi^2 =10.747$ ,  $df =3$ ,  $p < .05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa pekerjaan ibu berhubung dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di rumah. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di rumah dilaporkan berbeza-beza mengikut pekerjaan ibu.

Dalam Jadual 32 juga ditunjukkan keputusan analisis Khi Kuasa Dua terhadap penglibatan ibu bapa di sekolah dengan pekerjaan ibu. Dapatan menunjukkan bahawa pekerjaan ibu tidak berhubung kait secara signifikan dengan penglibatan ibu bapa di sekolah ( $\chi^2 = 3.482$ ,  $df = 3$ ,  $p > .05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa pekerjaan ibu tidak berkait dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa di sekolah ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah dilaporkan tidak berbeza-beza mengikut pekerjaan ibu.

Dapatan ujian Khi Kuasa Dua dalam Jadual 32 juga menunjukkan keputusan antara penglibatan ibu bapa keseluruhan dengan pekerjaan ibu. Keputusan menunjukkan penglibatan ibu bapa berhubung secara signifikan dengan pekerjaan ibu ( $\chi^2 = 3.701$ ,  $df = 1$ ,  $p < .05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa pekerjaan ibu yang berbeza-beza berhubung kait dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak keseluruhannya dilaporkan berbeza-beza mengikut pekerjaan ibu.

Jadual 32 :

Analisis Khi Kuasa Dua Antara Penglibatan Ibu bapa Dengan Pekerjaan Ibu Dan Bapa.

	Pekerjaan Ibu				Ujian Khi Kuasa Dua		
	Bekerja Sendiri	Kakitangan Kerajaan	Kakitangan Swasta	Tidak Bekerja	Nilai	df	Aras Signifikan
Penglibatan Ibu bapa di rumah	49.4%	59.6%	61.8%	49.6%	10.747 <sup>a</sup>	3	.013
Penglibatan Ibu bapa di sekolah	54.3%	62.7%	61.8%	57.1%	3.482 <sup>a</sup>	3	.323
Penglibatan Ibu bapa keseluruhan	45.1%	59.6%	65.6%	49.8%	18.865 <sup>a</sup>	3	.000
N	164	161	157	468			

	Pekerjaan Bapa				Ujian Khi Kuasa Dua		
	Bekerja Sendiri	Kakitangan Kerajaan	Kakitangan Swasta	Tidak Bekerja	Nilai	df	Aras Signifikan
Penglibatan Ibu bapa di rumah	44.7%	56.7%	58.1%	58.5%	14.397 <sup>a</sup>	3	.013
Penglibatan Ibu bapa di sekolah	55.0%	62.7%	57.3%	66.0%	4.713	3	.194
Penglibatan Ibu bapa keseluruhan	45.3%	56.2%	58.7%	52.8%	13.066 <sup>a</sup>	3	.000
N	320	233	344	53			

### **Pekerjaan bapa**

Keputusan ujian Khi Kuasa Dua dalam kajian ini(N=950) terhadap penglibatan ibu bapa di rumah dengan pekerjaan bapa menunjukkan bahawa pekerjaan bapa berhubung kait secara signifikan dengan penglibatan ibu bapa di rumah( $\chi^2 = 14.397$ ,  $df = 3$ ,  $p < .05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa pekerjaan bapa berhubung dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di rumah. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di rumah dilaporkan berbeza-beza mengikut pekerjaan bapa.

Dalam Jadual 32 juga menunjukkan keputusan analisis Khi Kuasa Dua terhadap penglibatan ibu bapa di sekolah dengan pekerjaan bapa. Dapatkan menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa tidak berhubung kait secara signifikan dengan pekerjaan bapa ( $\chi^2 = 4.713$ ,  $df = 3$ ,  $p > .05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa pekerjaan bapa tidak berkait dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa di sekolah ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah dilaporkan tidak berbeza-beza mengikut pekerjaan bapa.

Dapatkan ujian Khi Kuasa Dua dalam Jadual 32 juga menunjukkan keputusan antara penglibatan ibu bapa keseluruhan dengan pekerjaan bapa. Keputusan menunjukkan penglibatan ibu bapa berhubung secara signifikan dengan pekerjaan bapa( $\chi^2 = 13.066$ ,  $df = 1$ ,  $p < .05$ ). Keadaan ini menunjukkan bahawa pekerjaan bapa yang berbeza-beza berhubung dengan kecenderungan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak keseluruhannya dilaporkan berbeza-beza mengikut pekerjaan bapa.

### **Soalan Kajian Ketiga**


#### **Sejauh Manakah Komponen Dalam Konteks Keluarga Meramalkan Penglibatan Ibu bapa, Penglibatan Ibu bapa Di Rumah dan Di Sekolah?**

Analisis regresi telah digunakan bagi menguji kekuatan variabel peramal komponen-komponen dalam konteks keluarga terhadap penglibatan ibu bapa. Sebelum analisis regresi dilakukan, kesemua variabel peramal(interaksi & komunikasi, amalan keibubapaan, kesenggangan, keterbukaan dan penerimaan) dan variabel kriterion (penglibatan ibu bapa) telah diuji ketepatan data. Normaliti data perlu juga dilakukan terlebih dahulu bagi memastikan data yang dianalisis memenuhi syarat dan keperluan regresi. Bersesuaian dengan kajian ini, analisis regresi pelbagai digunakan bagi mengenal pasti perubahan dalam dua atau lebih faktor yang menyumbang kepada perubahan dalam variabel bersandar. Variabel peramal komponen-komponen dalam konteks keluarga diramalkan menjadi faktor kepada penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah. Berikut adalah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pengkaji;

Jadual 33 : Keputusan Ujian Normaliti Bagi Penglibatan Ibu Bapa

**Deskriptif**


		Statistik	Std. Error
PENGLIBATAN IBU BAPA	Mean	78.28	.481
	95% Confidence Interval for Mean	Lower Bound Upper Bound	77.34 79.22
	5% Trimmed Mean	78.27	
	Median	78.00	
	Variance	211.211	
	Std. Deviation	14.533	
	Minimum	40	
	Maximum	115	
	Range	75	
	Interquartile Range	21	
	Skewness	.006	.081
	Kurtosis	-.284	.162



Graf 5 : Histogram Frekuensi Taburan Penglibatan Ibu Bapa

Jadual 34. : Keputusan Ujian Normaliti Bagi Konteks Keluarga

		Statistic	Std. Error
KONTEKS KELUARGA	Mean	105.73	.418
	95% Confidence Interval for Mean		
	Lower Bound	104.91	
	Upper Bound	106.55	
	5% Trimmed Mean	105.76	
	Median	106.00	
	Variance	152.453	
	Std. Deviation	12.347	
	Minimum	78	
	Maximum	134	
	Range	56	
	Interquartile Range	19	
	Skewness	-.084	.083
	Kurtosis	-.679	.165




Graf 6 : Histogram Frekuensi Taburan Konteks Keluarga

## Pemeriksaan Data


Seramai seribu(N=1000) responden terlibat dalam kajian ini. Setelah kemasukan data dilakukan, terdapat 50 kes responden yang tidak menjawab dengan lengkap dan telah dikenal pasti. Memandangkan kajian ini telah kehilangan data secara tidak sengaja dan kehilangan data tersebut tidak melebihi lima peratus. Kajian ini akan hanya mengambil kira 950 kes dan ianya memadai untuk menjalankan analisis regresi pelbagai dan mampu memeriksa nilai regresi koeffisyen( $R^2$ ) pada aras kesignifikan  $p<.05$ .

## Lineariti

Bagi menjalankan ujian regresi pelbagai, pengkaji terlebih dahulu memastikan syarat lineariti dipenuhi. Kesemua variabel peramal haruslah dipastikan berkorelasi secara linear dengan variabel kriterion dan ini dapat dilihat dan ditunjukkan melalui graf *scatterplot* dalam analisis ujian regresi.



Graf 7 : Normaliti Q-Q Plot Bagi Penglibatan Ibu Bapa Dan Konteks Keluarga



Graf 8 : Scatterplot Residual Regresi Pawai Bagi Penglibatan Ibu Bapa Dengan Konteks Keluarga.

### Multikolineariti( *Multicollinearity* )

Ujian statistik yang melibatkan lebih daripada satu variabel bebas akan mewujudkan *multicollinearity*. Ini berlaku apabila terdapat korelasi yang sangat kuat( $r > .90$ ) antara variabel peramal dalam kajian. Dengan meningkatkan saiz sampel kajian, masalah ini akan dapat diatasi. Variabel peramal dengan nilai *collinearity* yang kurang daripada 0.1 adalah bermasalah *multicollinearity*. Ianya boleh dikenal pasti melalui nilai *Collinearity Statistics Tolerance* dalam Jadual *Excluded Variables*.

Jadual 35 : Statistik Kolineariti Toleran Bagi Variabel Peramal

Model	Beta In	t	Sig.	Partial Correlation	Collinearity Statistics		
					Tolerance	VIF	Minimum Tolerance
1 INTERAKSI DAN KOMUNIKASI KESENGGANGAN KETERBUKAAN PENERIMAAN	.041 <sup>a</sup>	1.132	.258	.045	.904	1.107	.904
	.276 <sup>a</sup>	8.046	.000	.307	.919	1.088	.919
	.147 <sup>a</sup>	4.026	.000	.159	.869	1.150	.869
	.228 <sup>a</sup>	6.563	.000	.255	.929	1.076	.929
2 INTERAKSI DAN KOMUNIKASI KETERBUKAAN PENERIMAAN	.030 <sup>b</sup>	.854	.394	.034	.902	1.109	.842
	.114 <sup>b</sup>	3.214	.001	.128	.856	1.169	.824
	.188 <sup>b</sup>	5.554	.000	.218	.904	1.106	.876
3 INTERAKSI DAN KOMUNIKASI KETERBUKAAN	.061 <sup>c</sup>	1.792	.074	.072	.879	1.138	.788
	.108 <sup>c</sup>	3.128	.002	.125	.855	1.170	.793
4 INTERAKSI DAN KOMUNIKASI	.031 <sup>d</sup>	.877	.381	.035	.795	1.258	.752

### Nilai Ekstrim( *Outlier* )

Nilai yang terlalu tinggi atau terlalu rendah(*outlier*) dalam taburan data variabel sering berlaku dan analisis regresi amat peka pada nilai ekstrim. Nilai ekstrim adalah nilai yang mempunyai nilai residual piawai(*Standard Residual*) yang terletak dalam lingkungan  $\pm 3.3$ . Nilai ekstrim boleh dikesan dengan menggunakan graf *Scatterplot* atau *Boxplot*. Sekiranya terdapat nilai ekstrim, pengkaji terlebih dahulu perlu menggantikan nilai tersebut dengan nilai yang berdekatan dengan nilai yang kedua tinggi(atau rendah).

### **Prosedur Penyelesaian Stepwise( *Stepwise Solution* )**

Merupakan variasi prosedur *forward solution*. Regresi pelbagai mengikut prosedur penyelesaian *stepwise* hanya akan menyenaraikan variabel peramal yang memberi sumbangan kepada perubahan varians dalam variabel bersandar. Variabel peramal yang mempunyai nilai *beta in* yang kecil akan disingkirkan daripada model regresi dan dinyatakan sebagai tidak memberi sumbangan kepada perubahan varian dalam variabel bersandar.

- a) **Sejauh manakah komponen-komponen dalam konteks keluarga meramalkan penglibatan ibu bapa?**

Dalam kajian ini ( $N=721$ ) sampel kes dikaji. Di dapati hanya empat faktor peramal sahaja muncul sebagai faktor yang memberikan sumbangan kepada penglibatan Ibu bapa. Faktor tersebut adalah amalan keibubapaan, kesenggangan, penerimaan dan keterbukaan manakala faktor interaksi & komunikasi tersingkir dengan sendirinya daripada model regresi melalui prosedur *Stepwise*. Hal ini kerana interaksi dan komunikasi mempunyai nilai *beta in* yang terlalu kecil walaupun ianya signifikan pada nilai  $p<.05$ . Justeru itu, hanya empat faktor peramal yang memberi sumbangan kepada variabel penglibatan Ibu bapa sahaja yang akan dikaji.

Jadual 36:

Ringkasan Model Mengikut Sumbangan Faktor Peramal Terhadap Variabel Bersandar Penglibatan Ibu bapa.

Model	$R$	$R^2$	$R^2$ Terlaras	Anggaran Ralat Piawai
1	.548 <sup>a</sup>	.300	.299	11.669
2	.609 <sup>b</sup>	.371	.369	11.070
3	.632 <sup>c</sup>	.400	.397	10.822
4	.641 <sup>d</sup>	.411	.408	10.723

Model 1 dalam Jadual 36 menunjukkan nilai  $R^2$  sebanyak .300. Ini menerangkan bahawa perubahan sebanyak 30.0 peratus( $r = .55$ ) dalam penglibatan ibu bapa adalah disebabkan oleh variabel peramal amalan keibubapaan. Model 1 juga menunjukkan bahawa amalan keibubapaan merupakan faktor utama yang menyumbang kepada penglibatan ibu bapa. Nilai  $R^2$  sebanyak .371 dalam Model 2 menunjukkan bahawa perubahan sebanyak 37.1 peratus( $r = .61$ ) dalam variabel penglibatan ibu bapa adalah disebabkan oleh perubahan kombinasi variabel peramal amalan keibubapaan dan kesenggangan.

Dalam Model 3, nilai  $R^2$  sebanyak .400 menunjukkan variabel peramal menyumbang sebanyak 40.0 peratus( $r = .63$ ) perubahan dalam penglibatan ibu bapa. Perubahan ini disebabkan oleh kombinasi tiga variabel peramal iaitu amalan keibubapaan, kesenggangan dan penerimaan. Model 4 pula menunjukkan nilai  $R^2$  sebanyak .411. Ini menjelaskan bahawa perubahan sebanyak 41.1 peratus( $r = .64$ ) dalam penglibatan ibu bapa adalah disebabkan oleh gabungan variabel peramal amalan keibubapaan, kesenggangan, penerimaan dan keterbukaan.

Jadual 37:

Keputusan Analisis ANOVA Bagi Model Regresi Pelbagai Penglibatan Ibu Bapa.

Model		Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan (df)		Min Kuasa Dua	F	Sig.
			Darjah Kebebasan (df)	Min Kuasa Dua			
1	Regresi	42003.512	1	42003.512	308.489	.000 <sup>a</sup>	
	Residual	98034.246	720	136.159			
	Jumlah	140037.758	721				
2	Regresi	51935.261	2	25967.630	211.921	.000 <sup>b</sup>	
	Residual	88102.497	719	122.535			
	Jumlah	140037.758	721				
3	Regresi	55945.340	3	18648.447	159.225	.000 <sup>c</sup>	
	Residual	84092.418	718	117.120			
	Jumlah	140037.758	721				
4	Regresi	57588.438	4	14397.110	125.201	.000 <sup>d</sup>	
	Residual	82449.319	717	114.992			
	Jumlah	140037.758	721				

Keputusan ujian ANOVA ditunjukkan dalam Jadual 37. Dapatan daripada analisis telah menunjukkan bahawa keempat-empat Model Regresi Pelbagai yang telah dibentuk oleh variabel penglibatan ibu bapa dan variabel peramal komponen-komponen konteks keluarga(amalan keibubapaan, kesenggangan, penerimaan dan keterbukaan) adalah signifikan pada aras  $p<.05$ . Keempat-empat variabel peramal adalah merupakan faktor yang menyumbang kepada penglibatan Ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah. Keputusan ujian ANOVA dalam Jadual 37 dapat diringkaskan seperti di bawah;

Model 1	:	$F( 1, 720 ) = 308.489, p < .05$
Model 2	:	$F( 2, 719 ) = 211.921 , p < .05$
Model 3	:	$F( 3, 718 ) = 159.225 , p < .05$
Model 4	:	$F( 4, 717 ) = 125.201 , p < .05$

Jadual 38:

Ringkasan Koeffisyen Mengikut Model Regresi Pelbagai Penglibatan Ibu Bapa.

Model	Pemalar	Nilai Beta
1	Amalan Keibubapaan	$\beta = .55 , p < .05$
2	Amalan Keibubapaan	$\beta = .47 , p < .05$
	Kesenggangan	$\beta = .28 , p < .05$
3	Amalan Keibubapaan	$\beta = .42 , p < .05$
	Kesenggangan	$\beta = .26 , p < .05$
	Penerimaan	$\beta = .18 , p < .05$
4	Amalan Keibubapaan	$\beta = .38 , p < .05$
	Kesenggangan	$\beta = .24 , p < .05$
	Penerimaan	$\beta = .17 , p < .05$
	Keterbukaan	$\beta = .12 , p < .05$

Jadual 38 merupakan ringkasan nilai koeffisyen dalam Model Regresi pelbagai yang telah dibentuk. Nilai *beta* bagi amalan keibubapaan( $\beta=.55, p<.05$ ) ditunjukkan dalam Model 1. Dalam Model 2, nilai *beta* bagi gabungan faktor amalan keibubapaan ( $\beta = .47, p<.05$ ) dan kesenggangan( $\beta = .28 , p<.05$ ).

Model 3 menunjukkan gabungan tiga faktor peramal iaitu amalan keibubapaan ( $\beta = .42, p<.05$ ), kesenggangan( $\beta=.26, p<.05$ ) dan penerimaan( $\beta=.18, p<.05$ ) manakala dalam Model 4, gabungan amalan keibubapaan( $\beta=.38, p<.05$ ), kesenggangan( $\beta = .24,$

$p<.05$ ), penerimaan( $\beta=.17, p<.05$ ) dan keterbukaan( $\beta=.12, p<.05$ ). Keputusan analisis koefisien menunjukkan keempat-empat Model Regresi Pelbagai yang dibentuk adalah signifikan dan ianya boleh digeneralisasikan kepada populasi.

***Keputusan Keseluruhan Regresi Pelbagai Komponen-Komponen Konteks Keluarga Dengan Penglibatan Ibu bapa.***

Keputusan analisis regresi pelbagai menunjukkan bahawa keempat empat variabel peramal iaitu amalan keibubapaan, kesenggangan, keterbukaan dan penerimaan merupakan faktor kepada Penglibatan Ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah.

Dapatan analisis juga menunjukkan bahawa secara signifikan amalan keibubapaan( $\beta=.55, p<.05$ ) telah menyumbang sebanyak 30.0 peratus( $r=.55$ ) perubahan varian dalam penglibatan ibu bapa[  $F(1, 720)= 308.489, p<.05$  ]. Kombinasi antara variabel peramal amalan keibubapaan( $\beta=.47, p<.05$ ) dan kesenggangan( $\beta=.28, p<.05$ ) telah menyumbang sebanyak 37.1 peratus( $r=.61$ ) perubahan varians dalam penglibatan Ibu bapa [  $F (2, 719) = 211.921, p<.05$  ].

Kombinasi ketiga-tiga variabel peramal amalan keibubapaan( $\beta=.42, p<.05$ ), kesenggangan( $\beta=.26, p<.05$ ) dan penerimaan( $\beta=.18, p<.05$ ) telah menyumbang sebanyak 40.0 peratus( $r=.63$ ) perubahan varians dalam penglibatan ibu bapa[  $F(3, 718)=159.225, p<.05$  ]. Gabungan keempat-empat variabel peramal amalan keibubapaan( $\beta=.38, p<.05$ ), kesenggangan( $\beta=.24, p<.05$ ), penerimaan( $\beta=.17, p<.05$ ) dan keterbukaan( $\beta=.12, p<.05$ ) telah menyumbang sebanyak 41.1 peratus( $r=.64$ ) perubahan varians dalam penglibatan ibu bapa[  $F(4,717)=125.201, p<.05$  ].

Berdasarkan keputusan analisis regresi pelbagai, pengkaji melaporkan bahawa amalan keibubapaan, kesenggangan, keterbukaan dan penerimaan merupakan faktor kepada penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah.

**b) Sejauh manakah komponen-komponen dalam konteks keluarga meramalkan penglibatan ibu bapa di rumah?**

Dalam kajian ini(N=735) sampel kes dikaji. Di dapati hanya empat faktor peramal sahaja muncul sebagai faktor yang memberikan sumbangan kepada penglibatan ibu bapa di rumah. Faktor tersebut adalah amalan keibubapaan, kesenggangan, keterbukaan dan penerimaan manakala faktor interaksi & komunikasi tersingkir dengan sendirinya daripada model regresi melalui prosedur *Stepwise*. Hal ini kerana interaksi & komunikasi mempunyai nilai *beta in* yang terlalu kecil walaupun ianya signifikan pada nilai  $p<.05$ . Justeru, hanya empat faktor peramal yang memberi sumbangan kepada variabel penglibatan ibu bapa di rumah sahaja yang akan dikaji.

Jadual 39:

Ringkasan Model Mengikut Sumbangan Faktor Peramal Penglibatan Ibu Bapa Di Rumah.

Model	R	$R^2$	$R^2$ Terlaras	Anggaran Ralat Piawai
1	.598 <sup>a</sup>	.357	.356	8.179
2	.656 <sup>b</sup>	.430	.429	7.705
3	.664 <sup>c</sup>	.441	.438	7.641
4	.667 <sup>d</sup>	.445	.441	7.619

Model 1 dalam Jadual 39 menunjukkan nilai  $R^2$  sebanyak .357. Ini menerangkan bahawa perubahan sebanyak 35.7 peratus( $r = .60$ ) dalam penglibatan Ibu bapa adalah disebabkan oleh variabel peramal amalan keibubapaan. Model 1 juga menunjukkan bahawa amalan keibubapaan merupakan faktor utama yang menyumbang kepada penglibatan ibu bapa di rumah.

Nilai  $R^2$  sebanyak .430 dalam Model 2 menunjukkan bahawa perubahan sebanyak 43.0 peratus( $r = .65$ ) dalam variabel penglibatan ibu bapa di rumah adalah disebabkan oleh perubahan kombinasi variabel peramal amalan keibubapaan dan kesenggangan.

Dalam Model 3, nilai  $R^2$  sebanyak .441 menunjukkan variabel peramal menyumbang sebanyak 44.1 peratus( $r = .66$ ) perubahan dalam penglibatan ibu bapa di rumah. Perubahan ini disebabkan oleh kombinasi tiga variabel peramal iaitu amalan keibubapaan, kesenggangan dan keterbukaan.

Model 4 pula menunjukkan nilai  $R^2$  sebanyak .445. Ini menjelaskan bahawa perubahan sebanyak 44.5 peratus( $r = .67$ ) dalam penglibatan ibu bapa di rumah adalah disebabkan oleh gabungan variabel peramal amalan keibubapaan, kesenggangan, keterbukaan dan penerimaan.

Jadual 40:

Keputusan Analisis ANOVA Bagi Model Regresi Pelbagai Penglibatan Ibu Bapa Di Rumah.

	Model	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan (df)	Min Kuasa Dua	F	Sig.
1	Regresi	27282.791	1	27282.791	407.809	.000 <sup>a</sup>
	Residual	49105.240	734	66.901		
	Jumlah	76388.031	735			
2	Regresi	32877.135	2	16438.567	276.930	.000 <sup>b</sup>
	Residual	43510.896	733	59.360		
	Jumlah	76388.031	735			
3	Regresi	33653.625	3	11217.875	192.152	.000 <sup>c</sup>
	Residual	42734.406	732	58.380		
	Jumlah	76388.031	735			
4	Regresi	33955.301	4	8488.825	146.239	.000 <sup>d</sup>
	Residual	42432.730	731	58.048		
	Jumlah	76388.031	735			

Keputusan ujian ANOVA ditunjukkan dalam Jadual 40. Dapatan daripada analisis telah menunjukkan bahawa keempat-empat Model Regresi Pelbagai yang telah dibentuk oleh variabel penglibatan ibu bapa di rumah dan variabel peramal komponen-komponen konteks keluarga(amalan keibubapaan, kesenggangan, keterbukaan dan penerimaan) adalah signifikan pada aras  $p<.05$ . Keempat-empat variabel peramal adalah merupakan faktor yang menyumbang kepada penglibatan ibu bapa di rumah dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah. Keputusan ujian ANOVA dalam Jadual 40 dapat diringkaskan seperti di bawah;

Model 1	:	$F( 1, 734 ) = 407.809 , p < .05$
Model 2	:	$F( 2, 733 ) = 276.930 , p < .05$
Model 3	:	$F( 3, 732 ) = 192.152 , p < .05$
Model 4	:	$F( 4, 731 ) = 146.239 , p < .05$

Jadual 41:

Ringkasan Koeffisyen Mengikut Model Regresi Pelbagai Penglibatan Ibu Bapa Di Rumah.

Model	Pemalar	Nilai Beta
1	Amalan Keibubapaan	$\beta = .60 , p < .05$
2	Amalan Keibubapaan	$\beta = .52 , p < .05$
	Kesenggangan	$\beta = .28 , p < .05$
3	Amalan Keibubapaan	$\beta = .47 , p < .05$
	Kesenggangan	$\beta = .27 , p < .05$
	Keterbukaan	$\beta = .11 , p < .05$
4	Amalan Keibubapaan	$\beta = .46 , p < .05$
	Kesenggangan	$\beta = .26 , p < .05$
	Keterbukaan	$\beta = .11 , p < .05$
	Penerimaan	$\beta = .07 , p < .05$

Jadual 41 merupakan ringkasan nilai koeffisyen dalam Model Regresi Pelbagai yang telah dibentuk. Nilai beta bagi amalan keibubapaan( $\beta=.60, p<.05$ ) ditunjukkan dalam Model 1. Dalam Model 2, nilai beta bagi gabungan faktor amalan keibubapaan ( $\beta =.52, p<.05$ ) dan kesenggangan( $\beta =.28, p<.05$ ).

Model 3 menunjukkan gabungan tiga faktor peramal iaitu amalan keibubapaan ( $\beta=.47, p<.05$ ), kesenggangan( $\beta=.27, p<.05$ ) dan keterbukaan( $\beta=.11, p<.05$ ) manakala

dalam Model 4, gabungan amalan keibubapaan( $\beta=.46$ ,  $p<.05$ ), kesenggangan( $\beta=.26$ ,  $p<.05$ ), keterbukaan( $\beta=.11$ ,  $p<.05$ ) dan penerimaan( $\beta=.07$ ,  $p<.05$ ). Keputusan analisis koefisien menunjukkan keempat-empat Model Regresi Pelbagai yang dibentuk adalah signifikan dan ianya boleh digeneralisasikan kepada populasi.

***Keputusan Keseluruhan Regresi Pelbagai Komponen-Komponen Konteks Keluarga Dengan Penglibatan Ibu bapa Di Rumah.***

Keputusan analisis regresi pelbagai menunjukkan bahawa keempat empat variabel peramal iaitu amalan keibubapaan, kesenggangan, keterbukaan dan penerimaan merupakan faktor kepada penglibatan ibu bapa di rumah dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah.

Dapatan analisis juga menunjukkan bahawa secara signifikan amalan keibubapaan( $\beta=.60$ ,  $p<.05$ ) telah menyumbang sebanyak 35.7 peratus( $r=.60$ ) perubahan varian dalam penglibatan ibu bapa di rumah[  $F (1,734)= 407.809$ ,  $p<.05$  ]. Kombinasi antara variabel peramal amalan keibubapaan( $\beta=.52$ ,  $p<.05$ ) dan kesenggangan( $\beta=.28$ ,  $p<.05$ ) telah menyumbang sebanyak 43.0 peratus( $r=.66$ ) perubahan varians dalam penglibatani bapa di rumah [  $F (2, 733)=276.930$ ,  $p < .05$  ].

Kombinasi ketiga-tiga variabel peramal amalan keibubapaan( $\beta=.47$ ,  $p<.05$ ), kesenggangan( $\beta=.27$ ,  $p<.05$ ) dan keterbukaan( $\beta=.11$ ,  $p<.05$ ) telah menyumbang sebanyak 44.1 peratus( $r=.66$ ) perubahan varians dalam penglibatan ibu bapa di rumah [  $F (3, 732) =192.152$ ,  $p<.05$  ]. Gabungan keempat-empat variabel peramal amalan keibubapaan( $\beta=.46$ ,  $p < .05$ ), kesenggangan( $\beta=.26$ ,  $p<.05$ ), keterbukaan( $\beta=.11$ ,  $p<.05$ ) dan penerimaan( $\beta=.07$ ,  $p<.05$ ) telah menyumbang sebanyak 44.5 peratus( $r=.67$ ) perubahan varians dalam penglibatan ibu bapa di rumah[  $F(4, 731)=146.239$ ,  $p<.05$  ]. Berdasarkan keputusan analisis regresi pelbagai, pengkaji melaporkan bahawa amalan

keibubapaan, kesenggangan, keterbukaan dan penerimaan merupakan faktor kepada penglibatan ibu bapa di rumah dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah.

**c) Sejauh manakah komponen-komponen dalam Konteks Keluarga meramalkan Penglibatan Ibu bapa Di Sekolah?**

Dalam kajian ini(N=729) sampel kes dikaji. Di dapati hanya empat faktor peramal sahaja muncul sebagai faktor yang memberikan sumbangan kepada penglibatan ibu bapa. Faktor tersebut adalah penerimaan, kesenggangan, amalan keibubapaan dan keterbukaan manakala faktor interaksi & komunikasi tersingkir dengan sendirinya daripada model regresi melalui prosedur Stepwise. Hal ini kerana interaksi & komunikasi mempunyai nilai *beta in* yang terlalu kecil walaupun ianya signifikan pada nilai  $p<.05$ . Justeru itu, hanya empat faktor peramal yang memberi sumbangan kepada variabel penglibatan ibu bapa di sekolah sahaja yang akan dikaji.

Jadual 42:

Ringkasan Model Mengikut Sumbangan Faktor Peramal Terhadap Variabel Bersandar Penglibatan Ibu bapa Di Sekolah.

Model	R	$R^2$	$R^2$ Terlaras	Anggaran Ralat Piawai
1	.310 <sup>a</sup>	.096	.095	6.625
2	.365 <sup>b</sup>	.134	.131	6.490
3	.394 <sup>c</sup>	.155	.151	6.414
4	.400 <sup>d</sup>	.160	.155	6.400

Model 1 dalam Jadual 42 menunjukkan nilai  $R^2$  sebanyak .096. Ini menerangkan bahawa perubahan sebanyak 9.6 peratus( $r=.31$ ) dalam penglibatan ibu bapa Di Sekolah adalah disebabkan oleh variabel peramal penerimaan. Model 1 juga menunjukkan bahawa penerimaan merupakan faktor utama yang menyumbang kepada penglibatan ibu bapa di sekolah.

Nilai  $R^2$  sebanyak .134 dalam Model 2 menunjukkan bahawa perubahan sebanyak 13.4 peratus( $r =.37$ ) dalam variabel penglibatan ibu bapa di sekolah adalah disebabkan oleh perubahan kombinasi variabel peramal penerimaan dan kesenggangan.

Dalam Model 3, nilai  $R^2$  sebanyak .155 menunjukkan variabel peramal menyumbang sebanyak 15.5 peratus( $r =.39$ ) perubahan dalam penglibatan ibu bapa di sekolah. Perubahan ini disebabkan oleh kombinasi tiga variabel peramal iaitu penerimaan, kesenggangan dan amalan keibubapaan.

Model 4 pula menunjukkan nilai  $R^2$  sebanyak .160. Ini menjelaskan bahawa perubahan sebanyak 16.0 peratus( $r=.40$ ) dalam penglibatan ibu bapa di sekolah adalah disebabkan oleh gabungan variabel peramal penerimaan, kesenggangan, amalan keibubapaan dan keterbukaan.

Jadual 43:

Keputusan Analisis ANOVA Bagi Model Regresi Pelbagai Penglibatan Ibu Bapa Di Sekolah.

Model		Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan (df)	Min Kuasa Dua	F	Sig.
	Regresi					
1	Residual	31951.826	728	43.890		
	Jumlah	35340.899	729			
2	Regresi	4719.322	2	2359.661	56.022	.000 <sup>b</sup>
	Residual	30621.577	727	42.120		
	Jumlah	35340.899	729			
3	Regresi	5475.802	3	1825.267	44.371	.000 <sup>c</sup>
	Residual	29865.096	726	41.136		
	Jumlah	35340.899	729			
4	Regresi	5645.093	4	1411.273	34.455	.000 <sup>d</sup>
	Residual	29695.806	725	40.960		
	Jumlah	35340.899	729			

Keputusan ujian ANOVA ditunjukkan dalam Jadual 43. Dapatan daripada analisis telah menunjukkan bahawa keempat-empat Model Regresi Pelbagai yang telah dibentuk oleh variabel penglibatan ibu bapa di sekolah dan variabel peramal komponen-komponen konteks keluarga(penerimaan, kesenggangan, amalan keibubapaan dan keterbukaan) adalah signifikan pada aras  $p<.05$ . Keempat-empat variabel peramal adalah merupakan faktor yang menyumbang kepada penglibatan ibu bapa di sekolah dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah. Keputusan ujian ANOVA dalam Jadual 43 dapat diringkaskan seperti di bawah;

Model 1	:	$F( 1, 728 ) = 77.218, p < .05$
Model 2	:	$F( 2, 727 ) = 56.022, p < .05$
Model 3	:	$F( 3, 726 ) = 44.371, p < .05$
Model 4	:	$F( 4, 725 ) = 34.455, p < .05$

Jadual 44:

Ringkasan Koeffisyen Mengikut Model Regresi Pelbagai Penglibatan Ibu Bapa Di Sekolah.

Model	Pemalar	Nilai Beta
1	Penerimaan	$\beta = .31, p < .05$
2	Penerimaan	$\beta = .27, p < .05$
	Kesenggangan	$\beta = .20, p < .05$
3	Penerimaan	$\beta = .23, p < .05$
	Kesenggangan	$\beta = .16, p < .05$
	Amalan Keibubapaan	$\beta = .16, p < .05$
4	Penerimaan	$\beta = .23, p < .05$
	Kesenggangan	$\beta = .15, p < .05$
	Amalan Keibubapaan	$\beta = .13, p < .05$
	Keterbukaan	$\beta = .08, p < .05$

Jadual 44 merupakan ringkasan nilai koeffisyen dalam Model Regresi pelbagai yang telah dibentuk. Nilai beta bagi Penerimaan( $\beta=.31, p<.05$ ) ditunjukkan dalam Model 1. Dalam Model 2, nilai beta bagi gabungan faktor penerimaan( $\beta=.27, p<.05$ ) dan kesenggangan( $\beta =.20, p < .05$ ).

Model 3 menunjukkan gabungan tiga faktor peramal iaitu penerimaan( $\beta=.23, p <.05$ ), kesenggangan( $\beta=.16, p <.05$ ) dan amalan keibubapaan( $\beta=.16, p <.05$ ) manakala

dalam Model 4, gabungan penerimaan( $\beta=.23, p<.05$ ), kesenggangan( $\beta=.15, p<.05$ ), amalan keibubapaan( $\beta=.13, p<.05$ ) dan keterbukaan( $\beta=.08, p<.05$ ). Keputusan analisis koefisien menunjukkan keempat-empat Model Regresi Pelbagai yang dibentuk adalah signifikan dan ianya boleh digeneralisasikan kepada populasi.

***Keputusan Keseluruhan Regresi Pelbagai Komponen-Komponen Konteks Keluarga Dengan Penglibatan Ibu bapa Di Sekolah.***

Keputusan analisis regresi pelbagai menunjukkan bahawa keempat empat variabel peramal iaitu penerimaan, kesenggangan, amalan keibubapaan dan keterbukaan merupakan faktor kepada penglibatan ibu bapa di sekolah dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah.

Dapatan analisis juga menunjukkan bahawa secara signifikan penerimaan( $\beta=.31, p<.05$ ) telah menyumbang sebanyak 9.6 peratus( $r=.31$ ) perubahan varian dalam penglibatan ibu bapa di sekolah [ $F(1,728) = 77.218, p<.05$ ]. Kombinasi antara variabel peramal penerimaan( $\beta=.27, p<.05$ ) dan kesenggangan( $\beta=.20, p<.05$ ) telah menyumbang sebanyak 13.4 peratus( $r=.37$ ) perubahan varians dalam penglibatan ibu bapa di sekolah [  $F(2, 727) = 56.022, p < .05$  ].

Kombinasi ketiga-tiga variabel peramal penerimaan( $\beta=.23, p<.05$ ), kesenggangan( $\beta=.16, p<.05$ ) dan amalan keibubapaan( $\beta=.16, p<.05$ ) telah menyumbang sebanyak 15.5 peratus( $r=.39$ ) perubahan varians dalam penglibatan ibu bapa di sekolah[  $F(3,726)=44.371, p<.05$  ]. Gabungan keempat-empat variabel peramal penerimaan( $\beta=.23, p<.05$ ), kesenggangan( $\beta=.15, p<.05$ ), amalan keibubapaan( $\beta=.13, p<.05$ ) dan penerimaan( $\beta=.08, p<.05$ ) telah menyumbang

sebanyak 16.0 peratus( $r=.40$ ) perubahan varians dalam penglibatan ibu bapa di sekolah[  $F (4, 725)=34.455, p<.05$  ]. Berdasarkan keputusan analisis regresi pelbagai, pengkaji melaporkan bahawa penerimaan, kesenggangan, amalan keibubapaan dan keterbukaan merupakan faktor kepada penglibatan ibu bapa di sekolah dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah.

### **Soalan Kajian Keempat**

#### **Sejauh Manakah Terdapat Perhubungan Antara Pencapaian Akademik Murid Dengan Komponen Penglibatan Ibu bapa Di Rumah dan Di Sekolah?**

Bagi menjawab soalan kajian ini, pengkaji terlebih dahulu menganalisis data untuk menguji kenormalannya. Memandangkan data yang diperolehi daripada komponen penglibatan adalah normal, ianya memudahkan pengkaji untuk menggunakan ujian korelasi untuk melihat kekuatan hubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas. Pengkaji juga perlu menyingkirkan nilai ekstrim(*outlier*) dalam data supaya analisis yang diperolehi bertepatan dengan tujuan dan kehendak kajian.

Memandangkan kajian ini adalah kajian yang menguji perhubungan, pekali korelasi Pearson Product-Moment digunakan sepenuhnya dalam analisis data bagi menjawab; a) persamaan yang mewakili kekuatan perhubungan antara variabel-variabel bersandar berdasarkan nilai  $r$ ; dan b) kekuatan perhubungan antara variabel-variabel yang diuji(Rujuk jadual korelasi *Pearson*)

- a) Sejauh manakah terdapat perhubungan antara pencapaian akademik dengan komponen penglibatan ibu bapa di rumah?

Jadual 45:

Korelasi Antara Pencapaian Akademik Dengan Komponen Penglibatan Ibu bapa Di Rumah.

		Tugasan	Kemudahan Pembelajaran	Pemantauan
Pencapaian Akademik	Korelasi Pearson	.010	.243**	-.004
	Sig. (2-hujung)	.734	.000	.894
	N	873	768	950

### ***Tugasan***

Keputusan analisis ujian Korelasi Pearson dalam Jadual 45 menunjukkan analisis perhubungan antara pencapaian akademik dengan tugas dalam komponen penglibatan ibu bapa di rumah. Dapatan menunjukkan bahawa perhubungan antara kedua-dua variabel pada kekuatan korelasi yang sangat lemah( $r=.01$ ). Perhubungan antara pencapaian akademik murid dengan tugas juga adalah tidak signifikan( $p>.05$ ) namun perhubungan yang positif ditunjukkan antara kedua-dua variabel.

### ***Kemudahan Pembelajaran***

Dapatan analisis ujian Korelasi dalam Jadual 45 juga menunjukkan perhubungan antara pencapaian akademik dengan kemudahan pembelajaran dalam komponen penglibatan ibu bapa di rumah. Analisis memperlihatkan bahawa kekuatan korelasi antara kedua-dua variabel adalah sangat lemah( $r=.24$ ). Walau bagaimanapun,

perhubungan antara pencapaian akademik dengan kemudahan pembelajaran adalah signifikan dan positif pada aras  $p < .05$ .

### **Pemantauan**

Dalam Jadual 45 juga ditunjukkan analisis ujian korelasi antara pencapaian akademik dengan pemantauan dalam komponen penglibatan ibu bapa di rumah. Keputusan analisis menunjukkan tidak terdapat korelasi( $r= -.00$ ) antara kedua-dua variabel. Perhubungan yang ditunjukkan juga adalah tidak signifikan( $p>.05$ ) dan negetif antara pencapaian akademik murid dengan pemantauan dalam penglibatan ibu bapa di rumah

### **b) Sejauh manakah terdapat perhubungan di antara pencapaian akademik dengan komponen penglibatan ibu bapa di sekolah?**

Jadual 46:

Korelasi Antara Pencapaian Akademik Dengan Komponen Penglibatan Ibu bapa Di Sekolah.

		Perjumpaan Ibu bapa Sekolah	Hari Terbuka & Hari Kecemerlangan	Aktiviti & Program Sekolah
Pencapaian Akademik	Korelasi Pearson Sig. (2-hujung)	.171** .000	.199** .000	.026 .444
	N	936	946	887

### **Perjumpaan ibu bapa – sekolah**

Keputusan analisis korelasi menunjukkan perhubungan antara pencapaian akademik murid dengan komponen penglibatan ibu bapa di sekolah. Dapatan menunjukkan bahawa kekuatan korelasi antara kedua-dua variabel adalah sangat lemah( $r=.17$ ).

Perhubungan antara pencapaian akademik dengan perjumpaan ibu bapa di sekolah juga berhubung secara signifikan dan positif pada aras  $p<.05$ .

### ***Hari Terbuka dan Hari Kecemerlangan***

Dapatan dalam Jadual 46 menunjukkan perhubungan antara pencapaian akademik murid dengan Hari Terbuka & Hari Kecemerlangan murid dalam komponen penglibatan ibu bapa di sekolah. Analisis ujian korelasi memperlihatkan kekuatan korelasi yang sangat lemah( $r=.20$ ). Walau bagaimanapun, perhubungan yang ditunjukkan antara kedua-dua variabel masih lagi signifikan dan positif pada aras  $p<.05$ .

### ***Aktiviti dan Program Sekolah***

Keputusan analisis korelasi antara pencapaian akademik dengan aktiviti dan program sekolah dalam komponen penglibatan ibu bapa di sekolah. Dapatan menunjukkan kekuatan korelasi antara kedua-dua variabel adalah sangat lemah( $r=.03$ ). Walau bagaimanapun perhubungan antara pencapaian akademik dengan aktiviti dan program sekolah adalah tidak signifikan pada aras  $p>.05$ .

### **Analisis Keseluruhan Penglibatan Ibu bapa**

Jadual 47:

Korelasi Antara Pencapaian Akademik Dengan Komponen Penglibatan Ibu bapa, Penglibatan Ibu bapa Di Rumah dan Penglibatan Ibu bapa Di Sekolah.

		Penglibatan Ibu bapa di rumah	Penglibatan Ibu bapa di sekolah	Penglibatan Ibu bapa keseluruhan
Pencapaian Akademik	Korelasi Pearson	.141**	.137**	.188**
	Sig. (2-hujung)	.000	.000	.000
	N	914	857	914

Dalam Jadual 47 ditunjukkan korelasi antara pencapaian akademik murid dengan penglibatan ibu bapa. Keputusan analisis menunjukkan terdapat perhubungan yang sangat lemah( $r=.19$ ) antara kedua-dua variabel. Namun, perhubungan antara variabel pencapaian akademik murid dengan penglibatan ibu bapa masih lagi signifikan dan positif pada aras  $p<.05$ .

Jadual 47 juga menunjukkan keputusan analisis korelasi antara pencapaian akademik dengan penglibatan ibu bapa di rumah. Dapatkan menunjukkan bahawa kekuatan korelasi antara kedua-dua variabel adalah sangat lemah( $r=.14$ ). Walaupun perhubungan yang sangat lemah ditunjukkan, perhubungan antara pencapaian akademik dengan penglibatan ibu bapa di rumah masih lagi signifikan dan positif pada aras  $p<.05$ .

Perhubungan antara pencapaian akademik murid dengan penglibatan ibu bapa di sekolah juga ditunjukkan dalam Jadual 47. Keputusan analisis korelasi antara kedua-dua variabel menunjukkan wujud perhubungan yang sangat lemah( $r=.14$ ).

Walaupun begitu, perhubungan antara pencapaian akademik dengan penglibatan ibu bapa di sekolah masih lagi signifikan dan positif pada aras  $p < .05$ .

### **Soalan Kajian Kelima**

#### **Apakah Ekspektasi Murid Sekolah Menengah Terhadap Penglibatan Ibu bapa?**

Soalan kajian kelima berbentuk soalan terbuka. Pengkaji mendapatkan data berdasarkan apa yang dinyatakan oleh murid melalui soalan dikotomi “Ya” atau “Tidak”. Berdasarkan data yang diperolehi, pengkaji menggunakan penganalisaan secara deskriptif memandangkan soalan ini memerlukan pengkaji menyatakan dapatan dalam bentuk peratusan yang bersetuju dan tidak bersetuju akan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah. Terlebih dahulu pengkaji mendapatkan kekerapan murid-murid yang menyatakan “Ya” atau “Tidak” dan seterusnya ditukarkan kepada peratusan persetujuan. Seterusnya pengkaji akan menganalisa data yang ditulis oleh murid berdasarkan ekspektasi terhadap penglibatan ibu bapa mereka. Dapatkan seterusnya dikodkan dan ditrangulasikan berdasarkan lima faktor yang menjadi peramal akan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah.

Data yang diperolehi berdasarkan kenyataan murid seterusnya digunakan untuk menguji sama ada anak-anak sememangnya mengharapkan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan. Ini dinyatakan melalui graf bar apabila pandangan murid-murid berkemungkinan berbeza-beza berdasarkan prestasi akademik mereka. Justeru itu, pengkaji mengulas lanjut bahagian ekspektasi murid terhadap penglibatan ibu bapa mereka melalui ujian Khi Kuasa Dua bagi mendapatkan data sama ada kalangan anak-

anak yang berpencapaian tinggi atau rendah yang lebih mengharapkan ibu bapa terlibat dalam pendidikan mereka.

Jadual 48 :


Ekspektasi Murid Terhadap Penglibatan Ibu bapa Dalam Pendidikan Anak-anak Ketika di Sekolah Menengah

	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
Ya	812	85.5	85.5
Tidak	138	14.5	100.0
Jumlah	950	100.0	

Jadual 48 menunjukkan bilangan responden yang terlibat dalam memberikan maklumbalas berkaitan dengan ekspektasi murid-murid terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan mereka ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Seramai 950 orang murid terlibat yang terdiri daripada 421 orang lelaki dan 529 orang perempuan. Murid lelaki meliputi 44.32% manakala bilangan murid perempuan meliputi 55.68%. Seramai 812 orang murid memberikan maklumbalas "Ya" dan mengharapkan ibu bapa terlibat dalam pendidikan mereka ketika di sekolah menengah. Bilangan ini meliputi 85.5% daripada peratusan keseluruhan. Terdapat beberapa alasan bagi menyokong data yang diberikan oleh responden. Anak-anak mengharapkan ibu bapa terlibat dalam pendidikan mereka ketika di sekolah menengah adalah kerana;

- a) Ibu bapa mengambil berat dan menegur kesilapan anak-anak
- b) Anak-anak berasa lebih diberi perhatian, dihargai dan difahami oleh ibu bapa.
- c) Memberi dorongan supaya anak-anak lebih bersemangat dan gigih untuk terus belajar.
- d) Memantau prestasi dan mengawal pergerakan anak-anak.

- e) Mengeratkan hubungan kekeluargaan.
- f) Anak-anak lebih berdisiplin dan lebih fokus kepada pelajaran.
- g) Anak-anak tidak ketinggalan dalam pelajaran.
- h) Ibu bapa dapat menyediakan kemudahan belajar yang sesuai.
- i) Ibu bapa dapat mengetahui perkembangan pelajaran anak-anak di sekolah dan di rumah.
- j) Membantu anak-anak menyiapkan tugas di rumah.
- k) Ibu bapa dapat meluangkan masa membimbing anak-anak ketika anak-anak memerlukan.
- l) Memberi dan bertukar-tukar pendapat dalam meningkatkan prestasi anak-anak.
- m) Memberi peluang kepada anak-anak untuk berbincang dengan ibu bapa.
- n) Membantu mengatasi kelemahan anak-anak.
- o) Menerima anak-anak sama ada cemerlang atau tidak dalam pelajaran.
- p) Ibu bapa memberi nasihat, bukannya kritikan bagi meningkatkan prestasi anak-anak.



Graf 9: Ekspektasi Murid Terhadap Penglibatan Ibu bapa Dalam Pendidikan Anak-anak Ketika di Sekolah Menengah

Walaupun pelbagai alasan telah diberikan oleh murid-murid akan persetujuan mereka terhadap penglibatan ibu bapa ketika anak-anak berada di sekolah menengah namun, data yang diperolehi masih tidak menjelaskan pendapat manakah yang paling diharapkan oleh anak-anak. Justeru, analisis deskriptif kekerapan dan peratusan ekspektasi(Ya) terhadap penglibatan ibu bapa telah dijalankan bagi melihat pemberatan penyataan murid terhadap pendapat mereka.

## Jadual 49 :

Analisis Deskriptif Kekerapan Dan Peratusan Ekspektasi(Ya) Murid Terhadap Penglibatan Ibu bapa.

Bil	Pendapat Murid	Kekerapan	Peratusan
1	Memberi dorongan supaya anak-anak lebih bersemangat dan gigih untuk terus belajar.	348	32.3
2	Membantu anak-anak menyiapkan tugas di rumah.	66	6.13
3	Ibu bapa mengambil berat dan menegur kesilapan anak-anak.	65	6.04
4	Anak-anak merasa lebih diberi perhatian, dihargai dan difahami oleh ibu bapa. Anak-anak lebih berdisiplin dan lebih fokus kepada pelajaran.	63	5.85
5	Ibu bapa dapat meluangkan masa membimbing anak-anak ketika anak-anak memerlukan.	58	5.40
6	Ibu bapa dapat menyediakan kemudahan belajar yang sesuai.	54	5.01
7	Ibu bapa dapat mengetahui perkembangan pelajaran anak-anak di sekolah dan di rumah.	49	4.55
8	Anak-anak tidak ketinggalan dalam pelajaran. Memberi dan bertukar-tukar pendapat dalam meningkatkan prestasi anak-anak.	46	4.30
9	Memantau prestasi dan mengawal pergerakan anak-anak.	38	3.53
10	Memberi peluang kepada anak-anak untuk berbincang dengan ibu bapa.	31	2.90
11	Membantu mengatasi kelemahan anak-anak.	25	2.32
12	Mengeratkan hubungan kekeluargaan.	24	2.23
13	Menerima anak-anak sama ada cemerlang atau tidak dalam pelajaran.	19	1.80
14	Ibu bapa memberikan nasihat bukannya kritikan bagi meningkatkan prestasi.	14	1.30
	<b>JUMLAH</b>	<b>1077</b>	<b>100</b>

Jadual 49 menunjukkan analisisi deskriptif berdasarkan maklum balas soalan terbuka yang telah diperolehi daripada murid-murid. Berdasarkan analisis yang telah dibuat ternyata murid-murid rata-rata berpendapat ekspektasi terhadap penglibatan ibu bapa mereka dapat memberikan dorongan agar anak-anak lebih bersemangat dan gigih untuk terus belajar. Pendapat ini mendapat persetujuan tertinggi daripada keseluruhan pendapat yang telah diterima daripada murid-murid. Daripada 1077 maklum balas yang diperolehi, sebanyak 343 pendapat yang mewakili 32.3% menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ketika di sekolah menengah mampu memberikan semangat dan dorongan kepada anak-anak. Manakala, sebanyak 66 pendapat pula mengharapkan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan mereka dengan alasan dapat membantu anak-anak menyiapkan tugas di rumah. Pendapat ini mewakili 6.13% daripada peratusan keseluruhan pendapat murid yang diperolehi.

Murid-murid berpendapat bahawa mereka mengharapkan ibu bapa terlibat sama dalam pendidikan mereka ketika di sekolah menengah adalah kerana ibu bapa dapat mengambil berat dan menegur kesilapan anak-anak. Sebanyak 65 pendapat yang mewakili 6.04% telah diberikan oleh murid-murid. Sebaliknya, sebanyak 63 pendapat daripada 1077 keseluruhan pendapat menyatakan bahawa anak-anak mengharapkan ibu bapa terlibat sama dalam pendidikan mereka ketika di sekolah menengah adalah kerana anak-anak akan berasa lebih diberi perhatian, dihargai dan difahami oleh ibu bapa. Anak-anak juga berpendapat bahawa keterlibatan ibu bapa dalam pendidikan mereka boleh menjadikan anak-anak lebih berdisiplin dan lebih fokus kepada pelajaran. Justeru, kedua-dua pendapat ini telah menyumbang 5.85% daripada keseluruhan pendapat yang diperolehi daripada murid-murid.


Ekspektasi anak-anak terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan mereka juga dinyatakan oleh murid-murid apabila 58 pendapat yang mewakili 5.04% menyatakan keterlibatan ibu bapa dapat meluangkan masa membimbing anak-anak ketika anak-anak memerlukan. Anak-anak juga mengharapkan ibu bapa terlibat sama dalam pendidikan ketika di sekolah menengah bertujuan bagi memudahkan ibu bapa menyediakan kemudahan belajar yang sesuai. Pendapat ini mewakili 5.0% daripada keseluruhan pendapat yang telah diterima daripada murid-murid.

Ibu bapa dapat mengetahui perkembangan pelajaran anak-anak di sekolah dan di rumah. Sebanyak 49 pendapat telah diterima daripada keseluruhan 1077 pendapat dan ianya mewakili 4.55%. Anak-anak juga mengharapkan ibu bapa terlibat sama dalam pendidikan mereka ketika di sekolah menengah supaya anak-anak tidak ketinggalan dalam pelajaran dan mereka dapat memberi dan bertukar-tukar pendapat dalam meningkatkan prestasi anak-anak. Kedua-dua pendapat ini meliputi 46 pendapat yang mewakili 4.30% daripada keseluruhan pendapat. Selain itu, anak-anak juga mengharapkan ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan mereka ketika di sekolah menengah adalah kerana ibu bapa dapat memantau prestasi dan mengawal pergerakan anak-anak. Sebanyak 38 pendapat telah diterima dan ianya mewakili 3.50%.

Anak-anak mengharapkan ibu bapa terlibat sama dalam pendidikan ketika berada di sekolah menengah. Ini dapat dilihat daripada pendapat murid-murid terhadap ekspektasi mereka terhadap penglibatan ibu bapa dapat memberi peluang kepada anak-anak untuk berbincang berkaitan dengan pelajaran mereka. Pendapat ini mewakili 2.90% daripada keseluruhan pendapat yang telah diterima daripada murid. Manakala, penglibatan ibu bapa juga diharapkan dapat membantu mengatasi kelemahan anak-anak. Sebanyak 25 pendapat telah diterima dan ianya mewakili 2.30% daripada

peratusan pendapat keseluruhan. Selain itu, sebanyak 24 pendapat pula menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa diharapkan ketika anak-anak berada di sekolah menengah bertujuan mengeratkan hubungan kekeluargaan. Pendapat ini juga mewakili 2.20% daripada peratusan pendapat keseluruhan.

Penglibatan ibu bapa juga diharapkan oleh anak-anak apabila 19 pendapat menyatakan keterlibatan ibu bapa dapat menerima seadanya anak-anak sama ada cemerlang atau tidak dalam pelajaran. Anak-anak mahukan ibu bapa faham akan keadaan mereka. Pendapat ini mewakili 1.80% manakala 14 pendapat pula menyatakan bahawa keterlibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak membolehkan mereka memberikan nasihat dan bukannya kritikan kepada anak-anak bagi meningkatkan prestasi. Pendapat ini mewakili 1.30% dan juga merupakan pendapat yang paling rendah diberikan daripada keseluruhan pendapat yang telah diterima daripada murid-murid. Gambaran pendapat murid-murid dapat dilihat berpandukan Histogram di bawah.



Graf 10: Ekspektasi(Ya) Murid Terhadap Penglibatan Ibu bapa Dalam Pendidikan Anak- anak Ketika di Sekolah Menengah

Seramai 138 orang murid memberikan maklum balas "Tidak" mengharapkan ibu bapa mereka terlibat dalam pendidikan mereka ketika di sekolah menengah. Jumlah ini meliputi 14.5% daripada peratusan keseluruhan. Dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa anak-anak mempunyai pandangan yang berbeza mengapa mereka tidak bersetuju ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan mereka. Antara alasan yang diberikan adalah;

- i) Anak-anak tidak berasa terganggu dan sukar memberikan tumpuan pada pelajaran.
- ii) Anak-anak berasa tekanan untuk memenuhi ekspektasi ibu bapa.
- iii) Anak-anak berasa terkongkong, dikawal dan dipaksa belajar.
- iv) Tidak mahu diperlakukan seperti kanak-kanak.
- v) Ibu bapa tidak memahami keperluan anak-anak dan anak-anak memerlukan ruang mereka sendiri.

Analisis deskriptif terhadap kekerapan dan peratusan ekspektasi(Tidak) murid terhadap penglibatan ibu bapa juga telah dijalankan bagi melihat sejauh mana pendapat murid-murid terhadap penglibatan ibu bapa dan apakah alasan bagi menyokong pendapat bahawa anak-anak di sekolah menengah tidak mengharapkan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan. Walaupun bilangan pendapat yang menyatakan tidak mengharapkan ibu bapa terlibat dalam pendidikan adalah kecil tetapi ianya penting bagi kajian ini untuk melihat mengapa murid-murid berpendapat sedemikian dan alasan yang menyokong pendapat mereka.

Jadual 50:

Analisis Deskriptif Kekerapan Dan Peratusan Ekspektasi(Tidak) Murid Terhadap Penglibatan Ibu bapa.


Pendapat Murid	Kekerapan	Peratusan
a) Anak-anak berasa terganggu dan sukar memberikan tumpuan pada pelajaran.	25	12.95
b) Anak-anak berasa tertekan untuk memenuhi ekspektasi ibu bapa.	53	27.46
c) Anak-anak berasa terkongkong, dikawal dan dipaksa belajar.	29	15.02
d) Tidak mahu diperlakukan seperti kanak-kanak.	45	23.32
e) Ibu bapa tidak memahami keperluan anak-anak dan anak-anak memerlukan ruang mereka sendiri.	41	21.24
Jumlah	193	100

Jadual 50 menunjukkan analisis deskriptif pendapat murid yang menyatakan mereka tidak mengharapkan ibu bapa terlibat sama dalam pendidikan ketika berada di sekolah menengah.

Sebanyak 53 pendapat daripada 193 pendapat keseluruhan menyatakan bahawa murid-murid tidak mengharapkan ibu bapa terlibat dalam pendidikan mereka ketika di sekolah menengah kerana anak-anak berasa tertekan untuk memenuhi ekspektasi ibu bapa. Pendapat ini mewakili 27.46% daripada peratusan keseluruhan. Selain itu, anak-anak berpendapat bahawa mereka tidak lagi mahu diperlakukan seperti kanak-kanak ketika di sekolah menengah. Sebanyak 45 pendapat telah diterima dan ianya mewakili 23.32% daripada keseluruhan pendapat.

Ibu bapa tidak memahami keperluan anak-anak dan anak-anak memerlukan ruang mereka sendiri merupakan antara pendapat yang telah diberikan oleh murid-murid bagi mengelak ibu bapa terlibat sama dalam pendidikan anak-anak ketika di

sekolah menengah. Sebanyak 41 pendapat telah diterima daripada murid-murid dan ianya mewakili 21.43%. Manakala, sebanyak 29 pendapat pula menyatakan anak-aank tidak mengharapkan ibu bapa terlibat sama dalam pendidikan ketika di sekolah menengah kerana anak-anak berasa terkongkong, dikawal dan dipaksa belajar oleh ibu bapa. Pendapat ini mewakili 15.03% daripada keseluruhan peratusan pendapat yang diterima. Anak-anak juga berasa terganggu dan sukar memberikan tumpuan pada pelajaran sekiranya ibu bapa terlibat sama dalam pendidikan ketika di sekolah menengah. Sebanyak 25 pendapat telah diterima daripada murid-murid menyatakan sedemikian dan ianya mewakili 12.95%. Kepelbagaiannya pendapat dan alasan yang telah diberikan oleh murid-murid dalam kajian ini menunjukkan bahawa murid-murid sudah mampu menilai peranan ibu bapa dan sejauh mana ibu bapa perlu terlibat dalam pendidikan anak-anak terutama ketika anak-anak berada di sekolah menengah.



Graf 11: Ekspektasi(Tidak) Murid Terhadap Penglibatan Ibu bapa Dalam Pendidikan Anak-anak Ketika di Sekolah Menengah

- a) Apakah hubungan antara pencapaian akademik murid dengan ekspektasi anak-anak terhadap penglibatan ibu bapa?

Jadual 51:

Korelasi Antara Pencapaian Akademik Murid Dengan Ekspektasi Terhadap Penglibatan Ibu bapa Dalam Pendidikan Anak-anak.

		EKSPERKTASI MURID ( EM )			Total
		YA	TIDAK		
PENCAPAIAN AKADEMIK	RENDAH	Jumlah	197	42	239
		% dalam EM	24.3%	30.4%	25.2%
TINGGI	SEDERHANA	Jumlah	437	78	515
		% dalam EM	53.8%	56.5%	54.2%
Total	TINGGI	Jumlah	178	18	196
		% dalam EM	21.9%	13.0%	20.6%
		Jumlah	812	138	950
		% dalam EM	100.0%	100.0%	100.0%

Analisis ujian Khi Kuasa Dua menunjukkan bahawa pencapaian akademik murid berhubung secara signifikan dengan ekspektasi murid( $\chi^2 = 6.452$ ,  $p < .05$ ) terhadap penglibatan ibu bapa ketika di sekolah menengah. Keputusan yang diperolehi juga menunjukkan seramai 812 orang murid menyatakan bahawa mereka mengharapkan ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan mereka ketika di sekolah menengah. Manakala, seramai 138 orang murid menyatakan tidak mengharapkan ibu bapa turut melibatkan diri.

Bagi anak-anak yang mempunyai pencapaian akademik rendah, seramai 197 orang(24.3%) mengharapkan penglibatan ibu bapa berbanding 42 orang(30.4%) murid

menyatakan tidak mengharapkan penglibatan ibu bapa mereka ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Murid-murid yang berpencapaian sederhana pula menunjukkan peratusan yang hampir setara. Seramai 437 orang(53.8%) murid berpencapaian akademik sederhana menyatakan bahawa mereka mengharapkan ibu bapa terlibat sama dalam pendidikan mereka ketika di sekolah menengah manakala 78 orang(56.5%) murid menyatakan mereka tidak mengharapkan ibu bapa terlibat dalam pendidikan mereka.

Seramai 178 orang (21.9%) murid berpencapaian akademik tinggi menyatakan bahawa mereka mengharapkan ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan mereka. Sebaliknya, hanya 18 orang(13.0%) pelajar yang berpencapaian akademik tinggi menyatakan bahawa mereka tidak mengharapkan ibu bapa mereka terlibat sama dalam pendidikan ketika di sekolah menengah. Keputusan juga menunjukkan bahawa tidak semua murid-murid yang berprestasi tinggi mengharapkan penglibatan ibu bapa mereka dalam pendidikan ketika di sekolah menengah sebaliknya murid yang berprestasi rendah juga mengharapkan ibu bapa mereka terlibat sama dalam pendidikan mereka.

- b) Sejauh manakah terdapat hubungan antara jantina dengan ekspektasi murid sekolah menengah terhadap penglibatan ibu bapa?**

Jadual 52:

Ekspektasi Murid Terhadap Penglibatan Ibu bapa Di Sekolah Menengah.

			Ekspektasi Murid		
			YA	TIDAK	Jumlah
Jantina	LELAKI	Jumlah	341	80	421
		% antara Jantina	81.0%	19.0%	100.0%
		% antara EM	42.0%	58.0%	44.3%
	PEREMPUAN	Jumlah	471	58	529
		% antara Jantina	89.0%	11.0%	100.0%
		% antara EM	58.0%	42.0%	55.7%
Total		Jumlah	812	138	950
		% antara Jantina	85.5%	14.5%	100.0%
		% antara EM	100.0%	100.0%	100.0%

Analisis ujian Khi Kuasa Dua menunjukkan bahawa jantina murid berhubung secara signifikan dengan ekspektasi murid( $\chi^2 = 12.20$ ,  $p < .05$ ) terhadap penglibatan ibu bapa ketika di sekolah menengah. Keputusan yang diperolehi juga menunjukkan seramai 812 orang murid menyatakan bahawa mereka mengharapkan ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan mereka ketika di tahap sekolah menengah. Manakala, seramai 138 orang murid menyatakan tidak mengharapkan ibu bapa turut melibatkan diri.

Bagi murid-murid lelaki, seramai 341 orang(81.0%) daripada 421 orang murid mengharapkan penglibatan ibu bapa berbanding 80 orang(19.0%) murid menyatakan tidak mengharapkan penglibatan ibu bapa mereka dalam pendidikan ketika berada di

tahap sekolah menengah. Bagi murid-murid perempuan pula, seramai 471 orang(89.0%) daripada 529 orang murid mengharapkan ibu bapa mereka terlibat sama dalam pendidikan mereka manakala hanya seramai 58 orang(11.0%) sahaja yang tidak mengharapkan ibu bapa mereka terlibat dalam pendidikan ketika di tahap sekolah menengah

Dapatan juga menunjukkan bahawa seramai 812 orang(85.5%) sama ada murid lelaki dan perempuan daripada 950 orang responden yang dikaji menyatakan bahawa mereka mengharapkan ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan mereka manakala hanya seramai 138 orang(14.5%) daripada kalangan murid lelaki dan perempuan menyatakan mereka tidak mengharapkan ibu bapa mereka terlibat sama dalam pendidikan ketika di tahap sekolah menengah. Keputusan menunjukkan bahawa murid laki-laki dan perempuan mengharapkan penglibatan ibu bapa mereka dalam pendidikan ketika di sekolah menengah. Walau bagaimanapun, anak-anak perempuan mempunyai ekspektasi yang lebih tinggi terhadap penglibatan ibu bapa berbanding anak-anak lelaki.

### **Soalan Kajian Keenam**

#### **Apakah Persepsi Murid Sekolah Menengah Terhadap Penglibatan Ibu bapa?**

Soalan kajian ini di analisis secara deskriptif berdasarkan data yang diperolehi daripada murid. Terdapat dua bahagian yang menjadi tumpuan iaitu bahagian maklum balas yang diberikan oleh murid berdasarkan skala Likert dan berdasarkan jawapan soalan terbuka. Pengkaji terlebih dahulu menganalisis secara deskriptif data yang diperolehi berdasarkan kekerapan dan peratusan hasil daripada maklum balas yang diberikan. Daripada peratusan itu, pengkaji kemudiannya mengaitkan dengan alasan yang diberikan oleh murid berdasarkan persetujuan.

#### **Ibu bapa perlu mengambil tahu dan menyemak tugas sekolah**


Jadual 53 menunjukkan maklum balas yang telah diberikan oleh murid-murid terhadap pernyataan ibu bapa perlu mengambil tahu dan menyemak tugas sekolah anak-anak ketika di sekolah menengah. Seramai 950 orang murid terlibat dalam memberikan maklum balas dan daripada jumlah itu, seramai 62 orang murid memberikan maklum balas “Tidak Bersetuju”. Jumlah ini meliputi 6.5% daripada peratusan keseluruhan. Beberapa alasan telah diberikan bagi menyokong pandangan tersebut iaitu ; supaya ibu bapa tidak mengetahui tentang kelemahan anak-anak di sekolah, dan ibu bapa perlu memberi tumpuan pada perkara-perkara yang lebih penting daripada terlibat dalam pelajaran anak-anak dan memberikan peluang untuk anak-anak berdikari ketika di sekolah menengah.

Jadual 53:

Maklum Balas Bagi Persepsi Murid dan Peratusan Terhadap Pernyataan Ibu bapa Perlu Mengambil Tahu dan Menyemak Tugasan Sekolah Anak-anak.

Maklum Balas	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
Tidak Setuju	62	6.5	6.5
Kurang Setuju	128	13.5	20.0
Agak Setuju	206	21.7	41.7
Setuju	359	37.8	79.5
Sangat Setuju	195	20.5	100.0
Jumlah( N )	950	100.0	

Seramai 128 orang murid pula memberikan maklum balas “Kurang Setuju” terhadap pernyataan ibu bapa perlu mengambil tahu dan menyemak tugas sekolah anak-anak ketika di sekolah menengah. Bilangan ini meliputi 13.5% daripada peratusan keseluruhan. Terdapat beberapa alasan mengapa anak-anak kurang bersetuju ibu bapa mereka terlibat dan mengambil tahu akan tugas sekolah mereka. Antara alasan yang diberikan adalah; anak-anak tidak mahu menyusahkan dan membebankan ibu bapa mereka yang penat bekerja, kritikan daripada ibu bapa menyebabkan anak-anak merasa tertekan, dan anak-anak di sekolah menengah sudah mampu menguruskan pelajaran mereka sendiri. Ini menunjukkan bahawa anak-anak tidak suka bergantung harap akan penglibatan ibu bapa mereka ketika di sekolah menengah. Seramai 190 orang yang memberikan maklum balas “Tidak Setuju” dan “Kurang Setuju” iaitu mewakili 20% daripada peratusan keseluruhan.



Graf 12: Persepsi Murid Terhadap Pernyataan Ibu bapa Perlu Mengambil Tahu dan Menyemak Tugasan Sekolah Anak-anak Ketika di Sekolah Menengah.

Sebanyak 21.7% maklum balas “Agak Setuju” telah diberikan. Peratusan ini mewakili seramai 206 orang murid. Mereka memberikan alasan bahawa ibu bapa perlu mengikuti perkembangan pelajaran anak-anak dan mengambil tahu prestasi akademik anak-anak ketika di sekolah menengah. Seramai 359 orang murid pula menyatakan persetujuan “Setuju” dan peratusannya adalah yang paling tinggi berbanding peratusan maklum balas yang lain.

Sebanyak 37.8% murid menyatakan maklum balas bahawa ibu bapa perlu mengambil tahu dan menyemak tugasan ketika di sekolah menengah manakala sebanyak 20% murid yang meliputi 195 orang memberikan maklum balas “Sangat Setuju”. Dapatan menunjukkan sejumlah 554 orang murid menyatakan maklum balas

“Setuju” dan “Sangat Setuju” iaitu meliputi 58.32% daripada peratusan keseluruhan. Antara alasan mengapa ibu bapa perlu mengambil tahu dan menyemak tugas sekolah adalah supaya anak-anak tidak lalai walaupun anak-anak di sekolah menengah sudah mampu berdikari dan menguruskan pelajaran mereka sendiri.

**Ibu bapa perlu menyediakan kemudahan pembelajaran untuk anak-anak.**

Jadual 54 menunjukkan maklum balas yang telah diberikan oleh murid-murid terhadap pernyataan ibu bapa perlu menyediakan kemudahan pembelajaran untuk anak-anak ketika di sekolah menengah. Seramai 950 orang murid terlibat dalam memberikan maklum balas dan daripada jumlah itu, seramai 12 orang murid memberikan maklum balas “Tidak Setuju”. Jumlah ini meliputi 1.3% daripada peratusan keseluruhan.


Jadual 54:

Maklum Balas Bagi Persepsi Murid dan Peratusan Terhadap Pernyataan Ibu bapa Perlu Menyediakan Kemudahan Pembelajaran Untuk Anak-anak.

Maklum Balas	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
Tidak Setuju	12	1.3	1.3
Kurang Setuju	21	2.2	3.5
Agak Setuju	80	8.4	11.9
Setuju	356	37.5	49.4
Sangat Setuju	481	50.6	100.0
Jumlah( N )	950	100.0	

Seramai 21 orang murid pula memberikan maklum balas “Kurang Setuju” terhadap pernyataan ibu bapa perlu menyediakan kemudahan pembelajaran untuk anak-anak ketika di sekolah menengah. Bilangan ini meliputi 2.2% daripada peratusan keseluruhan. Terdapat beberapa alasan mengapa anak-anak “Tidak Setuju” dan

“Kurang Setuju” ibu bapa perlu menyediakan kemudahan pembelajaran untuk anak-anak ketika di sekolah menengah. Antara alasan yang diberikan adalah; anak-anak tidak mahu menyusahkan dan membebankan ibu bapa mereka untuk menyediakan kemudahan pembelajaran. Seramai 33 orang yang memberikan maklum balas “Tidak Setuju” dan “Kurang Setuju” iaitu meliputi 3.5% daripada peratusan keseluruhan.



Graf 13: Maklum Balas Bagi Persepsi Murid dan Peratusan Terhadap Pernyataan Ibu bapa Perlu Menyediakan Kemudahan Pembelajaran Untuk Anak-anak.

Peratusan maklum balas murid bagi maklum balas “Agak Bersetuju” sebanyak 8.4%. Peratusan ini meliputi seramai 80 orang murid yang mana mereka mempunyai pandangan yang agak bersetuju dengan pernyataan ibu bapa perlu menyediakan kemudahan pembelajaran kepada anak-anak ketika di sekolah menengah. Mereka memberikan alasan bahawa ibu bapa perlu mengikuti perkembangan pelajaran anak-anak dan memberikan ruang untuk anak-anak belajar. Seramai 356 orang murid pula

menyatakan maklum balas “Setuju” dan peratusannya agak tinggi iaitu 37.5% berbanding peratusan maklum balas yang lain.

Sebanyak 50.6% murid menyatakan persetujuan bahawa ibu bapa perlu menyediakan kemudahan pembelajaran kepada anak-anak ketika di sekolah menengah. Jumlah itu mewakili 481 orang. Dapatan menunjukkan sejumlah 837 orang murid menyatakan maklum balas “Setuju” dan “Sangat Setuju” iaitu meliputi 88.11% daripada peratusan keseluruhan. Antara alasan mengapa ibu bapa perlu menyediakan kemudahan pembelajaran adalah supaya anak-anak akan berasa lebih selesa untuk belajar, pembelajaran di rumah menjadi lebih efektif dan anak-anak akan lebih fokus ketika belajar.

#### **Ibu bapa memantau pergerakan dan aktiviti harian anak-anak.**

Jadual 55 menunjukkan maklum balas yang telah diberikan oleh murid-murid terhadap pernyataan ibu bapa perlu memantau pergerakan dan aktiviti harian anak-anak ketika di sekolah menengah. Seramai 950 orang murid terlibat dalam memberikan maklum balas dan daripada jumlah itu, seramai 73 orang murid memberikan maklum balas “Tidak Setuju”. Jumlah ini meliputi 7.7% daripada peratusan keseluruhan. Beberapa alasan telah diberikan bagi menyokong pandangan mereka iaitu; anak-anak perlukan ruang mereka sendiri untuk bergerak dan mereka juga perlukan kebebasan daripada terlalu diawasi.

Jadual 55:


Maklum Balas Bagi Persepsi Murid dan Peratusan Terhadap Pernyataan Ibu bapa Perlu Memantau Pergerakan & Aktiviti Harian Anak-anak.

---

Maklum Balas	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
Tidak Setuju	73	7.7	7.7
Kurang Setuju	159	16.7	24.4
Agak Setuju	171	18.0	42.4
Setuju	296	31.2	73.6
Sangat Setuju	251	26.4	100.0
Jumlah( N )	950	100.0	

---

Seramai 159 orang murid pula memberikan maklum balas "Kurang Setuju" terhadap pernyataan ibu bapa perlu memantau pergerakan dan aktiviti harian anak-anak ketika di sekolah menengah. Bilangan ini meliputi 11.7% daripada peratusan keseluruhan. Antara alasan yang diberikan adalah; anak-anak tidak mahu dikongkong dan terlalu dikawal sehingga mereka tidak dapat melakukan aktiviti mengikut kehendak mereka sendiri dan mereka merasa tertekan dengan sikap ibu bapa yang terlalu mengongkong kehidupan remaja mereka. Ini menunjukkan bahawa anak-anak memerlukan ruang mereka sendiri dan tidak mahu terlalu diawasi oleh keluarga. Seramai 232 orang yang memberikan maklum balas "Tidak Setuju" dan "Kurang Setuju" iaitu meliputi 24.4% daripada peratusan keseluruhan.



Graf 14: Maklum Balas Bagi Persepsi Murid dan Peratusan Terhadap Pernyataan Ibu bapa Perlu Memantau Pergerakan & Aktiviti Harian Anak-anak.

Peratusan maklum balas murid bagi maklum balas “Agak Setuju” sebanyak 18.0%. Peratusan ini mewakili seramai 171 orang murid. Mereka memberikan alasan bahawa ibu bapa perlu memantau pergerakan anak-anak tetapi tidak keterlaluan dan memberi sedikit ruang untuk anak-anak merasa bebas daripada terlalu diawasi oleh ibu bapa.

Seramai 388 orang murid pula menyatakan maklum balas “Setuju”. Ianya mewakili 40.8% dan peratusannya adalah yang paling tinggi berbanding peratusan maklum balas yang lain manakala sebanyak 20.1% murid yang mewakili 181 orang menyatakan maklum balas “Sangat Setuju”. Dapatkan menunjukkan sejumlah 579 orang murid menyatakan maklum balas “Setuju” dan “Sangat Setuju” iaitu meliputi 60.9% daripada peratusan keseluruhan. Antara alasan mengapa ibu bapa perlu memantau pergerakan dan aktiviti harian anak-anak adalah supaya ibu bapa tahu akan pergerakan anak-anak, ke mana anak-anak pergi dan dengan siapa mereka berkawan

dan bergaul, ibu bapa berhak memantau kerana mereka adalah penjaga dan pengasuh, supaya anak-anak lebih berdisiplin dan menghargai waktu dan supaya anak-anak tidak terjebak dengan gejala yang tidak sihat.

### **Ibu bapa menghadiri perjumpaan dengan pihak sekolah**

Jadual 56 menunjukkan maklum balas yang telah diberikan oleh murid-murid terhadap pernyataan ibu bapa perlu menghadiri perjumpaan dengan pihak sekolah. Seramai 950 orang murid terlibat dalam memberikan maklum balas dan daripada jumlah itu, seramai 50 orang murid memberikan maklum balas “Tidak Setuju”. Jumlah ini meliputi 5.3% daripada peratusan keseluruhan.


Jadual 56:

Maklum Balas Bagi Persepsi Murid dan Peratusan Terhadap Pernyataan Ibu bapa Perlu Menghadiri Perjumpaan Dengan Pihak Sekolah.

Maklum Balas	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
Tidak Setuju	50	5.3	5.3
Kurang Setuju	111	11.7	16.9
Agak Setuju	210	22.1	39.1
Setuju	388	40.8	79.9
Sangat Setuju	191	20.1	100.0
<u>Jumlah( N )</u>	<u>950</u>	<u>100.0</u>	

Seramai 111 orang murid pula memberikan maklum balas “Kurang Setuju” terhadap pernyataan ibu bapa perlu menghadiri perjumpaan dengan pihak sekolah. Bilangan ini meliputi 11.7% daripada peratusan keseluruhan. Antara alasan yang diberikan adalah; ibu bapa mereka sibuk dengan kerjaya, penat bekerja dan tidak ada

masa, anak-anak merasa tertekan, dan anak-anak bimbang kelemahan mereka di sekolah diketahui oleh ibu bapa. Seramai 161 orang yang memberikan maklum balas "Tidak Setuju" dan "Kurang Setuju" iaitu meliputi 16.9% daripada peratusan keseluruhan.



Graf 15: Maklum Balas Bagi Persepsi Murid dan Peratusan Terhadap Pernyataan Ibu bapa Perlu Menghadiri Perjumpaan Dengan Pihak Sekolah.

Sebanyak 22.1% daripada maklum balas menyatakan maklum balas "Agak Setuju" agar ibu bapa menghadiri perjumpaan dengan pihak sekolah. Peratusan tersebut mewakili seramai 210 orang murid. Antara alasan yang diberikan seperti; dengan menghadiri perjumpaan dengan pihak sekolah, ibu bapa dapat berbincang dan bertukar-tukar pendapat dengan guru, mengetahui akan sahsiah anak-anak di sekolah selain daripada memantau prestasi akademik dan sudah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk mengambil tahu dan mengambil berat tentang anak-anak sekiranya diperlukan oleh pihak sekolah.

Seramai 388 orang murid pula menyatakan maklum balas "Setuju" jika ibu bapa menghadiri perjumpaan dengan pihak sekolah. Jumlah tersebut mewakili 40.8% daripada keseluruhan peratusan. Peratusan tersebut adalah paling tinggi dan mencerminkan bahawa anak-anak amat mengharapkan ibu bapa menghadiri perjumpaan dengan pihak sekolah. Bilangan responden yang memberikan maklum balas "Sangat Setuju" pula adalah seramai 191 orang dan ianya mewakili 20.1% daripada peratusan keseluruhan.

Jumlah keseluruhan responden yang memberikan maklum balas "Setuju" dan "Sangat Setuju" adalah sebanyak 579 orang. Peratusan jumlah tersebut mewakili 60.9%. Antara alasan yang diberikan adalah ibu bapa perlu menghadiri perjumpaan dengan pihak sekolah kerana ibu bapa perlu berbincang dengan guru akan prestasi dan sahsiah anak-anak, mengetahui perkembangan pelajaran anak-anak, mengelak daripada anak-anak membohongi ibu bapa, ibu bapa dapat mengenali guru-guru kepada anak-anak mereka dan ibu bapa dapat memantau prestasi anak-anak serta mengetahui perkembangan semasa anak-anak ketika berada di sekolah menengah.

### **Ibu bapa hadir pada Hari Terbuka dan Hari Kecemerlangan**


Jadual 57 menunjukkan maklum balas yang telah diberikan oleh murid-murid terhadap pernyataan ibu bapa perlu hadir pada Hari Terbuka dan Hari Kecemerlangan murid ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Seramai 950 orang murid terlibat dalam memberikan maklum balas dan daripada jumlah itu, seramai 49 orang murid memberikan maklum balas "Tidak Bersetuju". Jumlah ini meliputi 5.2% daripada peratusan keseluruhan.

Jadual 57:

Maklum Balas Bagi Persepsi Murid dan Peratusan Terhadap Pernyataan Ibu bapa Perlu Menghadiri Pada Hari Terbuka & Hari Kecemerlangan.

Maklum Balas	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
Tidak Setuju	49	5.2	5.2
Kurang Setuju	68	7.2	12.3
Agak Setuju	140	14.7	27.1
Setuju	368	38.7	65.8
Sangat Setuju	325	34.2	100.0
Jumlah( N )	950	100.0	

Seramai 68 orang murid pula memberikan maklum balas “Kurang Bersetuju” terhadap pernyataan ibu bapa bapa perlu hadir pada Hari Terbuka dan Hari Kecemerlangan murid ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Bilangan ini meliputi 7.2% daripada peratusan keseluruhan. Terdapat beberapa alasan mengapa anak-anak tidak bersetuju dan kurang bersetuju. Antara alasan yang diberikan adalah; ibu bapa mereka sibuk dengan kerjaya dan tidak ada masa dan ibu bapa akan berasa malu kerana anak-anak tidak berjaya dan tidak mendapat apa-apa anugerah kecemerlangan. Ini menunjukkan bahawa anak-anak mempunyai persepsi yang penglibatan ibu bapa mereka memberikan tekanan kepada ibu bapa itu sendiri dan anak-anak juga akan berasa malu dengan kehadiran ibu bapa ke sekolah. Keseluruhan responden yang memberikan maklum balas “Tidak Setuju” dan “Kurang Setuju” adalah seramai 117 orang dan jumlah ini meliputi 12.3% daripada peratusan keseluruhan.



Graf 16: Maklum Balas Bagi Persepsi Murid dan Peratusan Terhadap Pernyataan Ibu bapa Perlu Menghadiri Pada Hari Terbuka dan Hari Kecemerlangan.

Sebanyak 14.7% daripada maklum balas menyatakan maklum balas "Agak Setuju" ibu bapa perlu hadir pada Hari Terbuka dan Hari Kecemerlangan murid. Peratusan tersebut mewakili seramai 140 orang murid dan alasan yang diberikan adalah untuk memberi sokongan kepada anak-anak untuk terus berjaya dalam pelajaran. Dengan menghadirkan diri pada Hari Terbuka dan Hari Kecemerlangan, anak-anak akan berasa ibu bapa mengambil berat akan diri mereka.

Seramai 368 orang murid pula menyatakan maklum balas "Setuju" ibu bapa perlu hadir pada Hari Terbuka dan Hari Kecemerlangan murid. Jumlah tersebut mewakili 38.7% daripada keseluruhan peratusan. Peratusan tersebut adalah paling tinggi dan mencerminkan bahawa anak-anak mempunyai persepsi yang positif dan mengharapkan ibu bapa hadir untuk memenuhi jemputan pihak sekolah.

Bilangan responden yang memberikan maklum balas "Sangat Setuju" pula adalah seramai 325 orang dan ianya mewakili 34.2% daripada peratusan keseluruhan.

Jumlah keseluruhan responden yang memberikan maklum balas setuju dan sangat setuju adalah sebanyak 693 orang. Peratusan jumlah tersebut mewakili 72.95%. Antara alasan yang diberikan adalah ibu bapa perlu hadir pada Hari Terbuka & Hari Kecemerlangan murid ketika anak-anak berada di sekolah menengah kerana ibu bapa perlu mengeratkan hubungan yang baik dengan guru di samping mengetahui akan aktiviti dan program sekolah, anak-anak berasa dihargai dan dapat memberikan motivasi, memberi sokongan agar anak-anak lebih rajin berusaha, sokongan moral dan emosi kepada anak-anak dan berkongsi kegembiraan supaya anak-anak lebih yakin, memberi sokongan kepada pihak sekolah dan dalam masa yang sama mendapat pandangan daripada guru-guru untuk membantu anak-anak untuk terus berjaya.

#### **Ibu bapa turut menyertai aktiviti dan program sekolah**


Berdasarkan Jadual 58 seramai 950 orang murid terlibat dalam memberikan maklum balas dan daripada jumlah itu, seramai 107 orang murid memberikan maklum balas “Tidak Bersetuju”. Jumlah ini meliputi 11.3% daripada peratusan keseluruhan.

Jadual 58:

Maklum Balas Bagi Persepsi Murid dan Peratusan Terhadap Pernyataan Ibu bapa Perlu Menyertai Aktiviti & Program Anjuran Sekolah.

Maklum Balas	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
Tidak Setuju	107	11.3	11.3
Kurang Setuju	183	19.3	30.5
Agak Setuju	205	21.6	52.1
Setuju	327	34.4	86.5
Sangat Setuju	128	13.5	100.0
Jumlah( N )	950	100.0	

Seramai 183 orang murid pula memberikan maklum balas "Kurang Setuju" terhadap pernyataan ibu bapa perlu turut menyertai aktiviti dan program sekolah Bilangan ini meliputi 19.3% daripada peratusan keseluruhan. Terdapat beberapa alasan mengapa anak-anak tidak bersetuju dan kurang bersetuju adalah; ibu bapa mereka hanya perlu tahu apa aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah tetapi tidak perlu melibatkan diri kerana ianya tidak penting kepada ibu bapa, ibu bapa tidak ada masa dan ianya akan menyusahkan dan membebankan mereka, aktiviti kurang berkaitan dengan ibu bapa, ibu bapa akan menghadkan pergerakan anak-anak untuk menyertai program dan aktiviti sekolah dan anak-anak akan merasa terkongkong dan terlalu dikawal. Kombinasi responden yang memberikan maklum balas Tidak Setuju dan Kurang Setuju adalah seramai 290 orang dan jumlah ini meliputi 30.5% daripada peratusan keseluruhan.



Graf 17: Maklum Balas Bagi Persepsi Murid dan Peratusan Terhadap Pernyataan Ibu bapa Perlu Turut Menyertai Aktivit & Program Anjuran Sekolah.

Sebanyak 21.6% daripada maklum balas menyatakan maklum balas "Agak Bersetuji" ibu bapa perlu turut menyertai aktiviti dan program sekolah ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Peratusan tersebut mewakili seramai 205 orang murid dan alasan yang diberikan adalah untuk memberi sokongan kepada anak-anak untuk terus mengikuti program dan aktiviti sekolah.

Seramai 464 orang murid pula menyatakan maklum balas "Setuju" ibu bapa perlu turut menyertai aktiviti dan program sekolah. Jumlah tersebut mewakili 48.8% daripada keseluruhan peratusan. Peratusan tersebut adalah paling tinggi dan mencerminkan bahawa anak-anak mempunyai persepsi yang positif dan mengharapkan ibu bapa turut menyertai aktiviti dan program sekolah ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Bilangan responden yang memberikan maklum balas "Sangat Setuju" pula adalah seramai 162 orang dan ianya mewakili 17.1% daripada peratusan keseluruhan.

Jumlah keseluruhan responden yang memberikan maklum balas "Setuju" dan "Sangat Setuju" adalah sebanyak 626 orang. Peratusan jumlah tersebut mewakili 65.9%. Antara alasan yang diberikan adalah ibu bapa perlu turut menyertai aktiviti dan program sekolah kerana ibu bapa perlu mengetahui perkembangan aktiviti sekolah, mengeratkan hubungan ibu bapa dan guru, dapat menyumbangkan tenaga dan idea, supaya ibu bapa tidak salah anggapan terhadap anak-anak, memberi sokongan untuk anak-anak berjaya dalam pelbagai bidang dan memberi sokongan kepada pihak sekolah dalam menjayakan aktiviti dan program yang boleh menjalinkan hubungan baik antara ibu bapa dan sekolah.

### Soalan Kajian Ketujuh

#### **Sejauh Manakah Konteks Keluarga Dan Penglibatan Ibu Bapa Saling Berhubungan Dengan Pencapaian Akademik Murid?**

Soalan kajian ini dibuat bagi menguji sama ada terdapat pengaruh penglibatan ibu bapa dalam pencapaian akademik. Pengkaji terlebih dahulu perlu memastikan bahawa semua variabel diukur dengan skala selang dan data harus bertaburan normal. Syarat lineariti juga penting iaitu perhubungan antara semua variabel kajian perlu berhubung secara linear. Bagi melihat pengaruh penglibatan ibu bapa dalam hubungan antara konteks keluarga dengan pencapaian akademik, pengkaji menjalankan ujian korelasi separa yang mana prosedur yang digunakan bagi mengenal pasti perhubungan linear antara dua variabel kajian iaitu konteks keluarga dan pencapaian akademik.

Korelasi separa ini digunakan untuk mengenal pasti perhubungan antara sekurang-kurangnya dua variabel dengan mengawal kesan variabel kawalan (kovariat). Korelasi separa digunakan apabila bilangan variabel yang dikenal pasti dalam perhubungan tidak melebihi lima. Pekali korelasi separa diuraikan seperti juga korelasi *Pearson r* iaitu tanda positif dan negatif akan menunjukkan arah korelasi dan kekuatan korelasi antara kedua-dua variabel.

Jadual 59:

Korelasi Separa Antara Konteks Keluarga, Pencapaian Akademik Dan Penglibatan.

Variabel Kawalan		Konteks Keluarga	Korelasi	Pencapaian Akademik	Penglibatan Ibu bapa
-Tiada-	Konteks Keluarga	Sig. (2-hujung)		.181	.627
				.000	.000
			df	845	845
Penglibatan Ibu bapa	Konteks Keluarga	Sig. (2-hujung)	Korelasi	.099	
				.004	
			df	844	

---

a. Sel-sel mengandungi zero-order korelasi (Pearson)

Jadual 59 menunjukkan korelasi antara konteks keluarga dengan pencapaian akademik murid. Keputusan menunjukkan bahawa secara signifikannya terdapat perhubungan yang positif yang sangat lemah antara konteks keluarga dan pencapaian akademik( $r=.18, p<.05$ ). Keputusan ini menunjukkan bahawa tanpa mengawal variabel penglibatan ibu bapa, konteks keluarga mempunyai perhubungan yang sangat lemah dan signifikan dengan pencapaian akademik( $r=.18$ ) dan perhubungan tersebut adalah perhubungan yang positif.

Dalam Jadual 59 juga ditunjukkan korelasi separa antara variabel bersandar konteks keluarga dan pencapaian akademik dengan variabel kawalan penglibatan ibu bapa. Keputusan menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan sangat lemah antara variabel konteks keluarga dengan pencapaian akademik( $r=.10, p<.05$ ) apabila kawalan terhadap penglibatan ibu bapa dilakukan. Keputusan ini menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa telah mengurangkan kesan konteks keluarga terhadap pencapaian akademik. Dapatan ini menyebabkan semakan perlu dilakukan bagi mengenal pasti kekangan yang berlaku sama ada pengaruh penglibatan ibu bapa

menyebabkan perhubungan antara konteks keluarga dengan pencapaian akademik semakin berkurangan kekuatan korelasinya ataupun ianya disebabkan oleh ralat persampelan. Ujian lanjut dilakukan melalui kaedah Garette(1970) seperti yang dinyatakan dibawah.

$$\begin{aligned}
 \alpha_{Z_1 - Z_2} &= \sqrt{\frac{1}{N-3} + \frac{1}{N-3}} \\
 &= \sqrt{\frac{1}{845-3} + \frac{1}{845-3}} \\
 &= \sqrt{\frac{1}{842} + \frac{1}{842}} \\
 &= \underline{0.048}
 \end{aligned}$$

$$CR = \frac{Z_1 - Z_2}{\alpha_{Z_1 - Z_2}}$$

$$CR = \frac{.18 - .10}{0.048}$$

$$CR = \underline{1.67}$$

Dapatkan menjelaskan bahawa nilai *Critical Ratio(CR)* adalah kecil dan berada di atas aras kesignifikan  $\alpha = .05$ . Justeru, analisis lanjut menunjukkan bahawa

penglibatan ibu bapa tidak memainkan peranan sebagai mediator yang signifikan antara konteks keluarga dengan pencapaian akademik( $CR = 1.67, p>.05$  ).

### **Kesimpulan**

Dapatan kajian telah dihuraikan secara terperinci dalam bab empat. Dapatan telah diperincikan mengikut soalan kajian. Ini bertujuan bagi memudahkan pembaca dalam memahami kajian ini. Setiap dapatan dijelaskan secara sistematik dalam bab ini. Kesemua soalan kajian dan dapatan dihuraikan serentak supaya tidak berlaku kekeliruan. Ini kerana setiap ujian yang dilakukan adalah berbeza-beza berdasarkan keperluan soalan kajian. Dalam bab ini juga ditunjukkan secara jelas berdasarkan jadual kontigensi dan persamaan-persamaan yang melibatkan ujian statistik. Ini berikutan data yang dianalisis secara inferensi dan memerlukan penerangan yang jelas berkaitan dengannya. Pengkaji juga telah menjawab kesemua soalan kajian yang telah dibina lebih awal dan dapatan ini nanti akan diperhalusi dengan lebih mendalam di bab kelima.

## BAB LIMA


### PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

#### Pendahuluan

Bab ini membincangkan secara mendalam tentang dapatan utama kajian dan kaitannya dengan kajian lalu serta implikasinya daripada aspek teori dan praktis. Dalam bab ini juga dirumuskan bab-bab yang terdahulu, Implikasi dan cadangan.

#### Perbincangan dan Rumusan

Bab ini dibahagikan kepada beberapa bahagian. Dalam bahagian pertama, perbincangan akan menghuraikan satu persatu dan argumentasi yang dibuat dalam bahagian ini berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh. Bahagian kedua menyusul dengan rumusan dapatan yang merangkumi keseluruhan dapatan yang diperoleh. Teori dan sorotan kajian lalu dihubungkaitkan dengan dapatan kajian ini. Bahagian ketiga pula akan membincangkan implikasi kajian dan cadangan kajian lanjutan yang perlu dilakukan bagi melihat faktor-faktor lain yang perlu diambil kira dan menjadi kekangan dalam kajian ini.



IK - Interaksi dan Komunikasi, AK - Amalan Keibubapaan, Kes - Kesenggangan, Ket - Keterbukaan, Pen - Penerimaan, Jan - Jantina  
 Bgs - Bangsa, BAB - Bilangan Adik Beradik, SP - Status Penjagaan, LK - Lokasi Tempat Tinggal, TPI - Tahap Pendidikan Ibu,  
 TPB - Tahap Pendidikan Bapa, PI - Pekerjaan Ibu, PB - Pekerjaan Bapa

Rajah 6: Model Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Anak-anak Di Sekolah Menengah

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Bab 3, kajian ini merupakan satu penyelidikan tinjauan berkaitan dengan perhubungan di antara penglibatan ibu bapa, di rumah dan di sekolah dengan komponen-komponen konteks keluarga dalam pendidikan ketika anak-anak selain melihat ekspektasi dan persepsi murid terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan mereka. Bab 5 merupakan kesinambungan daripada Bab 4 akan mengemukakan dan membahaskan antara lain model penglibatan ibu bapa yang baru dan berlainan berdasarkan kepada model yang di ajukan dalam Bab 1 sebagai kerangka kajian ini (lihat muka surat 24) .

Berdasarkan dapatan kajian ini, telah dibentuk satu model baru berkaitan penglibatan ibu bapa. Model ini dibentuk bertujuan bagi memudahkan perbincangan berdasarkan dapatan. Melalui ujian korelasi yang dijalankan, dapatan menunjukkan Konteks keluarga (interaksi dan komunikasi, amalan keibubapaan, kesenggangan, keterbukaan dan penerimaan) berhubung secara signifikan dengan penglibatan ibu bapa di rumah dengan pencapaian akademik anak-anak. Ini ditunjukkan melalui garis hitam yang merujuk kepada terdapatnya hubungan yang jelas antara konteks keluarga dengan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah. Namun, konteks keluarga langsung tidak signifikan dengan penglibatan ibu bapa di sekolah. Ini ditunjukkan melalui garis putus-putus yang menghubungkan antara konteks keluarga dengan penglibatan ibu bapa di sekolah. Hal ini berlainan dengan model yang dikemukakan sebagai kerangka konseptual kajian apabila pengaruh konteks keluarga digambarkan sama berat mempengaruhi penglibatan ibu bapa di rumah mahupun di sekolah. Kajian ini menunjukkan hal tersebut tidak berlaku. Hanya di rumah, konteks keluarga signifikan dalam penglibatan ibu bapa. Ini bermakna, penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka di rumah perlu diberi perhatian utama kerana mempunyai potensi yang baik

untuk membawa perubahan lebih cemerlang dari segi penglibatan itu sendiri dan juga pencapaian murid.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan hubungan antara komponen demografi keluarga(jantina, bangsa, bilangan adik beradik, status penjagaan, lokasi tempat tinggal, tahap pendidikan ibu, tahap pendidikan bapa, pekerjaan ibu dan pekerjaan bapa) dengan penglibatan ibu bapa. Ujian Khi Kuasa Dua yang dijalankan mendapati penglibatan ibu bapa hanya berhubung secara signifikan dengan bangsa, tahap pendidikan ibu, tahap pendidikan bapa, pekerjaan ibu dan pekerjaan bapa di rumah manakala jantina, bilangan adik beradik, status penjagaan, lokasi tempat tinggal tidak berhubung secara signifikan. Hanya bangsa berhubung secara signifikan dengan penglibatan ibu bapa di sekolah sebaliknya komponen demografi yang lain tidak signifikan.

Ujian regresi pelbagai yang telah dijalankan menunjukkan komponen konteks keluarga(amalan keibubapaan, kesenggangan, keterbukaan dan penerimaan) menyumbang kepada penglibatan ibu bapa di rumah. Sumbangan sebanyak 44.5% agak tinggi terhadap penglibatan ibu bapa di rumah. Ironinya, konteks keluarga menyumbang 16.0 % terhadap penglibatan ibu bapa di sekolah. Komponen konteks keluarga yang sama( amalan keibubapaan, kesenggangan, keterbukaan dan penerimaan) masih lagi menjadi penyumbang kepada penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak. Ekspektasi murid terhadap penglibatan ibu bapa juga menunjukkan anak-anak masih mengharapkan ibu bapa terlibat dalam pendidikan mereka. Rata-rata memberikan penilaian positif sekirannya ibu bapa terus terlibat sehingga mereka menamatkan pelajaran mereka di sekolah menengah. Persepsi anak-anak juga menunjukkan dapatan positif terhadap penglibatan ibu bapa. Anak-anak bertanggapan bahawa ibu bapa perlu terlibat dalam pendidikan anak-anak terutama di sekolah menengah. Dapatan kajian ini juga menjelaskan lagi bahawa penyediaan konteks keluarga yang harmoni sudah

memadai untuk menjana kecemerlangan anak-anak. Tanpa penglibatan yang serius oleh ibu bapa sekalipun masih membolehkan anak-anak berjaya dengan syarat ibu bapa mampu menyediakan konteks keluarga yang kondusif dan mesra.

Model Penglibatan Ibu Bapa yang dibina berdasarkan dapatan ini menunjukkan bahawa perlu wujud konteks keluarga yang harmoni dan mesra dalam menjana kecemerlangan akademik anak-anak. Perbincangan yang lebih lanjut berdasarkan model penglibatan ini akan dibincangkan secara mendalam mengikut tema-tema yang sesuai untuk menambah pengetahuan berdasarkan kajian ini.

### **Peranan Konteks Keluarga Dalam Pendidikan Anak-Anak**

Komponen konteks keluarga berperanan penting dalam sesebuah keluarga. Keluarga merupakan persekitaran pertama anak-anak. Sejak dilahirkan, sehingga berkembang dan membesar, anak-anak mengadaptasi persekitaran pertama mereka bersama keluarga. Menurut Teori Bronfenbrenner(1979, 1986, 1992) yang mendasari kajian ini menyatakan dengan jelas tentang persekitaran keluarga dan kekuatan pengaruh persekitaran terhadap perkembangan diri anak-anak. Ianya adalah satu proses dan mengambil masa yang lama serta melibatkan ibu bapa yang berperanan sebagai mentor. Seharusnya ibu bapa faham akan tanggungjawab mereka tidak semudah menyediakan keperluan asas sahaja. Namun, keterlibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak terutama di tahap sekolah menengah didapati semakin berkurangan(Green et al., 2007). Ini disebabkan oleh komitmen ibu bapa lebih tertumpu kepada kerjaya dan tuntutan ekonomi keluarga berbanding dengan keperluan meluangkan lebih banyak masa bersama keluarga dan anak-anak. Tambahan pula anak-anak di tahap menengah dianggap lebih berdikari dan dipantau pada tahap yang paling minimum memandangkan ibu bapa lebih bersikap

memberi kelonggaran berbanding ketika anak-anak berada di tahap pra-sekolah dan sekolah rendah(Stevenson & Baker, 1987; Izzo et al., 1999; Cooper, Lindsay & Nye, 2000). Sebagaimana yang telah dijangkakan, penglibatan ibu bapa berkurangan selari dengan bertambahnya umur anak-anak. Lebih menarik lagi, penglibatan ibu bapa sama ada di rumah dan di sekolah ternyata berbeza. Dapatan kajian Green et al.,(2007) menunjukkan ibu bapa lebih bermotivasi untuk melibatkan diri di rumah berdasarkan masa dan tenaga yang diperlukan untuk terlibat dengan pendidikan anak-anak.

### **Interaksi dan Komunikasi**

Penyediaan persekitaran interaksi dan komunikasi dua hala adalah usaha awal yang penting dan boleh dilakukan oleh ibu bapa dalam menjalankan tanggungjawab mereka sebagai ibu bapa. Interaksi ibu bapa dengan anak-anak semasa mereka kanak-kanak mungkin lebih banyak sehala memandangkan anak-anak masih tidak mampu menguruskan diri dan membuat keputusan. Interaksi sehala ini mungkin berlarutan sehingga anak-anak menamatkan persekolahan di tahap sekolah rendah. Namun, apabila anak-anak berada di tahap menengah, perubahan interaksi dan komunikasi yang dipraktikkan oleh ibu bapa seharusnya bersesuaian dengan perkembangan diri anak-anak walaupun masih memerlukan perhubungan dua hala dan intim(Keith et al., 1986; Okpala, Okpala, & Smith, 2001). Ini kerana keluarga merupakan konteks yang paling hampir bagi mereka untuk berkomunikasi dan berinteraksi. Interaksi dan komunikasi dua hala dan mesra dalam keluarga boleh membantu ibu bapa memahami dan mengetahui akan perkembangan semasa anak-anak. Konteks keluarga yang mempraktikkan interaksi & komunikasi dua hala dan mesra antara ibu bapa dan anak-anak juga boleh membantu keterlibatan ibu bapa secara lebih aktif dalam pendidikan anak-anak. Dalam ertikata yang lain keakraban hubungan anak dengan ibu bapa dalam keluarga merangsang ibu bapa

untuk lebih mengambil berat dan memberi perhatian terhadap anak-anak termasuklah hal yang berkaitan dengan pendidikan mereka(DeFrain & Asay, 1999).

Interaksi dan komunikasi dalam keluarga memberi ruang kepada ibu bapa untuk melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak lebih-lebih lagi ketika di rumah. Ibu bapa yang mengamalkan interaksi dan komunikasi dua hala dan mesra dengan anak-anak didapati lebih jelas akan peranan dan keperluan mereka melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak ketika di rumah. Ini membolehkan ibu bapa mengetahui perkembangan semasa anak-anak dengan cara memberi ruang untuk anak-anak menyampaikan maklumat tentang pelajaran mereka secara bebas. Bagi anak-anak di tahap menengah mereka mengharapkan interaksi dan komunikasi yang longgar sama ada dengan cara ibu bapa memberi maklum balas segera kepada pertanyaan mereka, fokus ketika mendengar apa yang ingin mereka luahkan, dan menunjukkan minat ketika berkomunikasi berkaitan pelajaran mereka. Penilaian anak-anak di tahap menengah terhadap penglibatan ibu bapa mereka dalam pendidikan menunjukkan bahawa mereka lebih bersetuju kepada interaksi dan komunikasi dua hala antara ibu bapa dan anak-anak.

Namun, rata-rata, ibu bapa berinteraksi dan berkomunikasi secara mengarah dan tidak memberi ruang untuk anak-anak menyatakan keperluan mereka(Clark, 1994a; Rutchick, Smyth, Lapoo, & Dusek, 2009). Ibu bapa dilihat lebih mempraktikkan budaya meleter ketika berinteraksi dan berkomunikasi dengan anak-anak. Leteran yang dianggap nasihat oleh ibu bapa berbeza penerimaannya di pihak anak-anak. Ibu bapa merasakan berleter ketika berinteraksi dan berkomunikasi dengan anak-anak merupakan langkah mudah bagi menasihati anak-anak. Namun, interaksi dan komunikasi sebegini menjadi semakin sulit sekiranya anak-anak menjadikan leteran itu sebagai alasan utama mereka enggan berkomunikasi dengan ibu bapa tentang perkembangan diri. Ibu bapa seharusnya tahu membezakan di antara keperluan memberi nasihat dan dorongan kepada anak-anak.

Ini berikutnya dapatkan menunjukkan pencapaian anak-anak di sekolah tidak berhubung secara signifikan dengan interaksi dan komunikasi dalam konteks keluarga.

Anak-anak didapati tidak berinteraksi dan berkomunikasi secara dua hala dan mesra apabila ianya berkaitan dengan perihal pelajaran mereka. Anak-anak merasakan interaksi dan komunikasi berkaitan dengan pelajaran menyebabkan mereka terkongkong dan sentiasa dalam kawalan keluarga. Lantas, mereka lebih banyak mengelak untuk berinteraksi dan berkomunikasi berkaitan dengan pelajaran. Ibu bapa seharusnya faham akan keperluan anak-anak ketika remaja. Anak-anak memerlukan ibu bapa bukan sahaja sebagai mentor malahan sebagai rakan. Mereka perlu berasa bebas dan selesa untuk menyatakan keinginan dan keperluan termasuklah ketika mereka menghadapi kesukaran sama ada dalam pelajaran mahupun hal-hal yang berbentuk peribadi. Justeru, keperluan mempraktikkan interaksi dan komunikasi dua hala dan mesra dapat membantu anak-anak. Pada masa yang sama ibu bapa juga bertanggungjawab melibatkan diri secara langsung dan tidak langsung dalam perkembangan pelajaran mereka.

Model Keteguhan Keluarga(DeFrain & Asay, 1999) menerangkan dengan jelas berkaitan interaksi dan komunikasi dalam keluarga. Teori Keteguhan Keluarga juga menjelaskan perkara ini dalam komponen keempat iaitu kebebasan menyatakan perasaan. Komunikasi positif adalah sebahagian daripada kualiti penting Model Keteguhan Keluarga dan Teori Keteguhan Keluarga. Keluarga yang Berjaya sering kali mempraktikkan komunikasi yang positif dan sentiasa berbincang dan mengenal pasti masalah yang dihadapi. Komunikasi positif bukan sahaja melibatkan hubungan sehala ibu bapa dan anak sahaja malahan ahli dalam keluarga sentiasa bersedia mendengar masalah dan saling berinteraksi dalam menyelesaikan masalah. Justeru, interaksi dan komunikasi yang positif mampu membantu anak-anak mencapai kecemerlangan sekiranya ibu bapa mempraktikkannya ketika berinteraksi dengan anak-anak di sekolah menengah.

Namun, dalam masa yang sama didapati interaksi dan komunikasi dua hala dan mesra antara anak-anak dengan ibu bapa juga memperlihatkan hubungan yang tidak signifikan di sekolah. Ini berikutan kekangan ibu bapa untuk melibatkan diri secara langsung di sekolah disebabkan oleh tuntutan lain yang perlu diutamakan terlebih dahulu. Ibu bapa didapati lebih memberi komitmen mereka kepada keperluan mencari rezeki dan menyara keluarga memandangkan kedudukan ekonomi keluarga bergantung kepada keupayaan mereka menyediakan keperluan asas keluarga. Anak-anak pula merasakan penglibatan ibu bapa di sekolah membolehkan ibu bapa mengetahui banyak perkara terutama perihal perkembangan akademik mereka. Justeru, interaksi dan komunikasi dua hala dan mesra yang diamalkan dalam konteks keluarga bukan penyebab kepada keterlibatan ibu bapa dalam pendidikan di sekolah. Secara relatifnya, ibu bapa lebih memberi kelonggaran kepada anak-anak di tahap menengah untuk menguruskan sendiri pelajaran sehinggalah ibu bapa dijemput hadir untuk melibatkan diri atas arahan pihak sekolah. Jika tidak terdapat keperluan untuk ibu bapa melibatkan diri dalam pelajaran anak-anak di sekolah, ibu bapa mengambil pendekatan untuk membiarkan anak-anak menguruskannya sendiri dan mereka hanya memantau pada kadar yang paling minimum.

### **Amalan Keibubapaan**

Berdasarkan dapatan kajian ini, amalan keibubapaan hanya signifikan dengan penglibatan dalam pendidikan anak-anak di rumah sahaja. Sebaliknya amalan keibubapaan tidak berhubung kait dengan penglibatan dalam pendidikan anak-anak di sekolah. Jelas, amalan keibubapaan lebih berfungsi di rumah tetapi tidak di sekolah. Terdapat beberapa perkara yang boleh dijadikan alasan mengapa ini terjadi. Pertamanya kerana kekangan masa untuk bekerja (Cotton & Wiklund, 2008) dan mengutamakan kedudukan ekonomi keluarga. Waktu berkumpul bersama di malam hari sahaja biasanya digunakan untuk

menyelia dan membantu pelajaran anak-anak. Ibu bapa rata-rata tidak berkesempatan untuk meluangkan masa melibatkan diri secara aktif di sekolah tetapi mengambil pendekatan untuk melibatkan diri secara aktif di rumah. Pendekatan ini dirasakan lebih selesa memandangkan jadual kerja ibu bapa yang tidak fleksibel dan padat sepanjang hari(Lareau, 2000). Keutamaan ibu bapa dalam menjana kewangan keluarga dan keinginan untuk melibatkan diri menyebabkan ibu bapa berhadapan dengan dilema. Justeru, ibu bapa mengambil jalan tengah untuk melibatkan diri secara aktif di rumah berbanding di sekolah. Ini berikutan kesempatan untuk ke sekolah dan pelbagai kekangan lain menjadikan ibu bapa perlu memilih penglibatan berdasarkan kesempatan yang ada pada mereka.

Kedua, amalan keibubapaan dalam konteks keluarga menjadi penyebab kepada keterlibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di tahap menengah. Hal ini juga lebih berfungsi di rumah daripada di sekolah. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak tidak hanya dilihat daripada kekerapan ibu bapa belajar bersama anak-anak. Sebaliknya, keupayaan ibu bapa memberikan galakan dan mengingatkan anak-anak tentang kepentingan dan matlamat belajar juga merupakan satu penglibatan tidak langsung oleh ibu bapa. Kebarangkalian ibu bapa terlibat dalam aktiviti bercorak pendidikan mencerminkan betapa ibu bapa peka akan keperluan melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak. Ini menjadikan ibu bapa lebih serius tentang pendidikan anak-anak terutama ketika di sekolah menengah. Kepentingan pendidikan memerlukan keupayaan ibu bapa menguasai kemahiran dan pengetahuan yang sewajarnya. Kajian lalu jelas menunjukkan bahawa tahap kemahiran dan pengetahuan ibu bapa memberi kesan kepada kecemerlangan anak-anak dalam pelajaran(Green et al., 2007; Hoover-Dempsey & Sandler, 1995, 1997, 2005). Namun, tahap pendidikan ibu bapa sahaja tidak memadai sekiranya ibu bapa tidak mahir menyalurkan kemahiran dan pengetahuan yang ada kepada anak-anak. Model Proses Penglibatan Ibu Bapa (Hoover-Dempsey & Sandler,

1995) menjelaskan bahawa bentuk dan penglibatan ibu bapa di pengaruhi oleh pengkhususan daripada pengetahuan dan kemahiran yang ada pada ibu bapa. Ini disokong pula oleh Model Keteguhan Keluarga(DeFrain & Asay, 1999) yang menjelaskan berkaitan sikap ibu bapa yang sentiasa mengambil tahu akan perkembangan anak-anak dan memainkan peranan mereka untuk membantu anak-anak untuk berjaya dalam pelajaran.

Pandangan anak-anak menyatakan dengan jelas bahawa sekalipun ibu bapa sering mengingatkan tentang matlamat belajar, mengambil berat terhadap perkembangan akademik, dan memberi galakan dalam pelajaran, ini tidak berhubung secara signifikan dengan penglibatan ibu bapa di sekolah. Sekalipun ibu bapa sering mendorong anak-anak untuk menyertai pelbagai program, mengamalkan tabiat membaca dan sentiasa mengutamakan pendidikan anak-anak, namun ini tidak bermakna ibu bapa akan melibatkan diri dengan pendidikan anak-anak di sekolah. Dapatan ini menyokong kajian Deslandes & Bertrand(2005), Gutman & McLoyd(2000), Hoover-Dempsey & Sandler (2005) dan Drummond & Stipek(2004). Pada dasarnya, ibu bapa yang aktif dalam membentuk peranan keibubapaan akan lebih terlibat dalam pendidikan anak-anak berbanding dengan ibu bapa yang kurang aktif. Kuasa pembentukan peranan itu dengan sendirinya akan mempengaruhi bentuk penglibatan yang diinginkan oleh ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka.

Sebaliknya lebih tepat dikatakan bahawa ibu bapa yang mengamalkan sikap mengambil berat terhadap perkembangan akademik anak-anak juga membudayakan ilmu dalam persekitaran keluarga. Ini menjadi penyebab mengapa mereka lebih melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak. Ibu bapa adalah model kepada anak-anak. Ibu bapa yang mengamalkan budaya ilmu dalam keluarga seperti membudayakan tabiat membaca supaya menjadi pendorong kepada anak-anak untuk mengamalkan tabiat yang sama secara tidak langsung memberi impak kepada anak-anak. Sikap ibu bapa yang sentiasa

mengutamakan pendidikan anak-anak menjadi pendorong untuk ibu bapa terlibat sama dalam apa juu bentuk aktiviti pendidikan sama ada di rumah mahupun di sekolah. Kepentingan pendidikan untuk anak-anak diutamakan. Ibu bapa yang dinamik sentiasa memaparkan tingkah laku positif untuk dicontohi dan membudayakan ilmu dalam persekitaran keluarga. Anak-anak dibentuk bermula dari rumah. Amalan keibubapaan yang mempraktikkan budaya ilmu akan memberi impak bukan sahaja kepada anak-anak untuk berjaya dalam pelajaran malahan ibu bapa sendiri merasa terdorong untuk mengambil berat dan mengikuti perkembangan pelajaran anak-anak.

Namun, jika diamati berdasarkan dapatan kajian ini, amalan keibubapaan hanya signifikan dalam pendidikan anak-anak di rumah sahaja. Sebaliknya amalan keibubapaan, mengikut pandangan anak-anak tidak berhubung kait dengan pendidikan anak-anak di sekolah. Anak-anak menyatakan dengan jelas bahawa sekalipun ibu bapa sering mengingatkan tentang matlamat belajar, memberi galakan dan dorongan dalam pelajaran, mendorong anak-anak untuk menyertai pelbagai program, mengambil berat terhadap perkembangan akademik, mengamalkan tabiat membaca dan sentiasa mengutamakan pendidikan anak-anak tidak bermakna ibu bapa akan melibatkan diri secara langsung dengan pendidikan anak-anak di sekolah. Ibu bapa lebih memberi tumpuan penglibatan di rumah memandangkan kekangan masa, kerjaya dan kedudukan ekonomi keluarga yang lebih perlu diberikan keutamaan.

Dapatan kajian ini menyokong dapatan lalu sebagaimana yang dinyatakan oleh Anderson & Minke(2007). Dalam kajian mereka, didapati ibu bapa lebih kerap terlibat di rumah berbanding di sekolah. Penglibatan ibu bapa di sekolah lebih bersifat formal berdasarkan keperluan sekolah (iaitu terhad kepada aktiviti yang dikenal pasti pihak sekolah dan berbentuk berkala) berbanding dengan penglibatan di rumah yang bersifat personal apabila ibu bapa boleh terlibat dengan aktiviti sekolah anak-anak secara harian dan berterusan. Oleh kerana penglibatan bersifat personal maka adalah munasabah

mengandaikan aktiviti tersebut lebih bermakna kepada mereka dan dengan itu mereka lebih komited. Namun, dapatan ini juga mengulangi dapatan kajian Jackson & Remillard(2005) dan Lawson(2003) yang mendapati ibu bapa biasanya terlepas pandang terhadap sumbangan penglibatan mereka di rumah kerana penglibatan mereka dianggap kecil berbanding jika mereka terlibat di sekolah.

### **Kesenggangan**

Begitu juga halnya dengan kesenggangan yang wujud dalam keluarga. Kesenggangan bagi ibu bapa yang bekerja adalah pada waktu malam dan waktu tersebut digunakan sepenuhnya untuk mengambil tahu akan perihal pelajaran anak-anak. Ibu bapa juga melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak ketika di rumah dengan meluangkan masa belajar bersama dengan anak-anak. Masa ibu bapa melibatkan diri dalam pelajaran anak-anak pada waktu senggang lebih banyak berlaku secara santai sama ada ketika berkumpul bersama, semasa menonton mahupun ketika makan bersama anak-anak. Penglibatan ibu bapa yang berlaku secara santai lebih disenangi oleh anak-anak. Dapatkan kajian ini menyokong kajian yang telah dijalankan oleh Garcia et al.,(2002), Weiss, et al.,(2003) dan Hoover-Dempsey et al.,(2005). Ibu bapa yang bekerja secara relatifnya kurang terlibat dalam pendidikan anak-anak. Tambahan lagi sekiranya jadual kerja yang tidak fleksibel dan terikat dengan jadual yang ketat(Cotton & Wiklund, 2008). Justeru, masa senggang yang ada pada sebelah malam akan digunakan sepenuhnya untuk bersama anak-anak berbanding terlibat dalam pendidikan anak-anak di sekolah. Namun, anak-anak di sekolah menengah lebih bersikap kurang bersedia untuk berkongsi masalah pelajaran mereka dengan keluarga dan lebih gemar jika ibu bapa yang terlebih dahulu bertanyakan perihal pelajaran mereka. Apa yang menarik, dapatan menunjukkan impak penggunaan masa senggang bersama keluarga dapat membantu anak-anak untuk

membentuk jati diri. Penggunaan masa senggang menjadikan peranan ibu bapa lebih bermakna kepada pencapaian anak-anak walaupun ibu bapa tidak secara langsung atau berlebih-lebihan terlibat dengan pendidikan anak-anak mereka di rumah maupun di sekolah. Dapatan kajian ini selari dengan apa yang terdapat dalam Model Proses Penglibatan Ibu bapa(Hoover-Dempsey & Sandler, 1995) yakni masa, tenaga dan keupayaan ibu bapa merancang dan memilih penglibatan, walaupun secara bersantai, akan memberi impak positif kepada pencapaian anak-anak di sekolah.

Ironinya, sikap ibu bapa yang mengelak daripada berbicara dengan anak-anak berkaitan pelajaran boleh menyebabkan anak-anak berasa seolah-olah tidak dipedulikan selain boleh merenggangkan hubungan antara ibu bapa dengan anak-anak. Justeru, kesempatan bersama anak-anak pada waktu senggang di rumah perlu digunakan oleh ibu bapa untuk melibatkan diri secara tidak langsung walaupun anak-anak kadang-kadang seperti tidak begitu memerlukan ibu bapa dalam menguruskan pelajaran mereka. Malahan, ibu bapa tidak perlu menghabiskan banyak masa untuk memantau dan melibatkan diri secara langsung dalam pendidikan anak-anak di sekolah lebih-lebih lagi jika mereka mempunyai ramai anak yang masih bersekolah. Lantaran, masa senggang yang ada lebih wajar digunakan dengan sebaiknya di rumah. Sebaliknya, kesenggangan yang wujud dalam konteks keluarga langsung tidak berhubung kait dengan penglibatan ibu bapa di sekolah. Dapatan menunjukkan dengan jelas betapa waktu senggang ibu bapa tidak berhubung secara signifikan dengan keterlibatan ibu bapa di sekolah. Justeru, tidak hairan mengapa ibu bapa yang mempunyai masa senggang kurang melibatkan diri secara langsung dalam pendidikan anak-anak di sekolah kerana tumpuan mereka lebih kepada penglibatan anak-anak di rumah. Apa yang penting anak-anak tidak berasa terabai dan mereka berpeluang, walaupun secara terhad dan santai berbincang tentang pelajaran mereka semasa di rumah bersama ibu bapa.

### Keterbukaan

Sikap ibu bapa yang sedia menerima pendapat dan bertukar-tukar fikiran didapati lebih cenderung melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak. Namun, didapati kesediaan menerima pendapat dan idea hanya signifikan dalam penglibatan ibu bapa di rumah dan tidak di sekolah. Ibu bapa yang suka berkongsi idea dan fikiran melihat kepentingan penglibatan mereka lebih signifikan di rumah berbanding di sekolah. Keterbukaan ibu bapa dalam menerima pandangan dan sedia bertukar-tukar fikiran dengan anak-anak memberi ruang untuk mereka terlibat sama dalam pendidikan anak-anak di rumah. Ibu bapa merasakan anak-anak perlu diberikan peluang untuk memilih dan membuat keputusan mengenai bidang pelajaran yang diminati dan ibu bapa menjadi pakar rujuk kepada perkembangan pelajaran mereka.

Ironinya, keterbukaan ibu bapa terhadap anak-anak tidak berkorelasi dengan penglibatan ibu bapa di sekolah. Meskipun ibu bapa bersedia menerima pandangan dan buah fikiran anak-anak dalam menentukan pelajaran mereka, namun ianya tidak berhubung secara signifikan dengan keterlibatan ibu bapa di sekolah. Lantas, langkah untuk melibatkan diri di sekolah dirasakan tidak perlu memandangkan anak-anak telah pun menerima pandangan dan pendapat daripada ibu bapa dalam apa jua aktiviti dan program yang ingin mereka ceburi. Ibu bapa juga merasakan keperluan hadir ke sekolah secara kerap adalah mustahil memandangkan anak-anak perlu diberikan peluang berdikari dan ibu bapa juga perlu memberikan ruang kepada anak-anak untuk menguruskan pelajaran mereka sendiri. Penglibatan di rumah lebih diperlukan memandangkan anak-anak telah mendapat perhatian dan bimbingan secara formal di sekolah. Justeru, ibu bapa merasakan kesinambungan perhatian dan bimbingan perlu diteruskan di rumah bagi mengelakkan anak-anak lalai dalam pelajaran mereka. Lagi pula, sikap terbuka ibu bapa menyebabkan anak-anak lebih berdikari dan dalam masa yang

sama anak-anak tidak mahu menyusahkan ibu bapa bagi memenuhi tuntutan sekolah terutama dalam hal yang boleh diuruskan sendiri oleh mereka.

### **Penerimaan**

Penerimaan ibu bapa terhadap keupayaan anak-anak juga didapati menunjukkan signifikan hanya pada penglibatan ibu bapa di rumah dan bukannya di sekolah. Ibu bapa yang peka terhadap pendidikan anak-anak seharusnya menerima anak-anak seadanya terutama berkaitan dengan kecemerlangan akademik. Kesediaan ibu bapa menerima anak-anak tanpa syarat sama ada mereka mempunyai prestasi cemerlang atau kurang memberangsangkan mempunyai hubungan dengan penglibatan ibu bapa di rumah. Anak-anak yang kurang berjaya dalam pelajaran seharusnya tidak disisihkan oleh ibu bapa memandangkan pendidikan perlu diberikan secara berterusan. Ibu bapa yang sentiasa berfikiran terbuka tidak memandang pendidikan terhadap anak-anak hanya diukur pada keupayaan akademik. sebaliknya pendidikan dilihat secara keseluruhannya. Sekiranya kecemerlangan akademik hanya dijadikan kayu pengukur tanpa melihat kecemerlangan anak-anak dalam bidang ko-kurikulum, menyebabkan anak-anak dinafikan hak mereka untuk mendapatkan pendidikan yang sewajarnya. Pendidikan itu sendiri memerlukan anak-anak melibatkan diri dalam kedua-dua komponen. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di rumah perlu diberikan penekanan memandangkan anak-anak yang kurang berjaya di sekolah terus mendapat bimbingan dan perhatian di rumah. Justeru, ibu bapa tidak seharusnya membiarkan kegagalan anak-anak di sekolah berterusan di rumah tanpa cuba mencari jalan penyelesaian.

Kegagalan anak-anak memenuhi ekspektasi ibu bapa antara sebab kurangnya keterlibatan ibu bapa lebih-lebih lagi penglibatan di sekolah. Ibu bapa didapati tidak mengendahkan jemputan untuk terlibat dalam program anjuran sekolah memandangkan

mereka beranggapan guru-guru akan mengaitkan kegagalan anak-anak dengan latar belakang ibu bapa. Pendapat yang sedemikian seharusnya tidak menjadi penghalang untuk ibu bapa tidak terlibat dalam pendidikan anak-anak di rumah. Penerimaan ibu bapa terhadap anak-anak sama ada mereka cemerlang atau tidak seharusnya menjadi kunci kepada penglibatan mereka dalam pendidikan anak-anak terutama ketika anak-anak berada di sekolah menengah.

Keupayaan anak-anak adalah berbeza-beza. Sikap membanding-bandinkan antara anak-anak seharusnya tidak diamalkan oleh ibu bapa dalam proses mendidik anak-anak. Sikap sedemikian memberi kesan buruk kepada lebih-lebih lagi jika ibu bapa yang suka mengkritik anak-anak disebabkan kegagalan mereka dalam pelajaran. Justeru, tidak hairanlah mengapa ibu bapa yang mempunyai anak-anak cemerlang sering melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak berbanding anak-anak kurang cemerlang(Chevalier & Lanot, 2002; Dufur, 2001; Schiller et al., 2002; Willms & Somers, 2001). Seharusnya ibu bapa sedar akan keperluan pendidikan diberikan kepada anak-anak tanpa mengambil kira keupayaan akademik semata-mata.

Bagi anak-anak yang berpencapaian lemah, jalan penyelesaian perlu dicari bagi membantu mereka. Malah, penglibatan ibu bapa di rumah boleh dijadikan jalan penyelesaian dalam membantu anak-anak meningkatkan prestasi akademik mereka. Peningkatan pencapaian walaupun sedikit seharusnya diberi pujian dan motivasi agar anak-anak berasa gembira dan berusaha untuk terus berjaya. Justeru, penglibatan ibu bapa di rumah dirasakan sebagai satu langkah yang berbaloi memandangkan anak-anak akan terus mendapat perhatian selepas waktu persekolahan. Lantas, keputusan ibu bapa untuk lebih melibatkan diri di rumah menunjukkan penerimaan ibu bapa terhadap anak-anak tanpa mengambil kira keupayaan akademik mereka. Dalam masa yang sama usaha demikian dapat meneruskan kesinambungan pendidikan anak-anak di sekolah dan dapat mengelakkan keciciran.

## **Peranan Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Anak-anak**

Konteks keluarga dan penglibatan ibu bapa bukanlah satu perkaitan yang baru dicanangkan dalam dapatan kajian lepas. Dalam kajian ini, konteks keluarga yang dilihat dari perspektif interaksi dan komunikasi, amalan keibubapaan, kesenggangan, keterbukaan dan penerimaan mempamerkan kaitan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa di rumah dengan kecemerlangan. Menariknya penglibatan ibu bapa di sekolah bukan sahaja tidak signifikan dengan kecemerlangan anak-anak malahan juga tidak disenangi oleh anak-anak remaja. Sebaliknya penglibatan tidak langsung di rumah melalui hubungan mesra, dua hala, terbuka dan menerima anak-anak seadanya adalah lebih bermakna kepada anak-anak.

### **Ekspektasi Anak-anak**

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak sering kali diketengahkan memandangkan keterlibatan ibu bapa dalam pendidikan anak dikaitkan dengan kecemerlangan anak-anak dalam pelajaran(Green, et al.,2007; Epstein & Van Voorhis, 2001; Fan & Chen, 2001; Henderson & Mapp, 2002; Hill & Craft, 2003). Namun, ekspektasi ibu bapa terhadap anak-anak terutama di sekolah menengah haruslah selari dengan penglibatan mereka. Kadangkala ibu bapa kurang melibatkan diri dengan pendidikan anak-anak tetapi mempunyai ekspektasi yang tinggi terhadap anak-anak. Justeru, anak-anak akan berasa terbeban untuk memenuhi ekspektasi ibu bapa. Dalam masa yang sama anak-anak memerlukan sokongan daripada ibu bapa untuk berjaya dalam pelajaran.

Ditinjau daripada dapatan kajian ini, 85.5% anak-anak menyatakan harapan mereka untuk ibu bapa terlibat sama dalam pendidikan. Ini bermakna walaupun anak-anak berada di sekolah menengah sudah mampu berfikir dan berdikari, namun keperluan

terhadap penglibatan ibu bapa di rumah mahupun di sekolah masih diharapkan oleh anak-anak. Keperluan anak-anak terhadap perhatian ibu bapa mereka masih sama sekalipun mereka sudah mampu berdikari . Oleh itu, seharusnya ibu bapa tidak membiarkan anak-anak di sekolah menengah menguruskan pelajaran mereka tanpa seliaan. Ini berikutnya anak-anak di tahap menengah masih lagi berada di bawah tanggungjawab ibu bapa. Ibu bapa seharusnya meluangkan masa yang sama apabila anak-anak berada di sekolah menengah. dan tidak beranggapan bahawa penglibatan mereka dalam pendidikan anak-anak selesai apabila anak-anak memasuki sekolah menengah. Apakah ekspektasi anak-anak tahap menengah terhadap penglibatan ibu bapa mereka?

Pelbagai ekspektasi telah dinyatakan oleh anak-anak tahap menengah dalam kajian ini. Ekspektasi anak-anak terhadap penglibatan ibu bapa sama ada di rumah mahupun di sekolah didapati lebih menjurus kepada memberi mereka dorongan dan semangat. Mereka masih memerlukan ibu bapa sebagai pendorong untuk mereka berjaya. Penglibatan ibu bapa sama ada di sekolah mahupun di rumah amat diharapkan oleh anak-anak Harapan anak-anak tahap menengah terlalu tinggi supaya ibu bapa terlibat sama dalam pendidikan mereka. Secara fizikalnya, anak-anak di sekolah menengah dilihat sudah mampu berdikari. Namun, selagi anak-anak tidak menamatkan persekolahan mereka, selagi itulah ibu bapa harus memberikan perhatian dan menyelia pelajaran anak-anak. Ini berikutnya sesetengah ibu bapa mengabaikan langsung penglibatan mereka dalam pendidikan anak-anak. Ini menyebabkan anak-anak berasa putus harapan untuk berjaya dalam pelajaran. Jika kemampuan ibu bapa untuk melibatkan diri di sekolah terbatas, seharusnya ibu bapa mengambil peluang untuk melibatkan diri di rumah. Justeru, anak-anak masih lagi mendapat dorongan ibu bapa dan tidak terus tercicir.

Peratusan yang tinggi berkaitan ekspektasi anak-anak terhadap penglibatan ibu bapa juga mendapati anak-anak berasa diberi perhatian, dihargai dan difahami oleh ibu bapa. Ketika anak-anak berada di sekolah menengah, pelbagai masalah yang muncul

dalam pelajaran ingin dikongsi bersama dengan keluarga terutama dengan ibu bapa. Ekspektasi anak-anak tahap menengah ternyata berbeza. Dengan keterlibatan ibu bapa dalam pendidikan, masalah berkaitan dengan pelajaran dapat difahami oleh ibu bapa dan keprihatinan ibu bapa juga diharapkan dapat mendorong mereka supaya lebih berdisiplin dan fokus terhadap pelajaran. Anak-anak di tahap menengah juga mengharapkan ibu bapa dapat meluangkan masa bersama mereka apabila diperlukan. Rata-rata ibu bapa menghabiskan masa seharian untuk bekerja dan waktu senggang untuk bersama anak-anak hanya ada pada waktu malam. Justeru, jika waktu senggang yang ada tidak di manfaat oleh ibu bapa untuk terlibat dalam pendidikan anak-anak menyebabkan anak-anak berasa tersisih dan sukar berkongsi masalah dengan ibu bapa.

Sekiranya ibu bapa mempunyai ekspektasi terhadap kecemerlangan anak-anak, sudah pastinya anak-anak juga mempunyai ekspektasi mereka terhadap ibu bapa. Ekspektasi ibu bapa terhadap anak-anak seharusnya selari dengan penyediaan kemudahan pembelajaran. Keperluan terhadap kemudahan pembelajaran seharusnya diambil kira oleh ibu bapa. Memandangkan tahap pelajaran di sekolah menengah lebih tinggi dan memerlukan anak-anak lebih fokus, kemudahan pembelajaran amat diharapkan oleh anak-anak. Sekiranya ibu bapa terlibat dalam pendidikan anak-anak, mereka akan lebih memahami akan keperluan bahan rujukan, kemudahan belajar, dan kehadiran ke kelas tambahan. Sikap ibu bapa yang sentiasa mengambil tahu akan perkembangan pelajaran anak-anak amat diharapkan agar anak-anak tidak terus ketinggalan dalam pelajaran.

Ekspektasi anak-anak terhadap penglibatan ibu bapa juga didapati berkaitan dengan kesenggangan dan hubungan kekeluargaan. Anak-anak mengharapkan ibu bapa melapangkan masa bersama mereka sama ada ketika belajar, menonton dan makan bersama. Keprihatinan ibu bapa dalam bertanyakan perihal pelajaran anak-anak amat diharapkan memandangkan anak-anak hanya mempunyai masa bersama keluarga/ibu

bapa pada sebelah malam. Kesempatan berbual dan berbincang dengan ibu bapa dirasakan dapat meringankan masalah pembelajaran anak-anak ketika di sekolah. Anak-anak juga mengharapkan ibu bapa dapat memberikan pendapat dan bertukar-tukar fikiran di samping mengawal pergerakan anak-anak dan memantau prestasi mereka. Penerimaan ibu bapa tanpa syarat berkaitan kecemerlangan anak-anak juga amat diharapkan. Anak-anak mahukan ibu bapa menerima sama ada mereka cemerlang ataupun tidak dan cuba mengatasi kelemahan anak-anak dengan nasihat, bukannya kritikan. Pengharapan anak-anak terhadap ibu bapa untuk terlibat sama dalam pendidikan juga didapati berkaitan dengan hubungan kekeluargaan yang semakin longgar antara anak-anak tahap menengah dengan ibu bapa. Rata-rata diperhatikan hubungan ibu bapa dengan anak-anak semakin renggang apabila anak-anak di tahap menengah. Kurangnya interaksi dan komunikasi dengan anak-anak menjadikan anak-anak berasa kurang diberi perhatian. Pengharapan anak-anak seharusnya diambil kira bagi mewujudkan keluarga bahagia dan dalam masa yang sama melahirkan anak-anak yang cemerlang.

Namun, ekspektasi anak-anak kadangkala sukar dijangkakan. Dapatan kajian ini mendapati segelintir murid menafikan akan keperluan penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak di tahap menengah. Sebanyak 14.5% responden menyatakan adalah sukar bagi anak-anak untuk menerima penglibatan ibu bapa dalam pendidikan mereka setelah dibiarkan mengurus sendiri pendidikan mereka dalam jangka waktu tertentu. Anak-anak di tahap menengah sudah mampu menilai dan prihatin terhadap apa yang berlaku. Justeru, anak-anak akan berasa terganggu dan sukar memberikan tumpuan pada pelajaran sekiranya ibu bapa kerap terlibat dalam pendidikan mereka. Ibu bapa yang terlalu memberi peluang kepada anak-anak untuk menguruskan pelajaran mereka sendiri menyebabkan anak berasa terganggu dan janggal apabila tiba-tiba ibu bapa ingin campur tangan dan terlibat dalam pendidikan mereka. Anak-anak juga berasa hilang fokus jika ibu bapa sering hadir ke sekolah bertemu guru-guru berkaitan pelajaran mereka.

Ekspektasi ibu bapa yang terlalu tinggi terhadap anak-anak juga menyebabkan anak-anak berasa tertekan. Bagi memenuhi ekspektasi ibu bapa, anak-anak terpaksa mengabaikan keinginan mereka sendiri. Malahan, segelintir ibu bapa terlalu mengongkong anak-anak semata untuk memperoleh apa yang diinginkan oleh mereka. Anak-anak di tahap menengah sudah mampu membuat keputusan sendiri. Tekanan yang diberikan oleh ibu bapa menyebabkan anak-anak berasa terganggu. Namun, perasaan dikawal dan dipaksa belajar yang sering dikenakan terhadap mereka menyebabkan anak-anak hilang minat untuk belajar. Segelintir anak-anak menyatakan tidak mengharapkan ibu bapa terlibat sama dalam pendidikan mereka sama ada di rumah maupun di sekolah. Ini berikutan tekanan yang terpaksa diterima anak-anak bagi memenuhi ekspektasi ibu bapa. Lantas, anggapan mereka terhadap penglibatan ibu bapa hanyalah sebagai pengganggu dan mereka lebih suka jika ibu bapa tidak melibatkan diri dalam pendidikan mereka terutama di sekolah.

Anak-anak juga tidak mengharapkan ibu bapa terlibat sama dalam pendidikan mereka berikutan sikap ibu bapa yang sering memperlakukan mereka seperti kanak-kanak. Anak-anak ketika di tahap menengah lebih suka dihargai akan pendapat mereka. Mereka juga beranggapan usia mereka perlu diambil kira dalam bertukar-tukar pendapat dan berinteraksi dalam keluarga. Keterlibatan ibu bapa dalam pendidikan di tahap menengah dianggap oleh segelintir anak-anak sebagai gangguan. Ibu bapa juga tidak memahami keperluan anak-anak. Ketika di sekolah menengah, anak-anak memerlukan ruang mereka sendiri. Keterlibatan ibu bapa dalam setiap program sekolah dianggap sebagai terlalu mengawal. Sikap ibu bapa yang suka memaksa anak-anak menimbulkan konflik dan berkesudahan dengan penarikan diri anak-anak daripada terus meningkatkan prestasi akademik. Segelintir anak-anak beranggapan mereka perlu diberi kebebasan untuk menentukan apa yang mereka inginkan dalam pelajaran. Ibu bapa hanya perlu menyediakan keperluan pembelajaran mereka. Malahan, anak-anak beranggapan mereka

perlu diberi ruang agar tidak terlalu dikawal dan dipantau sepanjang masa. Namun, ekspektasi ini hanya lahir daripada segelintir anak-anak yang merasakan keperluan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan adalah paling minimum. Pengharapan yang dilahirkan perlu diambil kira memandangkan kejayaan anak-anak tidak bergantung sepenuhnya kepada penglibatan ibu bapa. Sekiranya anak-anak masih boleh mencapai kecemerlangan tanpa penglibatan ibu bapa, mengapa tidak anak-anak hanya diberi dorongan untuk berdikari dan pemantauan paling minimum sebagaimana yang diharapkan oleh anak-anak. Situasi “menang-menang” ini mungkin lebih membantu anak-anak untuk terus berjaya dalam pelajaran.

Sering kali dikatakan bahawa hanya anak-anak yang cemerlang sahaja lebih mengharapkan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan terutama ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Namun, hakikatnya dapatan menunjukkan bahawa anak-anak yang mempunyai prestasi rendah dan sederhana juga mengharapkan ibu bapa terlibat sama dalam pendidikan mereka. Daripada 239 responden yang berprestasi rendah, 82.4% menyatakan pengharapan agar ibu bapa terlibat sama dan hanya 17.6% orang menyatakan tidak mengharapkan penglibatan ibu bapa mereka. Begitu juga dengan anak-anak yang mempunyai prestasi akademik yang cemerlang. Sejumlah 196 responden yang berprestasi tinggi terlibat dan hanya 90.8% orang mengharapkan ibu bapa terlibat sama dan 9.2% pula menyatakan tidak mengharapkan. Justeru, tanggapan bahawa hanya anak-anak yang berprestasi tinggi sahaja yang mengharapkan ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan ketika di sekolah menengah perlu disangkal. Memandangkan penglibatan ibu bapa diharapkan oleh anak-anak sebagai pendorong dan pembakar semangat untuk mereka terus belajar, maka ekspektasi anak-anak tidak hanya tertumpu kepada anak-anak yang berprestasi tinggi sahaja. Ibu bapa juga perlu faham bahawa anak-anak yang mempunyai prestasi rendah juga mempunyai ekspektasi yang sama agar ibu bapa terlibat sama dalam pendidikan mereka. Lantas, tanggapan ibu bapa terhadap anak-anak yang

berprestasi rendah seharusnya diubah dan penerimaan dan keterbukaan ibu bapa dapat membantu anak-anak untuk terus berjaya dalam pelajaran. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh anak-anak, keterlibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak bukan sahaja sebagai pendorong, malahan anak-anak akan menjadi lebih berdisiplin dan fokus kepada pelajaran. Ekspektasi anak-anak sama ada yang berprestasi tinggi atau rendah perlu diambil kira dan keperluan memenuhi ekspektasi mereka mampu melahirkan anak-anak yang berjaya dalam pelajaran

Ditinjau daripada jantina anak-anak, sering kali dinyatakan anak perempuan lebih mengharapkan ibu bapa terlibat dalam pendidikan terutama ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Namun, kedua-dua jantina didapati amat mengharapkan ibu bapa terlibat dalam pendidikan mereka. Walaupun anak-anak lelaki didapati lebih berdikari dan tidak suka terlalu dikawal oleh ibu bapa, namun dalam hal pelajaran, mereka masih mengharapkan penglibatan ibu bapa. Jika anak-anak lelaki kurang berdisiplin dan sering menjadi rungutan ibu bapa, namun harapan mereka masih lagi tinggi untuk ibu bapa terlibat sama dalam pendidikan mereka tidak kira di rumah mahupun di sekolah. Ini berikutan tanpa penglibatan ibu bapa, anak-anak merasakan kelemahan mereka dalam pelajaran akan berterusan. Sebaliknya dengan pemantauan daripada ibu bapa, anak-anak tidak terus ketinggalan dalam pelajaran.

Anak-anak perempuan juga tidak berkecuali. Ekspektasi mereka terhadap penglibatan ibu bapa sama tingginya dengan anak-anak lelaki. Namun, terdapat segelintir anak-anak lelaki mahupun perempuan tidak mengharapkan ibu bapa terlibat sama dalam pendidikan mereka. Mereka mempunyai alasan yang tersendiri mengapa mereka tidak mengharapkan penglibatan ibu bapa. Namun, dapatan menunjukkan ekspektasi anak-anak terhadap penglibatan ibu bapa tidak dipengaruhi oleh jantina. Keterlibatan ibu bapa diharapkan oleh anak-anak memandangkan pendidikan semakin penting dan keperluan penglibatan ibu bapa membantu anak-anak untuk terus berjaya dalam pelajaran. Dengan

itu, ibu bapa tidak seharusnya membezakan penglibatan mereka berdasarkan jantina anak. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak tanpa diskriminasi jantina dapat memberi impak kepada peningkatan prestasi akademik anak-anak(Keith, Keith, Quirk, Sperduto, Santillo, & Killings, 1998). Ekspektasi anak-anak dengan sendirinya menggariskan peranan ibu bapa. Lantas harapan anak-anak terhadap penglibatan ibu bapa perlu dipenuhi dalam usaha melahirkan anak-anak yang cemerlang.

### **Persepsi Anak-anak**

Persepsi ibu bapa dan guru sering kali diambil kira dalam melihat sejauh mana ibu bapa terlibat dalam pendidikan anak-anak. Namun, tidak terdapat usaha untuk meninjau persepsi anak-anak berdasarkan penilaian mereka terhadap penglibatan ibu bapa. Murid-murid di tahap menengah mampu membuat penilaian dan dengan mengambil kira persepsi murid, kajian ini dapat ditriangulasikan dengan dapatan sebelum ini berkaitan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak.

Apabila diajukan persoalan berkaitan dengan keperluan ibu bapa mengambil tahu dan menyemak tugasan sekolah anak-anak, pelbagai persetujuan dan persepsi telah diberikan oleh anak-anak. Kepelbagaiannya persepsi ini jelas menunjukkan bahawa anak-anak ketika di sekolah menengah mempunyai pandangan yang berbeza terhadap penglibatan ibu bapa mereka. Sebanyak 20% menyatakan bahawa anak-anak tidak bersetuju sekiranya ibu bapa terlibat sama dalam mengambil tahu dan menyemak tugasan sekolah anak-anak. Ini berikutnya anak-anak tidak lagi mahu membebankan ibu bapa setelah mereka penat seharian bekerja. Tambahan pula, dalam masa yang sama anak-anak tidak mahu tertekan dengan kritikan daripada ibu bapa apabila mereka menyemak tugasan anak-anak. Justeru, anak-anak mengambil pendekatan untuk menguruskan pelajaran mereka sendiri dan tidak mahu bergantung harap akan keterlibatan ibu bapa

dalam pelajaran mereka. Jika diambil kira akan persepsi ini, jelas bahawa anak-anak lebih suka ibu bapa tidak terlibat dalam menyemak tugasan harian mereka. Cukup sekadar mengambil tahu tetapi memberikan peluang untuk anak-anak menguruskan sendiri tugasan mereka dengan pemantauan yang paling minimum daripada ibu bapa.

Segelintir anak-anak bertanggapan bahawa mengambil tahu dan menyemak tugasan anak-anak adalah sebahagian daripada tanggungjawab ibu bapa dalam mengikuti perkembangan pelajaran anak-anak. Persepsi yang berbeza dalam kalangan anak-anak ini jelas menunjukkan bahawa tidak semua anak-anak berpandangan sama tentang keperluan penyertaan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak. Mereka juga berbeza pendapat tentang kaitan penglibatan ibu bapa dan anak-anak menjadi lebih fokus dan berdisiplin jika ibu bapa mengambil tahu akan perkembangan akademik mereka. Sebanyak 58.3% menjelaskan bahawa anak-anak bersetuju jika ibu bapa memainkan peranan dalam pendidikan terutama ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Kekangan masa dan kerjaya tidak mengizinkan ibu bapa untuk melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak perlu diubah agar anak-anak tidak lalai walaupun kemampuan berdikari anak-anak adalah tinggi terutama anak-anak di tahap menengah. Dengan mengambil kira akan persepsi keterlibatan ibu bapa dalam mengambil tahu dan menyemak tugasan sekolah anak-anak, kajian ini mendapati anak-anak mempunyai persepsi baik terhadap penglibatan ibu bapa di tahap menengah.

Persepsi anak-anak terhadap keperluan ibu bapa menyediakan kemudahan pembelajaran adalah sangat positif. Penglibatan ibu bapa tidak hanya tertumpu kepada mengambil tahu dan menyemak tugasan anak-anak. Sebaliknya penyediaan kemudahan pembelajaran juga termasuk dalam penglibatan ibu bapa dalam pendidikan. Terlalu kecil peratusan anak-anak yang tidak bersetuju berkaitan kemudahan pembelajaran yang perlu disediakan oleh ibu bapa. Hanya 3.5% anak-anak bertanggapan penyediaan kemudahan pembelajaran seperti ruang belajar dan menghantar anak-anak ke kelas tambahan akan

membebankan ibu bapa dari segi kewangan terutama bagi yang kurang berkemampuan. Ini berikutan anak-anak dari golongan berpendapatan rendah tidak mahu ibu bapa mereka terbeban dengan menyediakan kemudahan pembelajaran memandangkan keperluan lain yang perlu diutamakan. Justeru, anak-anak kurang bersetuju jika ibu bapa hanya dinilai akan penglibatan mereka berdasarkan penyediaan kemudahan pembelajaran sedangkan dalam masa yang sama anak-anak tidak mahu membebangkan keluarga.

Persepsi anak-anak juga didapati agak bersetuju dan bersetuju apabila persoalan tentang keperluan penyediaan kemudahan pembelajaran diajukan. Sebanyak 96.5% responden menyatakan persepsi mereka bahawa anak-anak ketika di sekolah menengah memerlukan ruang untuk belajar dan memudahkan ibu bapa mengikuti menyelia perkembangan pelajaran mereka. Ternyata anak-anak bertanggapan bahawa dengan penyediaan kemudahan pembelajaran, anak-anak tidak terganggu ketika belajar. Kemudahan pembelajaran adalah satu keperluan dan menjadi tanggungjawab ibu bapa bagi menyediakan kemudahan pembelajaran. Anak-anak bertanggapan dengan penyediaan kemudahan pembelajaran, mereka akan lebih selesa untuk belajar, pembelajaran di rumah akan menjadi lebih efektif dan anak-anak akan lebih fokus ketika belajar. Kehadiran anak-anak ke kelas tambahan membolehkan anak-anak meningkatkan pemahaman dan penyediaan bahan rujukan tambahan membolehkan anak-anak meningkatkan pengetahuan melalui pembacaan. Justeru, anak-anak bertanggapan kemudahan pembelajaran adalah satu tuntutan dan ibu bapa perlu memainkan peranan dalam menyediakan keperluan pendidikan untuk anak-anak.

Pemantauan ibu bapa terhadap pergerakan dan aktiviti harian anak-anak pula menunjukkan keputusan yang agak tinggi bagi persepsi tidak setuju dan kurang setuju. Peratusan sebanyak 42.4% ini menjelaskan bahawa anak-anak tidak bersetuju dipantau akan pergerakan mereka dalam aktiviti sehari-hari. Persepsi anak-anak ketika di sekolah menengah ternyata berbeza apabila pemantauan yang dilakukan oleh ibu bapa dianggap

sebagai satu tekanan daripada keluarga. Anak-anak tidak suka dipantau oleh ibu bapa setiap hari. Mereka juga bertanggapan ibu bapa terlalu mengawasi pergerakan anak-anak sedangkan dalam masa yang sama anak-anak inginkan ruang mereka sendiri dan bebas bergerak dalam menjalankan aktiviti sehari-hari. Ibu bapa seharusnya mengambil kira akan keperluan anak-anak remaja dan pemantauan yang keterlaluan terhadap pergerakan dan aktiviti sehari-hari menyebabkan anak-anak berasa dikawal sepanjang masa.

Peratusan sebanyak 57.6% menjelaskan bahawa anak-anak bersetuju dipantau pergerakan dan aktiviti sehari-hari. Sebahagian besar anak-anak mempunyai persepsi bahawa pemantauan yang dilakukan oleh ibu bapa menunjukkan kepekaan ibu bapa terhadap peranan mereka dan pergerakan anak-anak sehari-hari adalah di bawah tanggungjawab ibu bapa sepenuhnya. Anak-anak juga bertanggapan ibu bapa perlu memantau pergerakan dan aktiviti harian bertujuan menyedarkan anak-anak supaya lebih berdisiplin dan membahagikan waktu sama ada untuk riadah dan belajar. Anak-anak ketika di sekolah menengah terdedah dengan gejala yang tidak sihat (seperti merokok, ponteng) dan dengan adanya pemantauan terhadap pergerakan dan aktiviti harian, anak-anak akan terhindar daripada terjebak dengan gejala yang tidak sihat. Pemantauan daripada ibu bapa juga oleh anak-anak perlu memandangkan ibu bapa bertanggung jawab mengambil tahu ke mana anak-anak pergi dan siapakah rakan-rakan anak mereka. Kepekaan ibu bapa dalam hal ini dianggap sebagai satu keperluan dalam penglibatan dalam pendidikan mereka. Justeru, anak-anak bertanggapan adalah tidak bersalah jika ibu bapa terus memantau pergerakan dan aktiviti sehari-hari anak-anak. Malahan persepsi anak-anak menunjukkan pemantauan daripada ibu bapa bukan bertujuan terlalu mengawal pergerakan anak-anak sebaliknya apa yang dilakukan adalah untuk kebaikan dan masa depan anak-anak.

Anak-anak mempunyai persepsi bahawa ibu bapa perlu memantau tetapi pemantauan yang dilakukan tidak keterlaluan dan memberikan sedikit ruang untuk anak-

anak berasa bebas dan tidak terlalu diawasi. Ini berikutan anak-anak perlu beriadah bersama rakan-rakan sekolah pada waktu senggang. Namun, pemantauan yang dilakukan oleh ibu bapa masih diperlukan memandangkan anak-anak di tahap menengah masih di bawah jagaan dan tanggungjawab ibu bapa. Tanggapan yang berbeza-beza dalam kalangan anak-anak menunjukkan bahawa ibu bapa perlu memainkan peranan mereka. Keterlibatan dalam pendidikan anak-anak juga diambil kira berdasarkan sejauh mana ibu bapa memahami peranan mereka dalam menentukan hala tuju pendidikan anak-anak.

Peratusan maklum balas bersetuju terhadap kehadiran ibu bapa dalam perjumpaan dengan pihak sekolah agak tinggi. Anak-anak bertanggapan bahawa kehadiran ibu bapa ke sekolah memberi manfaat kepada anak-anak. Ibu bapa bukan sahaja dapat berbincang dengan guru-guru berkaitan prestasi malahan dalam masa yang sama dapat memantau sahsiah anak-anak ketika di sekolah. Keterlibatan ibu bapa di sekolah juga dapat mengeratkan lagi hubungan antara pihak sekolah dengan ibu bapa. Hubungan yang baik antara ibu bapa dan guru-guru juga dapat membantu perkembangan sihat anak-anak malahan anak-anak juga akan lebih berdisiplin dan tidak membohongi ibu bapa berkaitan dengan pelajaran ketika di rumah. Justeru, anak-anak bertanggapan bahawa ibu bapa perlu hadir dalam perjumpaan dengan pihak sekolah. Persepsi positif anak-anak berkaitan dengan kehadiran ibu bapa dalam perjumpaan dengan pihak sekolah memberi impak besar terhadap ibu bapa. Perkaitan ini menunjukkan penerimaan anak-anak terhadap keprihatinan ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak di tahap menengah. Persepsi positif ini menjelaskan bahawa anak-anak menerima penglibatan ibu bapa di sekolah terutama yang berkaitan dengan perkembangan prestasi akademik. Namun, ibu bapa harus bersedia menerima kritikan dan pandangan daripada pihak sekolah berkaitan dengan sahsiah dan akademik anak-anak. Justeru, ibu bapa perlu berlapang dada sekiranya pandangan dan kritikan yang diberikan oleh pihak sekolah tidak sebagaimana diharapkan. Malahan, adalah satu keperluan dan menjadi

tanggungjawab ibu bapa dalam mengambil berat dan melibatkan diri sekiranya dijemput oleh pihak sekolah.

Persepsi anak-anak yang kurang bersetuju dan tidak setuju terhadap keperluan menghadiri perjumpaan dengan pihak sekolah juga perlu diambil. Sebanyak 16.9% menyatakan tidak bersetuju dan mempunyai persepsi yang agak negatif berkaitan perkara ini. Keterlibatan ibu bapa dalam perjumpaan dengan pihak sekolah dianggap oleh anak-anak sebagai menyusahkan ibu bapa. Ibu bapa yang sibuk bekerja terpaksa mengambil cuti semata-mata untuk menghadiri perjumpaan dengan guru-guru. Persepsi ini berikutan sikap ibu bapa yang tidak punya masa untuk memenuhi kesemua jemputan pihak sekolah. Di samping itu, anak-anak bertanggapan bahawa kehadiran ibu bapa ke sekolah akan memberi lebih tekanan apabila guru-guru sudah mengenali dan berhubung rapat dengan ibu bapa mereka. Selain itu, anak-anak juga bimbang kelemahan dan sahsiah buruk mereka di sekolah akan diketahui oleh ibu bapa sekiranya mereka hadir dalam perjumpaan dengan pihak sekolah. Justeru, ibu bapa seharusnya mengambil kira akan keperluan untuk hadir dan bukan kekerapan kehadiran dalam perjumpaan dengan pihak sekolah. Pertimbangan untuk melibatkan diri di sekolah perlu dibuat dengan sewajarnya agar anak-anak tidak berasa tekanan dan dalam masa yang sama ibu bapa dapat menjalankan tanggungjawab mereka.

Kehadiran ibu bapa pada Hari Terbuka dan Hari Kecemerlangan amat dialu-alukan oleh pihak sekolah terutama dalam memberi sokongan moral kepada anak-anak. Namun, pandangan anak-anak di tahap menengah memperlihatkan perbezaan yang pelbagai. Sebanyak 87.6% bersetuju akan keperluan ibu bapa hadir pada Hari Terbuka dan Hari Kecemerlangan. Hari Terbuka merupakan hari yang penting bagi anak-anak, Kehadiran pada hari tersebut dapat membantu ibu bapa memahami dan mengetahui akan perkembangan prestasi anak-anak. Perbincangan ibu bapa dengan guru-guru membolehkan ibu bapa membantu anak-anak dalam mengatasi kelemahan mereka di

rumah. Manakala, Hari Kecemerlangan merupakan hari untuk ibu bapa meraikan kejayaan anak-anak berdasarkan usaha yang telah ditunjukkan oleh anak-anak sepanjang tahun.

Persepsi anak-anak berkaitan dengan kehadiran ibu bapa pada Hari Terbuka dan Hari Kecemerlangan menunjukkan persetujuan yang positif. Anak-anak bertanggapan kehadiran ibu bapa pada kedua-dua hari tersebut bukan sahaja memberi sokongan dan motivasi kepada anak-anak malahan anak-anak berasa lebih dihargai. Berjaya ataupun tidak anak-anak dalam pelajaran bukan menjadi soal sebaliknya sokongan yang diberikan oleh ibu bapa menyebabkan anak-anak berasa dihargai. Anak-anak mempunyai persepsi bahawa kehadiran ibu bapa pada Hari Terbuka dan Hari Kecemerlangan juga dapat mengeratkan lagi hubungan baik antara ibu bapa, guru-guru dan pihak sekolah. Ini berikutan hubungan yang baik dengan pihak sekolah dapat membantu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif di samping ibu bapa dapat menyokong program yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Selain itu, pandangan yang diberikan oleh guru-guru dapat membantu ibu bapa untuk memantau pelajaran anak-anak di samping memberi keyakinan kepada anak-anak untuk terus berjaya. Persepsi anak-anak menyatakan kehadiran ibu bapa pada kedua-dua hari tersebut dapat memberi sokongan kepada anak-anak untuk terus berjaya dalam pelajaran. Kehadiran ibu bapa pada kedua-dua hari penting ini amat dialu-alukan. Namun, sekiranya ibu bapa hanya hadir tetapi tidak mengambil sebarang tindakan daripada pertemuan dengan guru-guru, ianya tidak memberi apa-apa makna kepada anak-anak.

Hanya sejumlah kecil sahaja(12.4%) bertanggapan bahawa kehadiran ibu bapa pada kedua-dua hari tersebut tidak diperlukan memandangkan ibu bapa sibuk bekerja dan tidak mempunyai masa senggang untuk menghadirkan diri. Persepsi sebegini berikutan ibu bapa perlu mengikuti jadual kerja yang tidak fleksibel dan kebiasaan Hari Terbuka dan Hari Kecemerlangan diadakan pada hari bekerja. Justeru, ibu bapa tidak punya masa untuk hadir dan anak-anak tidak mengharapkan kehadiran mereka. Keterlibatan ibu bapa

pada hari tersebut dianggap hanya membuang masa dan anak-anak juga tidak mahu ibu bapa berasa malu atas pandangan dan kritikan daripada guru-guru berdasarkan prestasi buruk anak-anak. Persepsi sebegini berikutan anak-anak yang mempunyai prestasi akademik yang rendah tidak mahu ibu bapa tertekan terhadap komen yang diberikan oleh guru-guru dan dalam masa yang sama berasa malu kepada ibu bapa lain yang turut hadir pada hari tersebut.

Persepsi anak-anak sebegini ada benarnya. Kadangkala ibu bapa yang mempunyai anak-anak berprestasi rendah akan tertekan dengan komen yang diberikan oleh guru-guru sedangkan ibu bapa mempunyai ekspektasi yang tinggi terhadap anak-anak. Pertentangan ekspektasi ibu bapa dengan ekspektasi anak-anak akan menimbulkan konflik antara kemahuan ibu bapa yang perlu dituruti dan kehendak anak-anak yang inginkan kebebasan. Lantas, anak-anak bertanggapan untuk tidak memalukan dan memberi tekanan kepada ibu bapa, keterlibatan mereka pada hari tersebut tidak diperlukan. Anak-anak merasakan kehadiran ibu bapa pada kedua-dua hari tersebut tidak berbaloi dan adalah lebih baik sekiranya ibu bapa hanya mengambil tahu tanpa melibatkan diri. Selain itu, anak-anak juga akan berasa malu dengan rakan-arakan kerana ibu bapa turut serta pada Hari Kecemerlangan sedangkan anak-anak tidak memperoleh sebarang anugerah. Walhal, kehadiran ibu bapa hanya sebagai pemberi semangat kepada anak-anak untuk lebih berjaya. Kepelbagaian persepsi anak-anak memerlukan pertimbangan sewajarnya daripada ibu bapa. Sekiranya ibu bapa berasa wajar untuk turut serta pada kedua-dua hari tersebut, dan cuba mencari kekuatan untuk kejayaan anak-anak, keputusan yang dibuat harus dipuji. Namun, seandainya kehadiran ibu bapa hanya untuk memenuhi ruang tanpa cuba diambil pengajaran atas kejayaan anak-anak orang lain, keterlibatan mereka tidak memberi makna apa-apa dalam membantu meningkatkan prestasi anak-anak.

Keterlibatan ibu bapa dalam aktiviti dan program sekolah mendapat persetujuan yang agak rapat peratusannya. Sebanyak 30.5% menyatakan persetujuan tidak bersetuju dan kurang bersetuju terhadap penyertaan ibu bapa dalam aktiviti dan program sekolah. Kepelbagaiannya persepsi diberikan oleh anak-anak terhadap ibu bapa yang sering mengikuti aktiviti dan program sekolah. Anak-anak bertanggapan ibu bapa tidak perlu melibatkan diri dalam aktiviti dan program sekolah. Mereka hanya perlu mengambil tahu akan perjalanan aktiviti tetapi tidak perlu terlibat sama. Ini berikutan aktiviti dan program yang dijalankan oleh pihak sekolah kepada murid-murid tidak relevan kepada ibu bapa. Persepsi sebegini berikutan ibu bapa perlu menumpukan pada kerjaya dan matlamat mencari rezeki. Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti dan program sekolah hanya akan membuang masa dan membebangkan mereka. Lagi pula, penglibatan ibu bapa akan menyebabkan anak-anak berasa terkongkong dan terlalu dikawal sehingga setiap pergerakan mereka sama ada di rumah mahupun di sekolah dipantau dan dikawal selia. Malahan, keterlibatan ibu bapa dalam aktiviti dan program sekolah juga menyebabkan pergerakan anak-anak terbatas dan ibu bapa akan mengehadkan penyertaan anak-anak mengikut program yang mereka mahukan. Justeru, anak-anak kurang bersetuju jika ibu bapa terus melibatkan diri dalam aktiviti dan program sekolah kerana anak-anak ketika di sekolah menengah tidak lagi mahu dibelenggu sepenuhnya oleh ibu bapa.

Persepsi bahawa penyertaan ibu bapa dalam aktiviti dan program sekolah dapat memberi sokongan kepada anak-anak untuk terus berjaya telah menyumbang sebanyak 69.5% daripada persetujuan yang diperoleh. Anak-anak agak bersetuju dan setuju jika ibu bapa turut melibatkan diri dalam aktiviti dan program sekolah. Anak-anak akan berasa lebih bersemangat sekiranya mendapat galakan daripada ibu bapa sendiri. Keterlibatan anak-anak dalam aktiviti dan program sekolah didapati mendapat persetujuan daripada anak-anak. Persepsi bahawa keterlibatan ibu bapa dalam aktiviti dan program sekolah dapat menjalinkan hubungan baik antara pihak sekolah dengan ibu bapa. Hubungan yang

akrab antara kedua-dua pihak dapat membantu pihak sekolah dalam merancang aktiviti dan program yang bermanfaat kepada anak-anak. Selain itu, anak-anak bertanggapan dengan kehadiran ibu bapa dalam aktiviti dan program sekolah dapat menyumbang tenaga dan idea dalam meningkatkan motivasi diri dan prestasi anak-anak. Malahan, kehadiran ibu bapa dalam menjayakan aktiviti dan program sekolah memberi semangat untuk anak-anak berjaya dalam pelbagai bidang sama ada akademik mahupun kokurikulum. Persepsi yang positif ini menggalakkan penyertaan ibu bapa terlibat sama dalam aktiviti dan program anjuran sekolah. Justeru, mengapa tidak ibu bapa mengambil langkah positif untuk terlibat dengan aktif dalam semua aktiviti dan program sekolah sekiranya anak-anak bertanggapan sedemikian. Ibu bapa juga seharusnya bertanggapan selari dengan anak-anak sekiranya penyertaan mereka dalam aktiviti dan program sekolah dapat memberi manfaat kepada kecemerlangan anak-anak.

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian oleh Grolnick & Slowiaczek (1994), Connolly, Hatchette & McMaster(1998) dan Wang & Wildman(1995).Persepsi anak-anak terhadap sokongan dan penglibatan ibu bapa adalah faktor yang mempengaruhi pencapaian. Minat ibu bapa untuk terlibat dalam pendidikan menggalakkan mereka untuk melakukan yang terbaik dan secara positifnya meningkatkan pencapaian akademik anak-anak. Anak-anak beranggapan keterlibatan ibu bapa dalam pendidikan mereka dapat meningkatkan motivasi dan melalui penglibatan, ibu bapa mementingkan pendidikan anak-anak dan secara tidak langsung menyediakan anak-anak dengan emosi yang positif terhadap pelajaran.

### **Peranan Demografi Keluarga Dengan Penglibatan Ibu Bapa**

Kajian berkaitan pengaruh demografi keluarga telah banyak dijalankan. Namun, kajian-kajian terdahulu hanya melibatkan ibu bapa dan guru sebagai responden kajian tanpa memberi ruang kepada anak-anak untuk membuat penilaian terhadap penglibatan ibu bapa mereka sendiri(Green, 2007; Fan & Chen, 2001; Lareau, 1989; Stevenson & Baker, 1987). Anak-anak di tahap menengah sudah mampu membuat penilaian terhadap apa yang dilakukan oleh ibu bapa dalam membantu meningkatkan pencapaian akademik.

Kajian ini mendapati bahawa penglibatan ibu bapa tidak berhubung kait dengan jantina anak-anak. Penglibatan ibu bapa sama ada di rumah mahupun di sekolah langsung tidak signifikan dengan jantina. Ibu bapa didapati semakin peka akan keperluan penglibatan mereka dalam pendidikan anak-anak tanpa mengira jantina anak-anak. Perubahan masa dan era pendidikan yang semakin berkembang memerlukan ibu bapa berperanan dalam usaha meningkatkan kualiti keluarga. Tanggapan bahawa penglibatan ibu bapa lebih diberikan kepada anak-anak lelaki memandangkan kenakalan dan sering menimbulkan masalah disiplin sudah tidak lagi boleh diterima pakai. Memandangkan era globalisasi media dan komunikasi, masalah disiplin dan delinkuen melibatkan kedua-dua jantina. Ibu bapa perlu memainkan peranan dalam membentuk anak-anak tanpa menyisihkan anak-anak berdasarkan jantina memandangkan anak-anak di tahap menengah lebih cenderung menjadikan rakan sebaya sebagai orang yang lebih memahami kehendak mereka berbanding keluarga. Penilaian anak-anak terhadap ibu bapa didapati selari dengan dapatan kajian Carter(2000) yang menyatakan penglibatan ibu bapa berhubung dengan jantina anak-anak. Dunia yang semakin berkembang memerlukan ibu bapa mengubah pemikiran mereka terhadap anak-anak. Tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak tidak sepatutnya berbeza berdasarkan jantina. Ketelusan ibu bapa dalam memberi perhatian sama rata terhadap anak-anak memberi ruang kepada

anak-anak untuk merasa dihargai dan mereka dapat berkembang secara sihat. Ini dapat diperhalusi dalam Model Keteguhan Keluarga(Defrain & Asay, 1999). Penghargaan dan perasaan kasih sebagaimana yang diketengahkan oleh model menekankan elemen mengambil berat dan menghargai kewujudan ahli keluarga sebagai satu entiti yang penting. Justeru, ibu bapa tidak seharusnya membeza-bezakan perhatian dan kasih sayang berdasarkan jantina dan melihat perbezaan jantina sebagai sesuatu yang menghalang penglibatan mereka dalam pendidikan anak-anak. Perkaitan ini juga ditegaskan dalam Teori Bronfenbrenner(1992) yang mana orang dewasa boleh mempengaruhi perkembangan anak-anak. Diskriminasi jantina akan memberi kesan kepada anak-anak dan sekali gus mengurangkan kepekaan anak-anak terhadap keperluan ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan mereka ketika di sekolah menengah.

Penglibatan ibu bapa berbeza-beza dan berhubung secara signifikan dalam kajian ini. Bangsa yang berbeza menunjukkan penglibatan yang berbeza. Dalam kajian ini, Ibu bapa berbangsa India lebih terlibat dalam pendidikan anak-anak berbanding dengan bangsa lain. Ibu bapa berbangsa India semakin sedar akan kepentingan pendidikan anak-anak dan keperluan mereka terlibat sama. Komitmen yang lebih tinggi diberikan oleh ibu bapa berbangsa India ketika anak-anak berada di sekolah menengah. Ini berikutan pendidikan anak-anak menuntut ibu bapa berperanan dalam menyediakan keperluan pembelajaran. Ini berikutan dalam kalangan bangsa di Malaysia, bangsa India agak tertinggal berbanding dengan bangsa lain. Ibu bapa semakin faham akan kepentingan melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak sama ada di rumah mahupun di sekolah. Ibu bapa berbangsa India juga didapati semakin bersikap terbuka dalam menyediakan prasarana pembelajaran kepada anak-anak. Malahan kesanggupan ibu bapa bekerjasama dengan pihak sekolah menjadi kayu pengukur akan peranan mereka terhadap keperluan pendidikan anak-anak. Jika sebelum ini, bangsa India didapati tertinggal dalam bidang

pendidikan, namun dengan keterlibatan ibu bapa yang semakin berpendidikan akan dapat membantu anak-anak untuk terus cemerlang dalam pelajaran.

Kalangan bangsa Cina, penglibatan ibu bapa didapati semakin merosot. Penglibatan ibu bapa di sekolah semakin menunjukkan penurunan yang agak membimbangkan. Ini tidaklah bermaksud ibu bapa berbangsa Cina semakin mengabaikan penglibatan mereka terhadap pendidikan anak-anak. Sebaliknya tuntutan masa dan kerjaya tidak lagi mengizinkan untuk mereka terlibat secara aktif. Tambahan lagi, kebanyakan ibu bapa berbangsa Cina terlibat dalam bidang perniagaan. Kekangan masa membuatkan mereka tidak dapat menumpukan seluruh perhatian terhadap pendidikan anak-anak. Namun, penglibatan ibu bapa tidaklah diukur berdasarkan kekerapan ibu bapa hadir ke sekolah tetapi penglibatan ibu bapa secara globalnya melibatkan peranan mereka dalam memberi sokongan dan dorongan, mengambil tahu akan perkembangan pelajaran, dan menyediakan prasarana pembelajaran untuk anak-anak. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Griffith(1998).

Persoalan berkaitan bangsa dan penglibatan juga dapat dikaitkan dengan Teori Bronfenbrenner(1979) itu sendiri yang menekankan ekosistem dalam lapisan ketiga iaitu merujuk kepada latar sosial yang memberi kesan kepada penglibatan ibu bapa. Di dapati bangsa, tempat kerja ibu bapa dan keluarga luas dalam sesuatu bangsa memberi kesan yang besar kepada perkembangan anak-anak. Ibu bapa yang lebih terbuka pemikirannya terhadap pendidikan akan merasakan bahawa mereka berperanan untuk membantu anak-anak meningkatkan prestasi dalam pelajaran. Bangsa yang berfikiran positif juga dilihat akan lebih menerima perubahan terhadap keperluan pendidikan anak-anak di tahap menengah. Merujuk kepada Model Penglibatan Ibu bapa(Hoover-Dempsey & Sandler, 1995), kemahiran dan pengetahuan ibu bapa dalam membantu anak-anak membolehkan anak-anak merasa dimotivasi. Sejauh mana sesuatu bangsa mampu menguasai kemahiran dan pengetahuan itu tertakluk kepada bangsa itu sendiri. Jika bangsa India

selama ini agak ketinggalan dalam pendidikan, adalah tidak mustahil kesedaran ibu bapa berbangsa India untuk lebih melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak menyebabkan mereka kembali bersaing dengan bangsa lain yang terdapat di negara ini.

Bilangan anak yang ramai sering dijadikan alasan oleh ibu bapa untuk kurang memberikan perhatian terhadap anak-anak yang lebih dewasa(Engin-Demir, 2009; Teachman, Paasch, & Carver, 1996; Blake, 1989; Patrinos & Psacharopoulos, 1995; Parcel & Menaghan, 1994). Ibu bapa dilihat lebih memberikan tumpuan kepada anak-anak yang lebih kecil jika dibandingkan dengan anak-anak yang lebih dewasa. Namun, alasan sebegini tidak lagi relevan sekiranya ibu bapa faham akan maksud penglibatan itu sendiri dan dari perspektif yang bagaimana penglibatan itu diperlukan. Ibu bapa seharusnya tidak melepaskan tanggungjawab mereka dalam memberikan perhatian kepada anak-anak di tahap menengah semata-mata untuk menjaga anak-anak yang lebih kecil. Ini adalah kerana anak-anak di tahap menengah juga memerlukan ibu bapa sebagai pendorong dalam pelajaran lebih-lebih lagi ketika anak-anak memasuki alam remaja.

Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bilangan adik beradik berhubung secara signifikan dengan penglibatan ibu bapa di rumah tetapi tidak di sekolah. Ibu bapa mampu memberikan lebih perhatian di rumah memandangkan bilangan adik-beradik menjadi kekangan untuk terlibat secara aktif di sekolah. Keterlibatan ibu bapa di rumah didapati lebih disenangi. Walaupun bilangan anak-anak ramai, ibu bapa masih dapat memantau anak-anak di semua tahap persekolahan secara serentak. Kadangkala, ibu bapa hanya mempunyai masa di sebelah malam untuk bersama dengan anak-anak di rumah. Justeru, masa yang ada digunakan secara efektif untuk bertanyakan perihal pelajaran, membantu anak-anak menyiapkan tugas sekolah, dan berbicara tentang masalah mereka anak-anak sepanjang hari. Kesempatan yang ada selepas waktu bekerja dirasakan lebih sesuai kepada ibu bapa mengambil tahu akan perkembangan pelajaran anak-anak. Ini berikut,

kekangan masa dan kerjaya menyebabkan mereka kurang terlibat dalam pelajaran anak-anak di sekolah.

Status penjagaan pula didapati langsung tidak signifikan dengan penglibatan ibu bapa di sekolah menengah. Dalam apa jua status penjagaan, penglibatan ibu bapa tidak mempunyai hubungan dan ini sekali gus menunjukkan bahawa tidak semestinya anak-anak yang tinggal dengan ibu bapa akan lebih melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak sama ada di sekolah ataupun di rumah. Ibu bapa semakin sedar akan keperluan pendidikan anak-anak sekalipun mereka tidak mampu menyediakan keluarga yang lengkap. Bagi anak-anak yang hanya tinggal dengan ibu atau bapa sahaja, mereka masih lagi diberikan perhatian sewajarnya oleh ibu atau bapa dalam melibatkan diri sama ada di rumah maupun di sekolah. Anak-anak merasakan tiada bezanya peranan ibu tunggal atau bapa tunggal dalam menjalankan tanggungjawab dan terlibat dalam pendidikan ketika di sekolah menengah. Kesedaran peranan yang semakin meningkat dalam kalangan ibu atau bapa tunggal terhadap kepentingan pendidikan anak-anak menyebabkan anak-anak mereka tidak berasa terpinggir dalam kalangan rakan sebaya. Status penjagaan anak-anak yang tinggal dengan penjaga juga menunjukkan bahawa walaupun status penjagaan berbeza, ianya tidak menghalang untuk ibu bapa, ibu, bapa dan penjaga dalam melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak sama ada di rumah ataupun di sekolah.

Model Proses Penglibatan Ibu bapa yang dikemukakan oleh Hoover-Dempsey & Sandler(1995) jelas menerangkan bahawa pengetahuan dan kemahiran ibu bapa, ibu, bapa dan penjaga mendorong bentuk penglibatan yang diinginkan oleh mereka. Sekiranya ibu bapa, ibu, bapa dan penjaga berkemahiran dan berpengetahuan, penglibatan mereka dalam pendidikan anak-anak dianggap sebagai satu tanggungjawab sosial yang perlu dipenuhi selain daripada keperluan fisiologi. Model juga menekankan kehendak dan keseluruhan masa yang diluangkan oleh ibu bapa, ibu, bapa dan penjaga adalah atas

pilihan sendiri dan ianya juga berhubung dengan keperluan pihak sekolah dalam melibatkan status penjagaan anak-anak. Penglibatan ibu bapa tidak membezakan status penjagaan. Justeru, status penjagaan bukan persoalan utama yang menentukan ibu bapa, ibu, bapa atau penjaga untuk melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak. Pembentukan peranan penjaga sama ada ibu bapa, ibu, bapa atau penjaga membolehkan anak-anak berasa lebih dihargai. Kesedaran ibu bapa, ibu, bapa atau penjaga dalam membantu anak-anak ketika di sekolah menengah membolehkan anak-anak lebih berjaya dalam pelajaran.

Perkaitan yang boleh dibuat dalam kajian ini juga dapat dijelaskan merujuk kepada Model Keteguhan Keluarga(Defrain & Asay, 1999) yang mana penghargaan dan perasaan kasih yang ditunjukkan oleh ibu bapa, ibu, bapa atau penjaga terhadap anak-anak adalah melalui penglibatan keluarga dalam pendidikan. Ibu bapa yang peka akan peranan mereka merasakan perlunya mengambil berat akan perihal pendidikan anak-anak. Komitmen ibu bapa tidak hanya terbatas kepada penyediaan keperluan asas sahaja. Masa dan tenaga yang dikorbankan oleh ibu bapa, ibu, bapa dan penjaga untuk terlibat dalam pendidikan anak-anak adalah satu tanggungjawab tanpa mengira status penjagaan anak-anak.

Lokasi tempat tinggal ibu bapa juga didapati tidak signifikan dengan penglibatan ibu bapa. Kesedaran tentang pentingnya pendidikan untuk anak-anak menunjukkan bahawa lokasi tempat tinggal bukan penghalang kepada keterlibatan ibu bapa. Walau di mana sekalipun lokasi tempat tinggal anak-anak sama ada di bandar maupun di luar bandar, penglibatan ibu bapa tidak dipengaruhi oleh lokasi. Kesedaran tentang pentingnya pendidikan tidak hanya muncul dalam kalangan ibu bapa yang tinggal di bandar sahaja. Malahan, ibu bapa yang tinggal di luar bandar juga semakin menunjukkan komitmen dan kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan penglibatan ibu bapa sama ada di rumah ataupun di sekolah.

Ibu bapa yang tinggal di bandar diperhatikan lebih terdedah kepada sumber maklumat dan seharusnya kesedaran terhadap penglibatan ibu bapa lebih tinggi. Namun, arus masa menunjukkan bahawa kekangan terhadap kerjaya, tekanan ekonomi dan kos sara hidup menyukarkan keterlibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak. Walaupun ibu bapa yang tinggal di luar bandar agak terbatas dengan kemudahan dan prasarana pembelajaran. Namun, kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan tidak menghalang mereka untuk meluangkan masa dan terlibat dalam pendidikan anak-anak. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa, ibu bapa sama ada di bandar mahupun di luar bandar semakin peka akan keperluan pendidikan untuk anak-anak dan kepekaan terhadap peranan mereka untuk melibatkan diri sama ada di rumah mahupun di sekolah.

Komitmen ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak tanpa mengira lokasi tempat tinggal dapat dikaitkan dengan Model Keteguhan Keluarga(DeFrain & Asay, 1999). Melalui model ini, ibu bapa semakin bertanggungjawab atas perihal yang berkaitan dengan kepentingan pendidikan anak-anak. Pengorbanan yang melibatkan masa dan tenaga telah mengukuhkan lagi peranan dan tuntutan dalam sesbuah keluarga. Lokasi tempat tinggal anak-anak seharusnya tidak menjadi penghalang kepada ibu bapa dalam memainkan peranan mereka lebih-lebih lagi yang melibatkan anak-anak di tahap menengah. Lokasi tempat tinggal sepatutnya tidak dijadikan alasan oleh ibu bapa untuk memainkan peranan mereka dalam pendidikan anak-anak di tahap menengah.. Ini jelas diuraikan dalam Model Proses Penglibatan Ibu bapa oleh Hoover-Dempsey & Sandler(1995). Pembentukan peranan keibubapaan akan menjadi penentu kepada penglibatan ibu bapa. Pembentukan peranan keibubapaan tertakluk kepada ibu bapa itu sendiri sama ada mereka tinggal di bandar ataupun di luar bandar. Sekiranya ibu bapa mempunyai peranan keibubapaan yang tinggi, lokasi tempat tinggal bukannya penghalang untuk mereka melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak. Justeru, tanggapan bahawa ibu bapa di bandar lebih melibatkan diri perlu disangkal. Ini berikutan penglibatan ibu bapa tidak

signifikan dengan lokasi tempat tinggal. Ianya bergantung kepada sejauh mana ibu bapa berperanan dan sedar akan kepentingan pendidikan lebih-lebih lagi anak-anak di tahap menengah.

Keperluan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak juga ditekankan dalam Model Proses Penglibatan Ibu bapa. Sekiranya ibu bapa yang tinggal di bandar memandang remeh akan penglibatan, maka lokasi tempat tinggal bukanlah penentu kepada kesedaran ibu bapa terhadap keperluan penglibatan itu. Begitu juga sebaliknya. Ibu bapa itu sendiri perlu menentukan hala tuju dan tujuan mengapa perlunya penglibatan mereka dalam pendidikan anak-anak terutama di tahap menengah.

Peranan ibu dalam membentuk anak-anak memang tidak dapat dinafikan lagi. Kesempurnaan sesebuah keluarga juga diperhatikan bergantung kepada tahap pendidikan ibu. Ibu yang mempunyai tahap pendidikan yang baik didapati menunjukkan komitmen yang lebih baik terhadap pendidikan anak-anak(Gill & Reynolds, 1999; Singh et al., 1995; Stevenson & Baker, 1987; Keith et al., 1996; shumow & Miller, 2001). Dapatkan kajian ini jelas menyokong dapatan kajian lalu yang menyatakan bahawa ibu yang mempunyai pendidikan lebih tinggi mempunyai perbezaan komitmen mereka terhadap pendidikan anak-anak. Peranan pendidikan yang diperoleh oleh ibu menunjukkan bahawa mereka lebih peka dan terdorong untuk terlibat secara aktif dalam pendidikan anak-anak terutama di rumah. Anak-anak juga diperhatikan lebih akrab dengan ibu berbanding bapa. Justeru, ibu yang berpendidikan tinggi dapat menyalurkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam membantu anak-anak dalam pelajaran. Ibu yang berpendidikan tinggi juga didapati lebih peka terhadap masalah pembelajaran anak-anak berbanding ibu yang kurang berpendidikan. Mereka mampu menentukan hala tuju dan kecenderungan anak-anak dalam pelajaran dan sekali gus mencerahkan masa depan anak-anak terutama dalam memilih bidang pelajaran yang digemari.

Anak-anak di tahap menengah perlukan ibu yang berpendidikan dalam membimbing mereka dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam pelajaran. Ibu yang kurang berpendidikan didapati sukar memberikan kerjasama dan terlibat dalam pendidikan anak-anak. Mereka tidak tahu keperluan dan kepentingan mereka terlibat sama atas kerana tidak terdedah kepada pengetahuan dan kemahiran untuk membantu anak-anak dalam pelajaran. Tahap kedua dalam Model Proses Penglibatan Ibu bapa(Hoover-Dempsey & Sandler, 1999) menekankan perihal pengetahuan dan kemahiran yang perlu ada pada ibu bapa bagi melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak. Ibu yang berpendidikan tinggi bukan sahaja mampu menyediakan prasarana pembelajaran kepada anak-anak, malahan berkeupayaan menjadi rujukan anak-anak terutama dalam meningkatkan motivasi diri. Ibu juga merupakan individu pertama yang dikenali oleh anak-anak sebagaimana dalam Teori Ekologi Manusia yang diketengahkan oleh Bronfenbrenner(1992). Ibu menjadi guru pertama sejak anak-anak dilahirkan dan ibu yang berpendidikan dapat membantu perkembangan anak-anak ke arah yang lebih sihat.

Namun, dapatan kajian ini menunjukkan tahap pendidikan ibu tidak berhubung kait dengan penglibatan ibu di sekolah. Ibu lebih cenderung melibatkan diri di rumah berbanding di sekolah. Tahap pendidikan ibu langsung tidak menunjukkan perkaitan dengan keterlibatan mereka dalam pendidikan anak-anak di sekolah. Ini jelas menunjukkan tahap pendidikan ibu yang rendah mahupun yang tinggi tidak mempengaruhi penglibatan ibu dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah. Ibu lebih peka terhadap pendidikan anak-anak di rumah. Kurangnya keterlibatan ibu di sekolah disebabkan oleh pelbagai kekangan seperti masa, kerjaya, penjagaan anak-anak yang lebih kecil(Blake, 1989; Patrinos & Psacharopoulos, 1995; Teachman et al., 1996). Keperluan penglibatan di sekolah sering kali diserahkan kepada bapa. Justeru, ibu lebih memberi tumpuan penglibatan di rumah. Selain itu, ibu yang mempunyai tahap pendidikan

yang rendah cenderung memberi kepercayaan dan menyerahkan tugas mendidik kepada guru-guru di sekolah dan peranan mendidik dan membimbing dilaksanakan oleh mereka ketika di rumah. Bagi ibu yang bekerja, mereka terhalang untuk memenuhi tuntutan dan terlibat dalam pendidikan anak-anak di sekolah. Sebaliknya kekangan itu akan ditangani dengan melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak di rumah. Secara tidak langsung, mereka dapat memenuhi sebahagian daripada keperluan penglibatan. Namun, tahap pendidikan ibu tetap memainkan peranan terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak dan tahap menengah merupakan tahap yang kritikal dan memerlukan komitmen yang tinggi daripada ibu bapa untuk terlibat sama dalam pendidikan anak-anak.

Tahap pendidikan bapa juga didapati berhubung secara signifikan dengan penglibatan bapa dalam pendidikan anak-anak di tahap menengah. Dapatan kajian ini menunjukkan perbezaan tahap pendidikan memberi pengaruh terhadap penglibatan bapa dalam pendidikan anak-anak. Sebagai ketua keluarga, bapa perlu mempunyai tahap pendidikan yang baik. Ini berikutan, anak-anak di bawah tanggungjawab bapa dan keperluan bapa mencorakkan masa depan anak-anak. Tahap pendidikan bapa yang lebih tinggi membantu bapa membentuk keluarga yang lebih berpendidikan. Bapa seharusnya memiliki pengetahuan dan kemahiran agar dapat menjadi contoh kepada anak-anak dan dalam masa yang sama dapat membantu anak-anak dalam pelajaran.

Bronfenbrenner(1999) dalam Teori Ekologi Manusia menegaskan bahawa keluarga merupakan persekitaran pertama yang dimiliki oleh anak-anak. Hubungan *bi-directional* akan memberi kesan ke atas perkembangan diri anak-anak sama ada dari segi fizikal, personaliti mahupun kebolehan. Bapa yang mempunyai pendidikan yang lebih baik didapati mampu membentuk anak-anak yang berjaya(Chevalier & Lanot, 2002; Parcel & Dufur, 2001; Schiller,Khmelkov, & Wang, 2002; Willms & Somers, 2001). Mereka juga suka melibatkan diri dalam aktiviti berbentuk akademik. Aspek persekitaran yang

diwujudkan oleh bapa yang berpendidikan tinggi didapati lebih bercorak pengetahuan dan ilmiah. Oleh yang demikian, hubungan terus antara bapa yang berpendidikan dengan persekitaran keluarga didapati mampu membantu anak-anak untuk lebih berjaya dalam pelajaran. Bapa yang berpendidikan juga didapati melihat penglibatan sebagai satu yang positif dan keperluan penglibatan dianggap sebagai satu tuntutan tanggungjawab.

Bapa yang kurang berpendidikan didapati kurang berminat terhadap penglibatan dalam pendidikan anak-anak(Keith et al., 1996; Shumow & Miller, 2001; Stevenson & Baker, 1987; Singh et al.,1995). Pelbagai faktor penghalang dapat dilihat seperti masa bekerja yang tidak fleksibel, bekerja di luar stesen, bebanan tugas dan sebagainya. Sebagai ketua keluarga, fokus bapa adalah menjana kewangan dan menyara keluarga. Justeru, tugas menjaga dan mendidik anak-anak biasanya dilepaskan kepada ibu. Persoalannya, sekiranya ibu juga tidak mempunyai tahap pendidikan yang baik, maka tidak hairanlah jika penglibatan dalam pendidikan anak-anak berkurangan. Bapa yang kurang berpendidikan juga rata-rata mempunyai kerjaya yang kurang terjamin. Oleh yang demikian, mereka kurang pengetahuan dan kemahiran untuk membantu anak-anak dalam pelajaran. Anak-anak juga faham akan kekurangan yang wujud pada bapa mereka. Justeru, mereka kurang berkongsi maklumat dengan bapa terutama yang memerlukan bapa membimbang mereka dalam pelajaran.

Model Proses Penglibatan Ibu bapa(Hoover-Dempsey & Sandler, 1995) menjelaskan bahawa proses penglibatan ibu bapa seharusnya berterusan. Tahap pendidikan bapa adalah satu keperluan untuk terlibat sama dalam pendidikan anak-anak lebih-lebih lagi di tahap menengah. Namun, pembentukan peranan keibubapaan yang disarankan oleh model lebih diutamakan. Walaupun ibu bapa kurang berpendidikan, namun peranan keibubapaan yang positif masih mampu menjadikan anak-anak berjaya dalam pelajaran. Bapa yang mempunyai kesedaran akan kepentingan pendidikan untuk anak-anak akan berusaha menyediakan prasarana pembelajaran untuk anak-anak dan

cuba melibatkan diri dan membantu anak-anak dalam memberikan dorongan dan motivasi. Penglibatan bapa yang sebegini lebih disenangi oleh kerana anak-anak berasa tidak terkongkong dan terlalu dikawal. Bapa hanya terlibat dalam pendidikan anak-anak apabila diperlukan dan penglibatan ibu seiring dan saling melengkapi dengan penglibatan bapa. Lantas, bapa atau ibu yang terlibat dalam pendidikan anak-anak tidak menjadi soal sebaliknya sejauh mana bapa atau ibu peka terhadap pendidikan anak-anak terutama ketika anak-anak berada di sekolah menengah.

Kajian ini juga mendapati tahap pendidikan bapa tiada hubung kait dengan penglibatan di sekolah. Bapa beranggapan ibu lebih berperanan untuk mengambil alih tugas melibatkan diri dengan pendidikan anak-anak di sekolah. Sikap bapa yang lebih tegas menyebabkan anak-anak juga lebih gemar berkomunikasi dengan ibu. Justeru, tidak hairanlah sekiranya bapa kurang berurusan dengan pihak sekolah. Malah, bapa yang kurang berpendidikan sukar berkomunikasi dengan pihak sekolah terutama yang berkaitan dengan pelajaran anak-anak. Lantas, mereka berasa keperluan melibatkan diri adalah sukar kerana kurangnya kemahiran dan pengetahuan berkaitan pelajaran anak-anak. Kehadiran bapa ke sekolah dianggap tidak memberi apa-apa perubahan kepada pencapaian anak-anak.

Pekerjaan ibu dan bapa juga didapati signifikan dengan penglibatan ibu bapa di rumah sebaliknya tidak signifikan dengan penglibatan ibu bapa di sekolah. Dapatan ini menjelaskan bahawa ibu dan bapa yang berbeza pekerjaan mempunyai tahap penglibatan yang berbeza juga dalam pendidikan anak-anak terutama di sekolah menengah. Sepatutnya, ibu dan bapa yang tidak bekerja mempunyai lebih banyak masa untuk diluangkan bersama anak-anak ketika di rumah di samping dapat membimbing dan memantau pergerakan anak-anak. Namun, kajian ini mendapati ibu dan bapa yang tidak bekerja juga tidak berhubung kait dengan penglibatan ibu bapa di sekolah. Dapatan ini menjelaskan bahawa ibu dan bapa yang tidak bekerja lebih fokus terhadap pendidikan

anak-anak di rumah. Kekurangan penglibatan dengan aktiviti dan program sekolah disebabkan oleh pelbagai faktor. Berkemungkinan punca kurangnya penglibatan disebabkan oleh tahap pengetahuan dan kemahiran tentang keperluan ibu bapa terlibat sama dalam pendidikan anak-anak di sekolah.

Ibu dan bapa yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan atau swasta juga didapati lebih terlibat dengan pendidikan anak-anak ketika di rumah. Kekangan kerjaya didapati menjadi punca mengapa ibu dan bapa kurang melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak di sekolah. Masa senggang ibu dan bapa pada waktu malam atau selepas waktu pejabat digunakan sepenuhnya untuk memantau pelajaran anak-anak di rumah. Kesempatan membina hubungan intim dengan anak-anak juga terjalin apabila ibu dan bapa yang berkerjaya mengambil peluang mengisi masa lapang selepas waktu bekerja untuk memantau pelajaran anak-anak. Begitu juga dengan ibu bapa yang tidak bekerja. Mereka lebih terlibat dalam pendidikan anak-anak di rumah. Walau punyai masa lapang untuk hadir dan berurusan dengan pendidikan anak-anak di sekolah, ibu dan bapa masih lagi selesa melibatkan diri. Guru diberikan kuasa dan tanggungjawab sepenuhnya berkaitan pelajaran anak-anak di sekolah manakala ibu dan bapa hanya terlibat sekiranya dijemput hadir oleh pihak sekolah.

### **Peranan Konteks Keluarga Dengan Kecemerlangan Anak**

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak didapati penting dalam menjana kecemerlangan akademik. Penglibatan ibu bapa di sekolah rendah seharusnya diteruskan sehingga ke sekolah menengah bagi menjamin kecemerlangan yang berterusan(Green et al.,2007; Hoover-Dempsey et al.,2005). Anak-anak diberikan tumpuan dalam pendidikan oleh ibu bapa ketika di sekolah rendah memandangkan ketika itu anak-anak masih

bergantung harap sepenuhnya kepada ibu bapa(Grolnick, Kurowski, Dunlap & Hevey, 2000; Grolnick & Slowiaczek, 1994). Namun, pergantungan kepada ibu bapa tidak lagi berlaku pada tahap menengah memandangkan ibu bapa lebih banyak memberi kelonggaran untuk anak-anak berdikari(Matza, Kupersmidt, & Glenn, 2001; Steinberg et al.,1992). Anak-anak di sekolah menengah juga semakin kurang diberikan perhatian oleh ibu bapa memandangkan anak-anak yang lebih kecil perlu diutamakan.

Pencapaian akademik anak-anak juga sering dikaitkan dengan kesinambungan penglibatan ibu bapa di rumah dan di sekolah(Fehrman, Keith, & Reimers, 1987; Christenson et al., 1992; Shumow & Miller, 2001). Dapatkan lalu jelas menunjukkan kecemerlangan akademik murid berhubung secara signifikan dengan penglibatan ibu bapa. Penglibatan ibu bapa yang berterusan dari sekolah rendah hingga ke sekolah menengah didapati menunjukkan keputusan yang positif terhadap kecemerlangan akademik murid(Bogenschneider, 1997; Fehrman et al.,1987; Hill & Taylor, 2004). Namun, sejauh mana anak-anak yang berjaya adalah disebabkan oleh keterlibatan ibu bapa secara langsung mahupun tidak langsung dalam pendidikan anak-anak. Dapatkan lalu menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa sememangnya berhubung kait dengan pencapaian akademik anak-anak. Rata-rata kajian lalu menunjukkan perhubungan yang positif dan dapat itu tidak dapat disangkal juga dalam kajian ini. Meskipun begitu, dapat kajian ini sedikit berbeza kerana konteks keluarga didapati lebih berperanan ketika di sekolah menengah daripada penglibatan ibu bapa dalam menjana kecemerlangan anak-anak.

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah didapati berkorelasi secara signifikan dan positif. Namun, penglibatan ibu bapa sahaja tidak mencukupi bagi menjana kecemerlangan akademik anak-anak. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak juga penting. Namun, terdapat faktor lain yang lebih dominan terhadap kecemerlangan akademik anak-

anak. Konteks keluarga didapati mempunyai pengaruh besar dalam menjana kecemerlangan akademik anak-anak. Anak-anak tahap menengah lebih memerlukan ibu bapa menyediakan konteks keluarga yang kondusif daripada terlibat secara langsung dalam pendidikan mereka di sekolah. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa tanpa penglibatan ibu bapa, anak-anak masih lagi berkeupayaan untuk cemerlang dalam pelajaran. Kajian ini mendapati anak-anak yang cemerlang dalam bidang akademik tidak hanya disebabkan oleh penglibatan ibu bapa. Konteks keluarga didapati berperanan melebihi keperluan penglibatan ibu bapa. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak berada di sekolah menengah didapati bukan sebagai mediator kepada kecemerlangan anak-anak. Sekiranya ibu bapa tidak melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak, kecemerlangan akademik masih dapat dicapai seandainya nilai-nilai yang positif dipraktikkan dalam keluarga.

Komponen konteks keluarga didapati lebih berfungsi dalam memberi impak kepada anak-anak untuk berjaya terutama ketika di sekolah menengah. Ibu bapa seharusnya faham akan peranan mereka dalam membentuk kecemerlangan anak-anak. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan ketika anak-anak berada di sekolah menengah tidak sepatutnya dipandang remeh dan dalam masa yang sama perlu juga menyediakan persekitaran keluarga yang kondusif untuk kecemerlangan anak-anak. Gabungan penglibatan ibu bapa dan penyediaan konteks keluarga yang sihat lebih menjamin kecemerlangan anak-anak. Tidak hairanlah jika didapati ibu bapa yang kurang berpelajaran, mempunyai status ekonomi yang rendah dan kurang terlibat dalam pendidikan anak-anak di sekolah masih mempunyai anak-anak yang cemerlang. Ini berlaku disebabkan ibu bapa lebih mengutamakan konteks keluarga yang kondusif berbanding kekerapan melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak di sekolah. Justeru, kepekaan ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak tidak terhad kepada penglibatan sahaja. Malahan, ibu bapa yang bijak tidak perlu terlalu kerap melibatkan diri di sekolah

sebaliknya menyediakan konteks keluarga yang kondusif memadai untuk kecemerlangan anak-anak.

### Kesimpulan

Konteks keluarga memainkan peranan penting dalam menjana kecemerlangan anak-anak. Kajian ini menjelaskan lagi betapa konteks keluarga yang sihat dan positif banyak membantu anak-anak sama ada dari sudut psikologi maupun kognitif untuk berjaya dalam pelajaran. Dapatan kajian ini menunjukkan keterlibatan ibu bapa dalam pendidikan ketika anak-anak di sekolah menengah selari dengan kajian lalu apabila ibu bapa sering kali terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan pendidikan anak-anak di rumah. Oleh yang demikian, kekangan masa dan kerjaya bukan alasan yang munasabah untuk tidak melibatkan diri lebih-lebih lagi ketika anak-anak masih mempunyai ekspektasi dan harapan tinggi terhadap penglibatan ibu bapa walaupun berada di sekolah menengah. Dapatan ini juga menunjukkan penglibatan ibu bapa tidak harus dikaitkan dengan penglibatan mereka di sekolah. Dalam erti kata lain, penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di rumah dan di sekolah boleh berlaku secara seiring ataupun secara berasingan. Ibu bapa rata-rata tidak berkesempatan untuk meluangkan masa melibatkan diri secara aktif di sekolah tetapi mengambil pendekatan untuk melibatkan diri secara aktif di rumah. Pendekatan ini dirasakan lebih selesa bagi mereka memandangkan jadual kerja ibu bapa yang tidak fleksibel dan padat sepanjang hari. Keutamaan ibu bapa dalam menjana kewangan keluarga dan keinginan untuk melibatkan diri boleh menyebabkan ibu bapa berhadapan dengan dilema. Namun, ketidakupayaan ibu bapa untuk ke sekolah atas apa-apa sebab atau kekangan yang dihadapi tidak sama sekali menutup peluang ibu bapa untuk terlibat kerana mereka masih boleh memilih untuk terlibat berdasarkan kesempatan yang ada pada mereka iaitu di rumah. Bagi ibu bapa

yang i tidak mahu ketinggalan untuk melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak pastinya merasa penglibatan di rumah juga memberi kepuasan bukan sahaja kepada mereka malahan memenuhi ekspektasi dan harapan anak-anak. Tambahan, di sekolah, anak-anak adalah di bawah pengawasan guru-guru sepenuhnya. Justeru, bagi meneruskan kesinambungan pendidikan anak-anak maka itu ibu bapa lebih perlu memainkan peranan mereka di rumah.

Oleh itu, penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka perlu dilihat secara menyeluruh dan tidak terhad di sekolah sahaja. Penglibatan ibu bapa di rumah adalah pilihan yang wajar bagi ibu bapa yang berjaya.. Mungkin apa yang lebih perlu difikirkan ialah perkara-perkara penting dalam penghasilan pengurusan penglibatan ibu bapa di rumah. Sehubungan itu, penyediaan konteks keluarga yang kondusif dan positif sangat perlu. Untuk anak-anak berjaya dan cemerlang dalam pelajaran iklim dalam keluarga antara perkara yang menyokong psikologi anak-anak didapati memberi kesan yang lebih besar kepada anak-anak.

Kajian ini juga mendapati bahawa kecemerlangan anak-anak tidak hanya bergantung sepenuhnya kepada penglibatan ibu bapa dalam pendidikan. Rentetan itu, ibu bapa perlu mencari pendekatan yang sesuai untuk membentuk anak-anak yang cemerlang dalam bidang akademik. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa konteks keluarga lebih berperanan dalam menjana kecemerlangan akademik anak-anak. Penyediaan konteks keluarga yang kondusif dan positif didapati lebih dominan sumbangannya kepada kecemerlangan akademik anak-anak. Penglibatan ibu bapa masih tidak cukup jika ianya tidak diikuti dengan tindakan sewajarnya dalam membantu anak-anak untuk berjaya dalam pelajaran. Tanpa penglibatan ibu bapa, anak-anak masih boleh cemerlang dalam pelajaran. Anak-anak yang tinggal di asrama dan sekolah-sekolah terpilih masih mampu mendapat keputusan yang cemerlang walaupun ibu bapa kurang melibatkan diri dalam pendidikan mereka di sekolah. Ini berikutan anak-anak terlebih

dahulu disediakan dengan konteks keluarga yang kondusif dan positif dan ibu bapa sentiasa mengambil berat akan perkembangan mereka walaupun berjauhan dari keluarga. Malahan, anak-anak dalam keluarga yang mempunyai sosioekonomi rendah sekalipun masih boleh berjaya dalam pelajaran sekiranya konteks keluarga yang kondusif disediakan oleh ibu bapa kepada anak-anak.

Kajian ini mendapati bahawa kecemerlangan anak-anak tidak bergantung sepenuhnya kepada penglibatan ibu bapa dalam pendidikan. Dapatan kajian ini menunjukkan dengan jelas bahawa konteks keluarga yang kondusif dan positif lebih berperanan dan dominan dalam menjana kecemerlangan akademik anak-anak. Ini juga bermakna penglibatan ibu bapa dengan hanya menghadirkan diri dan terlibat dengan aktiviti yang disusun atur oleh pihak sekolah masih tidak cukup. Malahan tanpa penglibatan ibu bapa sebegini, anak-anak masih boleh cemerlang dalam pelajaran. Buktinya anak-anak yang tinggal di asrama dan sekolah-sekolah terpilih masih mampu mendapat keputusan yang cemerlang walaupun ibu bapa kurang melibatkan diri dalam pendidikan secara langsung kerana berjauhan dari sekolah. Namun, disebabkan anak-anak tersebut telah terlebih dahulu sebelum ke sekolah asrama telah disediakan dengan konteks keluarga yang kondusif dan positif dengan ibu bapa sentiasa mengambil berat akan perkembangan mereka maka itu mereka lebih bermotivasi. Oleh sebab itu jugalah, tidak menghairankan apabila ramai anak-anak dalam keluarga yang mempunyai sosioekonomi yang rendah sekalipun masih boleh berjaya dalam pelajaran sekiranya konteks keluarga mereka kondusif dengan penglibatan ibu bapa melalui tindakan-tindakan wajar yang mereka lakukan bersama anak-anak di rumah.

### Cadangan Kajian Lanjutan

Memandangkan kajian ini hanya berfokuskan kepada pandangan anak-anak berkaitan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan di tahap menengah, maka masih terdapat kelompongan yang boleh dijadikan kajian lanjutan. Beberapa cadangan kajian lanjutan dirasakan perlu bertujuan bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian sebelum ini. Berikut adalah beberapa cadangan kajian lanjutan.

1. Kajian ini dijalankan dengan mengambil kira populasi yang hanya tertumpu dalam negeri Selangor sahaja. Sampel kajian yang agak terhad daripada satu negeri sahaja dirasakan masih tidak memadai untuk digeneralisasikan dapatan ini bagi menggambarkan populasi murid di seluruh Malaysia. Justeru, adalah lebih bermakna sekiranya kajian lanjutan mengambil kira populasi yang lebih besar dengan menggunakan keseluruhan murid yang terdapat di Malaysia sebagai sampel kajian. Lantas, dapatan kajian tentu lebih menarik dan dapat menggambarkan keseluruhan pandangan berkaitan penglibatan ibu bapa dan peranan konteks keluarga dalam membentuk murid yang cemerlang. Dapatan kajian juga nanti dapat digeneralisasikan kepada umum bagi menggambarkan pandangan anak-anak berkaitan dengan konteks keluarga dan keperluan ibu bapa melibatkan diri terutama ketika anak-anak berada di tahap menengah.
2. Memandangkan perspektif anak-anak hanya dikaji berkaitan dengan konteks keluarga dan penglibatan ibu bapa di sekolah menengah, kajian lanjutan dirasakan perlu dilakukan terhadap pandangan anak-anak berkaitan dengan isu konteks keluarga dan resilien atau tidak mudah luntur. Ini berikutan penyediaan konteks keluarga yang sihat diperhatikan memberi kesan kepada tingkah laku anak-anak. Walaupun mereka berjauhan daripada keluarga tanpa penglibatan ibu bapa secara langsung dan berterusan untuk beberapa lama semasa di sekolah berasrama penuh, kebanyakan mereka masih dapat mengekalkan prestasi cemerlang dalam

akademik. Justeru, adalah lebih menarik sekiranya kajian berkaitan konteks keluarga dan resiliensi dikaji dan mungkin juga boleh dilihat dari perspektif anak-anak. Secara tidak langsung, kajian lanjutan itu nanti akan menentukan adakah benar konteks keluarga adalah sesuatu yang penting dalam sesebuah keluarga dalam membentuk murid yang cemerlang secara tekal dan dalam situasi di mana keluarga berjauhan daripada anak-anak. Konteks keluarga juga diperhatikan memberi kesan kepada penglibatan ibu bapa di rumah tetapi tidak di sekolah. Pandangan anak-anak tahap menengah ternyata berbeza dan kelompongan itu dirasakan perlu dijadikan satu kajian lanjutan memandangkan penglibatan ibu bapa hanya signifikan ketika di sekolah rendah tetapi tidak di sekolah menengah. Dapatkan kajian lalu menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa perlu bagi kecemerlangan anak-anak didapati hanya signifikan ketika anak-anak di sekolah rendah. Namun, penilaian anak-anak tahap menengah berbeza memandangkan mereka lebih mengharapkan ibu bapa terlibat hanya di rumah dan tidak di sekolah. Justeru, kajian lanjutan perlu dilakukan bagi mengkaji mengapa anak-anak tidak mahu ibu bapa terlibat dalam pendidikan mereka ketika di sekolah sebaliknya amat mengharapkan ibu bapa melibatkan diri di rumah.

